

**PULAU DOKDO MENERUSI PERSPEKTIF KOREA
SELATAN: CABARAN KEDAULATAN, PEMBANGUNAN
EKONOMI DAN PENYELESAIAN KONFLIK**

AZLIE BIN ISMAIL

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**PULAU DOKDO MENERUSI PERSPEKTIF KOREA
SELATAN: CABARAN KEDAULATAN,
PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PENYELESAIAN
KONFLIK**

AZLIE BIN ISMAIL

**TESISINI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI SYARAT-
SYARAT IJAZAH SARJANA SASTERA**

**JABATAN PENGAJIAN ASIA TIMUR
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **AZLIE BIN ISMAIL**

No. Matrik: **AGB130025**

Nama Ijazah: **SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN PENUH)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PULAU DOKDO MENERUSI PERSPEKTIF KOREA SELATAN: CABARAN KEDAULATAN, PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PENYELESAIAN KONFLIK

Bidang Penyelidikan: **PENGAJIAN ASIA TIMUR**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **23 Julai 2019**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: **23 Julai 2019**

Nama:

Jawatan:

**THE DOKDO ISLANDS THROUGH THE SOUTH KOREA PERSPECTIVE:
CHALLENGES OF THE SOVEREIGNTY, ECONOMIC DEVELOPMENT AND
CONFLICT SOLUTION**

ABSTRACT

This study analyzes the Dokdo conflict from a South Korean perspective. It relates to the sentiment of nationalism, national identity and the development of the South Korean nation state. The issue became a territorial dispute when Japan also claimed the island by calling it Takeshima. Conflict towards the ownership of Dokdo began after the end of the Second World War when the 1951 San Francisco Peace Treaty failed to clarify the actual status of the island. For South Korea, Dokdo is part of its territory even though it was annexed by Japan in 1905. Seoul insists that there is no territorial dispute with Tokyo. Thus, this study concentrates on how South Korea reinforces its control over Dokdo. The history of Japanese colonialism on the Korean Peninsula directly contributes to the enhancement of nationalism as well as the strengthening of the South Korean national identity. The sentiment of nationalism is often used in justifying South Korean rights and sovereignty over Dokdo. This is discussed through the *Geo-Body* theory proposed by Tongchai Winichakul, an academic from Thailand. The study found that nationalism and national identity have become the basis of holding on to Dokdo. This is because the island is part of the South Korean *Geo-Body*. The collective memory of the South Korean community is filled with memorabilia of Dokdo in their daily lives, which in turn strengthens the nation state. In strengthening its ownership, South Korea carries out various activities including developing economic activities and conserving the environment on Dokdo. In doing so, South Korea not only maintains its effective control of Dokdo but also strengthens its *Geo-body*. Finally, the researcher provides some suggestions to minimize the conflict since settlement has not yet been reached. The

involvement of various parties such as international organizations and the role of the United States is discussed in minimizing the tensions inherent between Seoul and Tokyo. By minimizing tensions, it is expected that South Korea will continue to strengthen its national identity and nation without any interferences.

Keywords: South Korea, Dokdo, *Geo-Body*, Nationalism, Japanese Colonialism, San Francisco Peace Treaty 1951

**PULAU DOKDO MENERUSI PERSPEKTIF KOREA SELATAN: CABARAN
KEDAULATAN, PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PENYELESAIAN**

KONFLIK

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis isu konflik Pulau Dokdo dari perspektif Korea Selatan. Isu ini berkait dengan sentimen nasionalisme, identiti nasional dan pembinaan negara bangsa Korea Selatan. Ia menjadi suatu pertikaian wilayah kerana Jepun juga menuntut pulau tersebut dengan menggelarkannya sebagai ‘Takeshima’. Konflik pemilikan Pulau Dokdo bermula setelah tamatnya perang dunia kedua apabila *San Francisco Peace Treaty* pada tahun 1951 tidak menjelaskan status sebenar pulau tersebut. Bagi Korea Selatan, Pulau Dokdo adalah sebahagian daripada wilayahnya walaupun ia telah diilhakan oleh Jepun pada tahun 1905. Seoul menegaskan bahawa tidak wujud sebarang isu pertikaian wilayah dengan Tokyo. Maka, kajian ini memberi perhatian kepada bagaimana Korea Selatan memperkuuhkan kawalannya ke atas Pulau Dokdo. Sejarah kolonialisme Jepun di Semenanjung Korea secara langsung menyumbang kepada peningkatan nasionalisme dan pengukuhan identiti nasional masyarakat Korea Selatan. Sentimen nasionalisme sering digunakan dalam menjustifikasikan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo. Ini dibincangkan melalui teori *Geo-Body* yang diutarakan oleh Tongchai Winichakul, seorang akademik daripada Thailand. Kajian mendapati sentimen nasionalisme dan identiti nasional menjadi asas kepada pegangan ke atas Pulau Dokdo. Ini adalah kerana pulau tersebut merupakan sebahagian daripada *Geo-Body* Korea Selatan. Ingatan kolektif masyarakat Korea Selatan dipenuhi dengan memorabilia Pulau Dokdo dalam kehidupan harian mereka yang membawa kepada pengukuhan negara bangsa. Di dalam memperkasakan pemilikannya, Korea Selatan melaksanakan pelbagai aktiviti termasuklah membangunkan kegiatan ekonomi dan melakukan pemuliharaan alam sekitar di Pulau Dokdo. Dengan berbuat demikian, Korea Selatan bukan sahaja

mengekalkan kawalan efektifnya ke atas Pulau Dokdo tetapi juga memperkuatkan *Geo-Body*-nya. Akhirnya pengkaji memberikan beberapa cadangan untuk meminimakan konflik memandangkan penyelesaian masih belum dicapai. Penglibatan pelbagai pihak seperti organisasi antarabangsa dan peranan Amerika Syarikat dibincangkan sebagai kaedah meminimakan ketegangan yang wujud di antara Seoul dan Tokyo. Dengan meminimakan ketegangan, diharapkan Korea Selatan akan terus dapat memperkuatkan identiti nasional dan negara bangsanya tanpa sebarang gangguan.

Kata Kunci: Korea Selatan, Pulau Dokdo, *Geo-Body*, Nasionalisme, Kependudukan Jepun, Perjanjian Damai San Francisco 1951.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Geetha A/P Govindasamy, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik.

Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal Jabatan Pengajian Asia Timur dan Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Stategik, Universiti Malaya yang sudi berkongsi maklumat sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih juga kepada staf Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya yang terlibat kerana telah memberi sokongan penuh dan memudahkan urusan saya semasa melaksanakan pengajian di fakulti ini. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (secara amnya) dan Universiti Malaya (secara khususnya) kerana memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ini.

Jutaan terima kasih kepada ibu bapa yang saya sayangi dan hormati, En. Ismail bin Matzin dan Pn. Stella Bruno yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada ahli keluarga (Addie, Nadzrie, Jaffrie dan Fadlie) yang tidak putus memberikan sokongan dan galakan.

Rakan-rakan sekolah; Oliver Lim, Adam Bohari, Danny Ng, Harryez Lusiwoi, Allahyarham Johan Razerry, Ashley Leslie dan geng PBSM La Salle yang sentiasa memberikan galakan positif dan dorongan semangat. Kepada Adriance Valentine, terima kasih kerana memberikan kerjasama di dalam proses pengutipan data sepanjang tempoh membuat kajian lapangan di Korea Selatan.

Kepada Waki, Shuk, Shahrul, Azu, Emi, Ieya, Hera, Ummey, Kerun, Burn, Acap, Syidah dan Kak Yat dan beberapa pihak lain yang menjadi saksi perjalanan proses penyiapan tesis ini. Segala dorongan dan nasihat daripada kalian akan disemat dan menjadi panduan hidup pada masa hadapan. Sokongan kalian juga dibalas dengan lafaz dan ribuan terima kasih.

Kepada Alwi Sepultura, Ismail Kazuki dan Sahrilnezam BAC terima kasih atas sokongan kalian.

Tidak dilupakan kepada para pelajar ijazah dasar yang menyertai Program Pertukaran Pelajar ke Sejong University sesi 2015/2016, bantuan kalian sangatlah dihargai. Atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

KANDUNGAN

Abstract	iii
Abstrak	v
Penghargaan	vii
Kandungan.....	ix
Senarai Gambar.....	xiii
Senarai Gambar Rajah.....	xiv
Senarai Peta.....	xv
Senarai Jadual.....	xvi
Senarai Singkatan/Akronim.....	xvii
Senarai Lampiran.....	xix

BAB 1: GAMBARAN KESELURUHAN KONFLIK PULAU DOKDO

1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG.....	4
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN.....	5
1.4 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN.....	7
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN.....	7
1.6 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN	9
1.7 PEMBAHAGIAN BAB.....	10

BAB 2: PULAU DOKDO DALAM *GEO-BODY* KOREA SELATAN

2.1 PENGENALAN.....	12
2.2 METODOLOGI KAJIAN.....	12
2.3 <i>GEO-BODY</i> SEBAGAI KERANGKA TEORI.....	16
2.3.1 Pemetaan dan isu pemilikan Pulau Dokdo.....	23
2.3.2 Campurtangan kuasa luar	28

2.3.3 Nasionalisme dan negara bangsa.....	31
2.4 KERANGKA ANALISIS.....	33
2.5 SOROTAN LITERATUR TERDAHULU.....	35
2.5.1 Sorotan literatur dari aspek sejarah.....	35
2.5.2 Sorotan literatur dari aspek ekonomi.....	47
2.5.3 Sorotan literatur penyelesaian dan langkah meminimakan konflik.....	54
2.5.4 Perbandingan literatur lepas.....	58
2.6 KESIMPULAN.....	61

BAB 3: ELEMEN NASIONALISME DALAM KONFLIK PULAU DOKDO

3.1 PENGENALAN.....	63
3.2 LATAR BELAKANG PULAU DOKDO.....	65
3.2.1 Status Pulau Dokdo sebelum era kolonialisasi Jepun.....	68
3.2.2 Kependudukan Pulau Dokdo tahun 1905.....	77
3.2.3 Pasca kolonialisasi Jepun.....	81
3.3 KONTROVERSI DALAM KONFLIK PULAU DOKDO.....	86
3.4 PETUNJUK NASIONALISME DALAM KONFLIK PULAU DOKDO.....	98
3.5 KESIMPULAN.....	110

BAB 4: KEPENTINGAN EKONOMI PULAU DOKDO

4.1 PENGENALAN.....	115
4.2 UNCLOS III DAN STATUS PULAU DOKDO.....	117
4.2.1 Analisis Artikel 121(1): <i>An islands is naturally formed area of land, surrounded by water, which is above water at high tide.</i>	120
4.2.1(a) Terbentuk secara semulajadi(<i>naturally formed</i>).....	120
4.2.1(b) Sebuah daratan (<i>an area of land</i>).....	121
4.2.1 (c) Dikelilingi air dan batu di atas air laut semasa air pasang	

	(Surrounded by water and above water at high tide).....	122
4.2.2	Analisis Artikel 121(3): <i>Rocks which cannot sustain human habitation or economic life of their own shall no exclusive economic zone or continental shelf</i>	122
4.2.2 (a)	Ketidakupayaan untuk menampung penempatan manusia (<i>Cannot sustain human habitation</i>).....	123
4.2.2 (b)	Kapasiti mempunyai aktiviti ekonomi (<i>Economic life of their own</i>).....	126
4.3	AKTIVITI EKONOMI PULAU DOKDO.....	130
4.3.1	Kegiatan perikanan.....	130
4.3.2	Kegiatan pelancongan	135
4.3.2 (a)	Tarikan pelancong Korea Selatan ke Pulau Dokdo.....	137
4.3.2 (b)	Jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo.....	140
4.3.3	Potensi sumber asli dasar laut.....	146
4.4	KESAN KONFLIK PULAU DOKDO KEPADA EKONOMI KOREA SELATAN.....	148
4.5	KESIMPULAN.....	153

BAB 5: CABARAN PENYELESAIAN DAN PENDEKATAN MEMINIMAKAN

KONFLIK PULAU DOKDO

5.1	PENGENALAN.....	156
5.2	MEMBAWA KONFLIK PULAU DOKDO KE INSTITUSI KEADILAN ANTARABANGSA	157
5.2.1	Kes Pulau Palmas (1932).....	159
5.2.2	Kes Minquiers dan Ecrehos (1953).....	164
5.3	JEPUN PERLU MENGGUGURKAN TUNTUTAN PULAU DOKDO.....	170

5.4	PENDEKATAN MEDIASI	174
5.4.1	Peranan Setiausaha Agung atau Majlis Keselamatan PBB.....	175
5.4.2	Peranan Amerika Syarikat.....	176
5.4.3	Penglibatan ASEAN.....	178
5.5	RANGKA KERJA PEMBANGUNAN BERSAMA.....	181
5.6	KESIMPULAN.....	187
 BAB 6: RUMUSAN KAJIAN		
6.1	PENGENALAN.....	189
6.2	PERSOALAN DAN DAPATAN KAJIAN.....	191
6.3	CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN.....	196
6.4	KESIMPULAN.....	197
 SENARAI RUJUKAN..... 199		
LAMPIRAN.....		234
PENERBITAN DAN KERTAS KERJA		316

SENARAI GAMBAR

Gambar 1.1: Pemandangan Pulau Dokdo.....	2
Gambar 3.1: Tugu Ahn Yong Bok di Suyeong Historical Park, Busan.....	71
Gambar 3.2: Manuskrip surat pengesahan pentadbiran Tottori berhubung status Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo tahun 1695.....	72
Gambar 3.3: Manuskrip perintah larangan rakyat Jepun ke Pulau Ulleungdo tahun 1696.....	73
Gambar 3.4: Manuskrip Laporan Joseon-koku kosai shimatsu naitansho (Report on the Confidential Inquiry into the Particulars of Korean Foreign relation)	75
Gambar 3.5: Manuskrip Perintah Diraja No.41.....	76
Gambar 3.6: Manuskrip Eulsa Treaty tahun 1905.....	79
Gambar 3.7: Manuskrip Japan-Korea Annexation Treaty tahun 1910.....	80
Gambar 3.8: Cetakan setem Pulau Dokdo. Tiga setem pertama (1954), setem kedua (2002, dan setem ketiga (2004)	90
Gambar 3.9: Pelbagai reaksi masyarakat Korea Selatan terhadap pengisytiharan Takeshima Day.....	92
Gambar 3.10: Pembakaran bendera Jepun di Pulau Dokdo.....	93
Gambar 3.11: Buku-buku teks Jepun yang menerangkan konflik pemilikan Pulau Dokdo antara Korea Selatan dengan Jepun.....	95
Gambar 3.12: Lawatan Presiden Lee Myung Bak ke Pulau Dokdo tahun 2012.....	97
Gambar 3.13: Penentangan rakyat Korea Selatan terhadap proses rundingan normalisasi hubungan Korea Selatan dan Jepun tahun 1964.....	101
Gambar 3.14: Paparan laman utama laman sesawang yang dikendalikan oleh Steven J. Barber.....	104
Gambar 3.15: Park Jong Woo mempamerkan slogan “Dokdo is our land” semasa Olimpik 2012 di London.....	106
Gambar 3.16: Klip video tarian <i>Flash mob</i> yang dilakukan di Seoul.....	107

Gambar 3.17: Tarian <i>Flash mob</i> yang dilakukan oleh warga Korea di Amerika di Carolina Utara, California.....	108
Gambar 3.18: Pemandangan Gunung Baekdu.....	110
Gambar 3.19: Kronologi sejarah Pulau Dokdo (512-1951)	111
Gambar 4.1: Pelbagai pulau batu sekitar Pulau Dokdo.....	138
Gambar 4.2: Kepelbagaian spesis burung di Pulau Dokdo.....	140
Gambar 4.3: Hidrat Metana.....	147

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah 2.1: <i>Geo-Body</i> Korea Selatan.....	34
Gambar rajah 4.1: Nilai Perikanan (won) di wilayah Pantai Timur Korea Selatan dari tahun 2013 sehingga tahun 2017)	132
Gambar rajah 5.1: Pendapat umum masyarakat Jepun terhadap hubungan Jepun dengan Korea Selatan untuk tahun 2018	173

SENARAI PETA

Peta 2.1: Lokasi Pulau Dokdo dalam <i>Paldo Chongdo (A Complete Map of Eight Provinces [of Korea])</i> tahun 1481.....	24
Peta 2.2: <i>Onshu Shicho Goki (Records on Observations on Oki)</i> tahun 1667.....	25
Peta 2.3: Lokasi Pulau Dokdo di dalam <i>Map of Three Adjoining Countries</i> tahun 1785	26
Peta 2.4: Lokasi Pulau Dokdo di dalam <i>Royaumee de Coree (Map of Joseon)</i> tahun 1753	27
Peta 2.5: <i>The East Coast of Chosun</i> tahun 1857.....	28
Peta 2.6: <i>Rhee Line</i> -Sempadan maritim di antara Korea Selatan dan Jepun di Laut Timur tahun 1952.....	30
Peta 2.7: Taburan spesis hidupan laut mengikut musim di Laut Timur (East Sea).....	50
Peta 3.1: Lokasi Pulau Dokdo di Laut Timur.....	63
Peta 3.2: Jarak Pulau Dokdo dari Pulau Oki.....	64
Peta 3.3: Jarak Pulau Dokdo antara Semenanjung Korea dengan Jepun.....	64
Peta 3.4: Lokasi Pulau Seodo dan Pulau Dongdo.....	66
Peta 3.5: <i>Rhee Line</i> (1952-1965).....	84
Peta 4.1: Pelabuhan-pelabuhan utama di Pulau Ulleungdo.....	135
Peta 5.1: Lokasi Pulau Palmas/Miangas.....	159
Peta 5.2: Lokasi Pulau Minquiers dan Pulau Echrehos.....	164

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1: Senarai monumen semulajadi di wilayah Ulleung-gun.....	136
Jadual 4.2: Jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo dari tahun 1997 sehingga tahun 2004.....	141
Jadual 4.3: Senarai kawasan dan kapal ke Pulau Ulleungdo (sehingga Februari 2018).....	142
Jadual 4.4: Senarai kapal penumpang yang beroperasi (sehingga Februari 2018).....	143
Jadual 4.5: Laporan kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo dari tahun 2005 sehingga Jun 2018.....	144
Jadual 4.6: Jumlah kedatangan pelancong asing ke Korea Selatan (tahun 2016 hingga 2017).....	149

SENARAI SINGKATAN/AKRONIM

ADMM-PLUS	: Asean Defence Ministers' Meeting-Plus
ADR	: Alternative Dispute Resolution
APT	: ASEAN Plus Three
ARF	: ASEAN Regional Forum
ASEAN	: Association of South East Asian Nations
BBC	: British Broadcasting Corporation
CBM	: Confidence-Building Measures
CNN	: Cable News Network
COC	: Code of Conduct
CSIS	: Center for Strategic and International Studies
DMZ	: Demilitarized Zone
EAI	: East Asia Institute
FAO	: Food and Agriculture Organization
ICJ	: International Court of Justice
ILC	: International Law Commission
INGO	: International Non-Governmental Organization
IUCN	: International Union for Conservation of Nature
JFC	: Joint Fisheries Committee
KATA	: Korea Association of Travel Agents
KCIA	: Korean Central Intelligence Agency
KCTI	: Korea Culture & Tourism Institute
KHOA	: Korea Hydrographic and Oceanographic Agency
KORDI	: Korea Ocean Research and Development Institute
KOSIS	: Korean Statistical Information Service
KTO	: Korea Tourism Organization
MERS-COV	: Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus
MOFA	: Ministry of Foreign Affairs
MRS	: Maritime Scientific Research
MTJDA	: Malaysia-Thailand Joint Authority
NAHF	: Northeast Asian History Foundation
NFRDI	: National Fisheries Research and Development Institute
NGII	: National Geographic Information Institute
OPEC	: Organization of the Petroleum Exporting Countries
PBB	: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

PCA	: Permanent Court of Arbitration
SCAP	: Supreme Commander for the Allied Powers
SCAPIN	: Supreme Commander for the Allied Powers Instruction
TAC	: Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia
TBPA	: Transboundary Protected Area
UNCLOS	: United Nations Convention on the Law of the Sea
UPU	: Universal Postal Union
USAMGIK	: United States Army Military Government in Korea
USD	: United States Dollar
VANK	: Voluntary Agency Network of Korea
ZEE	: Zon Ekonomi Eksklusif

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Cairo Communique tahun 1943
- Lampiran 2 : Potsdam Declaration tahun 1945
- Lampiran 3 : Treaty on Basic Relations between Japan and South Korea tahun 1965
- Lampiran 4 : San Francisco Peace Treaty tahun 1951
- Lampiran 5 : Eulsa Treaty tahun 1905
- Lampiran 6 : Draf San Francisco Peace Treaty
- Lampiran 7 : Agreement on Fisheries between the Republic of Korea and Japan tahun 1998
- Lampiran 8 : SCAPin No. 677 tahun 1949
- Lampiran 9 : SCAPin No. 1033 tahun 1949
- Lampiran 10 : Japan-Korea Annexation Treaty tahun 1910
- Lampiran 11 : Rusk document tahun 1951
- Lampiran 12 : Agreement on the Settlement of Problems Concerning Property and Claims and on Economic Co-Operation tahun 1951
- Lampiran 13 : Artikel UNCLOS 121 (1) dan (3) tahun 1982
- Lampiran 14 : Agreement between Japan and the Republic of Korea Concerning Fisheries tahun 1965

University Of Malaya

BAB 1

GAMBARAN KESELURUHAN KONFLIK PULAU DOKDO

1.1 PENGENALAN

Tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 menyaksikan hubungan di antara Korea Selatan dan Jepun tergendala apabila Tokyo diarahkan oleh pihak Berikat untuk membebaskan tanah jajahannya di rantau Asia Pasifik termasuklah Semenanjung Korea. Perkara ini disarankan dalam *Cairo Communique* tahun 1943 dan *Potsdam Declaration* pada tahun 1945 (Rujuk Lampiran 1 dan 2). Korea Selatan dan Jepun secara rasminya menandatangani satu perjanjian yang dikenali sebagai *Treaty on Basic Relations between Japan and South Korea* pada tahun 1965 (Oda, 1967: 35-56; Rujuk Lampiran 3). Hubungan diplomatik rasmi dipulihkan semasa pentadbiran Presiden Park Chung Hee (1963-1979) dan Perdana Menteri Jepun, Eisaku Sato (1964-1972). Menurut Artikel 3 di dalam perjanjian tersebut, kerajaan Jepun secara rasminya mengiktiraf Korea Selatan sebagai sebuah kerajaan yang sah di Semenanjung Korea. Walaupun hubungan bilateral kelihatan stabil, namun hubungan politik terjejas kesan daripada pengalaman pahit Korea Selatan sebagai bekas koloni Jepun selama 35 tahun (1910-1945). Ketegangan tersebut wujud akibat sikap Jepun yang gagal memahami sensitiviti masyarakat Korea Selatan dalam isu-isu seperti pertikaian wilayah, *comfort women* iaitu golongan wanita dan remaja perempuan yang dipaksa melakukan aktiviti seksual dengan tentera Jepun sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua, perbezaan interpretasi buku teks sejarah dan sebagainya susulan daripada pengalaman negara itu semasa era kolonialisasi.

Antara masalah terbesar yang masih belum diselesaikan adalah konflik pemilikan Pulau Dokdo. Pulau Dokdo dikenali sebagai Pulau Takeshima oleh Jepun manakala Amerika Syarikat dan masyarakat antarabangsa pula mengenali pulau tersebut sebagai

Liancourt Rocks. Justeru itu, kajian ini memberi tumpuan kepada soal hak dan kedaulatan Pulau Dokdo menerusi perspektif Korea Selatan (Rujuk Gambar 1.1).

Gambar 1.1: Pemandangan Pulau Dokdo



Sumber: Diakses pada 16 Jun 2015 daripada

http://dokdo.mofa.go.kr/eng/pds/gallery_list02.jsp?pagenumber=1&sn=&st=&sn02=&s02=&sn03=&sc=&sdate=&edate=&orderby=&sort=&status=&at=view&idx=3350&category=us&st03=D

Situasi ini disebabkan Pulau Dokdo bukan sahaja melambangkan kedaulatan tetapi juga identiti negara dan unsur nasionalisme masyarakat Korea Selatan. Dalam mengkaji soal tuntutan Pulau Dokdo, kaedah meminimakan ketegangan yang wujud antara Seoul dan Tokyo juga diberikan perhatian sementara suatu penyelesaian dapat dicapai.

Pulau Dokdo dianggap sebagai simbol nasionalisme negara kerana pulau tersebut merupakan wilayah pertama yang jatuh ke tangan Jepun semasa awal era kolonialisasi (Nakajima, 2007: 1). Sentimen ini jelas disuarakan oleh bekas Timbalan Menteri Pertama Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan, Yu Myung Hwan (2006-2008). Menurut akhbar *Yomiuri Shimbun* pada tahun 2006, beliau menyatakan,

The incorporation of Dokdo was an early Japanese signal of the colonization of Korea (Nakajima, 2007: 1)

Pada tahun 2006 juga, *Yomiuri Shimbun* sekali lagi melaporkan bahawa bekas Presiden Korea Selatan, Roh Moo Hyun (2003-2008) turut berpendapat bahawa isu pertikaian Pulau Dokdo berkait langsung dengan soal kedaulatan yang mana,

Dokdo is not just a question of possession. It is an issue of complete settlement of Japan's misguided history and the symbol of complete Korean sovereignty (Nakajima, 2007: 1)

Bab ini menerangkan hubungan di antara Korea Selatan dan Jepun secara umum berhubung dengan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo. Permasalahan kajian, objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian serta skop dan limitasi kajian juga dibincangkan. Pada masa yang sama,uraian tentang pembahagian bab dalam tesis akan diperjelaskan.

1.2 LATAR BELAKANG

Isu hak dan kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima mula timbul setelah Jepun membebaskan Semenanjung Korea yang dijajah selama 35 tahun. Kemudiannya, Presiden Amerika Syarikat pada ketika itu, Franklin D. Roosevelt (1933-1945), mencadangkan agar Semenanjung Korea diletakkan di bawah pengawasan Majlis Amanah yang diselia oleh Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet, Britain dan China (Buzo, 2002: 59). Walau bagaimanapun, setelah kematian Roosevelt pada tahun April 1945, wujud ketegangan politik antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet (1922-1991) apabila Presiden Harry S. Truman (1945-1953) mengambil alih tumpuk pentadbiran Amerika Syarikat. Pada Disember 1945, Semenanjung Korea dibahagikan kepada dua bahagian utama di garis lintang 38° yang mana pentadbiran di utara diberikan kepada Kesatuan Soviet manakala bahagian selatan pula ditadbir oleh Amerika Syarikat (*NJ.gov*, n.d.). Kesannya, situasi ini secara tidak langsung turut mempengaruhi dasar luar Washington terhadap Semenanjung Korea (*NJ.gov*, n.d.).

Tokyo pula bersetuju untuk menandatangani satu perjanjian dengan pihak Berikat yang dikenali sebagai *San Francisco Peace Treaty* pada 8 September 1951 (Rujuk Lampiran 4). Menurut Artikel 2 dalam perjanjian tersebut, Jepun mengiktiraf kemerdekaan Semenanjung Korea dan bersetuju untuk mengembalikan semula mananya wilayah yang dirampas sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, perjanjian tersebut yang berkuatkuasa pada tahun 1952 tidak mengambil kira atau menentukan secara rasmi tentang status Pulau Dokdo. Ketidakpastian status Pulau Dokdo dalam perjanjian tersebut tidak diterima oleh Presiden Korea Selatan yang pertama iaitu Syngman Rhee (1948-1960). Akibatnya, Seoul dan Tokyo mula mempertikaikan hak milik pulau tersebut sehingga sekarang. Keadaan ini secara tidak langsung menyaksikan ketegangan politik yang berterusan antara kedua-dua negara.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Korea Selatan menyedari bahawa tuntutan Jepun ke atas Pulau Dokdo menggugat integriti, identiti dan kedaulatannya. Konflik Pulau Dokdo pada masa kini menjadi simbol mempertahankan integriti wilayah dan kedaulatan serta memperkuatkan legitimasi kewujudan Korea Selatan. Isu ini membawa impak negatif dalam hubungan bilateral antara Korea Selatan dan Jepun (Flocruz, 2015). Hal ini kerana Jepun adalah rakan dagangan kelima terbesar Korea Selatan dengan nilai dagangan sebanyak \$26.8 juta pada tahun 2017 (Workman, 2018). Maka konflik Pulau Dokdo/Takeshima berpotensi menjelaskan kerjasama ekonomi antara Korea Selatan dan Jepun.

Reaksi daripada Korea Selatan dan Jepun terhadap isu ini menambahkan lagi ketegangan antara Seoul dan Tokyo. Keadaan ini terbukti apabila bekas Presiden Korea Selatan, Lee Myung Bak (2008-2013) melawat Pulau Dokdo pada tahun 2012 (Oi, 2012). Beliau merupakan presiden pertama yang berbuat demikian. Sebelum itu, lawatan ke Pulau Dokdo pernah dibuat oleh Perdana Menteri Korea Selatan iaitu Han Seung Soo (2008-2009) pada tahun 2008 (*Hankyoreh*, 2008). Kedua-dua lawatan tersebut mencetuskan pergeseran diplomatik dengan Tokyo. Koichiro Gemba (2011-2012), Menteri Luar Jepun pada masa itu menyifatkan lawatan Lee ke Pulau Dokdo sebagai "tidak dapat diterima". Akibat daripada tindakan Seoul, Tokyo membuat keputusan untuk memanggil balik dutanya di Seoul (Strother, 2012). Chung In Moon, seorang ahli akademik yang terkenal dari Yonsei University menyokong lawatan Lee sebagai menunjukkan perubahan dalam dasar luar Korea Selatan. Beliau berpendapat,

President Lee's visit is a departure from his old way of dealing with Dokdo,"... "In the past, the South Korean government pursued quiet diplomacy. But apparently, President Lee Myung Bak came to realize this is not working (Strother, 2012).

Kesan daripada lawatan tersebut, Jepun mencadangkan agar konflik berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Takeshima ini dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa/*International Court of Justice* (ICJ) (Ito, 2012). Namun, Korea Selatan berpendapat cadangan Jepun untuk membawa isu berkenaan ke ICJ bertentangan dengan pendirian yang diambil oleh negara tersebut. Kerajaan Korea Selatan sentiasa bersikap tegas dengan pendiriannya bahawa tidak wujud sebarang isu pertikaian berhubung dengan status Pulau Dokdo (MOFA, Republic of Korea, n.d). Jurucakap Kementerian Luar Negeri Korea Selatan pada masa itu, Cho Tai Yung (2012-2014) menyatakan bahawa,

Dokdo is clearly part of Korean territory historically, geographically and under international law, and no territorial dispute exists... The Japanese government's proposal to take the Dokdo issue before the ICJ is not worth the attention (Miller, 2012).

Tambahan pula, jikalau Korea Selatan bersetuju dengan cadangan Jepun, keadaan ini akan memberikan gambaran bahawa Seoul sememangnya mengakui kewujudan pertikaian wilayah dengan Tokyo. Pada masa yang sama, tindakan tersebut juga secara tidak langsung mengiktiraf tuntutan Jepun (Shin, 2012). Selain itu, Korea Selatan juga berasa risau sekiranya keputusan ICJ tidak akan memihak kepadanya.

Disebabkan ketegangan yang wujud dalam hubungan bilateral Seoul dan Tokyo, masalah pertikaian wilayah ini perlu diselesaikan ataupun diminimakan supaya hubungan kedua-dua negara dapat diselamatkan. Lebih penting lagi, Korea Selatan perlu mengukuhkan integriti wilayahnya daripada ancaman tuntutan Jepun. Maka, penyelesaian ini amat penting kerana kedua-dua negara ini mempunyai peranan besar dalam menjaga kestabilan rantau Asia Timur yang dibayangi oleh pelbagai masalah, terutamanya kebangkitan China dan program nuklear Korea Utara. Tambahan pula, jika sesuatu penyelesaian dapat dipersetujui oleh Seoul dan Tokyo, pengurusan sumber ekonomi

Pulau Dokdo dan persekitarannya boleh dilakukan dalam bentuk rangka kerja pembangunan bersama tanpa sebarang gangguan.

1.4 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Objektif pertama yang ingin dicapai adalah untuk mengkaji sudut pandang Korea Selatan tentang isu Pulau Dokdo dalam konteks kedaulatan, identiti dan nasionalisme. Objektif kedua adalah untuk mengkaji sejauh manakah pembangunan ekonomi memainkan peranan dalam isu pertikaian Pulau Dokdo. Akhir sekali, kajian ini menumpukan perhatian kepada kaedah penyelesaian dan langkah yang boleh diambil oleh Korea Selatan untuk meminimakan konflik Pulau Dokdo.

Tiga objektif di atas dikaji melalui tiga persoalan berikut:-

1. Bagaimanakah kependudukan Jepun di Semenanjung Korea menyumbang kepada persoalan kedaulatan, identiti dan nasionalisme?
2. Bagaimanakah pembangunan ekonomi dapat membantu dalam memperkuuhkan pemilikan Pulau Dokdo oleh Korea Selatan?
3. Apakah kaedah untuk meminimakan konflik di antara Korea Selatan dan Jepun dalam keadaan di mana penyelesaian konflik masih belum dicapai?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Di rantau Asia Timur, masalah pertikaian wilayah wujud disebabkan status batas sempadan negara yang mendapat kemerdekaan sering tidak diketahui atau tidak jelas. Justeru itu, tujuan kajian pertikaian wilayah Pulau Dokdo/Takeshima adalah untuk memberi pencerahan terperinci terhadap soal kedaulatan, pembangunan ekonomi dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan ketegangan antara Seoul dan Tokyo supaya keamanan jangka panjang di rantau Asia Timur dapat dipastikan.

Walaupun Korea Selatan menormalisasikan hubungan bilateral dengan Jepun pada tahun 1965, Seoul masih tegas dengan pendiriannya bahawa pulau Dokdo adalah miliknya. Justeru itu, cadangan Tokyo untuk membawa kes berhubung pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima ke institusi keadilan antarabangsa ditolak sama sekali oleh Seoul. Pandangan Presiden Korea Selatan, Lee Myung Bak (2008-2013), membuktikan sentimen ini yang mana beliau berhujah,

...even if there and upheaval of heaven and earth, that won't change the fact that Dokdo is our land (Ser, 2011).

Selain daripada pemimpin negara, perasaan emosi sesebuah masyarakat boleh menjadi penghalang dalam mencapai sebarang persetujuan bagi menyelesaikan isu tuntutan wilayah (Vasquez & Valerino, 2009: 203). Dalam hal ini, masyarakat Korea Selatan melihat Pulau Dokdo sebagai lambang pengalaman sejarah kolonialisasi yang pahit. Maka, konflik kedaulatan Pulau Dokdo menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Korea Selatan. Maka, pendapat umum masyarakat Korea Selatan ialah, Jepun sebagai kuasa kolonial lama harus mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo sebagai milik Korea Selatan.

Maka konflik Pulau Dokdo adalah penting untuk dikaji berikutan masalah sebegini boleh menjelaskan hubungan bilateral antara Korea Selatan dan Jepun. Sekiranya keadaan ini berlarutan, konflik ini mampu membawa kepada ketidakstabilan rantau Asia Timur serta akan menjelaskan kedinamikan rantau tersebut. Selain itu, Seoul dan Tokyo banyak berkongsi persamaan dalam aspek sejarah, budaya, sains dan teknologi. Kebergantungan bersama dalam bidang ekonomi amat penting kepada kedua-dua negara. Maka, tuntutan berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo/Takeshima ini haruslah diselesaikan

agar tidak memberikan implikasi negatif kepada ekonomi dan keselamatan rantau Asia Timur.

1.6 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Kajian memfokuskan kepada isu hak dan kedaulatan Pulau Dokdo dari perspektif Korea Selatan sahaja. Dalam kajian ini, unsur-unsur nasionalisme serta identiti nasional banyak diberikan tumpuan. Perspektif tuntutan Jepun hanya dibincangkan sebagai latar belakang kepada pendirian Korea Selatan dalam isu pemilikan Pulau Dokdo. Isu pemilikan Pulau Dokdo dikaji melalui sejarah silam kolonialisme Jepun serta pembangunan, pemeliharaan dan pemuliharaan aset Pulau Dokdo oleh kerajaan Korea Selatan. Pada masa yang sama, kajian menumpukan perhatian kepada langkah-langkah yang boleh diambil oleh Korea Selatan dan Jepun di dalam meminimakan konflik Pulau Dokdo.

Walaupun kajian membincangkan perkembangan terkini isu dan hak kedaulatan Pulau Dokdo, namun, sejarah silam diambil kira disebabkan ia adalah latar belakang kepada tercetusnya konflik pemilikan wilayah di antara Korea Selatan dan Jepun. Pada masa yang sama, sejarah kolonialisme Jepun juga diberikan perhatian kerana ia berkait rapat dengan faktor nasionalisme dan pembinaan identiti nasional Korea Selatan terhadap pemilikan Pulau Dokdo. Skop kajian juga termasuklah potensi pembangunan Pulau Dokdo serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk meminimakan ketegangan yang wujud di antara Seoul dan Tokyo akibat daripada konflik Pulau Dokdo.

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama, pengkaji tidak fasih dalam bahasa Korea. Situasi ini mampu mengundang penganalisisan yang kurang tepat. Maka, dapatan sumber dalam bahasa Korea hanya digunakan sekiranya terdapat penterjemahan. Justeru

itu, pengkaji berupaya untuk menggunakan sumber utama yang diterbitkan oleh kerajaan Korea Selatan yang selalunya dipaparkan menerusi laman sesawang rasmi dalam Bahasa Inggeris. Kedua, oleh kerana isu berhubung dengan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo berterusan dan bersifat semasa, maka adalah sukar untuk memberikan suatu perspektif yang tetap. Hal ini adalah disebabkan pandangan terhadap konflik ini berubah mengikut sumber yang digunakan.

1.7 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian terbahagi kepada enam bab. Bab pertama menerangkan hubungan antara Korea Selatan dan Jepun dalam konflik Pulau Dokdo/Takeshima. Bab ini juga turut merangkumi aspek permasalahan, persoalan dan objektif kajian. Ulasan kajian-kajian terdahulu dilakukan untuk melihat sebarang kekurangan dalam kajian terdahulu. Bab kedua pula lebih menumpukan perhatian kepada kepentingan kajian, metodologi yang digunakan dan pengenalan kepada teori *Geo-body*. Skop dan limitasi kajian juga dinyatakan kerana kajian ini mempunyai beberapa kelemahan. Pembahagian bab tesis juga diterangkan untuk memaparkan tema-tema kajian.

Bab ketiga pula berkaitan dengan sorotan sejarah berhubung dengan pemilikan Pulau Dokdo berdasarkan perspektif Korea Selatan. Bab ini mengkaji kewujudan konflik Pulau Dokdo menerusi konteks nasionalisme masyarakat Korea Selatan. Dengan berbuat demikian, secara langsung memenuhi objektif pertama kajian. Bab empat pula mengkaji status Pulau Dokdo di bawah *United Nations Convention on the Law of the Seas* (UNCLOS) untuk memastikan keupayaan Pulau Dokdo dalam menjana ZEE. Analisis ini dilakukan untuk membuktikan kepentingan ekonomi Pulau Dokdo dan persekitarannya kepada Korea Selatan. Seterusnya, kegiatan ekonomi utama yang terdapat di kawasan

Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo dijelaskan dalam konteks pembangunan Pulau Dokdo.

Bab ini memenuhi objektif kedua kajian.

Seterusnya, bab lima menganalisis kaedah untuk meminimakan konflik Pulau Dokdo.

Bab ini berkait langsung dengan penglibatan pelbagai pihak seperti agensi antarabangsa dan negara sekutu dalam menyelesaikan atau meminimakan konflik tersebut.

Pembangunan bersama antara Korea Selatan dan Jepun juga diterangkan. Bab ini memenuhi objektif ketiga kajian. Akhirnya, bab keenam menyimpulkan keseluruhan kajian. Bab ini membantu menjelaskan mengapa penyelidikan ini penting dan bertujuan mengutarakan perdebatan utama serta memaparkan bukti yang paling penting untuk menyokong hujah-hujah yang diketengahkan.

BAB 2

PULAU DOKDO DALAM *GEO-BODY* KOREA SELATAN

2.1 PENGENALAN

Wilayah dan kedaulatan adalah asas sebuah negara. Pemilikan sesebuah wilayah memberi legitimasi kepada kedaulatan tersebut. Pada masa yang sama, pemilikan wilayah adalah petunjuk utama kepada pembinaan negara bangsa serta pengukuhan identiti nasional. Justeru itu, kebanyakkan pertikaian wilayah menjurus kepada aspek pengukuhan pemilikan. Dalam konflik Pulau Dokdo, Korea Selatan sudah pun berpendirian bahawa Seoul memiliki pulau tersebut. Tetapi, Jepun pula menuntut kedaulatan pulau yang sama (*Takeshima*) berdasarkan kepada fakta sejarah dan undang-undang antarabangsa (*JapanToday*, 2019). Tuntutan Jepun menyebabkan Seoul berusaha mempertahankan kedaulatan Pulau Dokdo melalui pelbagai inisiatif. Maka, bab ini membincangkan metodologi pengkaji dalam menganalisis konflik tersebut.

Bab ini bermula dengan metodologi kajian yang bersifat kualitatif. Ini diikuti dengan perbincangan tentang teori *Geo-Body* yang berkait rapat dengan konsep nasionalisme dan pembinaan negara bangsa. Teori tersebut digunakan untuk menjelaskan bagaimana konflik Pulau Dokdo berlanjutan selama beberapa dekad. Pada masa yang sama teori ini berperanan di dalam menyokong dapatan analisis kajian aspek nasionalisme, pengukuhan negara bangsa dan identiti negara. Kesemua unsur-unsur ini diperjelaskan menerusi suatu kerangka analisis. Bab ini juga membincangkan sorotan kajian literatur lepas serta perbandingan pendapat di antara pengkaji tentang isu pemilikan Pulau Dokdo.

2.2 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi utama kajian ini adalah bersifat kualitatif. Schostak (2002: 80) berpendapat kajian penyelidikan kualitatif tertumpu kepada proses pengumpulan data

dan maklumat dalam bentuk perkataan atau teks, pendekatan temu ramah dengan beberapa orang responden dan seterusnya penganalisisan terhadap dapatan maklumat. Selain itu, Gray (2013: 340) berpendapat bahawa penganalisisan data kualitatif boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk mengikut kesesuaian pengkajian dan objektif kajian.

Maka tesis ini mengadaptasikan kaedah kualitatif disebabkan penganalisisan tidak bersifat tegar. Kaedah kualitatif secara tidak langsung memberi kebebasan kepada pengkaji untuk menganalisis nuansa data dan pemerhatian yang diperoleh semasa melakukan kerja lapangan (Stake, 2010: 26). Hal ini membantu dalam menjelaskan sesuatu senario serta perspektif terutamanya apabila wujud perbezaan interpretasi dalam data yang diperoleh.

Dalam menjalankan sesuatu kajian, pengumpulan sumber adalah penting untuk memahami kajian topik. Dengan berbuat demikian, objektif dan persoalan kajian ditentukan. Secara amnya pengumpulan sumber boleh dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu sumber pertama dan sumber kedua. Sumber pertama merupakan sumber maklumat yang memberikan informasi tulen (*Santiago Canyon College*, n.d). Dalam erti kata lain, sumber utama tidak melalui sebarang proses penyuntingan atau penginterpretasian. Tambahan pula, sumber pertama juga boleh diperoleh melalui dokumentasi sejarah, teks ucapan, artifak dan diari melalui kaedah temu ramah (*Teachinghistory*, n.d). Sumber kedua pula ialah data ataupun maklumat yang memaparkan analisis, ulasan serta penafsiran daripada pelbagai pihak (*Santiago Canyon College*, n.d). Sumber jenis ini wujud dalam bentuk penulisan buku, jurnal, biografi dan majalah.

Dalam kajian ini, kebanyakan sumber utama yang digunakan disediakan oleh kerajaan Korea Selatan dalam laman sesawang kementerian, agensi dan institusi penyelidikan kerajaan. Pengkaji banyak menggunakan sumber elektronik khususnya portal rasmi Kementerian Luar Negara (www.mofa.go.kr), *Korea Hydrographic and Oceanographic Agency* (www.khoa.go.kr) serta *Northeast Asia History Foundation* (www.nahf.go.kr). Sebagai contoh, laman sesawang Kementerian Luar Negara dan Kementerian Pelancongan Korea Selatan banyak memaparkan informasi tentang Pulau Dokdo. Dalam paparan tersebut, pendirian Korea Selatan dalam soal hak dan kedaulatan Pulau Dokdo dinyatakan melalui penggunaan peta, gambar serta huraihan sejarah. Pada masa yang sama, pengkaji banyak bergantung kepada ucapan rasmi tentang Pulau Dokdo yang dilakukan oleh pemimpin Korea Selatan yang diterjemahkan dan dimuat naik dalam Bahasa Inggeris dalam laman sesawang rasmi kerajaan. Akhir sekali, video dokumentari tentang Pulau Dokdo yang boleh ditonton melalui portal rasmi Kementerian Hubungan Luar Negara Korea Selatan turut digunakan. Klip video tersebut sangat penting kerana mengandungi informasi serta pandangan rasmi kerajaan Korea Selatan.

Selain itu, pengkaji juga telah mengikuti Program Pertukaran Pelajar anjuran Universiti Malaya ke Sejong University di Korea Selatan selama lima bulan bermula pada akhir bulan Ogos tahun 2015 sehingga akhir bulan Januari tahun 2016. Program tersebut membolehkan pengkaji mengumpulkan sumber utama dan kedua melalui temu ramah serta kajian perpustakaan. Dalam tempoh tersebut, pengkaji berjaya menjalankan temu ramah bersama sepuluh orang ahli akademik (Responden A-J) yang mengkaji isu Pulau Dokdo serta hubungan antarabangsa Korea Selatan. Ramai di antara mereka mempunyai pendapat yang berbeza dengan kerajaan Korea Selatan. Temu bual dengan para akademik ini memberikan gambaran yang lebih komprehensif dalam

memahami konflik Pulau Dokdo yang kompleks. Namun begitu, pengkaji tidak dibenarkan menggunakan nama ahli-ahli akademik tersebut dalam tesis ini disebabkan isu Pulau Dokdo merupakan sesuatu yang sensitif. Maka, pengkaji menggunakan data yang dikumpul untuk menyokong dan memastikan maklumat yang diperoleh dalam pelbagai bentuk dokumen seperti artikel dalam jurnal, ucapan ataupun berita yang disiarkan dalam surat khabar adalah sahih.

Pada masa yang sama, pengkaji berpeluang menemu ramah beberapa orang pegawai tinggi (Responden K-M) di Muzium Dokdo yang berlokasi di Soedamun, Seoul. Perbincangan dilakukan secara tidak formal. Temu bual tersebut membolehkan pengkaji menemu ramah kakitangan muzium, mendapatkan risalah dan dokumentasi rasmi serta pelawaan untuk melawat Pulau Dokdo. Malangnya, pengkaji tidak dapat melakukan lawatan tersebut disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu. Pada masa yang sama, lawatan tersebut tidak dapat dilakukan kerana penularan wabak Sindrom Pernafasan Asia Barat/*Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus* (MERS-CoV) di Korea Selatan. Pengkaji juga mengambil kesempatan berbincang dengan para pelajar di Sejong University (Responden N-V) untuk mendapatkan pandangan golongan muda tentang konflik Pulau Dokdo. Hasil daripada temu ramah dan perbincangan tersebut, pengkaji berjaya mendapatkan pelbagai input baharu. Salah satu sentimen yang sering ditunjukkan oleh golongan muda adalah unsur nasionalisme dan patriotisme dalam pemilikan Pulau Dokdo.

Skop sumber kedua adalah tersangat luas dan tidak terbatas kepada satu aspek sahaja. Sebagai contoh, dokumentari daripada *Youtube* serta *Dailymotions* juga digunakan. Sumber tersebut lebih menjurus kepada pandangan umum masyarakat Korea Selatan. Walau bagaimanapun, kebanyakan proses pengumpulan maklumat

sumber kedua terdiri daripada laporan tidak rasmi, keratan akhbar Korea Selatan dan luar negara, artikel dan buku yang berkait secara langsung dengan isu pengurusan pertikaian wilayah, hubungan bilateral Korea Selatan dan Jepun serta perbincangan perundangan tentang tuntutan wilayah yang berkait dengan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) di sekitar perairan Asia Timur. Maklumat tersebut didapati daripada beberapa buah perpustakaan di Universiti Malaya seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan Za'ba, perpustakaan mini di Jabatan Asia Timur dan perpustakaan luar negara seperti Perpustakaan Awam Korea Selatan, Perpustakaan Sejong University serta Yonsei University.

Perlu ditekankan bahawa konflik Pulau Dokdo masih belum diselesaikan sehingga kini. Akibatnya, pengkaji banyak bergantung kepada sumber daripada keratan akhbar untuk mendapatkan perkembangan terkini. Pengkaji memfokuskan kepada beberapa akhbar Korea Selatan seperti *Chosun Ilbo*, *Dong-A Ilbo*, *Korea Times*, *Korea Herald* dan akhbar antarabangsa seperti *New York Times*, *The Guardian* dan *Washington Post*. Dalam pada itu, saluran berita antarabangsa seperti *Cable News Network* (CNN), *British Broadcasting Corporation* (BBC) dan *Al-Jazeera* juga turut diberi perhatian.

2.3 GEO-BODY SEBAGAI KERANGKA TEORI

Soal pertikaian wilayah sering dianalisis oleh para pengkaji dengan menggunakan pelbagai teori untuk menyokong pendapat masing-masing. Kebanyakan teori yang digunakan dipelopori oleh pengasas Barat. Perbincangan seterusnya melihat beberapa contoh teori yang pernah digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis konflik Pulau Dokdo.

Kilian Spandler (2012) membincangkan konflik Pulau Dokdo/Takeshima menerusi teori *Neo-liberal Institutionalism*. Beliau berpendapat bahawa kegagalan menyelesaikan konflik Dokdo/Takeshima disebabkan ketiadaan institusi antarabangsa atau regim yang bersesuaian di dalam membantu Seoul dan Tokyo mempertingkatkan kerjasama dan mengurangkan ketegangan ataupun mengatasi perbezaan pendapat. Pengkaji berpendapat bahawa konflik Pulau Dokdo lebih menumpukan perhatian kepada Seoul dan Tokyo sahaja dan bukannya terhadap campurtangan institusi antarabangsa. Ini adalah disebabkan Korea Selatan enggan membawa konflik ini untuk diadili di insitusi keadilan antarabangsa. Maka teori *Neo-liberal Institutionalism* tidak boleh digunakan.

Sofia Tu (2013) pula menggunakan teori *Enmification* dalam menjelaskan konflik Pulau Dokdo. Tu menerangkan bagaimana imej Tokyo sebagai musuh dan perasaan negatif terhadap kolonialisasi Jepun muncul dalam masyarakat Korea Selatan. Beliau berpendapat kesan imej musuh tersebut menjelaskan kerjasama politik dan ekonomi antara Korea Selatan dan Jepun. Ini menyebabkan kegagalan dalam menyelesaikan konflik Pulau Dokdo. Walaupun teori *Enmification* mampu menjelaskan mengapaakah konflik Pulau Dokdo tidak dapat diselesaikan, namun teori tersebut masih gagal menghuraikan bagaimana sesebuah negara boleh mengubah persepsi “musuh” dan seterusnya mengurangkan ketegangan di antara pihak yang berkonflik.

Berbanding Sofia Tu, David Kozisek (2016) pula membincangkan konflik Pulau Dokdo melalui teori *Constructivism* yang mengambil kira identiti nasional dan nilai simbolik isu tersebut. Kozisek menekankan konflik Pulau Dokdo bukan hanya dilihat sebagai suatu isu pertikaian semata-mata tetapi turut melambangkan identiti nasional negara bangsa Korea Selatan. Malah pemimpin elit Korea Selatan menggunakan Pulau

Dokdo sebagai simbol nasionalisme untuk menyemarakkan lagi sentimen anti-Jepun berdasarkan pangalaman sejarah lepas yang pahit. Nilai simbolik yang dilampirkan kepada Pulau Dokdo/Takeshima secara tidak langsung menghalang usaha kerjasama antara Seoul dan Tokyo. Kozisek mengandaikan bahawa selagi perasaan prasangka Korea Selatan terhadap Jepun wujud, sebarang masalah dalam hubungan bilateral tidak akan diselesaikan. Tidak dapat dinafikan bahawa teori *Constructivism* sememangnya mampu menjelaskan suasana konflik Pulau Dokdo. Namun, pengkaji masih berpendapat bahawa terdapat beberapa elemen lain politik, sejarah dan ekonomi yang harus diambil kira dalam membincangkan konflik berkaitan dengan pertikaian sesebuah wilayah.

Heiko Ital (2014) pula menganalisis konflik Dokdo melalui perspektif *Realism*. Beliau berpendapat memori sejarah dan sentimen anti-Jepun adalah punca kepada timbulnya perbezaan pendapat antara Seoul dan Tokyo yang menjelaskan keselamatan kedua-dua negara. Beberapa isu kontroversi yang berkait rapat dengan sejarah silam dan pertikaian wilayah akhirnya mewujudkan ketidakpercayaan antara satu sama lain. Akibatnya, Ital juga menyimpulkan bahawa Seoul dan Tokyo sukar untuk bekerjasama dalam menyelesaikan konflik Pulau Dokdo/Takeshima walaupun berhadapan dengan ancaman nuklear Korea Utara serta kebangkitan ekonomi dan militari China. Walaupun teori *Realism* boleh digunakan sebagai rangka kerja analisis dalam menghuraikan konflik Pulau Dokdo, tetapi teori ini tidak mengambilkira potensi soal kerjasama dalam mengurangkan ketegangan. Hal ini kerana teori *Realism* memfokuskan kepada dunia yang bersifat anarki dan sesebuah negara mesti senantiasa mempertahankan kedulatannya.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kesemua teori yang diutarakan oleh pengkaji di atas mempunyai kelemahan dalam menjelaskan konflik Pulau Dokdo. Salah satu faktor adalah disebabkan kesemua teori yang digunakan diperkenalkan oleh pengkaji

barat. Pada masa yang sama, sejarah dunia barat sangat berbeza daripada pengalaman sejarah masyarakat Asia. Maka, pengkaji menganalisis soal kedaulatan Pulau Dokdo melalui kerangka teori *Geo-Body* yang diutarakan oleh seorang sejarawan Thailand iaitu Thongchai Winichakul. Kajian ini menggunakan teori *Geo-Body* kerana teori ini menumpukan suasana, budaya dan sejarah silam di rantau Asia. Pengkaji percaya bahawa fokus *Geo-Body* boleh menerangkan pengalaman sejarah silam serta budaya Semenanjung Korea. Kajian Winichakul, *Siam Mapped: A History of the Geo-Body of a Nation* pada tahun 1994 menyumbang kepada perdebatan khusus mengenai dua aspek utama; nasionalisme dan konsep negara bangsa Siam. Dalam kes Korea Selatan dan Jepun, isu kolonialisme menjadi faktor utama pertikaian wilayah. Akibatnya, sentimen nasionalisme secara langsung mempengaruhi hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo terutamanya di pihak Korea Selatan (Flamm, 2014). Dalam perkiraan Winichakul, istilah *Geo-Body* merujuk kepada aspek kewilayah. Winichakul menerangkan bagaimana kuasa asing memperalatkan Siam melalui proses pemetaan dengan penandaan sempadan yang jelas dan keadaan ini memaksa pemimpin Siam mula melakar peta sendiri bagi menggambarkan suatu identifikasi nasional yang baharu. Golongan elit Siam juga menyedari betapa pentingnya keperluan pemetaan negara kerana kuasa asing seperti Perancis dan British sering menggunakan peta untuk menggariskan tuntutan mereka. Oleh itu, Winichakul berpendapat apabila pemetaan mula dibuat oleh pemimpin Siam, tindakan itu melahirkan *Geo-Body* negara tersebut dengan sempadan yang jelas. Boleh disimpulkan kesedaran terhadap konsep bangsa Thai hanya mula muncul pada tahun 1893 semasa krisis Paknam. Krisis tersebut menyedarkan pemimpin bahawa wilayah Siam haruslah mempunyai sempadan yang jelas supaya dapat dipertahankan daripada pencerobohan kuasa asing seperti Perancis dan British. Pada dasarnya, Winichakul menegaskan pembentukan Siam sebagai

sebuah negara adalah suatu konstruk baharu melalui proses pemetaan yang dilakukan untuk keperluan politik dan mempertahankan negara bangsa.

Winichakul berpendapat elemen-elemen seperti bahasa, kebudayaan dan kesatuan politik menjadi indikator penting dalam pembentukan sesebuah negara (Winichakul, 1996: 67). Namun, beliau menegaskan bahawa pemikir barat seperti Anderson, Gellner, Hobsbawm dan Ranger tidak mengambil kira konsep identiti nasional dalam kajian mereka (Winichakul, 1996: 67). Bagi beliau, nasionalisme berkait rapat dengan identiti nasional. Maka, beliau lebih menumpukan perhatian kepada persoalan bagaimana sesuatu bangsa menjadi sebuah entiti rasmi (Winichakul, 1996: 67). Aspek ruang dan geografi dikatakan bertanggungjawab dalam mewujudkan identiti nasional dan negara bangsa. Walaupun berbentuk abstrak, *Geo-Body* mewujudkan identiti sesebuah bangsa kerana *Geo-Body* dimanifestasikan menerusi proses pemetaan sesuatu kawasan (1994:17). Menurut beliau lagi,

[Territoriality] is the most concrete feature, the most solid foundation, literally and connotatively, of nationhood as a whole. There are innumerable concepts, practices, and institutions related to it or working within the provision and limitation of a nation's geo-body: the concept of integrity and sovereignty; border control, armed conflict, invasion, and wars; the territorial definition of national economy, products, industries, trade, tax, custom duties, education, administration, culture, and so on. But the term geo-body is used to signify that the object of this study is not merely space or territory. It is a component of the life of a nation. It is a source of pride, loyalty, love, passion, bias, hatred, reason, unreason (Whinichakul 1994:17).

Boleh diperhatikan Winichakul berpendapat bahawa kedaulatan dan sempadan bukan sahaja berlandaskan kepada aspek politik semata-mata tetapi turut memberikan impak kepada pembinaan budaya sesuatu bangsa.

Dalam kes Siam, proses penentuan sempadan menemui kesukaran terutamanya kepada pihak British memandangkan isu tersebut tidak diberikan tumpuan dalam pemerintahan kerajaan Siam (Whinichakul, 1994: 62-65). Tambahan pula, kewujudan sempadan yang jelas diandaikan akan menyukarkan penduduk tempatan Siam dan Burma untuk menjalankan aktiviti ekonomi kawasan bersama (Winichakul, 1994: 70). Dalam hal ini, Winichakul mengulas idea yang dikemukakan oleh Henry Burney, seorang penulis barat melalui bukunya *A Political Biography* dan menyatakan bahawa faktor ekonomi dan pertindihan bidang kuasa antara kuasa asing dan Siam akibat ketiadaan garisan sempadan yang jelas menimbulkan kerisauan kepada pihak British (Winichakul, 1994: 65). Oleh itu, beliau berpendapat bahawa perbezaan pemahaman terhadap konsep kewilayahan dan aspek persempadanan antara British dan Siam menjadi masalah utama dalam pentadbiran (Winichakul, 1994: 62-65). Boleh dikatakan ketika itu kerajaan Siam kurang berminat dalam menyelesaikan isu sempadan. Namun krisis Paknam pada tahun 1893 memaksa Siam untuk mengubah pendirian.

Dalam kes Siam juga, Winichakul menegaskan bahawa proses penandaan sempadan bermula sekitar abad ke-19 dan 20 yang akhirnya membentuk negara bangsa Siam. Sebelum ini, peta awal yang dihasilkan oleh pihak penjajah lain seperti Perancis dan Belanda lebih menumpukan kepada kawasan persisiran pantai berbanding dengan kawasan pedalaman kerajaan Siam (Winichakul, 1994: 113). Dalam hal ini, Winichakul (1994: 114) menyokong pendapat penulis barat, Edward Said yang menulis *Orientalism*, menyatakan kepentingan pemetaan didorong oleh faktor perluasan kuasa dan dianggap menjadi ilmu pengetahuan yang penting kepada para penjelajah dan pentadbir. Umpamanya, kependudukan British di Tennaserim kesan daripada Perang Inggeris-Burma pada tahun 1824-1826 secara tidak langsung mendesak Siam untuk bekerjasama menyelesaikan isu persempadanan yang tidak jelas

antara kedua-dua kuasa (Winichakul, 1994: 62-63). Selain itu, disebabkan persempadanan yang tidak jelas, krisis Paknam pada tahun 1893 memaksa Siam untuk menyerahkan sebahagian kawasan tebing Sungai Mekong kepada Perancis (Winichakul, 1994: 151).

Maka, Winichakul menegaskan bahawa penglibatan kuasa asing secara langsung menyumbang kepada proses pemetaan yang akhirnya mewujudkan konsep negara bangsa Siam. Menjelang beberapa tahun berikutnya, peta yang dihasilkan melalui kerjasama pihak British, Perancis dan Siam telah berjaya menghasilkan suatu peta yang lengkap dengan aspek persempadanan yang jelas (Whinichakul, 1994: 128). Hasil daripada proses pendefinisian sempadan yang dilakukan, beberapa wilayah yang berada dalam bidang kuasa kerajaan Siam mula disatukan yang akhirnya membentuk sebuah negara yang dikenali sebagai Thailand pada tahun 1939. Maka, boleh dikatakan bahawa peta adalah instrumen propaganda yang boleh digunakan untuk memastikan kedaulatan wilayah dan membentuk kesedaran nasional kolektif. Oleh itu, peta bukan sahaja berfungsi sebagai alat untuk menjelaskan identiti kebangsaan tetapi juga menimbulkan sentimen nasionalisme.

Dalam erti kata lain, peta membantu mewujudkan naratif nasional dan mempengaruhi bagaimana imej negara dirujuk. Dalam mana-mana pertikaian wilayah, dapat dilihat bahawa pihak yang berkonflik cenderung menggunakan peta sebagai bukti pemilikan wilayah untuk memperkuatkan tuntutan masing-masing. Dalam kes-kes tertentu, peta juga boleh menjadi faktor penentu dalam meyelesaikan konflik melalui saluran perundangan. Maka, dalam konflik pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima, *Geo-Body* ini boleh dianalisis melalui perbezaan interpretasi dalam peta yang dihasilkan oleh Korea Selatan dan Jepun. Kedua-dua pihak mempergunakan aspek pemetaan


dalam memperjuangkan tuntutan terhadap Pulau Dokdo/Takeshima dan menegakkan identiti kebangsaan masing-masing.

2.3.1 Pemetaan dan isu pemilikan Pulau Dokdo

Dalam memperjuangkan tuntutan, Korea Selatan dan Jepun membuktikan pemilikan berdasarkan istilah untuk Pulau Dokdo/Takeshima yang digunakan pada masa silam. Dari perspektif Korea Selatan, terdapat pelbagai istilah digunakan dalam rekod, peta dan dokumen lama negara tersebut dalam mengidentifikasi Pulau Dokdo seperti ‘Usando’, ‘Yodo’ ataupun ‘Sambongdo’ (Lee, 2005). Pada masa yang sama, Jepun pula turut memperkenalkan Pulau Takeshima dengan menggunakan istilah yang berbeza seperti ‘Matsushima’ dan ‘Ryanko’ (Rodgers, 2011).

Proses pemetaan Semenanjung Korea adalah berdasarkan kepada rujukan rekod-rekod terdahulu. Adalah sukar untuk menyatakan bila Pulau Dokdo mula muncul dalam peta Korea kerana banyak peta silam tidak terselamat akibat perang yang berlaku di Semenanjung Korea (Choi, 2008). Pada masa yang sama, pembuat peta juga jarang sekali merakamkan tarikh penerbitan. Namun, apa yang pasti ialah Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo sentiasa dimasukkan dalam semua peta lama. Situasi ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa masyarakat Korea dari dahulu sudahpun beranggapan kedua-dua pulau tersebut adalah sebahagian daripada tanah air mereka. Umpamanya, dalam dokumen *Dongguk Yeoji Seungnam (Augumented Survey of the Geography of Korea)* yang dijilidkan semasa era Dinasti Joseon pada tahun 1481, didapati peta lama yang dikenali sebagai *Paldo Chongdo (A Complete Map of Eight Provinces [of Korea])* merekodkan dua buah pulau sebagai sebahagian wilayah Semenanjung Korea (Rujuk Peta 2.1).

Peta 2.1: Lokasi Pulau Dokdo dalam *Paldo Chongdo (A Complete Map of Eight Provinces [of Korea])* tahun 1481.




Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 12 Mei 2015 daripada
<http://www.khoa.go.kr/eng/kcom/cnt/selectContentsPage.do?cntId=31060500>

Disebabkan kedudukan Usando (nama lama Pulau Dokdo) berdekatan dengan Semenanjung Korea, dipercayai bahawa pulau tersebut dimiliki oleh kerajaan Korea (MOFA, Republic of Korea, 2008). Tambahan pula, edisi kedua *Sinjung Dongguk Yoji Seungnam* yang diterbitkan dalam 55 jilid pada tahun 1530, memaparkan Usando bersama-sama dengan Pulau Ulleungdo (Choi, 2008). Hal ini secara tidak langsung mengandaikan bahawa kerajaan Chosun (nama lama Korea) memiliki hak dan kedaulatan Pulau Dokdo.

Jika dilihat daripada perspektif awal Jepun, Saito Hosen, seorang pegawai dari Izumo yang kini berada di bahagian timur wilayah Shimane merupakan warga Jepun pertama yang menulis tentang Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo. *Onshu Shicho Goki* (*Records on Observations on Oki*) yang dijilidkan pada tahun 1667, Hosen memerhatikan bahawa perjalanan ke Matsushima (Pulau Dokdo) daripada Pulau Oki mengambil masa selama dua hari satu malam (Yokokawa, 2015: 2; Rujuk Peta 2.2).

Peta 2.2: *Onshu Shicho Goki* (*Records on Observations on Oki*) tahun 1667.



Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 1 Oktober 2017 daripada <https://www.dokdo-takeshima.com/japanese-earliest-records-of-dokdo-ii.html>

Hosen memberi gambaran bahawa kedua-dua Pulau Takeshima dan Matsushima adalah milik Korea manakala Pulau Oki pula berada dalam bidang kuasa Jepun (Kaikobad, 2011: 159). Peta-peta di bawah dilakarkan oleh Saito Hosen pada tahun 1667 yang berkait dengan Pulau Oki. Peta 1 memaparkan Pulau Oki. Peta 2 pula menunjukkan gugusan pulau kecil di selatan Pulau Oki yang dikenali sebagai Nishino,

Nakano dan Chiburi. Dapat diperhatikan dalam peta lakaran Saito Hosen, Pulau Takeshima dan Matsushima tidak dimasukkan dalam peta Pulau Oki ataupun gugusan pulau-pulau kecil.

Hayashi Shihei, seorang akademik dan pakar tentera Jepun pada abad ke-18 berkongsi pendapat yang sama seperti Saito Hosen berkaitan pemilikan Pulau Dokdo. Dalam *Map of Three Adjoining Countries* yang dihasilkan oleh beliau pada tahun 1785, setiap negara ditanda dengan warna yang tertentu (Rujuk Peta 2.3).

Peta 2.3: Lokasi Pulau Dokdo dalam *Map of Three Adjoining Countries* tahun 1785.



Sumber: *Dokdo Research and Preservation Association*, 2005: 18.

Di dalam peta tersebut, Chosun ditanda dengan warna kuning dan Jepun pula berwarna hijau. Peta 2.3 juga menunjukkan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo bukan sahaja berwarna kuning malah turut ditanda sebagai wilayah Chosun (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 5). Pespektif yang

dikemukakan oleh Hayashi Shihei dan Saito Hosen jelas membuktikan bahawa Jepun tidak pernah memiliki Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo.

Pulau Dokdo sebagai hak milik kerajaan Chosun turut diiktiraf oleh pengkaji daripada Eropah terutamanya daripada Perancis dan Rusia. Pada tahun 1737, ahli geologi berbangsa Perancis bernama Jean Baptiste Bourguignon d'Anville menghasilkan sebuah peta *Royaumee de Coree (Map of Joseon)* dengan meletakkan Pulau Dokdo berhampiran dengan Semenanjung Korea (Rujuk Peta 2.4).

Peta 2.4: Lokasi Pulau Dokdo yang direkodkan dalam *Royaumee de Coree (Map of Joseon)* tahun 1735.




Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 13 Ogos 2016 dari
<http://www.swaen.com/seoul-maps.php>

Beliau dengan jelasnya menyatakan Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo adalah milik kerajaan Chosun (MOFA, Republic of Korea, 2008). Pada tahun 1857 pula, tentera laut Rusia menghasilkan peta yang dikenali sebagai *The East Coast of Chosun* (Rujuk Peta 2.5). Peta tersebut menunjukkan kedudukan Pulau Dokdo dan Ulleungdo di Laut Timur

dari pelbagai sudut. Kedua-dua peta yang dihasilkan secara langsung memperkuatkan pemilikan Korea Selatan ke atas Pulau Dokdo.

Peta 2.5: *The East Coast of Chosun* tahun 1857.



Sumber: Diakses pada 14 April 2016 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/1857-russian-navy-map.html>

2.3.2 Campur tangan kuasa luar

Selain memberi kepentingan kepada proses pemetaan silam, Winichakul turut berpendapat bahawa campur tangan kuasa luar memberikan dampak kepada penghasilan peta moden. Dalam hal ini, campur tangan kuasa luar yang dimaksudkan merujuk kepada kuasa kolonial. Demi memperluaskan kekuasaan terhadap wilayah-wilayah yang diduduki, penandaan garisan sempadan yang jelas adalah mustahak. Umpamanya, kependudukan Amerika Syarikat di Jepun (1945-1952) dan Semenanjung Korea (1945-1948) secara tidak langsung mewujudkan sempadan nasional kedua-dua negara tersebut. Situasi ini boleh dibuktikan menerusi syarat-syarat penyerahan kalah

yang dikenakan oleh Pihak Berikat kepada Jepun dalam *Potsdam Declaration* pada tahun 1945 iaitu,

... Japanese sovereignty shall be limited to the islands of Honshu, Hokkaido, Kyushu, Shikoku, and such minor islands as we determine," as had been announced in the Cairo Declaration in 1943 (Rujuk Lampiran 2).

Postdam Declaration tahun 1945 bukan sahaja membentuk sempadan nasional Jepun, tetapi turut menyumbang kepada kedaulatan Korea Selatan sebagai sebuah negara baharu dalam konteks pembinaan *Geo-Body*. Tambahan pula, pembinaan *Geo-Body* Korea Selatan juga dapat dibuktikan menerusi dua *Supreme Commander of Allied Powers Instruction* (SCAPIN) pada tahun 1946 iaitu SCAPIN No. 677 dan juga SCAPin No. 1033. Dalam SCAPIN No. 677, terdapat perenggan berhubung pendefinisian sempadan dan kedaulatan Jepun seperti berikut,

For the purpose of this directive, Japan is defined to include the four main islands of Japan (Hokkaido, Honshu, Kyushu and Shikoku) and the approximately 1,000 smaller adjacent islands...including the Tsushima Islands and the Ryukyu (Nansei) Islands north of 30° North Latitude (excluding Kuchinoshima Island); and excluding (a) Utsuryo (Ullung) Island, Liancourt Rocks (Take Island).... (Rujuk Lampiran 8).

Liancourt Rocks di atas merujuk kepada Pulau Dokdo. Dalam SCAPIN No.1033 pula mengeluarkan larangan bahawa nelayan Jepun tidak dibenarkan untuk berada di sekitar perairan Pulau Takeshima/Dokdo (Rujuk Lampiran 9). Dalam hal ini, dapat difahamkan bahawa kedua-dua dokumen ini secara tidak langsung meletakkan Pulau Dokdo sebagai sebahagian daripada Semanjung Korea. Oleh itu, pembinaan *Geo-Body* Korea Selatan direalisasikan.

Pembinaan *Geo-Body* Korea Selatan juga boleh dilihat melalui tindakan yang diambil oleh Presiden Syngman Rhee (1948-1960) dalam usaha untuk mengukuhkan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo. Semasa pendudukan Amerika Syarikat di Jepun, *Supreme Commander of Allied Powers* (SCAP) mengisytiharkan garisan maritim *MacArthur Line* di laut Timur pada tahun 1945 untuk membataskan hak perikanan nelayan Jepun di perairan sekitar Semenanjung Korea (Pak, 1988). Garisan maritim *MacArthur Line* dengan jelas menunjukkan bahawa lokasi Pulau Dokdo berada dalam kawasan kedaulatan Semenanjung Korea. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penggarisan *MacArthur Line* menunjukkan pendirian pentadbiran Amerika Syarikat di Jepun mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo sebagai milik Korea Selatan. Malangnya, *MacArthur Line* dimansuhkan pada tahun 1952 oleh SCAP setelah *San Francisco Peace treaty* berkuatkuasa pada tahun yang sama (Rujuk Lampiran 4). Sebelum pemansuhannya, kerajaan Korea Selatan mengumumkan *Rhee Line* pada tahun 1952 sebagai langkah mempertahankan kedaulatan Pulau Dokdo daripada tuntutan Jepun pada masa akan datang (Hosaka, n.d; Rujuk Peta 2.6). *Rhee Line* juga bertujuan menangani aktiviti perikanan haram oleh nelayan Jepun.

Peta 2.6: *Rhee Line*-Sempadan maritim di antara Korea Selatan dan Jepun di Laut Timur tahun 1952.



Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 16 Mei 2015 daripada <https://www.kr.emb-japan.go.jp/territory/takeshima/position.html>

Pengisytiharaan *Rhee Line* menampakkan imej pemimpin Korea Selatan yang sentiasa berpendirian tegas membincangkan isu-isu yang melibatkan soal kedaulatan wilayah terutamanya yang berhubung dengan pemilikan Pulau Dokdo dipertingkatkan. Dalam erti kata lain, Syngman Rhee menegaskan simbol *Geo-Body* kerajaan dan bangsa Korea Selatan itu sendiri.

2.3.3 Nasionalisme dan negara bangsa

Winichakul mengaitkan sentimen nasionalisme dengan *Geo-Body* sesebuah negara yang berkait rapat dengan kedaulatan wilayah. Ini dilakukan dengan menjelaskan hubungan langsung antara aspek pemetaan dengan sentimen nasionalisme dan pembinaan negara bangsa. Dengan sendirinya, pembinaan negara bangsa pula memupuk identiti nasional. Triandafyllidou (1998: 597) berpendapat elemen-elemen seperti kebudayaan, agama atau bahasa memperkuatkan identiti nasional kerana elemen-elemen tersebut membezakan pelbagai kelompok masyarakat dan seterusnya menjustifikasi sesuatu perspektif. Anthony Smith (1991:14) yang banyak membuat kajian tentang identiti nasional dan negara bangsa berpendapat kedua-dua konsep ini bersangkut-paut dengan kewujudan wilayah, persamaan mitos, memori sejarah silam, aspek kebudayaan serta pelaksanaan ekonomi. Apabila ciri-ciri ini ditekankan oleh pemimpin, hal ini dilihat sebagai strategi pembinaan bangsa yang bertujuan memupuk masyarakat yang kohesif, setia dan homogen (Guibernau, 2001: 242-68). Dalam kes Korea Selatan, konflik Pulau Dokdo mempunyai perkaitan langsung dengan semangat nasionalisme kerana melibatkan memori sejarah kolonial silam yang pahit. Justeru itu, konsep nasionalisme masyarakat Korea boleh dikaji menerusi pemanifestasian konsep *Han (Resentment)* yang berkait rapat dengan faktor sejarah silam yang mana,

Historical memory and feelings of han (resentment) run deeply and can influence Korea's relations with its neighbors, allies,

and enemies in ways not easily predicted by models of policy-making predicated on realpolitik or other geo-strategic or economic concerns (Larsen, 2006).

Bagi Korea Selatan, aspek sejarah silam memainkan peranan penting disebabkan oleh kependudukan Jepun yang berlangsung selama 35 tahun. Pada hari ini, Pulau Dokdo menjadi simbol identiti nasional masyarakat Korea Selatan yang suatu ketika dahulu gagal menangani pengilhan pulau tersebut oleh Jepun pada tahun 1905. Menurut Jager (2016: 4), kegagalan rakyat Korea mempertahankan kedaulatan Semenanjung Korea akibat penjajahan Jepun pada tahun 1910 berpunca daripada pegangan fahaman Konfucianisme yang bersifat anti-militari. Akibatnya, ketidakupayaan menentang kependudukan Jepun menjelaskan semangat dan identiti nasional masyarakat Korea. Situasi ini diteruskan dalam pemikiran kolektif masyarakat Korea Selatan sehingga kini.

Maka, pemilikan Pulau Dokdo pada hari ini menggambarkan pemulihan semula kedaulatan pulau tersebut yang diperoleh selepas Korea Selatan ditubuhkan pada tahun 1948. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi pendirian pemimpin dan rakyat Korea untuk mempertahankan kedaulatan Pulau Dokdo agar mereka tidak akan kehilangan pulau tersebut buat kali kedua. Oleh itu, isu pemilikan Pulau Dokdo adalah salah satu contoh terbaik dalam menjelaskan sentimen nasionalisme dan pembinaan negara bangsa Korea Selatan. Sejak penubuhannya, Korea Selatan terus mengukuhkan kawalannya dengan mentadbir Pulau Dokdo secara unilateral. Tambahan pula, tuntutan dan bantahan yang disuarakan oleh Tokyo ditolak oleh Seoul. Pada masa yang sama, cadangan kerajaan Jepun untuk membawa isu pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa/*International Court of Justice* (ICJ) juga tidak diterima oleh Korea Selatan. Sebaliknya, Korea Selatan mengambil pelbagai inisiatif demi memperkuuhkan kawalan efektifnya di pulau tersebut. Ketegangan antara Korea


dan Jepun jelas berpunca akibat penerusan memori sejarah kependudukan yang pahit dalam kolektif nasional masyarakat Korea Selatan. Maka, sentimen anti-Jepun terus menjadi asas untuk pembangunan identiti dan negara bangsa Korea Selatan. Yang menariknya, konflik Pulau Dokdo akhirnya menjadi instrumen penyatuan bangsa kedua-dua Korea dalam mempertahankan kedaulatan pulau tersebut walaupun Seoul dan Pyongyang masih tidak mempunyai hubungan rasmi.

2.4 KERANGKA ANALISIS

Dalam bahagian ini, perkaitan antara teori *Geo-body* dengan Pulau Dokdo diterangkan menerusi Gambar rajah 2.1. Rangka analisis ini bertujuan untuk menerangkan konsep serta hubungan antara konsep-konsep tertentu dengan konflik pertikaian wilayah Pulau Dokdo. Tambahan pula, rangka tersebut juga disediakan sebagai konteks untuk menginterpretasikan dapatan kajian. Dalam hal ini, rangka tersebut membolehkan pengaturan data dan memberi ruang untuk mencari pilihan terbaik bagaimana menganalisis data tersebut.

Seperti yang dinyatakan, pentadbiran Pulau Dokdo dilakukan oleh Korea Selatan sejak tahun 1948. Korea Selatan melakukan pelbagai inisiatif untuk memperkuatkan kehadirannya dan kawalannya di pulau tersebut. Pengkaji memberi tumpuan kepada dua komponen utama dalam teori *Geo-body* yang disarankan oleh Winichakul iaitu nasionalisme dan negara bangsa. Dari segi konsep nasionalisme, penjelasan *Geo-body* Korea Selatan dilakukan melalui kajian pemetaan serta rangkuman sejarah kolonialisasi Jepun di Semenanjung Korea dalam bab-bab yang akan datang. Nasionalisme merujuk kepada bagaimana aspek sejarah memainkan peranan penting dalam memori kolektif masyarakat Korea Selatan.

Gambar rajah 2.1: *Geo-Body* Korea Selatan



Sumber: Lakaran pengkaji

Kedudukan Pulau Dokdo dalam kajian ini adalah sebagai simbol mempertahankan kedaulatan wilayah serta identiti nasional Korea Selatan. Tuntutan Jepun ke atas Pulau Takeshima/Dokdo bermula setelah *San Francisco Peace Treaty* berkuatkuasa pada tahun 1952. Namun, tuntutan tersebut tidak diendahkan oleh Korea Selatan. Kajian ini mengandaikan bahawa Korea Selatan berpendirian bahawa tiada sebarang isu pertikaian wilayah berhubung pemilikan Pulau Dokdo.

Oleh itu, kajian akan menumpukan kepada pembangunan ekonomi serta pemuliharaan Pulau Dokdo yang dilihat bukan sahaja untuk memperkuuhkan pemilikan tetapi juga sebagai mempertahankan kedaulatan wilayah, negara bangsa dan identiti Korea Selatan. Disebabkan pada masa sekarang, konflik Pulau Dokdo tidak dapat diselesaikan, kajian ini mencadangkan bahawa beberapa kaedah diadaptasikan untuk meminimakan konflik serta mengatasi hubungan bilateral Seoul dan Tokyo yang semakin tegang.

2.5 SOROTAN LITERATUR TERDAHULU

Kajian terdahulu memberikan tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan dengan latar belakang konflik, perbezaan pendapat antara Korea Selatan dan Jepun serta soal tuntutan. Oleh sebab itu, bahagian seterusnya menganalisis skop kajian tentang konflik Pulau Dokdo sehingga kini. Sorotan kajian terdahulu berfungsi untuk mencari kelemahan dalam kajian yang sudah pun dilakukan. Dengan berbuat demikian, pengkaji boleh memberikan justifikasi kepada permasalahan kajian sekali gus memenuhi objektif kajian. Hal ini akan membolehkan pengkaji memberikan interpretasi yang baru kepada sebuah konflik yang telah lama wujud. Bahagian seterusnya akan menganalisis kajian terdahulu mengenai Pulau Dokdo melalui tiga aspek iaitu aspek sejarah, ekonomi dan resolusi konflik.

2.5.1 Sorotan literatur dari aspek sejarah

Seorang pengkaji Korea Selatan yang bernama Chinsoo Bae dalam kajiannya pada tahun 2012 yang bertajuk *Territorial Issue in the Context of Colonial History and International Politics: The Dokdo Issue between Korea and Japan* meneliti konflik Pulau Dokdo menerusi legasi pentadbiran kolonialisasi Jepun di Semenanjung Korea dan Amerika Syarikat di Jepun. Beliau berpendapat pelan strategik pihak Jepun adalah untuk menjadikan Semenanjung Korea sebagai sebahagian daripada wilayah Jepun. Tindakan kerajaan Jepun mengilhakan Pulau Dokdo sebagai wilayah pentadbirannya pada tahun

1905 menerusi *Eulsa Treaty* memastikan status Semenanjung Korea sebagai koloni Jepun (Bae, 2012: 21; Rujuk Lampiran 5). Akibatnya, pulau berkenaan dilihat sebagai sebahagian daripada wilayah Jepun. Bae menegaskan bahawa situasi ini menjadi punca utama timbulnya konflik pertikaian hak dan kedaulatan ke atas pulau tersebut.

Menurut Bae lagi, tindakan Jepun menduduki pulau Dokdo didorong oleh beberapa faktor. Pertama, Jepun menganggap pulau tersebut adalah *terra nullius* apabila mendapati bahawa tidak ada sebarang kuasa yang pernah mentadbir pulau berkenaan. Umumnya, konsep *terra nullius* merujuk kepada sesebuah wilayah yang secara semula jadinya tidak berada di bawah mana-mana bidang kuasa. Konsep ini juga merujuk kepada sebuah wilayah yang pernah diduduki tetapi kemudiannya diabaikan dalam suatu jangka masa yang panjang (Whitmore, 1896: 6). Kedua, Pulau Dokdo berperanan sebagai kawasan strategik militari untuk meninjau aktiviti militari Rusia pada ketika itu. Faktor yang terakhir adalah berdasarkan kepada keperluan ekonomi. Seorang usahawan Jepun iaitu Nakai Yozaburo melobi Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Jepun pada tahun 28 September 1904 untuk menjadikan pulau tersebut sebahagian daripada kepulauan Jepun bagi tujuan memonopoli aktiviti memburu anjing laut (Bae, 2012: 31-34).

Selain itu, Bae turut menekankan bagaimana pentadbiran Amerika Syarikat banyak mempengaruhi isu hak dan kedaulatan Liancourt Rocks. Analisis Bae menunjukkan pendirian Amerika Syarikat berhubung Liancourt Rocks mula mantap semasa pentadbiran Presiden Franklin D. Roosevelt dan Harry S. Truman. Proses mendraf San Francisco Peace Treaty semasa pentadbiran kedua-dua presiden ini juga mengambil kira status Liancourt Rocks. Peruntukan yang melibatkan hak dan kedaulatan Liancourt Rocks telah beberapa kali dipinda sehingga perjanjian tersebut ditandatangani pada tahun 1951. Draf

pertama sehingga kelima menunjukkan Pulau Dokdo sebagai wilayah Korea semasa pentadbiran Presiden Roosevelt (Bae, 2012: 39). Walau bagaimanapun, pulau berkenaan ditakrifkan sebagai wilayah Jepun dalam draf keenam semasa pentadbiran Truman (Bae, 2012: 39; Rujuk Lampiran 6). Keadaan ini secara tidak langsung menambahkan lagi kekeliruan kepada soal hak pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima.

Bae berpendapat desakan daripada penasihat politik Amerika Syarikat di Jepun William J. Sebald (1945-1952), berjaya meyakinkan Washington untuk mengiktiraf kedaulatan Pulau Takeshima sebagai milik Jepun semasa pentadbiran Truman (Bae, 2012: 39). Selepas itu, perspektif ini menjadi muktamad apabila pihak Amerika Syarikat menjadikan Liancourt Rocks sebagai kawasan latihan pengeboman ketenteraan pada tahun 1952 (Bae, 2012: 39). Bae (2012:45) menyimpulkan bahawa walaupun akhirnya *San Francisco Peace Treaty* tahun 1951 tidak menjelaskan status Pulau Dokdo/Takeshima secara rasmi, namun, kedaulatan pulau berkenaan telah pun diserahkan kepada Korea Selatan yang ditubuhkan pada tahun 1948 oleh Kerajaan Militari Amerika Syarikat di Korea (1945-1948) atau *United States Army Military Government in Korea* (USAMGIK). Maka, jelas bahawa Bae mengutamakan faktor sejarah dalam penilaianya yang berkaitan dengan soal pemilikan Pulau Dokdo oleh Korea Selatan.

Selain Bae, risalah yang disediakan oleh dua institusi penyelidikan yang berlokasi di Korea Selatan iaitu *Dokdo Research and Preservation Association* dan *Dokdo Institute yang bertajuk A Story of Dokdo Island, A Korean Territory: Dokdo in Korea* pada tahun 2005 menerangkan kronologi sejarah Pulau Dokdo bermula daripada kerajaan Silla (57 SM-935 M).

Risalah ini tidak mempunyai pengarang tetapi bertujuan mempromosikan aspek sejarah bagi meningkatkan kesedaran warga Korea Selatan dan pemahaman masyarakat antarabangsa bahawa kedaulatan Pulau Dokdo sememangnya sentiasa berada di bawah bidang kuasa Korea Selatan. Analisis ini bukan sahaja berkait langsung dengan sejarah tetapi juga aspek perundangan antarabangsa dan geopolitik. Mengikut risalah ini, tuntutan Jepun ke atas Pulau Dokdo tidak mempunyai sebarang merit kerana Korea Selatan tegas bahawa tidak wujud sebarang konflik pertikaian wilayah. Justeru itu, Korea Selatan tidak mempunyai sebarang obligasi untuk menilai semula status pulau berkenaan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan Jepun (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 18).

Selain itu, risalah ini turut memuatkan bukti yang mana kerajaan Jepun sendiri mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo. Menerusi dokumen dan peta lama yang diterbitkan oleh kerajaan Jepun sekitar tahun 1667, Pulau Dokdo direkodkan sebagai hak milik kerajaan Goryeo (918-1392), di Semenanjung Korea (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 5). Pada masa yang sama, risalah ini turut menyoroti konflik antara nelayan Korea dan Jepun sekali gus menguatkan lagi hak perikanan nelayan Korea di sekitar Pulau Dokdo pada ketika itu (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 6). Selepas kerajaan Goryeo, kerajaan Chosun (1392-1897) tegas dengan pendirian bahawa Pulau Dokdo adalah miliknya. Pendirian tersebut diiktiraf oleh pemerintah Keshogunan Tokugawa di Jepun yang mengakui bahawa pulau tersebut adalah milik kerajaan Chosun sejak tahun 1696. Akibatnya, nelayan Jepun dilarang daripada melakukan sebarang aktiviti perikanan di sekitar Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 6).

Perkara yang paling signifikan dalam risalah yang dikaji adalah perspektif bahawa kerajaan Jepun tidak memasukkan Pulau Dokdo dalam peta wilayah Shimane pada tahun 1877. Hal ini sedikit sebanyak memberi gambaran bahawa Jepun mengakui pulau tersebut adalah milik kerajaan Chosun. Walau bagaimanapun, sering kali didapati nelayan Jepun masih menceroboh perairan Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo. Risalah yang dikaji turut menekankan bahawa empayar Korea (1897-1910) memperkuatkan kawalan efektifnya ke atas Pulau Dokdo melalui Ordinan 41 (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 12).

Risalah tersebut juga menerangkan bahawa keadaan politik antarabangsa mempengaruhi pendirian kerajaan Jepun terhadap status Pulau Dokdo. Sejarah menunjukkan pada masa-masa tertentu Jepun mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo. Umpamanya, pengiktirafan ini boleh dikesan apabila seorang usahawan dari Jepun, Nakai Yozaburo meminta kebenaran daripada empayar Korea untuk memberikan hak eksklusif bagi tujuan memonopoli aktiviti pemburuan anjing laut.

Walau bagaimanapun, dengan kemenangan Jepun dalam Perang Rusia-Jepun pada tahun 1904, sekali gus mengubah perspektif Tokyo terhadap Pulau Dokdo. Jepun mengambil keputusan drastik membina sebuah menara peninjau tentera laut di Pulau Dokdo. Alasan yang dikemukakan oleh pihak Jepun adalah pulau tersebut tidak dimiliki oleh sebarang kuasa, yakni berstatus terra nullius. Justeru itu, pada tahun 1905, Dokdo diilhakan oleh Jepun dan sekali gus dikenali sebagai ‘Takeshima’ (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 14).

Sehubungan dengan itu, risalah yang dikaji menekankan faktor lokasi Pulau Dokdo dan tindakan Jepun di dalam mengilhakan pulau berkenaan pada tahun 1905 digunakan

sebagai alasan untuk menuntut pemilikan Pulau Takeshima. Namun, risalah tersebut turut menegaskan bahawa pada tahun 1946, USAMGIK telah mengembalikan pentadbiran Pulau Dokdo kepada Korea Selatan. Secara umumnya, risalah yang diterbitkan oleh Dokdo Research and Preservation Association and Dokdo Institute menggunakan faktor sejarah untuk menjelaskan status perubahan hak milik Pulau Dokdo semasa kerajaan Goryeo, Chosun, empayar Korea, pentadbiran Jepun dan Amerika Syarikat.

Seorang lagi pengkaji yang dikenali sebagai Sean Fern melalui kajian beliau yang bertajuk *Tokdo or Takeshima? The International Law of Territorial Acquisition in the Japan-Korea Island Dispute* pada tahun 2005 menyentuh isu kedaulatan Liancourt Rocks dalam konteks pasca Perang Dunia Kedua. Fern menegaskan bahawa status Liancourt Rocks tidak disebut atau dijelaskan secara terperinci dalam *San Francisco Peace Treaty* pada tahun 1951 sebagai salah satu wilayah yang akan dikembalikan kepada Semenanjung Korea. Malah Fern menyatakan hak pentadbiran Liancourt Rocks diletakkan di bawah kawalan ketenteraan Amerika Syarikat yang mana pulau tersebut digunakan sebagai kawasan latihan letupan bom (Fern, 2005: 80). Justeru itu, Fern mendakwa Syngman Rhee mewujudkan garisan maritim yang dikenali sebagai *Rhee Line* pada tahun 1952 di kawasan Liancourt Rocks bertujuan untuk menegakkan hak kedaulatan Korea Selatan dan menghalang kapal-kapal asing terutamanya kapal Jepun daripada memasuki kawasan tersebut. Walaupun tindakan itu dibantah oleh kerajaan Jepun, namun pada tahun 1965, Jepun dan Korea Selatan menjalinkan hubungan rasmi. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mencari penyelesaian tentang isu ini secara aman.

Dalam pada itu, Fern (2005: 82-84) turut mengkaji beberapa kes pertikaian wilayah yang lain seperti kes Pulau Palmas dan Pulau Clipperton sebagai panduan dalam usaha untuk menyelesaikan isu hak dan kedaulatan ke atas Liancourt Rocks. Fern (2005: 86)

menegaskan bahawa Korea Selatan mempunyai tuntutan yang kukuh dalam menuntut hak dan kedaulatan ke atas Liancourt Rocks. Hal ini kerana Korea Selatan telah menunjukkan niat dan kedaulatan ke atas pulau tersebut dengan menjalankan pelbagai aktiviti di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, Fern (2005: 86-88) berpendapat tuntutan Jepun ke atas Liancourt Rocks adalah lemah. Walaupun Jepun bergantung kepada dokumen perjanjian tahun 1905 dan 1910, beliau mempersoalkan tindakan Korea pada ketika itu sama ada berniat dan bersetuju terhadap pemindahan kedaulatan Pulau Dokdo kepada Jepun. Tambahan pula, analisis beliau mendapati bahawa aspek kawalan efektif Jepun hanya berlaku semasa tempoh kependudukan Semenanjung Korea. Setelah Semenanjung Korea mencapai kemerdekaan, tidak terdapat sebarang bukti Jepun melaksanakan sebarang aktiviti yang berterusan di Liancourt Rocks. Justeru itu, Fern menyimpulkan bahawa pengalaman kependudukan Jepun ke atas Semenanjung Korea tidak boleh digunakan sebagai bukti bagi menuntut Liancourt Rocks.

Selain Fern, artikel Palmer dan Smith pada tahun 2016 yang bertajuk *Assimilating Tokto: The Islets in Korean Everyday Life* mengupas bagaimana Pulau Dokdo dijadikan instrumen nasionalisme dalam kehidupan seharian masyarakat Korea Selatan. Dalam dua puluh tahun kebelakangan ini, isu Pulau Dokdo mula menjadi penting dalam meningkatkan sentimen nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea Selatan. Dalam erti kata lain, penulis menyoroti isu Pulau Dokdo sebagai manifestasi nasionalisme etnik dengan mengaitkan unsur negatif terhadap pengalaman kependudukan Jepun (1910-1945). Palmer dan Smith mendapati kerajaan dan sektor swasta di Korea Selatan melakukan pelbagai aktiviti berkaitan dengan Pulau Dokdo bertujuan untuk menguatkan hak pemilikan Korea Selatan serta mempertingkatkan sentimen nasionalisme. Kedua-dua pengkaji ini membincangkan secara panjang lebar bagaimana konflik Pulau Dokdo sentiasa dihidupkan dalam memori masyarakat awam melalui pembelajaran di sekolah,

dalam lagu-lagu popular serta digunakan dalam mempromosikan perniagaan tempatan. Dengan berbuat demikian, Pulau Dokdo menjadi sebahagian daripada ingatan kolektif masyarakat awam dalam kehidupan sehari-hari.

Pulau Dokdo menjadi simbol nasionalisme kepada masyarakat Korea Selatan memandangkan pulau tersebut merupakan wilayah pertama yang jatuh ke tangan Jepun pada tahun 1905. Menurut Palmer dan Smith, isu Pulau Dokdo ini digunakan untuk menonjolkan bagaimana kependudukan Jepun menjadikan Korea sebagai mangsa pentadbiran kolonial. Pada masa yang sama, Palmer dan Smith juga membincangkan pertikaian ini dari perspektif Jepun. Mereka berpendapat bahawa tuntutan Jepun terhadap Pulau Takeshima bermula secara serius semasa zaman pentadbiran Meiji (1868-1912). Dikatakan bahawa kerajaan Jepun menganggap status Pulau Takeshima sebagai terra nullius. Tambahan pula, kedua-dua pengkaji turut berpendapat bahawa tuntutan terhadap Pulau Takeshima berkait rapat dengan kedudukan strategik pulau tersebut. Namun, Palmer dan Smith menjelaskan bagi masyarakat Korea Selatan, tuntutan Jepun dilihat sebagai proses mengagungkan legasi imperialismenya. Kedua-dua pengkaji melihat Jepun berhadapan dengan masalah mengiktiraf kemerdekaan Korea Selatan (Palmer & Smith, 2016: 10-14). Mereka berpendapat bahawa masyarakat Korea Selatan mempunyai perasaan negatif terhadap perlakuan Jepun yang dikatakan enggan mengembalikan wilayah yang dirampas semasa era imperialisme.

Kedua-dua pengkaji juga membincangkan inisiatif yang diambil oleh kerajaan Korea Selatan dalam mempromosikan status Pulau Dokdo kepada masyarakat tempatan untuk meningkatkan kesedaran isu pertikaian pulau tersebut. Mereka memberikan contoh seperti arahan daripada Kementerian Pendidikan Korea Selatan untuk mengajar sejarah

Pulau Dokdo di 60 buah sekolah dan pada masa yang sama menggalakkan pelajar Korea Selatan melakukan lawatan lapangan ke pulau berkenaan.

Palmer dan Smith (2016: 15-21) juga membincangkan pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan Korea Selatan. Antaranya adalah kewujudan muzium Dokdo di Pulau Ulleungdo dan Sondaemun yang menyimpan rekod dan dokumen lama untuk tatapan masyarakat Korea Selatan mahupun antarabangsa. Dalam mengukuhkan pemilikan Pulau Dokdo, kerajaan Korea Selatan turut menggalakkan perbincangan ilmiah dan menyeru rakyat tempatan melawat pulau tersebut. Pada masa yang sama juga, pengisytiharan Pulau Dokdo sebagai Monumen Semulajadi No.336 pada tahun 1982 serta pencetakan setem yang menggambarkan ciri-ciri yang terdapat di pulau tersebut turut dilakukan oleh kerajaan Korea Selatan. Justeru itu, Palmer dan Smith menyimpulkan inisiatif sebegini menggambarkan penggunaan politik identiti bertujuan meningkatkan sentimen nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea Selatan.

Usaha yang diambil oleh sektor swasta untuk meningkatkan kesedaran terhadap Pulau Dokdo juga diberi perhatian (Palmer & Smith, 2016: 21-25). Dalam hal ini, imej Pulau Dokdo sering digunakan oleh firma swasta dalam mempromosikan produk mereka. Pelbagai barang dan perkhidmatan yang bertemakan Pulau Dokdo digunakan untuk menarik perhatian masyarakat Korea Selatan. Kaedah pengiklanan yang dijalankan melalui media elektronik mahupun bahan bercetak bertujuan meningkatkan kesedaran tentang isu Pulau Dokdo. Antara barang yang dihasilkan adalah seperti alat tulis, cenderahati dan paparan poster. Selain itu, Palmer dan Smith juga menjelaskan golongan nasionalis mengaitkan isu Pulau Dokdo dengan isu-isu lain seperti comfort women. Menurut mereka, isu Pulau Dokdo dan mangsa comfort women digunakan oleh golongan nasionalis untuk menonjolkan tindakan agresif Jepun semasa zaman kolonialisme. Justeru

itu, golongan nasionalis mendesak agar kedua-dua isu tersebut diselesaikan. Maka, Palmer dan Smith menyimpulkan isu Pulau Dokdo berfungsi sebagai platform yang menyatukan warga Korea Selatan dalam konteks memupuk nasionalisme dan meningkatkan sentimen anti-Jepun. Dalam senario ini, dapat difahamkan faktor keengganan Korea Selatan membawa isu Pulau Dokdo ke ICJ. Akhirnya, mereka mencadangkan agar Jepun menggugurkan tuntutan terhadap Pulau Dokdo sebagai penyelesaian kepada konflik tersebut (Palmer & Smith, 2016: 26-27).

Seperti Bae, Fern, Palmer dan Smith serta Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute yang menekankan isu sejarah dan perkaitan dengan unsur nasionalisme serta sentimen anti-Jepun sebagai faktor penghalang dalam menyelesaikan konflik Pulau Dokdo/Takeshima, Wiegand pula melalui kajiannya *The South Korean-Japanese Security Relationship and the Dokdo/Takeshima Islets Dispute* pada tahun 2015 juga berpendapat isu Pulau Dokdo/Takeshima dibayangi faktor yang sama. Kedua-dua negara tidak mempercayai antara satu sama lain disebabkan pengalaman sejarah yang pahit. Tidak dapat dinafikan bahawa sentimen anti-Jepun masih kuat dalam kalangan masyarakat Korea Selatan dan ini menjadi faktor penghalang kepada penyelesaian konflik Pulau Dokdo.

Wiegand memerhatikan bahawa kedua-dua negara diancam oleh pembangunan nuklear Korea Utara dan kebangkitan negara China. Walaupun begitu, beliau menekankan kedua-dua negara masih tidak berupaya menandatangani sebarang perjanjian keselamatan untuk mengatasi ancaman daripada Korea Utara dan China disebabkan oleh sejarah silam termasuklah isu Pulau Dokdo/Takeshima. Wiegand dengan jelasnya menggambarkan bagaimana pemimpin Korea Selatan dipengaruhi oleh pendapat masyarakat umum dalam isu Pulau Dokdo. Beliau menegaskan bahawa masyarakat Korea

Selatan tidak akan menyokong mana-mana pemimpin yang mahu menjalinkan hubungan keselamatan dengan Jepun. Pada masa yang sama, beliau juga memerhatikan bahawa pemimpin Korea Selatan sendiri enggan mengambil risiko membuat keputusan yang bakal ditentang oleh masyarakat tempatan (Wiegand, 2015: 354). Perkara ini biasanya berlaku apabila kedudukan pemimpin dalam politik domestik agak lemah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang berkait rapat dengan pilihan raya ataupun populariti yang rendah (Wiegand, 2015: 354). Boleh disimpulkan bahawa Wiegand berpendapat konflik Pulau Dokdo merupakan penghalang utama dalam memperbaiki hubungan bilateral Korea Selatan dan Jepun.

Selain Wiegand, Medzini pula dalam artikelnya *The Role of Geographical Maps in the Territorial Disputes between Japan and Korea* pada tahun 2017 berpendapat peranan peta tradisional dan digital dalam menuntut pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima serta mempertahankan identiti nasional adalah amat penting kerana boleh dijadikan sebagai suatu instrumen propaganda oleh sesebuah kerajaan. Khususnya, Medzini (2017: 44) berpendapat bahawa proses penginterpretasian sesebuah peta adalah perkara yang penting apabila membincangkan isu berhubung hak dan kedaulatan sesebuah wilayah. Beliau menjelaskan bahawa peta mempunyai beberapa peranan utama. Pertama sekali peta bertindak sebagai alat pengetahuan (educational tools) yang membentuk naratif nasional. Medzini menjelaskan naratif tersebut menjadi asas kepada kewujudan nilai dan imej sesebuah negara yang berkeupayaan untuk mempengaruhi, membentuk dan mengubah pandangan seorang mahu pun sekumpulan individu terhadap suatu aspek kewilayahan (Medzini, 2017: 44). Justeru itu, sesebuah kerajaan menggunakan peta untuk tujuan penyebaran propaganda khususnya dalam usaha menuntut pemilikan sesebuah wilayah (Medzini, 2017: 45). Tambahan pula, Medzini (2017: 44) juga menyatakan bahawa peta

boleh dianggap sebagai alat untuk memupuk sentimen negatif terhadap pihak lain, khususnya kepada negara yang terlibat dalam konflik pertikaian.

Walaupun Medzini mengakui bahawa peta mempunyai kuasa perundangan yang terhad dalam menyelesaikan konflik, tidak dapat dinafikan bahawa sesebuah peta berperanan sebagai rujukan pihak institusi keadilan antarabangsa (2017: 45-46). Medzini (2017: 54) menegaskan peta yang dikemukakan oleh Seoul dan Tokyo dalam soal pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima tidak semestinya memberi penetapan kedaulatan dan persempadan yang jelas kerana peta tersebut dilakar semasa era imperialisme.

Tambahan pula, beliau memerhatikan bahawa institusi keadilan antarabangsa beranggapan sesebuah peta yang dihasilkan tidak melambangkan aspek realiti kerana institusi tersebut sering dimanipulasikan oleh pembuat peta untuk mencapai kepentingan nasional. Oleh sebab itu, kebiasaananya, institusi keadilan seperti ICJ dan Mahkamah Tetap Timbang Tara atau *Permanent Court of Arbitration* (PCA) lebih menumpukan perhatian kepada keberkesanan sesuatu dokumen atau perjanjian kerana kedua-dua instrumen ini mempunyai kuasa pengikat antara negara-negara yang terlibat (Medzini, 2017: 46). Maka, aspek pemetaan bukanlah bukti perundangan yang kukuh.

Medzini (2017: 54) menyimpulkan bahawa peta hanya merupakan suatu alat propaganda bagi kerajaan yang berkonflik. Situasi ini dibuktikan dengan bantahan keras daripada Seoul dan Tokyo apabila *Google* dan *Apple Corporation* mengambil langkah neutral dalam menggunakan istilah ‘Dokdo’ dan ‘Takeshima’ pada masa yang sama. Umpamanya, *Google Maps* menggunakan istilah Dokdo dalam laman sesawangnya di Korea Selatan dan Takeshima di Jepun manakala *Apple Corporation* pula menggunakan kedua-dua istilah dalam semua laman sesawangnya. Kesan daripada itu, kerajaan Jepun

melarang kakitangan kerajaan serta institusi pendidikannya daripada menggunakan *Google Maps*. Kerajaan Korea Selatan pula membantah keras langkah *Apple Corporation* menggunakan kedua-dua nama Pulau Dokdo dan Pulau Takeshima dalam *iPhone Maps*. Dapat dijelaskan bahawa bantahan tersebut adalah bertujuan mempertahankan identiti nasional dan kedaulatan di samping meningkatkan semangat nasionalisme masyarakat Korea dan Jepun (Medzini, 2017: 49).

2.5.2 Sorotan literatur dari aspek ekonomi

Pulau Dokdo dikatakan mempunyai potensi keuntungan yang tinggi dari aspek pengeksplotasian sumber ekonomi. Walaupun Seoul dan Tokyo mempunyai beberapa persetujuan dari segi menjalankan aktiviti perikanan, namun pada keseluruhannya sumber ekonomi di Pulau Dokdo/Takeshima belum lagi dibangunkan sepenuhnya. Buat masa ini, kawasan perairan di sekitar Pulau Dokdo/Takeshima lebih dikenali sebagai kawasan neutral. Sorotan kajian memaparkan bahawa kepentingan ekonomi Pulau Dokdo/Takeshima lebih menumpukan kepada aktiviti perikanan, pelancongan dan sedikit sebanyak tentang pemeliharaan dan pemuliharaan sumber bahan mentah.

Dalam artikel Fern yang bertajuk *Tokdo or Takeshima? The International Law of Territorial Acquisition in the Japan-Korea Island* pada tahun 2005, beliau menekankan bahawa Korea Selatan mempunyai hak pemilikan Pulau Dokdo berbanding Jepun. Namun begitu, Seoul tidak akan membawa isu pemilikan wilayah ini untuk diadili oleh mana-mana pihak antarabangsa. Pada masa yang sama, Fern (2005: 89) mengandaikan bahawa Seoul dan Tokyo akan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul melalui unsur kompromi.

Sebagai contoh, dalam aktiviti perikanan, Fern (2005: 81) menjelaskan bahawa perjanjian perikanan Korea Selatan dan Jepun tahun 1998 yang berkuatkuasa pada tahun 2002 membenarkan nelayan Korea Selatan menangkap sebanyak 149,200 tan ikan setiap tahun tetapi nelayan Jepun pula dihadkan kepada 94,000 tan sahaja. Akan tetapi, Fern menegaskan bahawa peraturan ini tidak diikuti oleh kedua-dua pihak secara tetap. Sebagai contoh, Fern (2005: 81) membuktikan jumlah hasil tangkapan Korea Selatan pada tahun 2002 adalah sebanyak 149, 218 tan manakala bagi Jepun adalah sebanyak 93, 773 tan sahaja. Dalam situasi ini, Fern memerhatikan bahawa Jepun akan terus berunding dengan Seoul untuk mendapatkan akses tambahan kepada sumber ekonomi di persekitaran Pulau Dokdo. Dengan berbuat demikian, ketegangan antara kedua-dua negara dapat diminimakan walaupun isu pemilikan belum diselesaikan.

Penerbitan *National Geographic Information Institute* (NGII) pada tahun 2013 yang berjudul *The Geography of Dokdo* menjelaskan latar belakang, ciri-ciri semula jadi yang terdapat di sekitar Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo secara menyeluruh. Fokus utama penerbitan ini adalah untuk memberikan tumpuan penuh kepada sumber ekonomi dan kegiatan utama di sekitar Pulau Dokdo. Antara aktiviti yang diberikan penekanan adalah aktiviti perikanan dan pelancongan yang dikatakan menunjukkan pertumbuhan yang pesat kebelakangan ini (NGII, 2013: 206).


Seperti Fern, NGII juga mengakui bahawa Pulau Dokdo dianggarkan kaya dengan hasil laut terutamanya sumber perikanan. Namun, penerbitan ini tidak memberikan statistik khusus tentang perikanan di Pulau Dokdo. Kajian ini lebih memberi gambaran umum tentang jumlah hasil perikanan serta jenis ikan yang terdapat di Laut Timur secara keseluruhannya. Umpamanya, Peta 1.1 memaparkan jenis ikan yang diperoleh mengikut musim di Laut Timur. Peta tersebut menunjukkan bahawa spesis sotong banyak terdapat

di Laut Timur khususnya semasa musim Panas dan musim Luruh. Selain itu, Peta 1.1 turut memperlihatkan penggunaan pukat tunda (Bottom Trawl) sebagai kaedah penangkapan ikan yang utama di kawasan tersebut.

Menurut NGII (2013: 216) lagi, selain aktiviti perikanan, aktiviti pelancongan di kawasan Pulau Dokdo juga ditekankan oleh Korea Selatan berdasarkan keunikan landskap yang terdapat di kawasan pulau berkenaan. Tambahan pula, akibat daripada kawalan ketat ke atas Pulau Dokdo yang dikenakan oleh kerajaan Korea Selatan serta faktor cuaca yang ekstrem di kawasan itu, keunikan alam semula jadi bebas daripada pencemaran dan habitat hidupan laut terpelihara. Keadaan ini mendorong kerajaan Korea Selatan untuk menjadikan kawasan Pulau Dokdo sebagai kawasan perlindungan ekologi semula jadi.

NGII turut membincangkan strategi Korea Selatan menyenaraikan sembilan monumen semula jadi di Ulleung-gun bagi mengukuhkan kawalan efektif negara tersebut. Dalam hal ini, Pulau Dokdo disenaraikan sebagai salah satu daripada sembilan monumen tersebut. Menurut NGII (2013: 169) lagi, menerusi laporan berhubung ekosistem di Pulau Dokdo yang dikeluarkan oleh Kementerian Alam Sekitar Korea Selatan pada tahun 2005 mendapati bahawa terdapat 25 jenis spesies burung yang telah tersenarai di bawah kategori spesies terancam. Menerusi *Cultural Assets Protection Law* yang berkuatkuasa pada tahun 1982, kerajaan Korea Selatan mengklasifikasikan Pulau Dokdo sebagai kawasan pembiakan burung-burung laut (sea birds) (NGII, 2013: 217). Secara umumnya, penerbitan NGII lebih menumpukan kepada langkah mempromosikan keunikan Pulau Dokdo berbanding perbincangan berunsurkan politik dan soal kedaulatan.

Peta 2.7: Taburan spesis hidupan laut mengikut musim di Laut Timur (East Sea).



Sumber: National Geography Information Institute, 2013: 209.

Ralf Emmers, seorang pengkaji barat menerusi penulisannya bertajuk *Resource Management and Contested Territories in East Asia* pada tahun 2013 membincangkan isu pertindihan sempadan dan akses sumber ekonomi dalam pertikaian wilayah. Kajian beliau menumpukan isu sumber asli maritim dalam konteks kerjasama dan persaingan antara Korea Selatan dan Jepun. Dalam hal ini, Emmers memberikan perhatian terhadap percubaan perjanjian pembangunan kawasan maritim bersama. Beliau melihat isu ini dari pelbagai aspek. Umpamanya, sejauh manakah pembangunan bersama mampu mengurangkan ketegangan antara Korea Selatan dan Jepun. Selain daripada itu, beliau juga mengkaji sama ada perjanjian sebegini harus dilakukan sebelum atau selepas isu kedaulatan diselesaikan. Pada masa yang sama, beliau juga mempersoalkan sama ada kerjasama dan pembangunan kawasan maritim boleh diasangkan daripada isu nasionalisme dan persaingan kuasa antara Seoul dan Tokyo.

Analisis Emmers (2013: 25) mendapati bahawa konflik Pulau Dokdo/Takeshima dihangatkan lagi menerusi ratifikasi Korea dan Jepun terhadap *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) pada tahun 1996. Pengratifikasi UNCLOS membawa kepada penubuhan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang membolehkan Seoul dan Tokyo mengakses sumber ekonomi yang terdapat di persekitaran Pulau Dokdo/Takeshima sehingga 200 batu nautikal daripada persisiran pantai (Emmers, 2013: 25). Walau bagaimanapun, isu pertindihan sempadan maritim wujud apabila Korea Selatan dan Jepun menggunakan lokasi Pulau Dokdo/Takeshima sebagai penanda ZEE masing-masing. Tambahan pula, aktiviti perikanan yang tidak terkawal menyebabkan kemerosotan sumber perikanan di Laut Jepun. Disebabkan Korea Selatan dan Jepun dianggap sebagai negara yang kurang mempunyai sumber asli, kajian Emmers berpendapat bahawa isu pertindihan sempadan maritim dan soal pengurusan

sumber ekonomi menjadi faktor keengganan Korea Selatan dan Jepun untuk menyelesaikan konflik Pulau Dokdo/Takeshima.

Selain itu, Emmers (2013: 25-27) membincangkan inisiatif yang diambil oleh Korea Selatan dan Jepun dalam soal berhubung pengurusan sumber di sekitar Pulau Dokdo. Menerusi *Agreement between Japan and the Republic of Korea Concerning Fisheries* tahun 1998, aktiviti perikanan di sekitar ZEE Korea Selatan dan Jepun direglasikan melalui kuota tangkapan (Rujuk Lampiran 7). Pada masa yang sama, pengurusan sumber perikanan akan dilaksanakan menerusi cadangan dan keputusan yang diambil oleh *Joint Fisheries Commission* (JFC). Walau bagaimanapun, Emmers (2013: 26) mengandaikan ketidaksetujuan daripada pihak Korea Selatan kerana menganggap Pulau Dokdo adalah milik Seoul tetapi masih dimasukkan di dalam zon perikanan bersama. Secara keseluruhannya, Emmers (2013, 81) merumuskan bahawa sentimen nasionalisme dan legasi sejarah terhadap kependudukan Jepun menghalang Seoul untuk memberikan konsesi sumber maritim kepada Jepun. Tambahan pula, pemberian konsesi ini dilihat akan memberikan kesan langsung kepada intergriti kedaulatan Korea Selatan.

Jika Emmers menumpukan perhatian kepada pengurusan sumber ekonomi di persekitaran Pulau Dokdo, ahli-ahli akademik daripada Seoul University of Science & Technology iaitu Seul Ye Lim, Se Jun Jin dan Seung Hoon Yoo dalam artikel yang ditulis pada tahun 2017 pula membincangkan pendekatan yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negara Korea Selatan berhubung pertumbuhan ekonomi di persekitaran menerusi inisiatif pemuliharaan alam sekitar di Pulau Dokdo. Artikel yang bertajuk *The Economic Benefits of the Dokdo Seals Restoration Project in Korea: A Contingent Valuation Study* memberi tumpuan kepada spesis haiwan yang hampir mengalami kepupusan. Spesies *Northern Fur Seals* atau dikenali sebagai *Dokdo Seals* (anjing laut

Dokdo) merupakan spesies anjing laut yang banyak terdapat di kawasan Pulau Dokdo seawal tahun 1900-an. Walau bagaimanapun, akibat pemburuan komersial oleh nelayan semasa tempoh kependudukan Jepun di Korea, *Dokdo Seal* tersenarai sebagai spesis hampir pupus di Korea Selatan (Lim et. al, 2017: 3). Maka, para pengkaji mengandaikan bahawa sekiranya spesis tersebut dapat dilestarikan, projek tersebut dijangka akan menggalakkan pertumbuhan pesat ekonomi Korea Selatan pada masa akan datang.

Anggaran nilai projek pemuliharaan tersebut untuk sepuluh tahun yang akan datang (tahun 2027) adalah dijangka sebanyak USD 89.8 juta. Salah satu pendekatannya adalah kajian terhadap 1000 isi rumah Korea Selatan sama ada mereka mahu membiayai projek tersebut dengan pembayaran cukai pendapatan tambahan selama sepuluh tahun (Lim et. al., 2017: 6). Para pengkaji menggunakan kaedah *Contingent Valuation* terhadap 1000 orang responden yang berumur antara 26 hingga 65 tahun di seluruh negara untuk mendapatkan maklum balas terhadap rancangan perlaksanaan projek ini (Lim et. al., 2017: 2-4). *Contingent Valuation* merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk menganggarkan nilai ekonomi untuk kesemua jenis barang dan perkhidmatan berasaskan ekosistem dan alam sekitar yang tidak didagangkan serta tidak mempunyai nilai pasaran. Kaedah ini digunakan untuk menganggarkan faedah (atau kos) perubahan diperingkat peruntukan atau kualiti barang awam. Maklumat ini kemudiannya digunakan dalam menganalisis dan menilai faedah serta kos projek dan dasar sesebuah kerajaan.

Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa lebih 80% daripada responden setuju bahawa projek pemuliharaan spesis harus diteruskan (Lim et. al, 2017: 2). Pengkaji memberikan tumpuan kepada soal kewangan yang mana hasil cukai yang bakal dikutip kemudiannya dapat disalurkan untuk tujuan pembinaan habitat tiruan, merawat Dokdo

Seals yang cedera serta melatih spesis tersebut untuk mengelak daripada bertembung dengan aktiviti perikanan nelayan Korea Selatan. Pada masa yang sama, keputusan tersebut secara tidak langsung menunjukkan pengkaji berjaya memaparkan bahawa terdapat nilai ekonomi yang tinggi sekiranya projek tersebut dilaksanakan (Lim et. al., 2017: 2).

2.5.3 Sorotan literatur penyelesaian dan langkah meminimakan konflik

Penerbitan Bowman yang bertajuk *Why Now Is the Time to Resolve the Dokdo/Takeshima Dispute* pada tahun 2014 mencadangkan beberapa pendekatan komprehensif bagaimana isu pertikaian Pulau Dokdo boleh diselesaikan. Pertama sekali, Bowman menggesa supaya Jepun mengiktiraf Pulau Dokdo adalah milik Korea Selatan. Kedua, beliau juga menyeru kerajaan Korea Selatan supaya tidak terlalu mengikuti kehendak masyarakat umum yang bersifat nasionalis.

Bowman (2014: 453) mendapatkan bahawa tindakan kependudukan Jepun di Semenanjung Korea tidak menggambarkan hak perundangan sah ke atas Pulau Takeshima. Dalam hal ini, hak dan kedaulatan Pulau Dokdo akan diberikan kepada Korea Selatan kerana setakat ini Seoul telah membangunkan pulau berkenaan sejak tahun 1950-an (Bowman, 2014: 453). Keadaan ini kerana kedaulatan sesebuah wilayah akan diberikan kepada negara yang melaksanakan kawalan efektif. Tambahan pula, sekiranya Jepun merujuk kepada intipati *San Francisco Peace Treaty* tahun 1951, tuntutan tersebut masih dianggap tidak relevan kerana pada ketika itu pihak Berikat tidak mempunyai informasi yang cukup dalam menentukan status kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima. Selain itu, penggunaan istilah ‘Dokdo’ dan ‘Takeshima’ yang tidak konsisten sebelum abad ke-20 boleh menyebabkan tribunal antarabangsa memberikan tumpuan kepada aspek kawalan efektif. Justeru itu, Bowman menyimpulkan bahawa kawalan efektif yang

berterusan oleh Korea Selatan secara langsung hanya melemahkan tuntutan Jepun ke atas Pulau Takeshima. Justeru itu, Bowman (2014: 436) menegaskan bahawa dengan mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo sebagai milik Korea Selatan, ketegangan antara kedua-dua negara dapat diminimakan.

Sentimen nasionalisme masyarakat Korea Selatan dalam soal pemilikan hak dan kedaulatan Pulau Dokdo juga diberi keutamaan oleh Bowman. Tidak dapat dinafikan bahawa isu Pulau Dokdo berkait secara langsung dengan semangat nasionalisme. Pada masa yang sama turut menjadi simbol kepada memori sejarah kependudukan Jepun di Semenanjung Korea (Bowman, 2014: 440). Tambahan pula, sebelum proses pendemokrasian pada tahun 1980-an, kerajaan Korea Selatan lebih berbentuk autoritarianisme dan militarisme. Walau bagaimanapun, proses pendemokrasian yang berlaku selepas tahun 1980-an memperlihatkan penglibatan rakyat Korea Selatan dalam mempengaruhi keputusan pemimpin kerajaan terutamanya dalam pengimplementasian dasar luar negara (Bowman, 2014: 447). Keadaan ini dapat dibuktikan melalui lawatan Presiden Lee Myung Bak ke Pulau Dokdo pada tahun 2012 apabila lawatan tersebut dilakukan berdasarkan kepada sentimen nasionalisme. Lawatan ke Pulau Dokdo secara langsung meningkatkan populariti beliau. (Bowman, 2014: 447-448).

Bowman (2014: 461) menyarankan agar Korea Selatan seharusnya mengurangkan retorik nasionalisme dan mengiktiraf kebergantungan kedua-dua negara. Pada masa yang sama, tuntutan Jepun ke atas Pulau Takeshima tidak memberikan pengiktirafan perundungan dan perlu menyedari bahawa tidak ada cara praktikal untuk mencabar kawalan *de facto* Korea Selatan di Pulau Dokdo. Beliau berpendapat bahawa hanya kedua-dua negara ini sahaja mampu menyelesaikan konflik pertikaian Pulau Dokdo/Takeshima. Penyelesaian kepada konflik Pulau Dokdo/Takeshima membolehkan

Seoul dan Tokyo berdepan dan menangani kebangkitan kuasa China demi mengekalkan kestabilan rantau Asia Timur.

Selain Bowman, seorang pengkaji warganegara Jepun yang bernama Atsuko Kanehara turut menulis tentang pendekatan undang-undang laut antarabangsa yang boleh diambil dalam menyelesaikan isu pertikaian Pulau Dokdo. Penulisan beliau yang bertajuk *A Possible Practical Solution for the Dispute over the Dokdo/Takeshima Islands from the Perspective of the Law of the Sea* pada tahun 2011 mengutarakan idea bahawa jikalau sempadan ZEE berkaitan Pulau Dokdo/Takeshima dapat dipersetujui oleh Seoul dan Tokyo, isu kedaulatan sememangnya boleh ditangani. Beliau menekankan beberapa isu utama seperti kajian saintifik yang dilakukan oleh kedua-dua negara di kawasan pertindihan ZEE, kerjasama perikanan di kawasan perairan yang dituntut, isu delimitasi pentas benua serta skim pembangunan bersama sumber maritim.

Walaupun soal kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima belum diselesaikan, namun Kanehara (2011: 87) menekankan bahawa menerusi perspektif undang-undang laut antarabangsa, Seoul dan Tokyo berjaya mengenepikan soal kedaulatan menerusi pelbagai projek kerjasama di sekitar Pulau Dokdo/Takeshima. Persoalan utama yang dikemukakan dalam kajian Kanehara (2011: 74) adalah apakah kepentingan yang boleh dicapai dengan memiliki kedaulatan Pulau Dokdo. Kanehara (2011: 88) memang tidak menafikan bahawa pemilikan kedaulatan membolehkan perluasan sesebuah negara tetapi pada masa yang sama mempersoalkan sekiranya dengan memberi tumpuan kepada soal kedaulatan, adakah kedua-dua pihak mampu mencari solusi atau keputusan yang produktif dalam menangani mana-mana isu. Hasil daripada kajiannya, Kanehara menggesa negara-negara yang berkonflik supaya lebih menumpukan perhatian kepada undang-undang laut

antarabangsa yang mampu menyelesaikan isu-isu berkaitan pembahagian sumber, kajian saintifik atau delimitasi pentas benua.

Jepun mengisyiharkan pelannya untuk melakukan kajian saintifik di kawasan perairan Pulau Dokdo pada bulan April 2006 tetapi cadangan tersebut digugurkan selepas protes daripada Korea Selatan (Kanehara, 2011: 72). Kesan daripada insiden tersebut, projek *Marine Research Scientific* (MRS) telah diwujudkan oleh Korea Selatan dan Jepun. Walaupun pada masa tersebut, isu berhubung kawasan ZEE antara Korea Selatan dan Jepun sedang dirundingkan, namun kedua-dua negara masih meneruskan projek MRS (Kanehara, 2011: 84-85). Projek MRS yang dijalankan di persekitaran Pulau Dokdo bukan sahaja memberikan manfaat kepada Seoul dan Tokyo, malah menjadi model kerjasama kepada mana-mana negara yang mempunyai kes pertikaian pemilikan wilayah seperti Korea Selatan dan Jepun (Kanehara, 2011: 87).

Dalam hal akses kepada sumber perikanan pula, Kanehara turut mengetengahkan peranan JFC untuk memantau aktiviti perikanan Korea Selatan dan Jepun. Jawatankuasa ini memastikan bahawa Korea Selatan dan Jepun menghormati persempadanan perikanan dan ZEE masing-masing (Kanehara, 2011: 83). *Agreement on Fisheries between the Republic of Korea and Japan* tahun 1998 secara tidak langsung juga menampakkan kerjasama antara kedua-dua negara menerusi zon perikanan yang ditetapkan (Rujuk Lampiran 14). Pada masa yang sama, pengagihan sumber yang adil dan juga piawaian dan langkah yang efisien dalam mengurus sumber perikanan di kawasan Pulau Dokdo turut diberi penekanan. Dengan berbuat demikian, kedua-dua negara mempunyai ruang untuk memaksimakan hasil sumber perikanan (Kanehara, 2011: 88).

2.5.4 Perbandingan literatur lepas

Sorotan kajian lepas mendapati bahawa kajian berhubung isu hak dan kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima mempunyai dimensi yang berbeza. Dapat dikatakan bahawa terdapat banyak persamaan dan perbezaan isu yang diketengahkan oleh beberapa pengkaji dalam membincangkan isu tersebut. Hampir semua kajian lepas memberi tumpuan kepada kronologi kewujudan isu pertikaian Pulau Dokdo/Takeshima dan kepentingan pulau tersebut kepada Korea Selatan dan Jepun. Fern, Bae, Palmer dan Smith, Wiegand, Mendzini serta Dokdo Research and Preservation Association dan Dokdo Institute menumpukan kepada faktor sejarah dengan memberikan beberapa contoh insiden yang melibatkan Jepun dan Korea Selatan dalam isu berhubung tuntutan Pulau Dokdo/Takeshima. Walau bagaimanapun, pendekatan yang diambil oleh kesemua pengkaji tersebut adalah berbeza.

Artikel Bae lebih memberikan fokus kepada proses pengilhanan Pulau Dokdo pada tahun 1905 oleh kerajaan Jepun dan pada masa yang sama membincangkan kesan kependudukan Amerika Syarikat dalam menjustifikasi isu kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima. Berbanding dengan penulisan Bae, Fern lebih memberikan penekanan terhadap dimensi penyelesaian konflik dengan menganalisis kekuatan tuntutan kedua-dua negara mengikut konteks undang-undang antarabangsa. Penerbitan Dokdo Research and Preservation Association dan Dokdo Institute pula lebih memfokuskan kepada meningkatkan kesedaran isu tuntutan Pulau Dokdo dalam kalangan masyarakat Korea Selatan. Penulisan Palmer dan Smith pula menegaskan soal nasionalisme dalam membincangkan pertikaian Pulau Dokdo. Wiegand pula banyak memberi tumpuan kepada pendapat masyarakat umum Korea Selatan, khususnya keputusan yang diambil oleh pemimpin politik dipengaruhi oleh sentimen nasionalisme dalam soal kedaulatan Pulau Dokdo. Berbanding dengan kesemua pengkaji di atas, Mendzini mengkaji reaksi

masyarakat umum Korea Selatan dan Jepun terhadap penggunaan peta digital yang dikeluarkan oleh *Google Maps* dan *iPhone Maps*. Beliau menyimpulkan bahawa peta sememangnya berperanan memaparkan sentimen nasionalisme dan kedaulatan Korea Selatan dan Jepun. Perbincangan di atas menunjukkan ramai pengkaji bersetuju bahawa faktor sejarah menjadi penghalang kepada penyelesaian konflik Pulau Dokdo.

Penggunaan istilah yang berbeza oleh setiap pengkaji terhadap wilayah yang dituntut juga menjadi suatu keunikan dalam penganalisisan. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan latar belakang setiap pengkaji atau institusi yang terlibat dalam kajian berhubung konflik Pulau Dokdo/Takeshima. Umpamanya, institusi penyelidikan seperti NGII dan Dokdo Research and Preservation Association dan Dokdo Institute yang berlokasi di Korea Selatan menggunakan istilah ‘Dokdo’ demi memberikan pemahaman, kesedaran dan menjadi instrumen nasionalisme untuk masyarakat negara tersebut. Manakala, pengkaji antarabangsa seperti Fern dan Emmers pula menggunakan istilah ‘Liancourt Rocks’ untuk menunjukkan pendirian neutral mereka terhadap konflik tersebut. Tambahan pula, penulisan neutral sebegini turut menggesa agar Seoul dan Tokyo berkompromi dan berunding untuk memperbaiki hubungan bilateral supaya dapat menguntungkan kedua-dua pihak. Menariknya, walaupun Atsuko Kanehara merupakan seorang pengkaji daripada Jepun, namun beliau turut mengambil pendekatan neutral dalam kajiannya dengan menggunakan kedua-dua istilah ‘Dokdo’ dan ‘Takeshima’. Situasi ini secara langsung memberi gambaran bahawa beliau mengambil tindakan sebegini kerana menyedari bahawa penyelesaian terhadap tuntutan pulau tersebut masih belum dicapai. Perbincangan di atas menunjukkan bahawa istilah yang digunakan untuk wilayah yang berkonflik juga mempunyai makna tertentu.

Pemahaman terhadap konflik hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo bukan sahaja terbatas kepada aspek sejarah dan politik sahaja tetapi terdapat juga faktor lain yang perlu diambil kira seperti ekonomi dan sentimen nasionalisme. Fern, Emmers, NGII dan ahli-ahli akademik daripada Seoul University of Science & Technology banyak membincangkan pelbagai aspek ekonomi Pulau Dokdo. Kebanyakannya menumpukan perhatian kepada aktiviti ekonomi, pengurusan dan pemeliharaan serta pemuliharaan sumber maritim. Kajian Fern lebih memfokuskan nilai dan pengurusan ekonomi dalam skala kecil yang bertujuan memberikan pemahaman terhadap kewujudan aktiviti perikanan di Pulau Dokdo. Manakala penerbitan oleh NGII menghuraikan lagi penganalisisan yang mendalam terhadap aktiviti yang lain khususnya pelancongan. Informasi yang disediakan oleh NGII unik disebabkan kajiannya bukan sahaja mengambil kira jumlah hasil perikanan tetapi juga membincangkan jenis ikan yang terdapat di Laut Timur pada keseluruhannya. Pada masa yang sama penerbitan NGII menjurus kepada mempromosikan keunikan ekosistem Pulau Dokdo daripada perbincangan berunsurkan politik ataupun soal kedaulatan. Berbanding Fern dan NGII, kajian Emmers mengaitkan aspek ekonomi dengan sentimen nasionalisme masyarakat Korea Selatan. Walau bagaimanapun, didapati bahawa kajian Emmers dan NGII turut menekankan pembangunan aktiviti ekonomi di Pulau Dokdo/Takeshima yang akan menguntungkan Tokyo dan Seoul. Akibat kewujudan sumber ekonomi di pulau tersebut, kepentingannya menjadi salah satu faktor kepada kewujudan konflik pemilikan pulau tersebut.

NGII dan para ahli akademik daripada Seoul University of Science & Technology juga memberi tumpuan kepada aspek pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem Pulau Dokdo. Umpamanya, NGII menumpukan perhatian kepada spesis burung yang terancam dan menekankan langkah kerajaan Korea Selatan untuk mengklasifikasikan Pulau Dokdo sebagai kawasan pembiakan burung-burung laut pada tahun 1982. Para ahli akademik

dari pada Seoul University of Science & Technology pula membincangkan projek pemuliharaan spesis anjing laut di Pulau Dokdo. Langkah pemuliharaan ini sangat dipentingkan oleh pengkaji kerana inisiatif yang diambil bukan sahaja dapat mengelakkan kepupusan spesis hidupan liar tertentu tetapi pada masa yang sama juga dikaitkan dengan nilai ekonomi tinggi yang boleh diperoleh melalui sektor pelancongan.

Selain aspek ekonomi, terdapat beberapa pengkaji juga memberikan perhatian kepada soal penyelesaian konflik Pulau Dokdo/Takeshima. Dalam konteks rantau Asia Timur yang kurang stabil akibat keagresifan China, Bowman menyeru agar Jepun seharusnya menggugurkan tuntutan terhadap Pulau Takeshima. Beliau memberi alasan bahawa kawalan efektif Korea Selatan di Pulau Dokdo sekali gus melemahkan tuntutan Jepun ke atas Pulau Takeshima. Justeru itu, dengan mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo sebagai milik Korea Selatan, Bowman menekankan kedua-dua negara boleh memberi fokus usaha menangani kebangkitan China. Dalam soal kerjasama, Kanehara pula menyeru agar Korea Selatan dan Jepun menghormati sempadan ZEE masing-masing supaya kerjasama boleh diwujudkan dalam memaksimakan hasil sumber perikanan. Persamaan yang dapat dilihat dalam kajian Bowman dan Kanehara adalah melihat kerjasama dalam pembangunan ekonomi Pulau Dokdo diinterpretasikan sebagai sesuatu yang menguntungkan serta dapat mengurangkan ketegangan dalam hubungan bilateral Korea Selatan dan Jepun.

2.6 KESIMPULAN

Keputusan Jepun untuk menjadikan Pulau Dokdo sebagai salah sebuah wilayahnya dan menggelarkan pulau tersebut sebagai ‘Takeshima’ mencetuskan konflik ke atas Pulau Dokdo. Pada masa yang sama, campurtangan kuasa asing khususnya Amerika Syarikat menambahkan lagi kekeliruan berhubung status pemilikan pulau tersebut. Kajian-kajian

lepas jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pengkaji menumpukan perhatian kepada aspek tuntutan, kolonialisme Jepun dan Amerika Syarikat dalam menjustifikasi tuntutan serta pembangunan dan pemuliharaan ekonomi Pulau Dokdo. Justeru itu, tesis ini akan memanjangkan kajian kepada aspek tuntutan, pembangunan ekonomi dan pendekatan dalam menyelesaikan konflik. Sumbangan terbesar tesis ini boleh dilihat menerusi penggunaan teori *Geo-body* dalam menganalisis hak pemilikan Pulau Dokdo oleh Korea Selatan. Setakat ini, teori *Geo-Body* belum lagi pernah digunakan sebagai instrumen penganalisisan dalam membincangkan ciri-ciri nasionalisme dan pembinaan negara bangsa Korea Selatan. Kedua-dua konsep ini akan diberikan tumpuan dalam bab-bab berikut kerana amat berkait rapat dengan soal kedaulatan, pembangunan ekonomi dan pencarian penyelesaian kepada pertikaian Pulau Dokdo. Justeru itu, bab ketiga menumpukan perhatian kepada latar belakang, kontroversi dan petunjuk nasionalisme dalam konflik Pulau Dokdo.

BAB 3

ELEMEN NASIONALISME DALAM KONFLIK PULAU DOKDO

3.1 PENGENALAN

Pulau Dokdo merupakan sebuah wilayah yang terletak di kawasan paling timur di Korea Selatan. Koordinat Pulau Dokdo adalah $37^{\circ} 14' 18''$ Utara latitud dan $131^{\circ} 52' 22''$ Timur longitudo (Lee, 2005: 1; Rujuk Peta 3.1).

Peta 3.1 Lokasi Pulau Dokdo di Laut Timur.



Sumber: Diakses pada 15 Januari 2015 dari
<http://en.dokdo.go.kr/pages/s01/page.html?mc=7224>


Selain itu, Pulau Dokdo terletak pada jarak 87.4 kilometer daripada Pulau Ulleungdo yang turut dimiliki oleh Korea Selatan dan secara umumnya 216.8 kilometer daripada Semenanjung Korea (NGII, 2013: 21). Kedua-dua Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo berada di bawah bidang kuasa wilayah Gyeongsangbuk-do. Di samping itu, jarak antara Pulau Dokdo dengan Pulau Oki yang berada di bawah pentadbiran wilayah Shimane, Jepun ialah 157.5 kilometer (Rujuk Peta 3.2). Pada masa yang sama, disebabkan jarak Pulau Dokdo berada di tengah antara Semenanjung Korea dengan Jepun, isu pemilikan hak dan kedaulatan ke atas pulau tersebut sememangnya menjadi persoalan yang masih belum diselesaikan (Rujuk Peta 3.3).

Peta 3.2: Jarak Pulau Dokdo dari Pulau Oki.



Sumber: Diakses daripada *National Geography Information Institute*, 2013: 31.

Peta 3.3: Jarak Pulau Dokdo antara Semenanjung Korea dengan Jepun.



Sumber: Diakses pada 13 Februari 2015 dari
<https://www.dokdo-takeshima.com/why-japan-cant-have-dokdo-i.html>

Bahagian pertama bab ini membincangkan kronologi sejarah Pulau Dokdo. Perbincangan ini mengambil kira bukti pemilikan Pulau Dokdo menerusi sudut pandang Korea Selatan. Selain itu, perhatian turut diberikan kepada Pulau Ulleungdo dari masa ke semasa disebabkan pada masa silam, di waktu tertentu, Pulau Ulleungdo pernah mentadbir Pulau Dokdo (Tsukamoto, 2015: 1). Pada masa yang sama, di pihak Jepun pula, terdapat kekeliruan di dalam mengenalpasti Pulau Ulleungdo dan Dokdo, terutamanya dalam pemetaan (*Dokdo Research Institute*, 2013). Penekanan diberikan kepada dua zaman iaitu semasa pra dan pasca kolonialisme Jepun. Dalam hal ini, kedua-dua latar masa tersebut penting untuk memahami sentimen nasionalisme yang wujud dalam kalangan masyarakat Korea Selatan. Bahagian seterusnya pula menganalisis beberapa isu kontroversi berhubung dengan isu pemilikan Pulau Dokdo dalam konteks hubungan Korea Selatan dan Jepun. Akhir sekali, peranan dan pengaruh Pulau Dokdo akan dianalisis menerusi konteks nasionalisme masyarakat Korea Selatan.


3.2 LATAR BELAKANG PULAU DOKDO

Di Semenanjung Korea, Pulau Dokdo dikatakan terbentuk kira-kira 2.5 juta tahun sebelum Pulau Ulleungdo dan kira-kira 2 juta tahun sebelum Pulau Jeju. Pulau ini terbentuk kesan daripada letusan gunung berapi di dasar laut dan secara tidak langsung dikatakan pulau tersebut dianggap gunung berapi tertua di Korea Selatan (NAHF, n.d.). Letusan lava tersebut kemudiannya mengalami proses pembekuan di bawah aras air laut sedalam 2,000 meter. Dasar pulau ini pula mula terbentuk sekitar 4.6 juta tahun dahulu dan muncul di permukaan laut sekitar 2.7 juta tahun dahulu. Akibatnya, Pulau Dokdo terbahagi kepada dua buah pulau utama dan 89 batuan kecil serta beberapa kawasan terumbu karang di sekitarnya. Kajian berhubung struktur topografi Pulau Dokdo yang dibuat pada tahun 2008 mendapati bahawa pulau berkenaan pada asalnya hanyalah sebuah pulau tunggal yang akhirnya terpisah kepada dua akibat daripada proses hakisan

angin laut. Tambahan pula, perubahan iklim yang menyebabkan peningkatan aras air laut turut menyumbang kepada faktor tersebut. Proses hakisan kemudiannya membentuk struktur Pulau Dokdo yang wujud pada hari ini (NGII, 2013: 24).

Kesan daripada proses hakisan yang berlaku, Pulau Dokdo terbahagi kepada dua buah pulau kecil yang dikenali sebagai Pulau Dongdo (*East Island*) dan Pulau Seodo (*West Island*) (Rujuk Peta 3:4).

Peta 3.4: Lokasi Pulau Seodo dan Pulau Dongdo.



Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 26 Januari 2019 dari http://www.k-dokdo.com/english/index.do?menu_id=00000122

Koordinat Pulau Dongdo ialah $37^{\circ} 14'26.8''$ Utara latitud dan $131^{\circ} 52'10.4''$ Timur longitud manakala koordinat bagi Pulau Seodo pula ialah $37^{\circ} 14'30.6$ Utara latitud dan $131^{\circ} 51'54.6''$ Timur longitud (NGII, 2013: 19). Kedudukan kedua-dua pulau ini terpisah oleh aliran air laut yang mempunyai keluasan 151 meter lebar dan 330 meter panjang manakala kedalaman aliran air laut di sekitar Pulau Dongdo dan Pulau Seodo ialah 10 meter (NGII, 2013: 24).

Sebelum tahun 80-an, tidak terdapat sebarang rekod yang membuktikan bahawa adanya penempatan kekal di Pulau Dokdo. Namun, kegiatan ekonomi sememangnya wujud di kawasan tersebut. Nelayan Korea dan Jepun menjalankan aktiviti perikanan di kawasan tersebut. Tambahan pula, terdapat sekumpulan *Haenyeo* iaitu penyelam wanita Korea yang mengutip hasil laut sejak sekitar tahun 1940 dan 1950 (*Gyeongsangbuk-do*, 2015: 46). Penempatan kekal pertama di Pulau Dokdo direkodkan setelah seorang warganegara Korea Selatan bernama Choi Jong Deok secara rasminya menjadi penduduk pertama pulau tersebut. Penempatan beliau didaftarkan secara rasmi oleh kerajaan Korea Selatan pada 14 Oktober 1981. Tujuan perpindahan Choi ke pulau tersebut adalah berdasarkan dua faktor iaitu politik dan ekonomi. Beliau ingin membuktikan bahawa Pulau Dokdo terletak di bawah bidang kuasa Korea Selatan. Selain itu, perpindahan Choi turut didorong oleh keinginan untuk menjalankan kegiatan perikanan di sekitar kawasan pulau tersebut.

Sepuluh tahun kemudian, sepasang suami isteri, Kim Seong Do (1939-2018) dan isterinya mula mendiami Pulau Dokdo. Pasangan ini berpindah ke Pulau Dokdo pada 17 November 1991 (*Gyeongsangbuk-do*, 2015: 7). Kim menjalankan aktiviti pengendalian feri penumpang yang menghubungkan Pulau Dongdo dan Pulau Seodo (NGII, 2013: 23). Mereka juga turut menjalankan aktiviti perikanan kecil-kecilan serta mengusahakan sebuah kafe untuk menjual barang cenderamata kepada pelancong (*The Korea Times*, 2018). Sehingga tahun 2017, selain pasangan Kim, terdapat 39 orang residen lain yang turut menduduki Pulau Dokdo. Residen ini terdiri daripada dua orang pengarah rumah api, dua orang staf pejabat pengurusan Pulau Dokdo serta 35 pegawai marin yang bertugas bagi tujuan menjaga keselamatan perairan Pulau Dokdo (MOFA, Republic of Korea, n.d). Terdapat sebuah bangunan empat tingkat di pulau tersebut di mana premis tersebut diduduki oleh kakitangan Pejabat Pentadbiran Pulau Dokdo serta pasangan Kim.

Galakan penempatan sebegini menerusi pembinaan infrastruktur dan menempatkan pasukan keselamatan di Pulau Dokdo menunjukkan bahawa kerajaan Korea Selatan prihatin terhadap konsep kawalan efektif dengan melaksanakan bidang kuasa ke atas pulau tersebut. Pada masa yang sama, penempatan sebegini memaparkan Korea Selatan mahu menggalakkan warganya untuk menetap di pulau tersebut. Dengan berbuat demikian, *Geo-Body* Korea Selatan semakin diperkuuhkan dan sentimen nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea Selatan terus berkobar-kobar. Bahagian seterusnya membincangkan pelbagai tindakan kerajaan Korea dalam mempertahankan kedudukan Pulau Dokdo sebagai sebahagian daripada wilayah Semenanjung Korea.

3.2.1 Status Pulau Dokdo sebelum era kolonialisme Jepun

Pulau Dokdo didokumentasikan sebagai wilayah Semenanjung Korea sejak zaman silam. Pada masa itu, pulau ini pernah dikenali dengan pelbagai nama seperti ‘Usando’, ‘Sambongdo’, ‘Gajido’ dan ‘Seokdo’ (MOFA, Republic of Korea, 2008: 1). Usando merupakan gelaran yang paling banyak digunakan dalam pelbagai dokumen lama serta peta Semenanjung Korea. Walau bagaimanapun, istilah ‘Dokdo’ secara rasmi mula digunakan hanya pada tahun 1906 melalui laporan yang disediakan oleh pegawai majistret Pulau Ulleungdo iaitu Sim Heungtaek semasa pemerintahan dinasti Chosun (NAHF, n.d). Dokumen dan rekod lama khususnya *Samguk Sagi* (*History of the Three Kingdoms*) pada tahun 1145 menyatakan bahawa terdapat sebuah kerajaan kecil di Usan-guk. Usan-guk terdiri daripada Pulau Ulleungdo dan beberapa pulau kecil di sekitarnya termasuklah Pulau Dokdo. Dikatakan kerajaan tersebut kemudiannya menjadi sebahagian daripada kerajaan Silla (57-953) pada tahun 512 (NGII, 2013: 33)

Seterusnya, dokumen *Goryeoosa* (*History of Goryeo*) yang dihimpunkan pada tahun 1451 menjelaskan bahawa kerajaan Usan-guk meneruskan hubungan baik melalui penghantaran hadiah kepada kerajaan Goryeo (*Dokdo Research Institute*, n.d). Hal ini

dapat dibuktikan apabila kerajaan Goryeo memberikan perlindungan kepada pelarian Usan-guk semasa kerajaan tersebut diserang oleh pihak luar. Pada masa yang sama, bantuan berbentuk peralatan pertanian turut disumbangkan setelah hasil pertanian penduduk di kawasan tersebut telah dimusnahkan oleh puak *Jurchen* (KHOA, n.d). Selain daripada itu, kerajaan Goryeo juga mempunyai inisiatif untuk memajukan Usan-guk terutamanya di kawasan Pulau Ulleungdo. Hal ini kerana wilayah tersebut kaya dengan tanah subur yang sesuai dengan aktiviti pertanian.

Goryeoosa juga memaparkan aktiviti ekonomi yang terjalin antara kerajaan China dengan kerajaan Goryeo di Pulau Ulleungdo. Dalam dokumen tersebut, turut direkodkan permintaan kerajaan China kepada kerajaan Goryeo untuk mendapatkan akses kepada kayu-kayan di Pulau Ulleungdo. Justeru itu, pada tahun 1273, Raja Wonjong (1219-1274) telah melantik Pesuruhjaya Majlis Keselamatan, Heo Gong sebagai pengiring kepada Li Shu, seorang wakil daripada China ke pulau tersebut (*Dokdo Research Institute*, n.d). Dalam peristiwa ini, dapat disimpulkan bahawa kerajaan China turut secara langsung mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo sebagai wilayah kerajaan Goryeo (NGII, 2013: 37).

Namun, semasa pemerintahan Raja Taejong (1400-1418), pentadbiran ke atas Pulau Ulleungdo dibekukan buat sementara waktu disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama sekali, ancaman daripada penyamun Jepun dan kedua pula berhubung dengan rakyat Korea yang melarikan diri daripada kawalan kerajaan (Ch'oe, 2015: 3). Dalam hal ini, dapat diandaikan bahawa sekiranya tiada sebarang tindakan yang diambil, maka para penghuni di Pulau Ulleungdo akan berdepan dengan pelbagai kesulitan dan ancaman untuk menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Selepas mengambil kira aspek keselamatan rakyatnya, kerajaan Chosun melaksanakan *Vacant Island Policy* pada sekitar tahun 1417 (Ch'oe, 2005: 6). Dasar ini dilakukan dengan mengarahkan migrasi penduduk Pulau Ulleungdo secara besar-besaran ke Semenanjung Korea. Pada masa yang sama,

perlaksanaan dasar ini juga bertujuan untuk mengelakkan Pulau Ulleungdo menjadi kawasan persembunyian kepada rakyat Korea yang enggan membayar cukai atau menyertai khidmat militari (Park & *The Korea Herald*, 2009: 83).

Semasa *Vacant Island Policy* masih berkuatkuasa, Keshogunan Tokugawa telah memberikan permit kepada dua orang saudagar daripada Yonago iaitu Otani Jinkichi dan Murakawa Ichihei pada tahun 1618. Pemberian permit tersebut adalah sebagai simbol dokumen perjalanan untuk tujuan perdagangan di Pulau Ulleungdo. Selain itu, permit tersebut juga berfungsi sebagai simbol pengiktirafan Jepun terhadap Pulau Ulleungdo sebagai sebuah wilayah asing (Park & *The Korea Herald*, 2009: 93).

Dalam erti kata lain, pemberian permit tersebut secara langsung memberikan peluang kepada Otani dan Murakawa untuk mengeksplorasi sumber ekonomi Pulau Ulleungdo di samping menjadikan Pulau Dokdo sebagai kawasan persinggahan. Keadaan ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa Jepun bukan sahaja menjalankan pengeksplotasian hasil ekonomi Pulau Ulleungdo malah turut mencabar kedaulatan kerajaan Chosun (Park & *The Korea Herald*, 2009: 94-95).

Aktiviti-aktiviti pengeksplotasian sumber ini akhirnya membawa kepada konflik antara nelayan Korea dengan Jepun (daripada wilayah Hoki) pada tahun 1693. Dalam insiden tersebut, salah seorang nelayan Korea, Ahn Yong Bok ditangkap dan dibawa ke Yonago di wilayah Tottori untuk disoal siasat (Rujuk Gambar 3.1).

Semasa ditahan, Ahn mempersoalkan tindakan pentadbir Jepun menahannya kerana Pulau Ulleungdo berdekatan Joseon dan di bawah pentadbiran Dinasti Chosun berhubung dengan hak perikanan di perairan Pulau Ulleungdo pada tahun 1693.

Ulleungdo and Dokdo belong to Joseon. It is close to Joseon and far from Japan. Why then is it that you have captured me? (The Korea Times, 2013).

Gambar 3.1: Tugu Ahn Yong Bok di Suyeong Historical Park, Busan.




Sumber: Diakses pada 18 April 2018 dari
https://www.koreatimes.co.kr/www/nation/2017/05/139_134022.html

Setelah mendapati bahawa keterangan Ahn adalah sahih, dia telah dihantar pulang ke Semenanjung Korea. Akibat insiden tersebut, pada tahun 1694, kerajaan Chosun telah memperkenalkan satu sistem yang dikenali sebagai *Government Patrol and Investigation System* (KHOA, n.d). Tujuan sistem ini diwujudkan adalah untuk memastikan tidak ada sesiapa pun sama ada rakyat Korea mahu pun Jepun berada dalam kawasan Pulau

Ulleungdo untuk tujuan tertentu (NAHF, 2017: 34). Pada masa yang sama, pihak peronda diminta untuk membuat proses pemetaan di sekitar Pulau Dokdo sebagai rujukan kepada kerajaan Chosun (NGII, 2013: 44). Tindakan ini jelas membuktikan bahawa kerajaan Chosun sentiasa memastikan hak kedaulatan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo terjaga menerusi perlaksanaan aspek kawalan yang efektif ke atas kedua-dua kawasan tersebut.

Di pihak Jepun pula, Keshogunan Tokugawa telah menghantar surat rasmi kepada pentadbiran di Tottori bagi mendapatkan kepastian yang kukuh berhubung status Pulau Ulleungdo dan Pulau Matsushima. Bagi menjelaskan isu ini, suatu penyiasatan dilakukan oleh pihak Jepun pada bulan Disember 1695. Hasil daripada siasatan itu, pentadbiran di Tottori mengesahkan bahawa Pulau Takeshima (Pulau Ulleungdo) dan Pulau Matsushima (Pulau Dokdo) bukan sebahagian daripada Inaba dan Hoki (Lee, 2017: 64; Rujuk Gambar 3.2).

Gambar 3.2: Manuskip surat pengesahan pentadbiran Tottori berhubung status Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo tahun 1695.



Sumber: Diakses pada 17 April 2018, dari
http://dokdo.mofa.go.kr/m/eng/img/contents/pic_pop6.png

Pengiktirafan kerajaan Jepun terhadap Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo sebagai sebahagian daripada Semenanjung Korea membawa kepada larangan nelayan Jepun memasuki kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat sekumpulan nelayan Jepun menceroboh kawasan perairan Pulau Ulleungdo.

Pada tahun 1696, Ahn Yong Bok sekali lagi ke Jepun dengan membawa *Joseon Paldo Jido* (*Map of the Eight Provinces of Joseon*) untuk membuktikan kepada Jepun bahawa Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo adalah hak milik kerajaan Chosun (NGII, 2013: 44). Demi menghormati hubungan baik dan kedaulatan kerajaan Chosun, Keshogunan Tokugawa sekali lagi mengeluarkan arahan yang melarang rakyatnya khususnya kepada mereka yang tinggal di sekitar Tsushima dan Tottori ke Pulau Ulleungdo atau Pulau Dokdo (Rujuk Gambar 3.3).

Gambar 3.3: Manuskip perintah larangan rakyat Jepun ke Pulau Ulleungdo tahun 1696.



Sumber: Sumber: diakses pada 18 April 2018 dari
http://dokdo.mofa.go.kr/m/eng/img/contents/pic_pop7.png

Chung Young Mi, Pengarah Muzium Dokdo di Seoul menyatakan bahawa,


Ahn's incident prompted Korea and Japan to start a territorial debate over Dokdo, and led the Edo Shogunate to conclude that Ulleung Island and Dokdo was not part of Tottori Domain, and barred Japanese from crossing to Ulleung Island in a declaration in January 1696, Prohibition of Sailing to Takeshima (The Korea Times, 2013).

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa konflik awal berhubung status Pulau Dokdo diselesaikan atas usaha Ahn Yong Bok setelah beliau berjaya meyakinkan kerajaan Jepun untuk mengiktiraf kedaulatan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo sebagai milik kerajaan Chosun.

Di pihak kerajaan Jepun pula, pada tahun 1870, sebuah laporan yang dikenali sebagai *Joseon-koku kosai shimatsu naitansho* (*Report on the Confidential Inquiry into the Particulars of Korean Foreign Relations*) dikeluarkan semasa era pemerintahan Meiji (1889-1912). Laporan ini bertujuan untuk mengkaji, antaranya, status Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo. Hasil daripada laporan tersebut jelas menunjukkan bahawa Jepun masih mengiktiraf Pulau Dokdo sebagai wilayah Korea. Pada masa yang sama, kandungan laporan tersebut turut membuktikan bahawa ‘Takeshima’ yang merujuk kepada Pulau Ulleungdo and ‘Matsushima’ pula kepada Pulau Dokdo tidak dilihat sebagai sebahagian wilayah Jepun (Rujuk Gambar 3.4). Namun, isu berhubung status kedaulatan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo masih dipersoalkan dalam kalangan pentadbir Jepun (Park & *The Korea Herald*, 2009: 108-109). Kekeliruan timbul apabila pentadbir wilayah Shimane mula mempersoalkan sama ada Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo perlu dimasukkan dalam projek pemetaan yang sedang dijalankan oleh kerajaan pada tahun 1876. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri Jepun mengesahkan bahawa kedua-dua kawasan tersebut tidak terlibat dalam proses pemetaan kerana kedua-duanya adalah milik Korea. Walau bagaimanapun, kementerian tersebut masih merujuk

perkara tersebut kepada *Dajokan* (*Council of the State*). Kementerian tersebut menandakan ‘Matsushima’ sebagai mewakili Pulau Ulleungdo manakala Pulau Dokdo pula dianggap sebagai ‘another island’ (Park & *The Korea Herald*, 2009: 109). Setelah menganalisis dokumen-dokumen rasmi kerajaan, pada 9 April 1877, kementerian akhirnya mengesahkan kepada pentadbir wilayah Shimane bahawa kedaulatan Pulau Dokdo berada di luar bidang kuasa Jepun (Park & *The Korea Herald*, 2009: 111).

Gambar 3.4: Manuskrip Laporan *Joseon-koku kosai shimatsu naitansho* (*Report on the Confidential Inquiry into the Particulars of Korean Foreign Relations*).




Sumber: Diakses pada 17 April 2018, dari
http://dokdo.mofa.go.kr/m/eng/img/contents/pic_pop10.png

Pencerobohan rakyat Jepun di kawasan perairan tersebut masih berterusan walaupun status Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo nampaknya sudah diselesaikan. Kerajaan Jepun mendakwa bahawa larangan ke Pulau Ulleungdo telah diimplementasikan sejak abad ke-17, namun masih terdapat sekelompok penduduk Jepun yang tidak menyedari terhadap larangan berkenaan (NAHF, n.d.). Pada tahun 1881, pegawai peronda Chosun mendapati bahawa terdapat beberapa orang rakyat Jepun yang menjalankan aktiviti perikanan dan pembalakkan haram di kawasan perairan Pulau Ulleungdo (NGII, 2013, 47). Oleh itu, kerajaan Chosun sekali lagi memaklumkan isu tersebut dan mendesak kerajaan Jepun

untuk mengambil tindakan. Demi mengelakkan sebarang konflik yang mungkin bakal berlaku, rakyat Jepun yang berada di Pulau Ulleungdo telah diarahkan untuk meninggalkan kawasan tersebut (Park & *The Korea Herald*, 2009: 118).

Demi mengelakkan insiden pencerobohan berulang, *Vacant Island Policy* dimansuhkan dan kerajaan Chosun mula menggalakkan migrasi secara besar-besaran ke Pulau Ulleungdo mulai April 1883 (NGII, 2013: 49). Untuk memperkuatkan pegangan ke atas kawasan tersebut, kerajaan Chosun juga telah melantik majistret untuk mentadbir Pulau Ulleungdo bermula tahun 1900 (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 12). Pada masa yang sama, kerajaan Chosun turut mengeluarkan Perintah Diraja No. 41 yang meningkatkan status Pulau Ulleungdo kepada sebuah daerah iaitu Uldo-gun (*Dokdo Research and Preservation Association & Dokdo Institute*, 2005: 12; Rujuk Gambar 3.5).

Gambar 3.5: Manuskip Perintah Diraja No.41.



Sumber: Diakses pada 13 April 206, dari
http://dokdo.mofa.go.kr/eng/pds/part02_view02.jsp

Secara umumnya bidang kuasa Uldo-gun termasuklah Pulau Ulleungdo, Jukdo dan Seokdo. Seokdo merujuk kepada salah satu nama lain bagi Pulau Dokdo (*Gyeongsangbuk-do*, 2015: 70). Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa pemansuhan *Vacant Island Policy* ini adalah untuk memberi notifikasi kepada Jepun bahawa kerajaan Korea tidak mempunyai sebarang niat untuk menggugurkan hak dan kedaulatan ke atas wilayahnya.

Sekitar tahun 1904, Perang Rusia-Jepun tercetus menyebabkan Semenanjung Korea mengambil langkah neutral demi menjaga keselamatannya (Park, 2005: 30). Semasa perang tersebut berlaku, Jepun menyerang kapal perang Rusia yang berdekatan dengan Semenanjung Korea. Selain itu, Jepun bertindak dengan menduduki Seoul dan memaksa kerajaan Korea untuk menandatangani beberapa perjanjian seperti membatalkan pemberian konsesi kayu balak kepada Rusia di Pulau Ulleungdo (Park & *The Korea Herald*, 2009: 128). Pada masa yang sama, Jepun memaksa Korea menandatangani perjanjian yang membenarkan Tokyo menggunakan wilayahnya untuk tujuan peperangan. Maka, tindakan tersebut secara langsung memberi gambaran bahawa bermulalah aktiviti militari Jepun di Pulau Dokdo. (Park & *The Korea Herald*, 2009: 128).

3.2.2 Kependudukan Pulau Dokdo tahun 1905

Tidak dapat dinafikan bahawa Perang Rusia-Jepun telah mempengaruhi pendirian Jepun berhubung dengan pengiktirafannya ke atas Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo sebagai wilayah Korea (NGII, 2013: 50). Perubahan ini berlaku disebabkan oleh potensi kedua-dua kawasan tersebut sebagai lokasi pangkalan militari untuk meninjau pergerakan aktiviti militari tentera Rusia. Pada akhir tahun 1904, Pulau Dokdo menampakkan kewujudan menara peninjau manakala di Pulau Ulleungdo pula, sistem komunikasi dasar

laut mula dipasang sebagai langkah amaran awal sekiranya Jepun diserang oleh militari Rusia (Park & *The Korea Herald*, 2009: 130-131). Sistem komunikasi ini menghubungkan pangkalan Tentera Laut Jepun di Teluk Chukpyon. Dari situ, informasi dihantar ke Markas Tentera Laut Diraja Jepun yang beribu pejabat di Sasebo (Kim, 2006: 90-92).


Kependudukan Jepun di Pulau Dokdo juga didorong oleh faktor ekonomi. Pada tahun 1904, seorang nelayan Jepun iaitu Nakai Yozaburo ingin memonopoli hak perikanan di kawasan perairan Pulau Dokdo apabila mendapati bahawa aktiviti pemburuan singa laut lebih menguntungkan (Dudden, 2014: 180-181). Menyedari bahawa kawasan tersebut adalah milik Korea, Nakai telah memohon kepada kerajaan Jepun untuk berunding dengan Korea untuk mendapatkan konsesi monopoli kegiatan memburu singa laut di sekitar Pulau Dokdo (NAHF, n.d). Setelah mendapat penjelasan daripada pegawai Biro Hidrografi Kementerian Tentera Laut Jepun yang menyatakan bahawa pulau tersebut adalah sebuah kawasan berstatus *terra nullius*, Nakai kemudiannya memfailkan permohonan untuk mendesak kerajaan Jepun agar memasukkan pulau berkenaan sebagai sebahagian daripada wilayah Jepun (Park & *The Korea Herald*, 2009: 135). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa faktor ekonomi menjadi salah satu pendorong kepada Jepun untuk mengambil Pulau Dokdo menjadi sebahagian daripada wilayahnya.

Satu mesyuarat penting diadakan oleh kabinet Jepun untuk membentangkan isu berhubung dengan status Pulau Dokdo. Hasil daripada mesyuarat tersebut, pada 28 Januari 1905, kabinet sebulat suara mengambil keputusan untuk menggelarkan Pulau Dokdo sebagai ‘Takeshima’ dan meletakkan kawasan tersebut bawah bidang kuasa wilayah Shimane (Ch’oe, 2015: 1). Perjanjian Portsmouth yang ditandatangani pada 5 September 1905, menamatkan Perang Rusia-Jepun dan secara tidak langsung memberi

kemenangan kepada pihak Jepun (*History*, 2018). Dalam pada itu, kemenangan Jepun secara langsung membawa kepada pengilhanan Pulau Dokdo pada tahun 1905 dan menjadi titik permulaan kepada kependudukan Jepun ke atas Semenanjung Korea pada tahun 1910.

Tindakan Jepun mengejutkan kerajaan Korea. Maka kerajaan Korea berusaha membantah tindakan Jepun dengan penghantaran utusan ke Persidangan Keamanan Kedua (Second Peace Conference) yang diadakan di Hague, The Netherlands pada tahun 1907 (*Chosun Ilbo*: 2007). Namun, usaha kerajaan Korea menemui kegagalan apabila kuasa-kuasa besar enggan mengiktiraf kedaulatannya (Kyung, 2017: 129-130). Keengganan tersebut berlaku disebabkan oleh kewujudan *Eulsa Treaty* yang ditandatangani pada tahun 1905 di antara Korea dan Jepun (Rujuk Gambar 3.6; Rujuk Lampiran 5). Perjanjian tersebut menjadikan Semenanjung Korea sebagai wilayah naungan Jepun. Peruntukan perjanjian tersebut turut memberi kuasa kepada pihak Jepun untuk bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengendalian segala bentuk hubungan luar Semenanjung Korea (Fuchs et al, 2017: 153).


Gambar 3.6: Manuskip *Eulsa Treaty* tahun 1905.



Sumber: Diakses pada 21 Ogos 2014 dari
<https://www.koreatimes.co.kr/www/common/printpreview.asp?categoryCode=192&newsIdx=49688>

Keadaan bertambah genting apabila Jepun menduduki Semenanjung Korea secara rasmi pada tahun 1910 menerusi *Japan-Korea Annexation Treaty* (Rujuk Gambar 3.7; Rujuk Lampiran 10). Kependudukan ini berlanjutan selama 35 tahun. Sehingga tahun 1945, status Pulau Dokdo secara rasminya di bawah pentadbiran Jepun (Blakemore, 2018). Dalam hal ini, isu kedaulatan Pulau Dokdo tidak dapat diperjuangkan oleh masyarakat Korea.

Gambar 3.7: Manuskip *Japan-Korea Annexation Treaty* tahun 1910.



Sumber: Diakses pada 21 Ogos 2015 dari
<https://www.youtube.com/watch?v=nmR8Upke7zc>

Namun, selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, persoalan kedaulatan dan pemilikan Pulau Dokdo kembali timbul dan membawa kepada ketegangan antara Jepun dengan Korea Selatan (Selden, 2011: 1). Menurut Allen dan Smith (1990; 1997), pembinaan negara bangsa Korea bukan berdasarkan penandaan sempadan negara tetapi ia lebih tertumpu kepada penentangan kuasa luar. Tambahan pula, kegagalan memulihkan kedaulatan negara menyebabkan masyarakat Korea menggunakan faktor sejarah untuk menegaskan keunikan negara bangsa mereka (Shin, Freda & Yi, 1999: 471). Justeru itu,

boleh diandaikan bahawa kependudukan Jepun membawa kepada penyemarakkan sentimen nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea Selatan (Shin, Freda & Yi, 1999: 470). Konflik Pulau Dokdo menjadi salah satu contoh bagaimana masyarakat Korea Selatan menunjukkan penentangan mereka terhadap legasi imperialisme Jepun.

3.2.3 Pasca kolonialisasi Jepun

Kekalahan Jepun semasa Perang Dunia Kedua (1939-1945) membawa kepada pembebasan koloni-koloninya di Asia Pasifik. Dalam hal ini, pihak Berikat memutuskan supaya Semenanjung Korea diletakkan di bawah *Trusteeship Council* (Majlis Amanah) yang diselia oleh *Joint Soviet-American Commission* (NJ. Gov, n.d). Semasa berada di bawah *Trusteeship Council*, Semenanjung Korea ditadbir oleh dua kuasa besar iaitu Kesatuan Soviet di bahagian Utara dan Amerika Syarikat di bahagian Selatan. Pembahagian kuasa itu berlaku pada garis lintang 38° dan akhirnya pada tahun 1948 membawa kepada pembentukan negara Korea Selatan dan Korea Utara. Masyarakat Korea menjangkakan bahawa beberapa buah wilayah Semenanjung Korea yang dirampas oleh Jepun pada tahun 1905 akan dikembalikan semula seperti yang tertera dalam *Potsdam Declaration* tahun 1945 (Rujuk Lampiran 2). Pada tahun 1951, Jepun menandatangani *San Francisco Peace Treaty* dengan pihak Berikat untuk menyempurnakan penyerahan kuasa Jepun selepas kekalahannya dalam Perang Dunia Kedua (Rujuk Lampiran 4). Dalam perjanjian tersebut, antara perkara utama yang dibincangkan adalah persetujuan negara Jepun untuk membebaskan semua wilayah yang didudukinya. Selain itu, kerajaan Jepun turut bersetuju untuk mengiktiraf kedaulatan Korea Selatan dan secara rasmi menggugurkan hak dan tuntutan terhadap Korea termasuklah Dagelet (Pulau Ulleungdo), Port Hamilton (Kepulauan Komundo) dan Quelpart (Pulau Jeju). Walau bagaimanapun, persoalan berhubung dengan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo menjadi rumit apabila tidak ada sebarang peruntukan

yang menyentuh isu berhubung dengan status pulau tersebut dalam *San Francisco Peace Treaty* tahun 1951.

Persoalan berhubung status hak dan kedaulatan Pulau Dokdo timbul semasa proses penyediaan draf *San Francisco Peace Treaty*. Semasa proses mendraf perjanjian, Korea Selatan dan Jepun masing-masing melakukan percubaan untuk melobi berhubung dengan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo/Takeshima (Koo, 2009: 69). Pada masa yang sama, proses untuk menyiapkan draf perjanjian semakin mencabar berikutan ketegangan Perang Dingin (1947-1991) dan secara langsung mempengaruhi pendirian dan kepentingan Amerika Syarikat rantau Asia Timur (Kim, 2009: 112). Keadaan ini menyebabkan pendirian Washington menjadi tidak konsisten dan akhirnya membawa kepada ketidakpastian status Liancourt Rocks dalam perjanjian tersebut. Hal ini dapat dibuktikan dalam lima draf pertama dan ketujuh *San Francisco Peace Treaty* yang memberi gambaran bahawa kedaulatan Pulau Dokdo akan dikembalikan kepada Korea Selatan. Namun, draf keenam, kelapan, kesembilan dan keempat belas pula memaparkan bahawa Pulau Takeshima kekal sebagai sebahagian daripada wilayah negara Jepun (Rujuk Lampiran 6).

Tambahan pula, Perang Korea yang berlaku pada tahun 1950 sehingga tahun 1953 menyebabkan Amerika Syarikat mula mengambil langkah untuk memperkuatkan Jepun supaya negara itu tidak jatuh kepada pihak komunis. Dalam perkiraan ini, jelas kelihatan Amerika Syarikat mula menyebelahi tuntutan Jepun berkaitan isu pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima. Lebih penting lagi, tidak dinafikan bahawa dalam membendung penyebaran aktiviti pihak komunis, Liancourt Rocks mempunyai kepentingan strategik (seperti sebagai kawasan latihan pengeboman) dan memperkuatkan kedudukan Amerika Syarikat di Asia Timur.

Pada masa yang sama, duta Korea Selatan ke Amerika Syarikat, Dr. Yang You Chan juga cuba meyakinkan pihak Amerika Syarikat supaya Pulau Dokdo diklasifikasikan sebagai milik Korea Selatan menerusi suratnya bertarikh 19 Julai 1951 kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dean Acheson (1949-1953). Dalam surat tersebut, Yang mendesak Amerika Syarikat supaya menggesa Jepun untuk menggugurkan segala hak dan tuntutannya ke atas Quelpart, Port Hamilton, Dagelet, Dokdo dan Parangdo di samping mengiktiraf kemerdekaan Semenanjung Korea (Lee, 2011: 60). Walau bagaimanapun, permintaan tersebut ditolak oleh Washington menerusi surat yang bertarikh pada 10 Ogos 1951 oleh Dean Rusk (1950-1951), Penolong Setiausaha bagi Hubungan Amerika Syarikat dan Asia Timur. Rusk menegaskan bahawa Pulau Takeshima sememangnya berada di bawah bidang kuasa wilayah Shimane sejak tahun 1905 (Lee, 2011: 60-61; Rujuk Lampiran 11).

Kenyataan ini diperkuuhkan oleh tindakan Syngman Rhee (1948-1960), selaku Presiden pertama Korea Selatan yang tidak pernah menuntut kedaulatan Pulau Dokdo secara rasmi untuk menjadi sebahagian daripada negaranya semasa proses merangka draf perjanjian *San Francisco Peace Treaty* dilakukan. Tambahan pula, disebabkan Korea tidak terlibat secara langsung di dalam perang menentang Jepun semasa Perang Dunia Kedua, maka Korea Selatan tidak diundang ke upacara pemeteraian *San Francisco Peace Treaty* (Sumio, 2018: 5). Keadaan ini akhirnya membawa kepada kegagalan Seoul untuk menjelaskan tuntutannya terhadap hak dan kedaulatan terhadap Pulau Dokdo. Akhirnya dalam *San Francisco Peace Treaty* yang ditandatangani pada 8 September 1951, status Pulau Dokdo tidak dimasukkan atau diperjelaskan. Beberapa ahli akademik mengandaikan bahawa keputusan yang diambil oleh Amerika Syarikat dalam tidak menjelaskan status Pulau Dokdo lebih memaparkan pertimbangan geopolitikal negara

tersebut dalam persaingan kuasa dengan Kesatuan Soviet pada ketika itu (Palmer dan Whitefleet-Smith, 2016: 13).

Kekecewaan yang dihadapi oleh Korea Selatan akhirnya membawa kepada penubuhan *Korean Presidential Proclamation of Sovereignty over the Adjacent Sea* atau *Rhee Line* (Rujuk Peta 3.5). *Rhee Line* adalah garisan sempadan maritim yang diisytiharkan pada tahun 1952 oleh Presiden Syngman Rhee. Tujuan utama penubuhan garisan sempadan maritim ini adalah untuk menggantikan *MacArthur Line* yang bakal dimansuhkan pada tahun tersebut. *Rhee Line* bertujuan memperkuatkan kedaulatan serta mempertahankan kawasan perikanan Korea Selatan (Hosaka, n.d). *MacArthur Line* pula merujuk kepada bidang kuasa kawasan perikanan bagi nelayan Jepun. Dalam hal ini, pihak pentadbiran Amerika Syarikat melalui arahan *Supreme Commander for the Allied Powers Instruction* (SCAPIN) yang benombor 677 menentukan sempadan Jepun kepada empat buah pulau utama dan beberapa gugusan pulau yang berdekatan (Rujuk Lampiran 9). Yang menariknya, *MacArthur Line* membuktikan bahawa lokasi Pulau Dokdo terletak di luar kawasan wilayah Jepun, yakni berada dalam bidang kuasa Korea Selatan.

Peta 3.5: *Rhee Line* (1952-1965).



Sumber: Diakses pada 11 Julai 2018, dari
https://www.mofa.go.jp/a_o/na/takeshima/page1we_000064.html

Dalam hal ini, bidang kuasa *Rhee Line* menganjur daripada persisiran pantai Korea Selatan sehingga jarak 60 batu nautikal. Selain itu bidang kuasa *Rhee Line* juga merangkumi kawasan Pulau Dokdo. Keadaan ini secara tidak langsung memberi mesej kepada Jepun bahawa hak dan kedaulatan Pulau Dokdo adalah dimiliki oleh Korea Selatan. Tambahan pula, Syngman Rhee mengeluarkan arahan untuk menahan dan menembak mana-mana kapal asing khususnya kapal milik warganegara Jepun yang cuba memasuki kawasan perairan pulau berkenaan.

Akibatnya, Tokyo menyuarakan bantahan terhadap *Rhee Line* disebabkan pembentukan garisan tersebut dianggap bercanggah dengan prinsip undang-undang antarabangsa. Selain itu, Jepun berpendapat *Rhee Line* dibentuk tanpa sebarang rundingan dengan Tokyo (MOFA, Japan, n.d). Pada tahun 1954 dan 1962, Jepun cuba membawa isu ini ke Makahmah Keadilan Antarabangsa/*International Court of Justice* (ICJ) di Hague tetapi cadangan tersebut ditolak oleh Seoul (MOFA, Japan, n.d).

Tiga belas tahun kemudian, *Rhee Line* dimansuhkan apabila *Treaty of Basic Relations between Japan and the Republic of Korea* tahun 1965 ditandatangani bagi menormalisasikan hubungan diplomatik (Rujuk Lampiran 3). Namun, perjanjian tersebut gagal membincangkan status kedaulatan Pulau Dokdo secara terbuka (NAHF, n.d). Walaupun isu kedaulatan Pulau Dokdo timbul semasa proses rundingan, namun isu tersebut tidak dapat diselesaikan disebabkan oleh perbezaan interpretasi berkaitan dengan kependudukan Jepun di Semenanjung Korea. Pada tahun 1962, Jepun menggesa Korea Selatan supaya isu Pulau Dokdo/Takeshima dibawa ke ICJ tetapi seperti biasa kerajaan Korea Selatan enggan menerima cadangan tersebut (Kim, 2008). Walaupun Jepun cuba memasukkan isu Pulau Dokdo/Takeshima dalam agenda rasmi rundingan, namun Korea Selatan bertegas bahawa isu tersebut akan dibincang pada masa akan datang, iaitu selepas

perjanjian normalisasi ditandatangani (Kim, 2008). Dalam hal ini dapat diandaikan bahawa keputusan yang diambil oleh Korea Selatan ini berdasarkan realisasi bahawa isu tersebut terlalu sensitif sehingga mampu memberi kesan negatif kepada rundingan normalisasi hubungan rasmi. Hakikatnya, walaupun hubungan rasmi sudahpun dijalankan selama lebih lima puluh tahun, namun isu pertikaian Pulau Dokdo masih menjadi sensitif dan membawa ketegangan dalam hubungan antara Korea dan Jepun. Bahagian seterusnya membincangkan sejauh manakah isu ini memberi impak kepada hubungan bilateral.

3.3 KONTOVERSI DALAM KONFLIK PULAU DOKDO

Keselamatan rantau Asia Timur dibayangi oleh beberapa isu. Dalam keadaan ini, Korea Selatan dan Jepun bekerjasama untuk menjamin keamanan dan kestabilan rantau Asia Timur. Sebagai dua buah negara demokrasi, Jepun dan Korea Selatan memainkan peranan penting dalam mengimbangi kebangkitan kuasa China (Glosserman & Snyder, 2015: 94). Selain itu, kedua-dua negara ini bertanggungjawab dalam membendung ancaman program nuklear daripada Korea Utara (*CBSNews*, 2016). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Jepun dan Korea Selatan sememangnya memerlukan antara satu sama lain bukan sahaja daripada perspektif ekonomi tetapi juga perspektif keselamatan rantau. Akan tetapi, isu pertikaian Pulau Dokdo menjadi salah satu isu yang menghalang kewujudan hubungan yang lebih erat di antara Seoul dan Tokyo.

Walaupun isu kedaulatan Pulau Dokdo belum diselesaikan, sejak tahun 1945, Korea Selatan telah mentadbir pulau tersebut secara *de facto* yang memberi maksud “*pada hakikatnya*” atau suatu amalan yang wujud tetapi tidak semestinya dianggap sah di dalam konteks undang-undang rasmi (NAHF, n.d; *Online Etymology Dictionary*, n.d). Untuk menguatkan lagi kedudukannya, Seoul telah mengukuhkan kawalan efektifnya ke atas pulau tersebut. Hal ini boleh dibuktikan dengan penubuhan pelbagai infrastruktur seperti

rumah api dan bangunan yang dilengkapi dengan pejabat pentadbiran serta asrama kepada pegawai marin yang bertugas di sana. Pada masa yang sama, Pulau Dokdo juga turut menjadi tempat tinggal warga Korea Selatan seperti pasangan Kim Seong do. Kerajaan Korea Selatan juga menyediakan infrastruktur seperti kemudahan penyahgaraman (desalination) untuk membekalkan bekalan air tawar kepada para penghuni di pulau itu. Segala tindakan ini adalah bermatlamat untuk menjadikan pulau itu sesuai untuk dihuni dan menampung kehidupan manusia (Lee, 2010). Dalam hal ini, tindakan tersebut dilihat sebagai satu titik tolak dalam memenuhi kriteria sebagai sebuah pulau di bawah intipati Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut /*United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS). Tambahan pula, kerajaan Korea Selatan turut menggalakkan aktiviti perikanan serta pelancongan. Aktiviti ekonomi ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam bab seterusnya.

Seperti yang diterangkan di atas, *Treaty of Basic Relations between Japan and the Republic of Korea* tahun 1965 tidak mempunyai sebarang peruntukan tentang isu status Pulau Dokdo. Walaupun Korea Selatan pada masa itu berpendapat isu tersebut boleh dibincangkan pada masa akan datang, hakikat sebenarnya adalah kerajaan Korea Selatan berpendirian bahawa Pulau Dokdo adalah miliknya (Han, 2008). Pada awalnya selepas perjanjian 1965 ditandatangani, soal hak perikanan di persekitaran Pulau Dokdo menjadi isu utama yang perlu diselesaikan. Sebagai contoh, pada tahun 1977, Jepun telah mengisytiharkan bahawa sejauh 12 batu nautikal kawasan laut wilayahnya dan 200 batu nautikal zon perikanan di persekitaran Pulau Dokdo boleh diakses oleh nelayannya. Korea Selatan tidak menunjukkan sebarang reaksi sejurus selepas pengumuman tersebut tetapi kemudiannya secara tidak rasmi membenarkan nelayan Jepun menjalankan aktiviti perikanan dalam lingkungan 12 batu nautikal di perairan pulau tersebut (Koo, 2009: 80).

Selain soal hak perikanan, tindakan membangunkan Pulau Dokdo secara unilateral oleh Korea Selatan membawa kepada ketegangan antara Seoul dengan Tokyo. Perasaan tidak puas hati pihak kerajaan Jepun semakin meningkat apabila kawalan efektif Korea Selatan semakin kuat dengan adanya pembangunan di pulau tersebut. Pada tahun 1982, Korea Selatan mengisytiharkan pulau tersebut sebagai khazanah negara atau *National Cultural Heritage*. Bermula pada sekitar tahun 1990-an, Korea Selatan mula membina infrastruktur di pulau tersebut seperti pembinaan dermaga dan stesen untuk pengawal keselamatan pada tahun 1997 serta menyediakan kemudahan elektrik dan membina rumah api pada tahun 1998 (*Gyeongsangbuk-do*, 2015: 11).

Biasanya Jepun bertindak balas dengan membuat protes diplomatik terhadap kependudukan Korea Selatan ke atas Pulau Dokdo. Korea Selatan pula sering kali melakukan penafian balas terhadap protes tersebut (Choi, 2005: 468). Antara tahun 1990-an hingga awal 2000-an, beberapa konflik kecil berlaku antara Korea Selatan dengan Jepun yang kebanyakannya tertumpu kepada isu hak penangkapan perikanan di persekitaran perairan Pulau Dokdo. Dalam hal ini, konflik Pulau Dokdo muncul kembali apabila UNCLOS III yang berkuat kuasa pada tahun 1994 mula menetapkan beberapa isu seperti status kepulauan, nagivasi, perlindungan hidupan marin dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Dengan penetapan tersebut, hubungan bilateral menjadi tegang dengan persaingan untuk menetapkan hak masing-masing dalam soal akses untuk aktiviti perikanan (Koo, 2009: 86).

Pada tahun 1996, Korea Selatan di bawah pentadbiran Presiden Kim Young Sam (1993-1998) mula membangunkan Pulau Dokdo menerusi pembinaan dermaga sebagai persiapan kepada penetapan asas garisan (baseline) ZEE negara itu (Choi, 2005: 476-477). Perbincangan antara Seoul dengan Tokyo berkaitan penetapan garisan tersebut serta

hak perikanan tidak membawa sebarang hasil. Walau bagaimanapun, menerusi *Agreement between Japan and the Republic of Korea Concerning Fisheries tahun 1998*, Seoul dan Tokyo bersetuju untuk menjadikan perairan Pulau Dokdo sebagai kawasan perikanan bersama (Fern, 2005: 81; Rujuk Lampiran 7). Di bawah pentadbiran Presiden Kim Dae Jung (1998-2003) pula, Korea Selatan cuba memulihkan hubungannya dengan Jepun melalui *Joint Declaration on a New Republic of Korea-Japan Partnership towards the twenty First Century*. Walaupun isu hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo/Takeshima tidak diselesaikan tetapi suatu perjanjian baharu menetapkan hak penangkapan ikan di perairan pulau tersebut dipersetujui pada tahun 1998-1999 (Koo, 2009: 91).

Walaupun Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung (1998-2003) berjaya memperbaiki hubungan dengan Tokyo, namun beberapa isu yang berkait langsung dengan kedaulatan Pulau Dokdo sering kali menggugat hubungan bilateral. Contohnya pada tahun 2002, Jepun menerbitkan buku teks sejarah yang memaparkan Pulau Dokdo yang dikenali sebagai Takeshima sebagai miliknya. Hal ini dilihat oleh Seoul sebagai mencabar pendirian Korea Selatan sebagai pemilik Pulau Dokdo.

Insiden ini diikuti kontroversi cetakan setem pos Pulau Dokdo pada 16 Januari 2004 yang dikenali sebagai *The Nature of Tokdo* yang menunjukkan imej pulau tersebut (Brooke, J: 2004). Cetakan setem tahun 2004 ini merupakan cetakan ketiga yang dilakukan oleh kerajaan Korea Selatan selepas tahun 1954 dan 2002 (*Gyeongsangbuk-do Province*, 2015: 38; Rujuk Gambar 3.8).

Setem-setem ini menunjukkan ciri-ciri yang terdapat di kawasan Pulau Dokdo seperti spesies flora dan fauna yang terdapat di kawasan itu. Boleh diandaikan bahawa tujuan

utama setem-setem ini dikeluarkan adalah untuk menunjukkan identiti nasional, simbol kebudayaan serta meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk Korea Selatan. Dalam erti kata lain, setem-setem tersebut memperkuuhkan pemilikan Korea Selatan terhadap Pulau Dokdo secara terbuka.

Gambar 3.8: Cetakan setem Pulau Dokdo. Tiga setem pertama (1954), setem kedua (2002) dan setem ketiga (2004).



Sumber: Diakses pada 13 Februari 2017 dari,
https://www.mountainstamp.com/Korean_Peninsula_pages/Korean_Peninsula.html

Tindakan Korea Selatan ini mendapat bantahan daripada Jepun dan Tokyo menghantar aduan kepada *Universal Postal Union* (UPU) atas alasan bahawa cetakan setem tersebut melanggar semangat kerjasama yang dianjurkan oleh UPU (Pak, 2007: 128). Selain itu, Jepun turut bercadang untuk mencetak setem Pulau Takeshima sebagai tindak balas kepada tindakan Korea Selatan dengan menyampaikan mesej bahawa kedaulatan Pulau Takeshima adalah hak milik Jepun. Namun cadangan tersebut dibantah oleh Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi (2001-2006) atas alasan bahawa cetakan seterusnya akan mengeruhkan lagi hubungan Jepun dan Korea Selatan (Koo, 2009: 93).

Di pihak Korea Selatan, Seoul menyatakan bahawa rancangan untuk mencetak Setem Pulau Dokdo itu dibuat pada tahun 2003 dan rancangan itu telah diumumkan kepada UPU. Tambahan pula, Pulau Dokdo sememangnya hak milik Korea Selatan berdasarkan kepada prinsip undang-undang antarabangsa, geografi dan sudut sejarah. Oleh itu, kerajaan Korea Selatan menyimpulkan tuntutan yang dibuat oleh Jepun adalah tidak berasas dan menggambarkan bahawa Jepun yang telah melanggar hak kedaulatan Korea Selatan (Pak, 2007: 128). Presiden Korea Selatan pada ketika itu, Roh Moo Hyun (2003-2008) turut mengkritik tindakan kerajaan Jepun dalam menuntut hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo,

There is no need to refer to the basis of our sovereign right, just as there is no need for one to keep insisting that his wife is his own wife since she's his wife by all means (Koo, 2009: 94)

Kontroversi ini akhirnya mengundang penglibatan orang awam apabila terdapat empat orang warga Jepun daripada parti sayap kiri melakukan percubaan mendarat di perairan Pulau Dokdo. Akan tetapi, percubaan tersebut akhirnya dibatalkan dan individu-individu tersebut kembali ke wilayah Shimane. Hal ini kerana Seoul telah mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan akan mengkaji semula dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pencetakan setem yang berkaitan dengan Pulau Dokdo (Pak, 2007: 128). Selain isu pencetakan setem, isu kedaulatan Pulau Dokdo juga dipaparkan melalui kaedah yang lain.

Konflik hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo berterusan pada tahun 2005 apabila ahli Diet wilayah Shimane mencadangkan agar 22 Februari dijadikan sebagai *Takeshima Day*. Cadangan ini dibuat bagi memperingati detik Pulau Takeshima menjadi wilayah Jepun pada tahun 1905 (Norimitsu, 2005). Dalam hal ini, pengisytiharan *Takeshima Day* dikatakan kesan daripada penafian hak nelayan Jepun menangkap ikan di kawasan

perairan pulau tersebut (Reynolds, 2015). Tambahan pula, pengisytiharan *Takeshima Day* adalah satu lagi usaha kerajaan Jepun menuntut pulau tersebut sebagai sebahagian daripada kepulauan Jepun (Koo, 2009: 70).

Akibat daripada pengisytiharan tersebut, masyarakat Korea Selatan mengadakan demonstrasi di hadapan Kedutaan Jepun di Seoul pada 17 Mac 2005 dengan membakar bendera Jepun dan turut mencederakan diri sendiri sebagai tanda protes terhadap tindakan tersebut (Rujuk Gambar 3.9 dan 3.10). Pada masa yang sama, kerajaan Korea Selatan turut membatalkan lawatan Menteri Luar Korea Selatan, Ban Ki Moon (2004-2006) ke Tokyo sebagai bantahan terhadap pengisytiharan hari tersebut (Faiola, 2005).

Gambar 3.9: Pelbagai reaksi masyarakat Korea Selatan terhadap pengisytiharan *Takeshima Day*.



Sumber: Diakses pada 1 November 2017 dari,
http://english.ohmynews.com/ArticleView/article_view.asp?menu=A11100&no=216162&rel_no=1&back_url

Gambar 3.10: Pembakaran bendera Jepun di Pulau Dokdo.



Sumber: diakses pada 1 November 2017 dari,
http://english.ohmynews.com/articleview/article_view.asp?menu=A11100&no=217891&rel_no=1&back_url

Ketegangan berhubung isu Pulau Dokdo sekali lagi timbul pada tahun 2006 apabila kerajaan Jepun mengambil keputusan untuk melakukan kajian hidrografi di sekitar perairan pulau tersebut dari 18 April hingga 30 Jun 2006 (*Diplomacy Korea*, 2004). Tindakan Jepun berkenaan dianggap sebagai percubaan untuk menuntut kedaulatan ke atas wilayah Korea Selatan dan menafikan Korea Selatan sebagai suatu entiti yang berdaulat. Bantahan tersebut telah disuarakan oleh Presiden Roh Moo Hyun menerusi ucapan rasmi beliau pada 25 April 2006 yang mana beliau berpendapat,

Japan's present claim to Dokdo is claiming a right to what it had once occupied during an imperialist war of aggression, and what is worse, it is claiming a right to a former colonial territory of bygone years. This is an act of negating the complete liberation and independence of Korea. Moreover, this is an act of contending the legitimacy of Japan's criminal history of waging wars of aggression and annihilation as well as forty years of exploitation, torture, imprisonment, forced labor, and even military sexual slavery. We cannot tolerate this for anything. (MOFA, Republic of Korea, 2009).

Korea Selatan mengambil langkah memberi amaran keras dengan mengarahkan 20 buah kapal untuk mengawal sekitar Pulau Dokdo dan menahan individu-individu yang terlibat sekiranya kajian tersebut diteruskan. Jepun menjelaskan bahawa kajian yang dilakukan itu berlaku di kawasan ZEE Jepun. Oleh itu, Jepun tidak mempunyai obligasi untuk meminta kebenaran daripada pihak kerajaan Korea Selatan. Sebaliknya kerajaan Jepun memberi amaran sekiranya polis marin Korea Selatan bertindak menahan kapal penyelidikan Jepun, maka penahanan tersebut boleh dianggap melanggar prinsip undang-undang antarabangsa (Valencia, 2006). Ketegangan ini akhirnya melibatkan campur tangan Amerika Syarikat. Duta Amerika Syarikat pada ketika itu, Thomas Schieffer menegaskan bahawa pihak Korea Selatan bertindak tidak rasional dan memberi amaran kepada kedua-dua pihak untuk berundur daripada kawasan perairan Pulau Dokdo untuk mengelakkan sebarang insiden. Ketegangan reda apabila Seoul dan Tokyo bersetuju untuk berundur (Yokota, 2012).

Satu lagi isu yang sering membawa ketegangan antara Seoul dengan Tokyo adalah kontroversi buku teks (Rujuk Gambar 3.11). Pada bulan Julai 2008, kerajaan Korea Selatan memanggil duta Jepun untuk memberikan penjelasan terhadap panduan kurikulum untuk para guru yang baru diterbitkan yang menunjukkan Pulau Takeshima sebagai milik Jepun (BBC, 2008).

Buku teks sejarah yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah di Jepun telah menimbulkan rasa tidak puas hati kerajaan Korea Selatan (*The Straits Times*, 2016). Hal ini kerana buku-buku teks Jepun menegaskan bahawa kedaulatan Pulau Takeshima adalah di bawah tanggungjawab Jepun. Tambahan pula, kandungan buku teks tersebut turut menunjukkan peta Jepun yang memasukkan Pulau Takeshima sebagai salah satu wilayahnya (Panda, 2014). Selain itu, terdapat kandungan buku teks yang mendakwa

Korea Selatan sebagai mengilhakan Pulau Takeshima (Panda, 2014). Bagi Korea Selatan, tindakan Jepun dianggap sebagai memanipulasikan fakta sejarah demi kepentingan politiknya (Jung, 2008).

Gambar 3.11: Buku-buku teks Jepun yang menerangkan konflik pemilikan Pulau Dokdo antara Korea Selatan dengan Jepun.



Sumber: Diakses 16 Januari 2016 dari,
<https://asia.nikkei.com/Politics-Economy/Policy-Politics/Japanese-textbooks-toe-government-line-on-disputed-islands>

Sejak tahun 1954, Korea Selatan telah pun menempatkan sekumpulan pegawai keselamatan maritim di Pulau Dokdo. Tambahan pula, terdapat masa-masa tertentu di mana Korea Selatan mengadakan latihan ketenteraan di sekitar Pulau Dokdo sebagai persediaan untuk mempertahankan perairan dan persekitaran pulau berkenaan. Walau bagaimanapun, Korea Selatan sedar tindakan sebegini mungkin akan membawa kepada konflik militari antara Seoul dengan Tokyo seperti yang dinyatakan di bawah,

Stationing armed forces on the islets could be interpreted by the international community that the islets are disputed area, weakening Seoul's sovereignty over Dokdo.... Such a move would rather offer a chance for Tokyo to get ready to use its military forces over the Dokdo issue (Jung, 2008).

Akibatnya, pada tahun 2012, Jepun membekukan program pertukaran latihan militarnya dengan Korea Selatan. Walaupun begitu, atas dasar kepentingan dan keselamatan rantau Asia Timur, Kementerian Korea Selatan melaporkan bahawa Jepun akan mengambil bahagian di dalam program ketenteraan laut berbentuk multinasional yang dianjurkan oleh Korea Selatan untuk menangani sebarang isu berhubung pemindahan senjata pemusnah besar-besaran ke rantau Asia Timur (*The Korea Times*, 2012). Justeru itu, tindakan tersebut menggambarkan bahawa Seoul dan Tokyo berjaya mengenepikan isu hak dan kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima dengan memberi tumpuan kepada perkiraan yang lain demi meminimakan kofrontasi diplomatik di antara kedua-dua negara (*The Korea Times*, 2012).

Selain isu buku teks, lawatan mengejut yang dilakukan oleh Presiden Lee Myung Bak (2008-2013) ke Pulau Dokdo pada bulan Ogos 2012 sekali lagi menimbulkan ketegangan antara Korea Selatan dengan Jepun (Rujuk Gambar 3:12). Tindakan ini boleh dilihat sebagai suatu pendirian simbolik dalam menegaskan kedaulatan Pulau Dokdo. Lawatan ini disokong oleh lebih 80% masyarakat Korea Selatan (Kim, 2012). Namun, lawatan tersebut menimbulkan reaksi negatif daripada kerajaan Jepun dan menyebabkan Jepun mengambil tindakan dengan memanggil dutanya di Seoul (Oi, 2012). Pada masa yang sama, Perdana Menteri Yoshihiko Noda (2011-2012) mengkritik tindakan Lee Myung Bak dengan menyatakan bahawa lawatan tersebut dianggap sebagai “*extremely deplorable*” dan berpotensi menjelaskan usaha kedua-dua negara dalam memulihkan hubungan diplomatik (Miller, 2012).

Sebagai lanjutan kepada tindakan Korea Selatan itu, Jepun juga telah mengusulkan beberapa inisiatif dalam mempertahankan haknya ke atas Pulau Takeshima. Antara inisiatif tersebut adalah mencadangkan sama ada untuk untuk mengurangkan dana

berhubung *currency swap* dengan Korea Selatan atau membantah pencalonan negara tersebut sebagai ahli tidak tetap dalam Majlis keselamatan PBB (Ito, 2012). Selain itu, kerajaan Jepun sekali lagi mencadangkan untuk membawa isu hak dan kedaulatan Pulau Dokdo ke ICJ seperti yang pernah dilakukannya pada tahun 1954 dan 1962 tetapi ditolak oleh kerajaan Korea Selatan.

Gambar 3.12: Lawatan Presiden Lee Myung Bak ke Pulau Dokdo pada tahun 2012.



Sumber: Diakses pada 29 Mei 2015, daripada
<https://www.japantimes.co.jp/news/2012/08/19/national/media-national/serious-island-negotiations-long-overdue/#.W02O69IzbIU>

Selain itu, kerajaan Jepun juga mencadangkan perbincangan bilateral atau membawa isu berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Takeshima ini ke *United Nations Good Offices Commission* berdasarkan kepada memorandum konflik resolusi yang ditandatangani oleh Korea Selatan pada tahun 1965 (*The Dong-A Ilbo*, 2012). Istilah *United Nations Good Offices Commission* merujuk kepada peranan Setiausaha Agung PBB di dalam menangani konflik antarabangsa (*Reports on Secretary General*, 2017: 7).

Peranan tersebut akan diperjelaskan di dalam bab-bab yang berikutnya. Dalam hal ini, tindakan Jepun merujuk kepada intipati *Agreement on the Settlement of Problems Concerning Property and Claims and on Economic Co-Operation* tahun 1965, instrumen perjanjian yang disertakan di dalam *San Francisco Peace Treaty* tahun 1965. *Agreement on the Settlement of Problems Concerning Property and Claims and on Economic Co-Operation* menjelaskan bahawa kedua-dua bersetuju untuk menggunakan saluran diplomasi sebagai kaedah penyelesaian utama (Lee, 2002: 39). Artikel 3 di dalam perjanjian tersebut menyatakan,

Any dispute between the Contracting Parties concerning the interpretation and implementation of the present Agreement shall be settled, first of all, through diplomatic channels (Rujuk Lampiran 12).

Berdasarkan kepada intipati perjanjian tersebut, Lee (2002: 39) mengandaikan bahawa Jepun turut mempunyai alasan yang munasabah dalam usaha untuk menuntut hak dan kedaulatan ke atas Pulau Takeshima. Seperti yang dinyatakan, disebabkan ketiadaan peruntukan berhubung soal pemilikan Pulau Dokdo di dalam *San Francisco Peace Treaty* tahun 1951 dan *Treaty on Basic Relations between Japan and the Republic of Korea* tahun 1965, justeru itu, Korea Selatan berpendirian bahawa Tokyo tidak mempunyai sebarang alasan untuk mempersoalkan pemilikan Seoul terhadap kedaulatan pulau tersebut.

3.4 PETUNJUK NASIONALISME DALAM KONFLIK PULAU DOKDO

Kebanyakan kajian berhubung isu pertikaian wilayah lebih condong untuk memberikan tumpuan terhadap dua konsep yang sering digunakan iaitu ‘*terra nullius*’ dan ‘kawalan efektif’ sebagai faktor terpenting. Konsep *terra nullius* mempunyai dua penerangan. Pertama, konsep ini merujuk kepada sesebuah wilayah yang secara semula jadinya tidak berada di bawah mana-mana bidang kuasa. Kedua, konsep *terra nullius*

juga merujuk kepada sebuah wilayah yang pernah diduduki tetapi kemudiannya diabaikan dalam suatu jangka masa yang panjang (Whitmore, 1896: 6). Manakala, konsep kawalan efektif diperkenalkan semasa Persidangan Berlin (Berlin Conference) pada tahun 1884-1995 (*OriginalPeoples*, 2014). Konsep ini menerangkan bahawa sesebuah kuasa kolonial boleh memperoleh hak atas jajahannya sekiranya kependudukan tersebut disusuli dengan aktiviti kedaulatan seperti mengadakan perjanjian dengan pemimpin tempatan, memacakkkan bendera dan mewujudkan pentadbiran di kawasan tersebut (*OriginalPeoples*, 2014). Kedua-dua konsep yang dibincangkan di atas sering digunakan oleh negara-negara yang berkonflik di dalam menjustifikasi sebarang tuntutan kedaulatan ke atas sesebuah wilayah. Sehubungan dengan itu, konsep *terra nullius* dan kawalan efektif adalah adalah dua elemen yang terpenting untuk menentukan pemilikan sesebuah wilayah yang dipertikaikan.

Dalam kajian berhubung isu hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo, isu nasionalisme merupakan salah satu isu yang tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini, bagi Korea Selatan, aspek nasionalisme tertumpu kepada proses pemulihan bangsa yang terjejas semasa kependudukan Jepun (1910-1945). Aspek nasionalisme ini sememangnya menghalang kerjasama yang lebih rapat antara Korea Selatan dengan Jepun sehingga kini.

Pulau Dokdo dilihat sebagai objek nasionalisme dalam persaingan Korea Selatan dengan Jepun kerana kawasan tersebut mempunyai makna yang lebih signifikan kepada bangsa Korea Selatan. Hal ini kerana tuntutan ke atas Pulau Dokdo berkait rapat dengan proses pemulihan bangsa Korea Selatan (Koo, 2009: 70). Korea Selatan berpendapat bahawa nilai pemilikan Pulau Dokdo meningkat kerana pulau itu merupakan sebahagian daripada wilayahnya yang turut dituntut oleh Jepun. Ketidakpuasan hati dan persepsi

negatif Korea Selatan terhadap Jepun dimanifestasikan melalui tuntutan terhadap Pulau Dokdo. Maka sentimen nasionalisme menjadi pendorong kepada Korea Selatan.

Seperti yang dinyatakan terlebih dahulu, Pulau Dokdo merupakan wilayah pertama yang diilhakan oleh Jepun pada tahun 1905. Jepun memberi alasan bahawa pulau tersebut adalah *terra nullius*. Kemudiannya, Semenanjung Korea menjadi wilayah naungan dan secara rasminya menjadi salah satu koloni Jepun pada tahun 1910. Dalam hal ini dapat dijelaskan sejarah Korea Selatan sebagai bekas koloni Jepun secara tidak langsung menjadikan Pulau Dokdo sebagai instrumen nasionalisme. Akibatnya, Korea Selatan bertindak secara unilateral dalam pengisytiharan kedaulatan Pulau Dokdo. Tindakan tersebut disokong melalui aspek geografi, dokumentasi sejarah dan penginterpretasian peta-peta lama Korea Selatan. Tambahan pula, pada masa-masa tertentu, elemen nasionalisme dalam konflik ini dieksplotasi oleh ahli politik dan rakyat Korea Selatan.

Sentimen nasionalisme terhadap Pulau Dokdo mula menjelma pada tahun 1960-an semasa rundingan dilakukan untuk menormalisasikan hubungan antara Korea Selatan dengan Jepun. Isu Pulau Dokdo timbul dalam rundingan tersebut di mana Jepun mencadangkan isu tersebut di bawa ke ICJ. Walau bagaimanapun, Korea Selatan enggan berbuat demikian malah Presiden Park Chung Hee (1963-1979) sendiri tidak mahu isu Pulau Dokdo dibincangkan dalam rundingan tersebut. Perlu dinyatakan bahawa rakyat Korea Selatan sebenarnya tidak bersetuju terhadap rundingan normalisasi dengan Jepun dilakukan. Namun, untuk membangunkan ekonomi Korea Selatan, Park Chung Hee sedar bahawa beliau terpaksa memperbaiki hubungan dengan Jepun.

Dalam rundingan yang dilakukan di antara Pengarah *Korean Central Intelligence Agency* (KCIA) Kim Jong Pil dan Masayoshi Ohira, Menteri Luar Negeri Jepun pada ketika itu (1962-1964), wujud pelbagai spekulasi berhubung status Pulau Dokdo. Ada yang mengatakan bahawa Kim bersetuju dengan semua syarat yang dikenakan oleh Tokyo termasuklah menggugurkan tuntutan ke atas Pulau Dokdo. Dikatakan bahawa persetujuan dilakukan bagi mendapatkan sejumlah dana yang besar daripada Jepun. Selain itu, ada juga spekulasi mengatakan bahawa Korea Selatan sedia mengebom Pulau Dokdo untuk menyelesaikan isu tuntutan daripada dilanjutkan (Koo, 2009: 74).

Semangat nasionalisme rakyat Korea Selatan semakin membara apabila mereka berpendapat kerajaan Korea Selatan seolah-olah ‘menjual’ kedaulatan Pulau Dokdo kepada Jepun. Oleh itu, pada tahun 1964, berlaku rusuhan secara besar-besaran di seluruh negara bagi menentang proses rundingan normalisasi pada tahun 1960-an. Penentangan ini dilakukan oleh pelajar universiti dan ahli akademik (Rujuk Gambar 3.13).

Gambar 3.13: Suasana penentangan rakyat Korea Selatan terhadap proses rundingan normalisasi hubungan Korea Selatan dan Jepun tahun 1964.



Sumber: Diakses pada 23 November 2017 daripada
<http://koreajoongangdaily.joins.com/news/article/article.aspx?aid=3005671>

Selain itu, Park Chung Hee dikatakan bahawa beliau terlalu berpihak kepada Jepun. Malah beliau disamakan dengan Ye Wanyong, salah seorang pegawai tertinggi Korea semasa pendudukan Jepun yang terkenal sebagai penyokong kuat pihak pentadbir Jepun. Disebabkan sentimen-sentimen sebegini, akhirnya Korea Selatan dan Jepun bersetuju agar tidak memasukkan isu Pulau Dokdo sebagai salah satu agenda dalam perjanjian normalisasi pada tahun 1965.

Tidak dapat dinafikan isu Pulau Dokdo juga sering dijadikan agenda politik untuk meraih undi rakyat dalam memenangi pilihan raya ataupun meningkatkan populariti. Keadaan ini dapat dibuktikan menerusi tindakan bekas Presiden Lee Myung Bak ke Pulau Dokdo pada tahun 2012. Lawatan yang dilakukan pada akhir penggal pentadbiran beliau boleh diinterpretasikan sebagai usaha untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap Parti Saenuri. Pada masa yang sama, lawatan tersebut dipergunakan sebagai lencongan daripada pelbagai skandal yang berlaku sepanjang pentadbiran Presiden Lee. Hasil daripada lawatan tersebut, Parti Saenuri yang diketuai oleh Park Gyeun Hye (Presiden Korea Selatan pada tahun 2013 sehingga tahun 2017) memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 2012 tersebut dengan peratusan undian sebanyak 51.6% berbanding Parti Demokratik di bawah pimpinan Moon Jae In (Presiden Korea Selatan pada tahun 2017-kini) yang hanya meraih 48% (Harlan, 2012).

Proses pendemokrasian yang berlaku pada sekitar tahun 1987 memberikan lebih banyak ruang untuk kritikan oleh masyarakat umum di Korea Selatan terhadap tindakan kerajaan mereka. Alexander Bukh (2016: 1) seorang pensyarah di University of Wellington, New Zealand berpendapat,

...the symbolic importance of Dokdo lies not only in the historical memory of Japanese colonization but is directly related to post-independence domestic processes in South Korea.

Dalam konteks ini, kemunculan organisasi masyarakat sekitar tahun 2000 yang memperjuangkan hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo semakin popular. Antara organisasi yang utama adalah seperti *Dokdo Headquarters* yang ditubuhkan pada tahun 2000. *Dokdo Headquarters* berperanan mencegah kedaulatan Pulau Dokdo diserahkan kepada Jepun oleh kerajaan Korea Selatan (Bukh, 2016: 10). Aktiviti utama organisasi tersebut termasuk mendidik masyarakat awam tentang kepentingan Pulau Dokdo menerusi penyebaran risalah, ucapan-ucapan awam serta melakukan demonstrasi untuk memberi tekanan kepada kerajaan Korea Selatan. Selain *Dokdo Headquarters*, *Voluntary Agency Network of Korea* (VANK) juga sangat aktif dalam memperjuangkan kedaulatan Pulau Dokdo. Contohnya pada tahun 2012, VANK yang mempunyai lebih kurang 120,000 ahli mengadakan protes untuk mendesak *Apple* dan *Google* untuk menggunakan istilah “Pulau Dokdo” dalam peta digital syarikat tersebut kerana *Apple* menggunakan istilah *Takeshima* manakala *Google* pula menggunakan istilah *Liancourt Rocks* dalam peta digital masing-masing. Lima tahun kemudian, VANK memuat naik sebanyak 105 klip video berkaitan isu Dokdo di saluran *YouTube* untuk menimbulkan kesedaran tentang kedaulatan Pulau Dokdo (*Yonhap News Agency*, 2017).

Boleh disimpulkan bahawa isu Pulau Dokdo juga semakin banyak dipaparkan dalam rangkaian digital. Contohnya, seorang warganegara Kanada bernama Steven J. Barber menggunakan data yang diperoleh daripada netizen pelbagai negara termasuklah Korea untuk membuat klip video yang menunjukkan bahawa Pulau Dokdo adalah milik Korea Selatan (Rujuk Gambar 3.14). Video dan imej yang diutarakan sememangnya menerangkan tuntutan Korea Selatan kepada masyarakat antarabangsa dan pada masa

yang sama berperanan membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea Selatan.

Gambar 3.14: Paparan laman sesawang yang dikendalikan oleh Steven J. Barber.



Sumber: Diakses pada 11 September 2016 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/>

Dalam pada itu juga, pengkaji sendiri memerhatikan bahawa laman sesawang *Facebook* juga menjadi platform kepada masyarakat Korea Selatan dalam mengekspresikan semangat nasionalisme mereka. Pada tahun 2018, terdapat lebih daripada 100 buah halaman *Facebook* yang mengandungi informasi berhubung sejarah Pulau Dokdo dan tuntutan Korea Selatan ke atas pulau tersebut dengan menyediakan bukti-bukti dalam bentuk gambar, poster dan tayangan video. Dalam erti kata lain, konflik tersebut digunakan untuk membina semula sejarah dan memperkasakan identiti nasional masyarakat Korea Selatan dalam media digital. Dengan berbuat demikian, boleh dikatakan media digital berfungsi menyemarakkan kebangkitan nasionalisme dalam kalangan masyarakat awam Korea Selatan berhubungan dengan konflik Pulau Dokdo.

Dalam menguar-uarkan isu hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo, beberapa individu terkenal turut membantu dalam mempertahankan hak Korea Selatan ke atas pulau berkenaan. Pada tahun 2012, semasa ulang tahun ke-67 memperingati kemerdekaan Korea Selatan daripada pendudukan Jepun, selebriti Kim Jang Hoon berenang sepanjang 230 km bersama-sama beberapa orang perenang yang lain ke Pulau Dokdo. Kenyataan Kim menerangkan tindakannya,

I will never make such a comment as 'Dokdo is our territory' when I arrive there. It's meaningless to do so because they are undeniably our territory (The Telegraph, 2012).

Pada tahun yang sama, sentimen nasionalisme ditunjukkan oleh pemain pasukan bola sepak Korea Selatan, Park Jong Woo semasa pertandingan bola sepak di Olimpik 2012 yang diadakan di London. Walaupun tindakannya bertentangan dengan prinsip jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Park tetap mempamerkan slogan “Dokdo is our land” selepas pasukan Korea Selatan berjaya mengalahkan pasukan bola sepak Jepun (Rujuk Gambar 3.15). Tindakan tersebut menyebabkan Park dihalang daripada menghadiri upacara pemberian pingat kerana tindakan tersebut diinterpretasikan sebagai menyokong pendirian politik Korea Selatan terhadap Jepun.

Beberapa selebriti Korea Selatan juga menunjukkan semangat nasionalisme walaupun mereka mendapat reaksi negatif daripada kerajaan Jepun akibat menyokong pendirian Pulau Dokdo sebagai milik Korea Selatan. Dalam banyak situasi, kerajaan Jepun memberi tekanan kepada selebriti Korea Selatan yang menyokong pendirian rasmi Korea Selatan terhadap Pulau Dokdo. Misalnya, penghasilan lagu “Dokdo is our Land” oleh penyanyi Korea Selatan, Jeong Kwang Tae menyebabkan beliau dihalang daripada memasuki Jepun pada tahun 1996. Lagu yang digubah pada tahun 1982 ini bersifat patriotik dalam meluahkan tuntutan Korea Selatan ke atas Pulau Dokdo. Hampir setiap

lapisan masyarakat Korea Selatan menjiwai lirik lagu tersebut. Seorang selebriti Korea Selatan, Song Il Gook telah dihalang daripada memasuki Jepun pada tahun 2014 setelah menyertai aktiviti berenang ke Pulau Dokdo pada tahun 2012. Selain larangan tersebut, drama Korea yang dibintangi oleh Song iaitu “A Man Called God” turut dibatalkan daripada disiarkan di saluran televisyen Jepun (*Dong A-Ilbo*, 2014). Pada November 2014, penyanyi Lee Seung Chul juga dihalang daripada memasuki Jepun disebabkan tindakan beliau mengadakan konsert kecil pada Ogos 2014 semasa meraikan ulang tahun kemerdekaan Korea Selatan.

Gambar 3.15: Park Jong Woo mempamerkan slogan “*Dokdo is our land*” semasa Olimpik 2012 di London.



Sumber: Diakses pada 16 ogos 2015, daripada
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20120824000765>

Selain tindakan beberapa individu terkenal, terdapat juga aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Korea Selatan dalam usaha mempertahankan kedaulatan Pulau Dokdo. Selain tindakan demonstrasi, penyebaran risalah dan penggunaan media massa, kesedaran terhadap hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo dilakukan menerusi tarian

Flash Mob. *Flash mob* ini menggunakan lagu patriotik seperti “Dokdo is our Land” (Rujuk gambar 3.16).

Gambar 3.16: Klip video tarian *Flash mob* yang dilakukan di Seoul.



Sumber: Diakses pada 27 Oktober 2016, daripada
<https://www.youtube.com/watch?v=dfvxSHDEHF8>

Tarian ini dilakukan sekitar Seoul dan Busan pada tahun 2012 (Palmer & Whitefleet-Smith, 2016: 25). Aktiviti sebegini boleh diinterpretasikan sebagai kempen politik oleh organisasi bukan politik yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang sesuatu konflik. Klip video dan gambar berkaitan dibuat naik dalam jaringan sosial seperti blog dan laman sesawang. Bukan sahaja di Korea Selatan, *flash mob* seperti ini dilakukan oleh diaspora Korea Selatan di merata dunia. Misalnya, 100 etnik Korea di Amerika melakukan *flash mob* di hadapan bangunan Dewan Bandaraya di San Jose, California pada tahun 2015 (*The Korea Times*, 2015: Rujuk Gambar 3.17). *Flash mob* sebegini menandakan bagaimana diaspora Korea di luar Korea Selatan berhimpun secara beramai-ramai untuk menunjukkan rasa nasionalisme mereka

terhadap isu kedaulatan Pulau Dokdo. Dengan berbuat demikian, mereka mampu menarik perhatian orang awam serta media antarabangsa.

Gambar 3.17: Tarian *Flash mob* yang dilakukan oleh warga Korea di Amerika di Carolina Utara, California.



Sumber: Diakses pada 27 Oktober 2017, daripada
<http://www.koreatimesus.com/korean-american-flash-mobs-celebrate-dokdo-day-in-norcal/>

Konflik Pulau Dokdo juga memaparkan elemen penyatuan bangsa Korea. Sebagai bekas jajahan Jepun, Korea Selatan dan Korea Utara berkongsi sentimen dan interpretasi yang sama apabila melibatkan isu berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo. Dalam hal ini, Korea Utara dilaporkan menyokong kawalan efektif Korea Selatan ke atas pulau tersebut (Siripala, 2018). Tambahan pula, isu berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo diajar dalam subjek geografi di sekolah-sekolah menengah di Korea Utara (*The Korea Times*, 2016). Dengan berbuat demikian boleh disimpulkan bahawa Korea Utara juga mempunya pandangan negatif terhadap pendudukan Jepun di Semenanjung Korea Selatan. Maka, tidak hairanlah apabila situasi ini dibuktikan apabila

kedua-dua Korea menghantar permohonan kepada Majlis Olimpik Asia untuk menggunakan bendera lambang penyatuan Korea di Sukan Asia ke-18 di Jakarta pada bulan Ogos 2018. Signifikannya, bendera tersebut menunjukkan lokasi Pulau Dokdo di Laut Timur (*The Korea Herald*, 2018). Oleh sebab itu, tidak dinafikan bahawa Pulau Dokdo merupakan satu-satunya isu yang menyatukan kedua-dua Korea dalam konteks hubungan inter-Korea yang tegang.

Bagi Korea Selatan, isu Pulau Dokdo tidak hanya memfokuskan kepada soal kedaulatan semata-mata, tetapi boleh dianggap mempunyai nilai simbolik kepada Korea Selatan. Pulau tersebut adalah sebahagian daripada identiti Korea Selatan yang berkait langsung dengan pembinaan negara bangsa serta kepentingannya. Pada masa yang sama, identiti ini juga menyumbang kepada semangat nasionalisme yang ditunjukkan oleh masyarakat sesebuah negara. Dalam kes ini, Pulau Dokdo adalah merupakan identiti kebangsaan Korea Selatan di mana isu kedaulatannya menjadi pemangkin kepada kebangkitan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea. Perkaitan antara aspek identiti bangsa dan nasionalisme ditunjukkan oleh Seoul melalui pendirian tegasnya bahawa tiada sebarang konflik wilayah wujud dengan Jepun kerana Pulau Dokdo adalah wilayahnya berdasarkan bukti sejarah, geografi dan undang-undang antarabangsa.

Pada masa yang sama, Pulau Dokdo boleh dikaitkan dengan identiti negara bangsa Korea Selatan bagi menggantikan simbol Gunung Baekdu yang merupakan lambang mitologi serta kebanggaan bangsa Korea (Rujuk Gambar 3.18). Disebabkan Gunung Baekdu berada di kawasan Korea Utara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Korea Selatan, Pulau Dokdo dianggap sebagai pengganti simbol yang sesuai untuk menyatukan masyarakat Korea Selatan (Kozisek, 2016: 11). Dengan menjadikan

Pulau Dokdo sebagai satu simbol kebangsaan, hal ini menjustifikasi lagi peranan pulau itu kepada Korea Selatan.

Gambar 3.18: Pemandangan Gunung Baekdu.




Sumber: Diakses daripada <http://san-shin.net/Baedusun.html> pada 2 November 2017.

3.5 KESIMPULAN

Faktor sejarah berkait secara langsung dengan sentimen nasionalisme masyarakat Korea Selatan. Sejarah silam Korea Selatan menunjukkan Pulau Dokdo sememangnya adalah milik Korea. Gambar 2.17 menunjukkan kronologi peristiwa yang membuktikan bahawa masyarakat Korea telah menunjukkan kawalan efektif ke atas pulau tersebut. Umpamanya, insiden penculikan Ahn Yong Bok jelas menunjukkan bahawa masyarakat Korea sudah pun melakukan aktiviti perikanan di persekitaran Pulau Dokdo.

Gambar 3.19: Kronologi sejarah Pulau Dokdo (512-1951).



Sumber: Diakses pada 14 Oktober 2017, daripada
<http://dokdo.mofa.go.kr/eng/dokdo/reason.jsp>

Tambahan pula, kerajaan Jepun beberapa kali telah menunjukkan bahawa Pulau Dokdo tidak berada dalam kawasan dominasinya. Hal ini dapat dibuktikan melalui situasi di mana kerajaan Jepun melarang nelayannya daripada menduduki atau melakukan sebarang aktiviti di persekitaran perairan Pulau Dokdo. Walau bagaimanapun, pengiktirafan kerajaan Jepun terhadap kedaulatan Pulau Dokdo sebagai hak milik Semenanjung Korea bertukar setelah Jepun semakin berkuasa di Asia Timur. Melihat kepentingan strategik pulau tersebut, Pulau Dokdo diilhakan oleh Jepun pada tahun 1905 menerusi *Eulsa Treaty*. Nama Pulau Dokdo ditukar kepada ‘Takeshima’ sebagai tanda bahawa pulau tersebut menjadi sebahagian wilayah Jepun. Lima tahun kemudian, menerusi *Japan-Korea Annexation Treaty* tahun 1910, Pulau Dokdo dikolonisasikan sepenuhnya apabila Semenanjung Korea jatuh ke tangan Jepun. Kedaulatan Pulau Dokdo berada di bawah tanggungjawab Tokyo sehingga Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1945.

Pada masa yang sama, pendirian pihak Amerika Syarikat terhadap status Pulau Dokdo/Takeshima sering berubah mengikut kepentingan negara tersebut. Hal ini secara langsung mewujudkan kesukaran untuk memastikan status Pulau Dokdo/Takeshima. Akibatnya Seoul dan Tokyo bersaing terhadap hak dan kedaulatan pulau tersebut.

Perjanjian *San Francisco Peace Treaty* yang ditandatangani pada tahun 1951 sekaligus menamatkan aspirasi militarisme Jepun dan kependudukan Amerika Syarikat di Jepun. Walau bagaimanapun, perjanjian tersebut masih gagal menentukan status kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima. Keadaan ini menyebabkan Korea Selatan mengambil langkah unilateral dengan menduduki Pulau Dokdo secara *de facto* bermula tahun 1952 sehingga sekarang.

Pada tahun 1965, Seoul dan Tokyo berjaya menormalisasikan hubungan yang tergendala menerusi *Treaty on Basic Relations between Japan and the Republic of Korea*. Konflik Pulau Dokdo/Takeshima berjaya dipinggirkan oleh pentadbiran Presiden Park Chung Hee semasa perjanjian normalisasi ditandatangani walaupun pihak Jepun mahu membincangkan isu tersebut. Walau bagaimanapun, dengan kewujudan proses pendemokrasian yang ketara pada selepas tahun 1980-an, konflik hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo/Takeshima timbul kembali dalam ingatan masyarakat Korea Selatan. Hal ini secara tidak langsung mendorong kerajaan Korea Selatan untuk mengambil pelbagai inisiatif menguatkan kedudukan mereka dalam isu kedaulatan Pulau Dokdo. Sehingga hari ini, kerajaan Korea Selatan mempertahankan pendirian bahawa tiada sebarang kewujudan konflik berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo. Persepsi yang diutarakan oleh Korea Selatan adalah pihak Jepun yang mahu menuntut sekeras-kerasnya hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo.

Dalam hal ini, ketidakupayaan untuk menyelesaikan konflik Pulau Dokdo/Takeshima berpunca daripada kegagalan kerajaan Jepun memahami sejarah serta sensitiviti masyarakat Korea Selatan. Kegagalan ini sekali gus mengeruhkan lagi hubungan diplomatik Korea Selatan dan Jepun. Polisi kerajaan Jepun yang kurang sensitif terhadap perasaan masyarakat Korea akibat pengalaman sejarah yang pahit mendorong Seoul memperkuatkan lagi pegangannya ke atas Pulau Dokdo. Kini, pulau tersebut menjadi simbol nasionalisme, identiti bangsa dan negara Korea Selatan. Kerajaan dan masyarakat awam Korea Selatan sering berganding bahu dalam melakukan pelbagai aktiviti yang bulan sahaja berupaya mempertingkatkan semangat nasionalisme, malah sekali gus dapat memantapkan kawalan ke atas Pulau Dokdo.

Boleh diandaikan bahawa tanpa perlaksanaan aktiviti dan polisi kerajaan berkait dengan Pulau Dokdo, *Geo-Body* Korea Selatan akan menjadi lemah. Akhir kata, konflik Pulau Dokdo ini juga memberikan kesan kepada aspek pembangunan ekonomi Pulau Dokdo yang penting kepada pembinaan negara bangsa Korea. Ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

BAB 4

KEPENTINGAN EKONOMI PULAU DOKDO

4.1 PENGENALAN

Kewujudan konflik terhadap hak dan kedaulatan sesebuah wilayah biasanya didorong oleh pelbagai faktor. Antara faktor yang utama adalah persaingan merebut sesuatu kawasan untuk kepentingan ekonomi (O’Shea, 2015: 555; Hensel et al, 2008: 121). Oleh itu, bagi Korea Selatan, konflik ke atas Pulau Dokdo bukan hanya terbatas kepada soal kedaulatan semata-mata tetapi juga melibatkan kepentingan ekonomi. Kepentingan ekonomi ini diperlukan oleh Korea Selatan dalam meneruskan pembinaan negaranya.

Perairan di sekitar kawasan Pulau Dokdo kaya dengan sumber hidupan laut seperti plankton, salmon, kod, sotong dan abalon serta rumpai laut. Korea Selatan merupakan antara pengeluar makanan laut yang terbesar di dunia. Pada tahun 2015, eksport makanan laut Korea Selatan dianggarkan mencapai USD1.5 billion (FAO, United Nations, 2017). Maka, pemilikan Pulau Dokdo bukan sahaja akan memastikan Korea Selatan menjadi salah satu pengeluar makanan laut terbesar di dunia tetapi juga menjamin akses kepada sumber laut pada masa hadapan.

Selain kegiatan perikanan, Pulau Dokdo juga menjana sumber ekonomi menerusi kegiatan lain seperti pelancongan. Kegiatan pelancongan di Pulau Dokdo didorong oleh faktor sejarah dan nasionalisme masyarakat Korea Selatan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Pulau Dokdo merupakan wilayah pertama Semenanjung Korea yang jatuh ke tangan Jepun pada tahun 1905 (Ryu, 2018). Keadaan ini secara tidak langsung menarik minat masyarakat awam untuk melawat ke pulau berkenaan. Selain itu, sehingga tahun 2004, kerajaan Korea Selatan mengehadkan jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo dan lawatan ke pulau berkenaan dilakukan atas tujuan tertentu. Walau

bagaimanapun, pengisytiharan *Takeshima Day* telah mengubah perspektif Korea Selatan untuk membuka Pulau Dokdo sepenuhnya kepada orang awam di samping berhasrat untuk mengukuhkan kependudukan efektif di kawasan itu. Sehubungan itu, kedua-dua aspek ini turut memainkan peranan yang penting dalam mempergiatkan kegiatan pelancongan di Pulau Dokdo.

Sejak beberapa dekad, Korea Selatan mengalami kekurangan sumber bahan mentah. Dalam kes ini, Pulau Dokdo dianggarkan kaya dengan sumber asli, terutamanya perikanan dan sumber asli dasar laut. Menurut *Korea Ocean Research and Development Institute* (KORDI), kawasan Pulau Dokdo mempunyai bekalan sumber asli seperti hidrat metana, batu fosfat, gas asli dan beberapa mineral yang lain (NAHF, n.d). Hal ini dapat dibuktikan menerusi kajian penyelidikan saintifik di kawasan Laut Timur yang dilakukan oleh Rusia dan Jepun pada awal tahun 1970-an. Dilaporkan bahawa Moscow dan Tokyo telah menemui pelbagai sumber asli yang wujud di dasar Laut Timur (*Korea Joongang Daily*, 2008). Pada tahun 2005 pula, beberapa orang saintis Korea telah menemui 600 juta tan bekalan hidrat metana di dasar laut di selatan Pulau Ulleungdo berdekatan dengan Pulau Dokdo (*Korea.net*, 2012). Anggaran nilai sumber tersebut dikatakan lebih kurang 15 billion (Han, 2008). Pada masa yang sama, dianggarkan bahawa sumber tersebut juga berupaya menampung penggunaan gas asli selama 30 tahun di Korea Selatan (NAHF, n.d). Walaupun proses penggalian masih berada pada peringkat awal, proses pengekstrakan sumber asli ini secara tidak langsung mampu memberikan impak positif kepada kemajuan ekonomi Korea Selatan.

Oleh itu, bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan status Pulau Dokdo menerusi konteks *United Nations Convention Law of the Sea III* (UNCLOS III). Penganalisisan UNCLOS III perlu diteliti demi menjelaskan

bahawa Pulau Dokdo mempunyai Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Analisis ini diperlukan untuk membuktikan kepentingan ekonomi Pulau Dokdo dan persekitarannya kepada Korea Selatan. Bahagian kedua pula membincangkan kegiatan ekonomi utama yang terdapat di kawasan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo seperti kegiatan perikanan, pelancongan, dan juga potensi sumber asli dasar laut. Perbincangan terperinci ini mustahak kerana Korea Selatan bertanggungjawab dalam membangunkan Pulau Dokdo menerusi pelbagai aktiviti bagi menegakkan pemilikannya. Pada bahagian terakhir bab ini, tumpuan diberikan kepada implikasi konflik Pulau Dokdo ke atas ekonomi Korea Selatan sekiranya isu ini berlarutan.

4.2 UNCLOS III DAN STATUS PULAU DOKDO

Disebabkan Korea Selatan dan Jepun merupakan ahli perjanjian UNCLOS, keadaan ini memberi ruang kepada kedua-dua negara untuk membuka ruang perbincangan tentang Pulau Dokdo dalam konteks undang-undang antarabangsa. Antara tahun 1996 hingga 2000, Seoul menganggap bahawa Pulau Dokdo tidak mampu menjana ZEE. Walau bagaimanapun, pada bulan Jun 2006, tanggapan tersebut berubah apabila Seoul mengambil pendirian tegas bahawa Dokdo sememangnya sebuah *pulau* (Song, 2013: 82). Kenyataan ini menandakan bahawa Korea Selatan berpendapat Pulau Dokdo mempunyai ZEE yang mampu menjana aktiviti ekonomi dan mempunyai kapasiti untuk menampung penempatan manusia. Sebelum memastikan Pulau Dokdo mampu menjana ZEE, entiti tersebut perlu diklasifikasikan sebagai sebuah *pulau* mengikut kriteria yang ditetapkan oleh UNCLOS III.

Perjanjian UNCLOS mempunyai beberapa perubahan dalam menakrifkan status sesebuah pulau. Umpamanya, UNCLOS 1 pada tahun 1958 tidak menekankan ZEE. Namun, UNCLOS III yang berkuatkuasa pada tahun 1994 pula menyaksikan perlumbaan

antara negara dalam penetapan sempadan maritim masing-masing untuk mendapatkan hak ZEE. Pelbagai peruntukan yang dipersetujui dalam UNCLOS III memberi kebebasan kepada negara-negara untuk mengeksplorasi sumber-sumber laut sepanjang 200 batu nautikal. Tambahan pula, mana-mana negara yang mempunyai hak dan kedaulatan terhadap wilayah luar pesisir (*coastal area*) akan mendapat hak eksklusif tambahan. Walau bagaimanapun, hak dan kedaulatan ke atas wilayah pesisir hanya sah sekiranya wilayah tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam UNCLOS III.

Pengklasifikasian terhadap jenis wilayah pesisir pantai adalah penting bagi mendapatkan hak terhadap laut wilayah (*territorial sea*), zon berdampingan (*contiguous zone*), Zon Ekonomi Eksklusif (*Exclusive Economic Zone*) dan pelantar benua (*continental shelf*). Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam mengenal pasti ciri-ciri sesebuah kawasan yang wujud di permukaan laut. Antaranya ialah pulau, batu, terumbu, atol dan sebagainya. Dalam perbincangan ini, klasifikasi tentang batu diutamakan kerana Pulau Dokdo merupakan sebuah pulau batu (*rocky island*).

Artikel 121 dalam UNCLOS III tahun 1982 memfokuskan kepada hak perundangan status sesebuah pulau yang mana terdapat dua peruntukan penting. Artikel 121 (1) menakrifkan pulau sebagai suatu entiti yang mempunyai tanah, dikelilingi air dan berada di atas air semasa air pasang (*high tide*). Artikel 121 (3) pula merujuk kepada batu-batuan yang tidak boleh menampung sebarang penempatan manusia atau kegiatan ekonomi, diinterpretasikan sebagai tidak boleh mempunyai ZEE atau pelantar benua (Rujuk Lampiran 13). Kedua-dua peruntukan ini akan digunakan untuk menganalisis kelayakan Pulau Dokdo sebagai sebuah pulau serta mengenalpasti adakah pulau tersebut mempunyai zon ekonominya sendiri.

Isu penakrifan sesebuah pulau berkait rapat dengan pelbagai sentimen. Pada tahun 1978, Seoul mengisytiharkan 12 batu nautikal di sekitar Pulau Dokdo sebagai kawasan maritimnya (Bukh, 2015: 54). Hal ini disebabkan oleh Seoul tidak mengiktiraf Dokdo sebagai sebuah *pulau*. Pada masa yang sama, Korea Selatan dan Jepun masih tidak mempunyai persetujuan tentang persempadanan maritim yang tetap di Laut Timur. Terdapat beberapa insiden yang menyebabkan Korea Selatan mengubah pendiriannya tentang status Pulau Dokdo. Antaranya, pada 10 April 2006, kapal penyelidik maritim Jepun cuba melakukan penyelidikan saintifik di sekitar perairan Pulau Dokdo tetapi tindakan tersebut dibantah oleh kerajaan Korea Selatan kerana Seoul menganggap kawasan perairan tersebut sebagai miliknya (Kim, 2017: 72). Perkara yang sama berlaku beberapa bulan kemudian iaitu pada 5 Julai 2006 apabila Jepun cuba menghalang kapal penyelidikan maritim Korea Selatan yang mahu melakukan kajian saintifik di sekitar Pulau Dokdo kerana Jepun menganggap bahawa kawasan maritim di sekitar Pulau Takeshima sebagai sebahagian daripada kawasan zon ekonominya (Kim, 2017:72). Melihat keadaan ini, kerajaan Korea Selatan di bawah Presiden Roh Moo Hyun (2003-2008) menilai semula status Pulau Dokdo.

Selain sentimen nasionalisme, Roh menyedari bahawa dengan pengiktirafan kawasan perairan Pulau Dokdo sebagai ZEE sekaligus akan memperluaskan bidang kuasa negaranya di Laut Timur. Justeru itu, bermula pada Jun 2006, kerajaan Korea Selatan menegaskan bahawa Pulau Dokdo mampu menjana ZEE (Song, 2013: 82). Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan perdebatan dalam kalangan para pengkaji berhubung status Pulau Dokdo. Bahagian seterusnya membincangkan ciri-ciri Pulau Dokdo yang berpotensi menjana ZEE. Proses penganalisisan ini dilakukan melalui penginterpretasian terhadap definisi yang dipersetujui oleh UNCLOS III dalam artikel 121(1) dan artikel 121(3).

4.2.1 Analisis Artikel 121(1): *An island is a naturally formed area of land, surrounded by water, which is above water at high tide*

Organisasi Antarabangsa Bukan Kerajaan/*International non-governmental organization* (INGO) seperti Liga Bangsa-bangsa (1920-1946) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bertanggungjawab dalam memberikan justifikasi status sesebuah pulau. *Hague Codification Conference* pada tahun 1930 mendefinisikan pulau sebagai,

An island is an area of land, surrounded by water which is permanently above high water mark

Seterusnya, *International Law Commission* (ILC) pada tahun 1956 mendefinisikan pulau sebagai,

An island is an area of land, surrounded by water, which in normal circumstances is permanently above high-water mark.

Manakala definisi ‘pulau’ yang dipersetujui oleh PBB dibawah UNCLOS I yang berkuatkuasa pada tahun 1958 dan UNCLOS III pada tahun 1994 pula sebagai,

An island is a naturally formed area of land, surrounded by water which is above water at high tide.

Berdasarkan kepada definisi ketiga-tiga organisasi tersebut, boleh disimpulkan bahawa takrifan umum sesebuah pulau adalah ‘sebuah daratan yang berada di atas paras aras air laut’.

4.2.1(a) Terbentuk secara semulajadi (*naturally formed*)

Ciri pertama dalam mengenal pasti identiti sesebuah pulau ialah entiti tersebut terbentuk secara semula jadi dan seterusnya membentuk daratan. Oleh itu, pulau buatan

tidak termasuk dalam peruntukan Artikel 121(1) yang turut menyatakan bahawa pulau buatan tidak mempunyai kapasiti menjana zon maritim sendiri. Keadaan ini sejajar dengan peruntukan Artikel 60 di dalam UNCLOS III yang menjelaskan bahawa,

Artificial islands, installation and structures do not possess the status of the islands. They have no territorial sea, the exclusive economic zone or the continental shelf.

Pulau Dokdo memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Artikel 121(1) kerana kawasan itu terbentuk secara semula jadi. Pulau tersebut terbentuk sekitar 2.5 hingga 4.6 juta tahun dahulu apabila lava gunung berapi yang berada pada kedalaman sekitar 2,000 meter mula meletus dan membeku di dasar Laut Timur (KHOA, n.d). Pembentukan awal Pulau Dokdo yang terhasil daripada batuan gunung berapi seperti basalt dan trachyte mencapai ketinggian 2,000 meter sehingga timbul di permukaan laut (Sohn, 1994: 242-261). Justeru itu, Pulau Dokdo boleh diklasifikasikan sebagai sebuah pulau berbatu.

4.2.1(b) Sebuah daratan (*an area of land*)

Aspek ‘sebuah daratan’ berkait rapat dengan pembentukan pulau secara semula jadi. Hodgson dan Smith (1976: 148) berpendapat sesebuah daratan itu haruslah mempunyai bahan organik seperti tanah, batu ataupun kombinasi kesemua elemen organik dan mineral. Huraian Hodgson dan Smith kemudiannya diperjelaskan menerusi penerangan Symmons (1979: 21) yang menjustifikasi sesebuah daratan itu haruslah bercantum dengan dasar laut dan pada masa yang sama bersifat kekal di permukaan laut.

Lanjutan daripada itu, kajian oseanografi dan dapatan geologikal mengesahkan topografi Pulau Dokdo terdiri daripada elemen organik seperti tanah dan batu yang diliputi lumut serta bercantum dengan dasar laut. Tambahan pula, ketinggian Pulau Seodo dan Pulau Dongdo ialah 168.5 meter dan 98.6 meter daripada aras laut (KHOA, n.d).

Huraian dan dapatan kajian ini secara langsung menjelaskan bahawa Pulau Dokdo bersifat kekal di permukaan laut serta mengukuhkan status Dokdo sebagai sebuah ‘pulau’.

4.2.1(c) Dikelilingi air dan berada di atas aras air laut ketika air pasang

(Surrounded by water and above water at high tide)

Mana-mana entiti yang berada di atas aras air laut secara kekal sama ada semasa air pasang mahupun ketika air surut secara automatiknya akan dianggap sebagai sebuah ‘pulau’. Huraian ini selari dengan ciri-ciri Pulau Dokdo yang senantiasa berada di atas aras air laut. Oleh yang sedemikian, keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Pulau Dokdo sememangnya memenuhi kriteria sebuah *pulau*.

4.2.2 Analisis Artikel 121(3): *Rocks which cannot sustain human habitation or economic life of their own shall have no exclusive economic zone or continental shelf*

Tidak ada takrifan yang jelas berhubung status sesebuah ‘batu’ dalam UNCLOS III. Huraian berkaitan ciri-ciri sesebuah batu dalam artikel 121(3) hanya menyatakan entiti tersebut tidak boleh menjana ZEE sekiranya tidak mempunyai kapasiti untuk menampung penempatan manusia dan tidak mempunyai aktiviti ekonomi. Dalam hal ini, huraian yang kurang jelas tentang status sesebuah batu yang terdapat di permukaan laut dalam Artikel 121(3) menimbulkan konotasi yang berbeza dalam kalangan para penganalisis.

Sehingga kini, aktiviti ekonomi merupakan aspek yang penting di Pulau Dokdo. Namun masih terdapat perdebatan dalam kalangan ahli akademik dan pegawai kerajaan sama ada pulau tersebut mampu menjana ZEE tersendiri. Perbincangan seterusnya mengenal pasti keupayaan Pulau Dokdo untuk menjana ZEE.

4.2.2(a) Ketidakupayaan untuk menampung penempatan manusia (*Cannot sustain human habitation*)

Frasa ‘ketidakupayaan untuk menampung penempatan manusia’ adalah salah satu isu kontroversi dalam penginterpretasian UNCLOS III. Kriteria ini memberi kesukaran dalam mewujudkan takrifan perundangan sesebuah batu kerana UNCLOS sekali lagi tidak memberikan suatu pentakrifan jelas tentang frasa ‘menampung penempatan manusia’.

Kelemahan tersebut memberi peluang kepada beberapa ahli akademik untuk menyatakan hujah mereka. Van Dyke dan Brooks (1983: 286) berpendapat bahawa untuk menjana ZEE dan pentas benua sesebuah batu, satu komuniti mestilah menetap secara *kekal* di kawasan tersebut. Di samping itu juga, komuniti tersebut haruslah mengakses sumber laut sebagai aktiviti ekonomi utama mereka. Selari dengan interpretasi ini, Van Dyke dan Bennett (1993: 75-80) menjelaskan bahawa jumlah penduduk yang menetap di kawasan berkenaan haruslah mencapai sekurang-kurangnya 50 orang bagi menjana ZEE. Malangnya, kedua-dua ahli akademik ini gagal menjelaskan kriteria yang diperlukan bagi membolehkan 50 orang tersebut untuk tinggal di suatu penempatan secara kekal.

Walau bagaimanapun, Jonathan Charney, seorang ahli akademik di Vanderbilt University (1999: 868) mempunyai pendapat yang berlainan. Beliau menekankan bahawa frasa ‘menampung penempatan manusia’ hanya memerlukan suatu bukti bahawa sesebuah batu itu mempunyai kapasiti sebagai kawasan penempatan bagi mana-mana sekumpulan individu. Tambahan pula, Charney (1999: 869) menegaskan penempatan tersebut tidak perlu menunjukkan suatu jangka masa yang tertentu. Ini bermakna aspek ‘penempatan manusia’ di sebuah batu itu boleh dianggap sebagai penempatan kekal ataupun buat sementara waktu.

Beckman dan Schofield (2014: 210) pula menjelaskan bahawa faktor saiz sesuatu kawasan serta kewujudan tumbuh-tumbuhan juga boleh menjadi pemangkin sesebuah kawasan itu untuk menjana pentas benua dan ZEE. Tambahan pula, mereka menegaskan apa jua bentuk kediaman manusia tidak boleh dikekalkan tanpa menjalankan sebarang bentuk aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, Beckman dan Schofield masih gagal menjelaskan bagaimana saiz kawasan dan kewujudan tumbuh-tumbuhan boleh menguatkan bukti penempatan manusia atau menjana ZEE.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ahli akademik, Pulau Dokdo masih berjaya memenuhi sebahagian daripada interpretasi di atas. Dalam aspek penempatan kekal, jelas Pulau Dokdo mempunyai suatu populasi yang dianggarkan hampir 40 orang penghuni. Menurut laporan sehingga bulan September 2017, Pulau Dokdo dihuni oleh pasangan suami isteri Kim, 35 orang pegawai keselamatan maritim, dua orang pungurus rumah api dan dua orang kakitangan pejabat pengurusan Pulau Ulleungdo (MOFA, Republic of Korea, n.d). Situasi ini selari dengan sebahagian daripada interpretasi Van Dyke, Brooks dan Bennett yang mana ketiga-tiga pengkaji berpendapat bahawa perlunya kewujudan sesebuah komuniti yang menetap secara kekal di sesuatu kawasan. Walau bagaimanapun, komuniti yang menetap di Pulau Dokdo tidak menepati 50 orang seperti yang disarankan oleh Van Dyke dan Bennett.

Sekiranya interpretasi Charney digunakan yang mana beliau hanya merujuk kepada sesebuah komuniti yang menghuni sesuatu kawasan tanpa mengambil kira jangka masa penempatan itu berlaku, penjelasan beliau masih selari dengan jenis penempatan yang wujud di Pulau Dokdo. Dalam hal ini, Pulau Dokdo bukan sahaja menjadi tempat tinggal tetap bagi keluarga Choi dan Kim, malah turut dijadikan sebagai tempat tinggal bagi pegawai marin yang bertugas di pulau berkenaan. Sehubungan itu, pegawai marin boleh

dianggap sebagai penduduk tidak tetap di Pulau Dokdo. Pada masa yang sama, Pulau Dokdo dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pelabuhan dan rumah api yang siap dibina pada tahun 1998, Kemudahan Penyahgaraman Air Laut (2007) dan Janakuasa Solar serta pangkalan helikopter (*Heliport*) pada tahun 2009 (*Gyeongsangbuk-do*, 2015: 11). Segala usaha yang diambil ini secara tidak langsung memberi penjelasan bahawa Pulau Dokdo bukan sahaja selamat untuk diduduki tetapi turut mempunyai kapasiti menampung kehidupan manusia.

Seterusnya, Van Dyke dan Brooks juga menekankan aspek akses sesebuah komuniti kepada sumber ekonomi di sekitar kawasan yang dihuni. Choi Jeong Dok, penghuni pertama Pulau Dokdo serta Kim Seung Do yang menetap kemudiannya mengeksplorasi sumber laut yang wujud di sekitar Pulau Dokdo. Choi telah membeli hak perikanan menerusi bidaan tahunan daripada koperasi kampung nelayan wilayah Ulleung-gun pada tahun 1965 bagi menjalankan aktiviti perikanan selama 22 tahun di Pulau Dokdo (*Gyeongsangbuk-do Province*, 2011: 11). Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai pembaharuan asas dilakukan seperti membina tangga yang menghubungkan kawasan simpanan air tawar di kawasan Pulau Seodo, mempertingkatkan kaedah penternakan dan pembiakan abalon serta membuat jaringan ikan untuk meningkatkan jumlah tangkapan di Pulau Dokdo (*Gyeongsangbuk-do Province*, 2011: 42).

Kim pula menjalankan pelbagai aktiviti berdasarkan perkhidmatan dan perikanan. Selain aktiviti perikanan, salah satu aktiviti lain yang dilakukan termasuk mengendalikan perkhidmatan aktiviti feri penumpang (NGII, 2013: 23). Beliau juga dilaporkan membayar cukai pendapatan kepada kerajaan Korea Selatan hasil daripada keuntungan perniagaan kafenyanya di Pulau Dokdo (Park, 2015). Penjelasan di atas secara langsung membuktikan bahawa Dokdo boleh diklasifikasikan sebagai sebuah *pulau* disebabkan

kemampuannya untuk menampung kehidupan suatu komuniti serta kewujudan sumber ekonomi yang boleh dieksplotasi oleh penghuni dalam kawasan tersebut.

4.2.2(b) Kapasiti mempunyai aktiviti ekonomi sendiri (*Economic life of their own*)

Selain ‘penempatan manusia’, frasa ‘mempunyai aktiviti ekonomi sendiri’ juga banyak menimbulkan persoalan disebabkan tiada penjelasan tetap dalam UNCLOS III (Coito, 2015: 416). Pada masa ini, konsep ‘ekonomi’ mempunyai pemahaman yang bersifat pelbagai. Para pengkaji juga mempunyai konotasi yang berbeza dalam menganalisis aspek keupayaan menjana aktiviti ekonomi sendiri.

Bowett (1979: 34) berpendapat bahawa konteks aktiviti ekonomi yang disarankan mesti melibatkan sumber ekonomi yang berasal daripada kawasan berkenaan. Beliau berpendapat bahawa sebarang aktiviti tambahan yang dilakukan untuk mempertingkat nilai ekonomi sesebuah pulau dengan menggunakan sumber dari luar tidak boleh diterima pakai. Dalam hal ini penggunaan sumber luar dianggap tindakan yang bertentangan dengan frasa menjana aktiviti ekonomi sendiri.

Pengkaji lain pula mempunyai idea yang bertentangan dengan Bowett. Malah, boleh diandaikan frasa ‘aktiviti ekonomi sendiri’ tidak hanya merujuk kepada aktiviti import dan eksport ataupun aktiviti pertanian semata-mata. Menurut Kwiatkowska dan Soons (1990: 167-168) pembinaan infrastruktur buatan manusia seperti rumah api juga mempunyai nilai ekonomi. Mereka berpendapat pembinaan rumah api dan kemudahan bantuan navigasi memberikan keuntungan kewangan kepada sesebuah pulau kesan daripada industri perkapalan, aktiviti sukan air dan sebagainya.

Bagi Charney (1999: 870), beliau berpendapat bahawa frasa ‘aktiviti ekonomi sendiri’ berpunca daripada gabungan sumber dalaman dan luaran sesebuah kawasan. Kewujudan sumber mineral seperti hidrokarbon, kawasan perikanan mahupun pembinaan sebuah kasino mempunyai keupayaan menjana keberlangsungan aktiviti ekonomi.

Berbeza dengan Charney, Hafetz (2000: 626) pula berpendapat aktiviti memelihara dan memulihara kawasan maritim sesebuah pulau juga mampu menjana keuntungan ekonomi. Hal ini berkait rapat dengan penjanaan ZEE yang membolehkan sesebuah negara mempunyai akses dan hak ekonomi ke atas sumber laut yang wujud dalam kawasan tersebut. Boleh diandaikan penghuni sesebuah kawasan akan melihat keuntungan ekonomi yang berpanjangan sebagai suatu insentif dengan menyokong pemuliharaan kawasan maritim.

Setelah diteliti, dapat diandaikan bahawa Pulau Dokdo berjaya memenuhi kriteria yang disarankan oleh para pengkaji di atas. Pertama sekali, Pulau Dokdo mampu menjana sumber ekonominya sendiri. Keadaan ini selari dengan pendapat Bowett yang menekankan sumber ekonomi organik yang terdapat di dalam sesuatu kawasan. Pada bulan Jun 2018, kewujudan sumber ekonomi laut di Pulau Dokdo diiktiraf oleh pentadbiran kerajaan tempatan wilayah Gyeongsangbuk-do. Gyeongsangbuk-do menganggarkan nilai sumber ekonomi laut Pulau Dokdo sebanyak USD5.5 juta (*The Chosun Ilbo*, 2018). Pulau tersebut kaya dengan sumber asli laut dan terbukti menjadi kawasan perikanan nelayan Korea dan Jepun sejak zaman dahulu lagi. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, kawasan Pulau Dokdo menjadi pusat pengutipan rumpai laut sejak sekitar tahun 1940-an. Tambahan pula, akibat daripada kemerosotan ekonomi Korea Selatan sekitar tahun 1997, Korea Selatan mula memberi tumpuan yang lebih kepada industri perikanan khususnya di Laut Timur. Keadaan ini jelas menunjukkan

bahawa Pulau Dokdo mampu meraih keuntungan daripada industri perikanan yang wujud di kawasan perairannya.

Tambahan pula, dari segi sumber organik, kerajaan Korea Selatan telah mengesahkan bahawa Pulau Dokdo mempunyai potensi sumber mineral seperti metana hidrat. Proses cari gali hidrat metana telah dilakukan oleh kerajaan Korea Selatan pada tahun 2007 dan 2010 (Ryu & Riedel, 2017: 945). Pada tahun 2005, sebanyak 600 juta tan metrik hidrat metana dijumpai di selatan perairan Pulau Ulleungdo (*Korea.net*, 2012). Diandaikan bahawa kewujudan hidrat metana ini mampu menampung permintaan gas Korea Selatan selama 30 tahun (*Reuters*, 2008). Oleh yang demikian, pada tahun 2010, kerajaan Korea Selatan sekali lagi melakukan cari gali di sekitar Pulau Dokdo (*Korea Joongang Daily*, 2012). Penumpuan terhadap proses cari gali hidrat metana menunjukkan kemampuan Pulau Dokdo menyumbang kepada ekonomi Korea Selatan keseluruhannya.

Kedua, pembinaan pelbagai kemudahan oleh kerajaan Korea Selatan bagi tujuan mempertingkatkan ekonomi di Pulau Dokdo mendokong interpretasi Kwiatkowska, Soons dan Charney. Disebabkan permukaan yang berbatu-batan, aktiviti pertanian tidak sesuai dijalankan di Pulau Dokdo. Di samping itu, akses terhad kepada sumber air tawar turut menjadi faktor dalam kesukaran untuk melakukan aktiviti ekonomi. Ketiga-tiga pengkaji ini tidak membuat sebarang perbezaan dari segi keuntungan antara sumber organik atau hasil yang didapati kesan daripada pembinaan infrastruktur. Justeru itu, kerajaan Korea Selatan mengambil pelbagai inisiatif untuk memberi tumpuan kepada industri pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan Pulau Dokdo.

Selain sumber laut, industri pelancongan di Pulau Dokdo turut dipertingkatkan. Antara tahun 2005 hingga Jun 2018, seramai 2,081,145 orang pelancong telah melawat Pulau

Dokdo. (MOFA, Republic of Korea, n.d). Jelas menunjukkan, industri pelancongan di Pulau Dokdo sememangnya mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

Pada masa yang sama, Kerajaan Korea Selatan juga mengambil langkah pemeliharaan dan pemuliharaan Pulau Dokdo menerusi pelbagai pengisytiharan. Status Pulau Dokdo sebagai kawasan warisan serta pemeliharaan dan pemuliharaan bukan sahaja menyokong pendapat Hafetz tetapi dilihat sebagai usaha kerajaan Korea Selatan untuk memastikan akses dan hak ke atas sumber ekonomi di kawasan tersebut digunakan dengan kadar yang optimum tanpa mengganggu ekosistem Pulau Dokdo. Pengisytiharan Pulau Dokdo sebagai Monumen Semula jadi No. 336 oleh Pentadbir Warisan Kebudayaan Korea Selatan dilaksanakan pada tahun 1982 (*KBS World Radio*, n.d). Pada tahun 1999 pula, Korea Selatan mengubah status tersebut kepada *Dokdo Nature Protection Zone* untuk meningkatkan pemeliharaan kawasan maritim tersebut. Selain itu, Pulau Dokdo turut diiktiraf di bawah *Cultural Assets Protection Law* sebagai kawasan pembibitan beberapa spesis burung (NGII, 2013: 217).

Berdasarkan penganalisisan Artikel 121(1) dan Artikel 121(3), Pulau Dokdo memenuhi kriteria UNCLOS III. Pulau tersebut bukan sahaja terbentuk secara semula jadi dan bersifat kekal semasa air pasang tetapi turut mempunyai kapasiti untuk menampung penempatan manusia dan menjana ekonominya sendiri. Kewujudan sumber organik dan pembinaan pelbagai infrastruktur menyumbang kepada peningkatan kegiatan ekonomi di pulau tersebut. Sehubungan itu, Dokdo boleh diklasifikasikan sebagai sebuah ‘pulau’ yang secara langsung berupaya menjana ZEE sendiri.

4.3 AKTIVITI EKONOMI PULAU DOKDO

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, status Dokdo menerusi UNCLOS III membuktikan bahawa entiti tersebut adalah sebuah *pulau* batu yang mampu memenuhi kriteria artikel 121 (1) dan artikel 121 (3). Bahagian seterusnya pula membincangkan tiga aktiviti ekonomi utama yang terdapat di pulau tersebut yang berhubung langsung dengan ZEE. Ketiga-tiga aktiviti tersebut adalah perikanan, pelancongan dan proses cari gali sumber asli dasar laut. Ketiga-tiga kegiatan ekonomi ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian seterusnya. Walau bagaimanapun, aktiviti proses cari gali sumber asli dasar laut masih berada di peringkat awal.

4.3.1 Kegiatan perikanan

Kajian lepas membuktikan bahawa kegiatan utama di Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo bergantung kepada sumber hasil laut yang terdapat di Laut Timur. Hal ini kerana suhu air laut di kawasan pantai timur Semenanjung Korea adalah suam akibat pertembungan arus sejuk dan panas dari bahagian utara dan selatan. *Zooplankton* dan *phytoplankton* yang banyak di kawasan ini mendorong migrasi dan pembiakan spesis ikan ke kawasan Laut Timur. Tambahan pula, rumpai laut yang banyak terdapat di kawasan Laut Timur memainkan peranan penting sebagai habitat kepada spesis ikan seperti salmon, bawal dan juga ikan jerung.


Namun demikian, agak sukar untuk mendapatkan statistik jumlah tangkapan yang sebenar di Pulau Dokdo daripada Kementerian Laut dan Perikanan Korea Selatan dan *Korean Statistical Information Service* (KOSIS). Situasi ini disebabkan ketegangan politik antara Korea Selatan dengan Jepun berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo, serta kegagalan mencapai persetujuan berhubung dengan hak penangkapan ikan telah membawa kepada ketiadaan perjanjian perikanan antara kedua-dua negara.

Akibatnya, tiada statistik rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan Korea Selatan dan Jepun berhubung tangkapan sumber laut di Pulau Dokdo/Takeshima (Kim & Zhang, 2016: 327). Walau bagaimanapun, kajian lepas oleh *National Geographic Information Institute* (NGII) menerbitkan laporan penangkapan sumber perikanan sehingga tahun 2007 (NGII, 2013: 210). Dalam kes KOSIS pula, jumlah hasil perikanan dibahagikan mengikut wilayah (KOSIS, n.d). Maka kajian ini menggunakan statistik KOSIS yang dikeluarkan untuk wilayah-wilayah di pantai timur Korea Selatan dari tahun 2013 hingga 2017.

Jenis hidupan laut yang terdapat di sekitar Laut Timur sering berubah dan tidak konsisten. Menurut kajian yang dilakukan oleh *National Fisheries Research and Development Institute* (NFRDI) pada sekitar tahun 1970, terdapat 25 jenis hidupan laut di sekitar Laut Timur itu yang terdiri daripada 18 jenis kumpulan ikan, 4 jenis *crustacean*, dan tiga jenis *cephalopod* (NGII, 2013: 208). Pada tahun 2008, sekali lagi, NFRDI menjalankan kajian secara mendalam berhubung hidupan laut di dasar laut Pulau Dokdo. Hasil daripada kajian tersebut, dikatakan terdapat 18 jenis spesis *crustacean*, 164 ekor spesis ikan dan 17 jenis alga (NGII, 2013: 208). Selain penyelidikan yang dilakukan oleh NFRDI, laporan yang dikeluarkan oleh *Dokdo Conversation Research Association* menyatakan bahawa lebih daripada 93 jenis hidupan laut di kawasan Pulau Dokdo (NGII, 2013: 208). Hal ini disebabkan oleh kesan perubahan iklim dan kedudukan pulau yang berperanan sebagai titik pertemuan arus sejuk dan panas menjadikan suhu sekitar pulau tersebut menjadi subtropikal. Selain itu turut dikatakan bahawa beberapa spesis siput seperti *horned turban snail*, abalon, timun laut, tiram, kerang dan spesis sotong kurita lebih banyak terdapat di sekitar tersebut. Umpamanya, spesis timun laut amat penting kerana digunakan dalam perbagai hidangan dan pada masa yang sama juga turut menjadi salah satu komoditi eksport terpenting terutamanya ke China (NGII, 2013: 186).

Kepentingan kegiatan perikanan di Laut Timur menjadi semakin penting sejak tahun 1997. (NGII, 2013: 210). Hal ini dapat dikaitkan dengan krisis mata wang Asia pada tahun 1997. Krisis tersebut telah menyebabkan kemerosotan ekonomi Korea Selatan. Namun begitu, kegiatan perikanan kurang mendapat kesan akibat krisis tersebut (Choi & Chung, 2002: 9). Keadaan ini secara tidak langsung membolehkan kerajaan Korea Selatan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada kegiatan tersebut. Penumpuan tersebut membolehkan Korea Selatan tersenarai sebagai negara ke-17 pengeksport terbesar bagi hasil dan produk makanan laut. Jumlah eksport dianggarkan sebanyak 561,235 tan yang bernilai USD1,250 juta (Trollvik, 2002: 18). Walau bagaimanapun, untuk memahami kepentingan Pulau Dokdo menerusi aspek ekonomi, penganalisisan statistik perikanan sekitar tahun 2014 hingga tahun 2017 di wilayah Gyeongsangbuk-do diteliti. Gambar rajah 1.1 menunjukkan jumlah nilai perikanan bagi wilayah Pantai Timur Korea Selatan bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2017 (Rujuk Gambar rajah 4.1).

Gambar rajah 4.1: Nilai Perikanan (won) di wilayah Pantai Timur Korea Selatan dari tahun 2013 hingga tahun 2017.



Sumber: Diakses pada 18 Mac 2018, dari http://kosis.kr/eng/statisticsList/statisticsList_01List.jsp?vwcd=MT_ETITLE&parmTabId=M_01#SubCont

Dalam gambar rajah tersebut, peningkatan konsisten nilai jumlah hasil perikanan di wilayah Gyeongsangbuk-do secara tidak langsung menjelaskan bahawa kegiatan perikanan amat penting berbanding tiga buah wilayah yang lain. Boleh diandaikan bahawa peningkatan tersebut menunjukkan bahawa aktiviti perikanan adalah penting di Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo yang merupakan sebahagian daripada wilayah Gyeongsangbuk-do. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada hasil eksport perikanan Korea Selatan.

Hanya 20% daripada jumlah kluasaan Korea Selatan boleh digunakan untuk penempatan, aktiviti pertanian dan perindustrian (Ash, 2002: 703). Maka tidak hairanlah sebahagian besar daripada populasi negara tersebut tinggal di kawasan pesisir pantai. Disebabkan jumlah pengeluaran sumber laut organik semakin berkurangan, kerajaan Korea Selatan telah lama memperkembang kaedah akuakultur dan *wild caught fisheries* bagi menambah pengeluaran sumber laut. Dua kaedah ini semakin diusahakan di Pulau Dokdo. Kaedah pertama iaitu akuakultur merujuk kepada pemeliharaan hidupan atau tumbuhan air tawar atau air masin dalam persekitaran yang terkawal. Di Pulau Dokdo, akuakultur terdiri daripada dua teknik utama iaitu *co-operative aqua farming* dan *village aqua farming* (NGII, 2013: 213). Pada tahun 2015, jumlah pengeluaran produk akuakultur adalah sebanyak 1.6 juta tan. 23% daripada jumlah keseluruhan output perikanan iaitu sebanyak 2.1 juta tan adalah daripada aktiviti akuakultur. Dikatakan aktiviti akuakultur serta perikanan turut menyumbang 128,000 peluang pekerjaan sama ada tetap atau sementara (FAO, United Nations, 2017). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, data terkini berhubung dengan kegiatan perikanan di Pulau Dokdo adalah sukar didapati. Namun, laporan data yang diterbitkan oleh Kementerian Perhubungan Tanah, Pengangkutan dan Maritim Korea Selatan pada tahun 2009 menunjukkan jumlah pengeluaran akuakultur di sekitar Pulau Dokdo menyumbang kepada 17% daripada

keseluruhan pengeluaran hasil laut kawasan Ulleung-gun (NGII, 2013: 214). Hal ini secara langsung menampakkan kepentingan aktiviti akuakultur kepada ekonomi Korea Selatan secara keseluruhannya.

Kaedah kedua yang digunakan adalah *wild caught fisheries* yang merujuk kepada teknik konvensional yang menggunakan peralatan tradisional seperti jala di habitat semula jadi sungai, tasik dan laut. Dikatakan bahawa di pantai timur, kaedah *wild caught fishery* adalah lebih menguntungkan dan amat popular berbanding dengan aktiviti akuakultur. Umpamanya, pada tahun 2007, jumlah penangkapan ikan di sekitar kawasan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo adalah 220,000 tan dan daripada jumlah tersebut, kaedah *wild caught fishery* menyumbang sebanyak 17.8% kepada industri perikanan Korea Selatan. Sejak tahun 1995, kaedah *wild caught fisheries* menyumbang antara 14-18% kepada industri perikanan kawasan pantai timur berbanding kaedah akuakultur (NGII, 2013: 210).

Tidak dapat dinafikan pelabuhan memainkan peranan yang penting dalam memperkembang industri perikanan. Industri perikanan sememangnya memerlukan pelabuhan untuk memudahkan kapal-kapal nelayan berlabuh serta menjadi kawasan perantara untuk aktiviti import dan eksport. Dalam hal ini, disebabkan Pulau Dokdo hanya menyediakan jeti penumpang, pelabuhan-pelabuhan di Pulau Ulleungdo berperanan sebagai kawasan penting untuk memproses penangkapan ikan di sekitar Pulau Dokdo. Hal ini bukanlah sesuatu yang baru kerana pada suatu masa dahulu, nelayan Jepun pernah mengekspot tangkapan ikan dari Pulau Dokdo ke Jepun melalui Pulau Ulleungdo (*Gyeongsangbuk-do*, 2013: 10). Terdapat beberapa buah pelabuhan utama di Pulau Ulleungdo seperti pelabuhan Hyeonpo, Sadong, Dodong dan Jeodong (*Historical facts about Korea's Dokdo Island*, 2018; Rujuk Peta 4.1).

Peta 4.1: Pelabuhan-pelabuhan utama di Pulau Ulleungdo.



Sumber: Diakses pada 5 November 2017, dari <http://www.dokdo-takeshima.com/why-japan-cant-have-dokdo-iv.html>

Jika dibandingkan, pelabuhan Jeodong memperlihatkan perkembangan yang paling pesat. Pembinaan tambak yang besar di Pelabuhan Jeodong penting kerana mampu melindungi kapal-kapal nelayan daripada ribut yang sering berlaku di kawasan tersebut. Kini, Pelabuhan Jeodong merupakan kawasan penempatan terbesar bagi kapal perikanan sotong yang terbesar di Pulau Ulleungdo (*Historical facts about Korea's Dokdo Island*, 2018). Kesan daripada aktiviti perikanan di Pelabuhan Jeodong secara langsung menyumbang kepada kewujudan aktiviti ekonomi sampingan yang lain. Kini, kawasan sekitar pelabuhan Jeodong dipenuhi dengan restoran, hotel serta kilang pembekuan dan pemprosesan hasil perikanan (*Historical facts about Korea's Dokdo Island*, 2018).

4.3.2 Kegiatan pelancongan

Selain kegiatan perikanan, kerajaan Korea Selatan turut membangunkan kegiatan pelancongan di sekitar kawasan Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo demi menjana pendapatan negara. Dengan melakukan aktiviti pelancongan, Korea Selatan secara langsung menunjukkan kawalan efektifnya ke atas pulau tersebut. Pendapatan yang

dijana disalurkan untuk tujuan pembinaan *Geo-body* Korea Selatan. Tarikan pelancong di Pulau Dokdo bergantung kepada aspek keunikan lanskap dan kekayaan biodiversiti yang terdapat di pulau tersebut (NGII, 2013: 216). Demi memelihara keunikan pulau tersebut, para pelancong hanya dibenarkan berada selama 20 minit di sekitar kawasan Pulau Dokdo (Kim, 2012). Tambahan pula, kerajaan Korea Selatan menamakan beberapa kawasan, spesis dan tumbuhan di Pulau Ulleungdo sebagai salah satu monumen semula jadi negara. Pada masa yang sama, Pulau Dokdo juga dianggap sebagai monumen semula jadi dan diberikan status tambahan sebagai Kawasan Perlindungan Semula jadi pada tahun 1999 (Rujuk Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Senarai monumen semulajadi di wilayah Ulleung-gun.

No.	Nama	Tarikh Pengisytiharaan
48	Habitat semulajadi spesis tumbuhan <i>Chinese Junipers</i> di Tonggumi	7 Disember 1962
49	Habitat semulajadi spesis tumbuhan <i>Chinese Junipers</i> di Daepunggamm	7 Disember 1962
50	Spesis tumbuhan <i>Siebold Hemlocks</i> , <i>Japanese White Pines</i> , dan <i>Engler's Beeches</i> di Taehadong	7 Disember 1962
51	Populasi spesis tumbuhan <i>Cotoneaster</i> dan <i>Insular Abelia</i> di Dodong	7 Disember 1962
52	Populasi spesis tumbuhan <i>Ulleung Gukhwa</i> dan <i>Thymes</i> di Naridong	7 Disember 1962
189	Kawasan hutan di puncak gunung Seonginbong	18 Julai 1967
237	Habitat spesis burung <i>Black Wood Pigeons</i> di Sadong	15 Disember 1971
336	Pulau Dokdo	20 November 1982
538	Spesis Pokok <i>Spindle</i> di Pulau Dokdo	5 November 2012

Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 21 September 2018, dari daripada <http://english.cha.go.kr/cha/idx/SubIndex.do?mn=EN>

Usaha sebegini membolehkan sejarah dan warisan kebudayaan Korea dapat dilestarikan untuk generasi yang akan datang. Pada masa yang sama, usaha pemeliharaan

warisan sebegini berpotensi menyumbang kepada peningkatan ekonomi Korea Selatan. Kini, Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo semakin menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara.

4.3.2(a) Tarikan pelancong Korea Selatan kepada Pulau Dokdo

Secara amnya, pembangunan industri pelancongan di Pulau Dokdo didorong oleh pelbagai aspek. Kebanyakan pelancong ke Pulau Dokdo merupakan warga Korea Selatan yang bersifat patriotik. Disebabkan Jepun juga turut menuntut pemilikan pulau tersebut, rakyat Korea Selatan melihat Pulau Dokdo sebagai simbol nasionalisme dan maruah bangsa. Semangat nasionalisme terhadap Pulau Dokdo pernah disuarakan oleh Presiden Roh Moo Hyun pada tahun 2006. Beliau menyatakan bahawa,

Dokdo for us is not merely a matter pertaining to territorial rights over tiny islets but is emblematic of bringing closure to an unjust chapter in our history with Japan and of the full consolidation of Korea's sovereignty (MOFA, Republic of Korea, 2006).

Pada masa yang sama, Presiden Moon Jae In (2017-kini) juga berpendapat bahawa Jepun tidak mengiktiraf sejarah silamnya. Menurut beliau,

Dokdo was the very first South Korean territory to be occupied by Japan.... Japan's rejection of that fact is the same thing as rejecting the attitude of remorse for their act of imperialist aggression (Kang, 2018).

Selain aspek nasionalisme, keunikan landskap yang terdapat di sekitar Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo turut menjadi faktor tarikan pelancong ke kawasan tersebut. Seperti yang diketahui, kewujudan Pulau Dokdo berkait secara langsung dengan proses letusan gunung berapi dasar laut di Laut Timur kira-kira 4.6 hingga 2.5 juta tahun dahulu. Pulau Dokdo lebih tua jika dibandingkan dengan Pulau Ulleungdo (terbentuk kira-kira

2.5 juta hingga 10,000 tahun) dan Pulau Jeju (terbentuk kira-kira 1.2 juta hingga 10,000 tahun dahulu). Keadaan ini membawa kepada pengisytiharan Pulau Dokdo sebagai Taman Geologikal Negara yang pertama pada Disember 2012 oleh Kementerian Alam Sekitar Korea Selatan (Shin, 2014). Antara pulau kecil berdekatan yang sering menjadi tumpuan pelancong ialah Gongam, Jukdo, Kwaneumdo dan Samsunam (Rujuk Gambar 4.1) yang wujud akibat letusan gunung berapi dasar laut.

Gambar 4.1: Pelbagai pulau batu di sekitar Pulau Dokdo.



Sumber: Diakses dan diubahsuai daripada *National Geography Information Institute*, 2013: 218

Faktor keunikan landskap disokong oleh aspek ekosistem yang menjadi tarikan pelancong ke Pulau Dokdo. Keunikan flora dan fauna terutamanya spesis burung yang wujud di sekitar pulau tersebut menjadikan kawasan ini diiktiraf oleh kerajaan Korea Selatan sebagai kawasan untuk pembiakan burung-burung laut pada tahun 1982 di bawah *Cultural Assets Protection Law* (NGII, 2013: 217).

Tambahan pula, Pulau Dokdo juga turut memainkan peranan penting sebagai kawasan pembiakan burung-burung seperti *Swimhoe's Storm Petrel* dan *Black Tailed Gull*. Oleh sebab itu, kerajaan Korea Selatan telah mula mengambil inisiatif dengan mengiktiraf pulau tersebut sebagai kawasan pembiakan spesis di bawah Monumen Semula jadi No. 336, *Dokdo Nature Protection Zone* pada tahun 1999 (NGII, 2013: 217). Pada tahun 2005 pula, Kementerian Alam Sekitar Korea Selatan mengesahkan bahawa 25 spesis burung terancam seperti *Falco peregrinus*, *Strix aluco*, *Eophona personata*, *Oceanodroma monorhis* terdapat di sekitar pulau tersebut (NGII, 2013: 169-170).

Laporan pada tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Tempatan wilayah Daegu mendapati bahawa lebih kurang 175 spesis burung terdapat di Pulau Dokdo (*K-Dokdo*, n.d). Pada masa yang sama, Pulau Dokdo menjadi habitat kepada beberapa spesis burung seperti *Black Tailed Gulls*, *Stormy Petrels* dan *Streaked Shearwaters* (Rujuk Gambar 4.2). Disebabkan akses terhad ke pulau tersebut, kemandirian spesis burung-burung tersebut dapat dikawal (*K-Dokdo*, n.d).

Kawasan pembiakan burung dan pemuliharaan spesis hidupan terancam memainkan peranan penting dalam perkembangan industri pelancongan di Pulau Dokdo. Usaha sebegini membenarkan pelancong untuk menikmati keindahan dan keunikan spesis tersebut. Pada masa yang sama, kawasan pembiakan burung dan pemuliharaan spesis terancam tersebut turut membantu kerajaan menguatkuasakan usaha pemuliharaan dalam mengubah pandangan pelancong tentang kepentingan menyelamatkan spesis tersebut. Maka, spesis terancam dan pelbagai burung yang wujud di kawasan Pulau Dokdo dilihat sebagai komoditi yang benilai. Perspektif ini penting dalam memperkembangkan industri pelancongan yang secara tidak langsung membantu memastikan inisiatif pemuliharaan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Gambar 4.2: Kepelbagaiannya spesis burung di Pulau Dokdo.



Sumber: Diakses pada 11 Jun 2015 dari http://www.k-dokdo.com/english/index.do?menu_id=00000138

4.3.2(b) Jumlah Kedatangan Pelancong ke Pulau Dokdo

Sebelum 1980-an, aktiviti pelancongan di Pulau Dokdo adalah terhad kerana para pelancong terpaksa melalui proses yang rumit untuk mendapatkan permit lawatan. Pada masa yang sama, masa perjalanan yang panjang ke Pulau Dokdo juga mempengaruhi jumlah kedatangan pelancong. Hal ini disebabkan oleh perjalanan ke Pulau Dokdo adalah melalui Pulau Ulleungdo. Dahulu, dikatakan perjalanan dari Semenanjung Korea ke Pulau Ulleungdo mengambil masa selama enam jam. Selepas 1980-an pula, masa perjalanan berkurangan kepada tiga jam. Tambahan pula, pembinaan jalan raya di Pulau Ulleungdo mempengaruhi peningkatan kedatangan pelancong ke pulau tersebut. Kedua-dua faktor ini secara langsung memberi kesan kepada jumlah pelancong dari Pulau Ulleungdo ke Pulau Dokdo (NGII, 2013: 219).

Pada awal tahun 1990-an, kerajaan Korea Selatan mengenakan sekatan terhadap lawatan ke Pulau Dokdo. Hanya lawatan berkaitan saintifik dan akademik sahaja dibenarkan. Walau bagaimanapun, kerajaan Korea Selatan melonggarkan sekatan ini

sejurus selepas berlakunya krisis kewangan mata wang Asia pada tahun 1997. Kegiatan pelancongan semakin giat diperkembangkan sebagai suatu industri yang boleh memberi manfaat kepada ekonomi Korea Selatan. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi kedatangan pelancong yang melawat Pulau Dokdo sebelum dan selepas tahun 2005.

Jadual 4.2: Jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo dari tahun 1997 hingga 2004.

Tahun dan Jumlah Kedatangan Pelancong (1997-2004)							
1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
3,889	1,469	649	1,472	1,533	1,718	1,900	1,673

Sumber: diakses dan diubahsuai daripada *National Geography Information Institute*, 2013: 224

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong untuk tempoh 8 tahun bermula dari tahun 1997 hingga tahun 2004. (NGII, 2013: 222). Walaupun peningkatan pelancong berlaku pada tahun 2000 dengan catatan sebanyak 1,472 orang, namun kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo sekali lagi menurun kepada 1,533 pada tahun 2001 dan konsisten meningkat kepada 1,718 pada tahun 2002, 1,900 pada tahun 2003 dan sekali lagi menurun pada tahun berikutnya sebanyak 1,673 orang. Jumlah kedatangan pelancong yang tidak konsisten boleh dikaitkan dengan insiden cetakan setem yang dilakukan oleh kerajaan Korea Selatan pada tahun 2004. Isu setem Pulau Dokdo menunjukkan reaksi negatif daripada Jepun. Akibat ketegangan politik antara Seoul dengan Tokyo, jumlah pelancong semakin menurun ke Pulau Dokdo.

Yang menariknya, kerajaan Korea Selatan melonggarkan lagi sekatan ke atas lawatan ke Pulau Dokdo sekitar tahun 2005 untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pulau tersebut sebagai hak milik Korea Selatan. Tambahan pula, proses perjalanan ke pulau

tersebut yang semakin mudah turut membantu mempertingkatkan kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo. Disebabkan tidak ada sebarang perkhidmatan kapal penumpang yang menawarkan perjalanan secara langsung ke Pulau Dokdo daripada Semenanjung Korea. Justeru itu, para pelancong mempunyai pilihan sama ada ingin menaiki kapal daripada Hupo, Pohang, Gangneun atau Mukho untuk belayar ke Pulau Ulleungdo (Rujuk Jadual 4.3). Para pelancong yang ingin ke Pulau Dokdo perlu menaiki feri dari Pulau Ulleungdo.

Jadual 4.3: Senarai kawasan dan kapal ke Pulau Ulleungdo (sehingga Februari 2018).

Ulleungdo passenger ships (land ↔ Ulleungdo)				
Line (Contact number)	Name of Ship	Time of departure	Duration(one-way)	No. of passengers
Pohang → Ulleung (1899-8114)	Sunflower	Pohang - 09:50 Ulleung - 15:30 (summer)	3 hr 20 min.	920 (16 cars)
Pohang → Ulleung (1688-9565)	Woori Nuri 1	Pohang - 10:50 Ulleung - 15:40	3 hr 30 min.	449
Hupo ↔ Ulleung (1644-9605)	Sea Flower II	Irregular operation (Inquire with cruise line)	3 hr 30 min.	376
Gangneung ↔ Ulleung (1577-8665)	Sea Star 3	Irregular operation (Inquire with cruise line)	3 hr	587
Mukho ↔ Ulleung (1644-9602)	Sea Star 1	Irregular operation (Inquire with cruise line)	3 hr	443
	Sea Star 7	Irregular operation (Inquire with cruise line)	3 hr	958 (50 cars)

Sumber: diakses pada 18 Mac 2018 dari
<http://en.dokdo.go.kr/pages/s01/page.html?mc=7269>

Kesan daripada pembangunan kegiatan pelancongan komersial yang giat ini, perkhidmatan kapal penumpang telah bertambah dan setakat ini terdapat lima kapal penumpang yang beroperasi sepenuhnya (Rujuk Jadual 4.4).

Jadual 4.4: Senarai kapal penumpang yang beroperasi (sehingga Februari 2018).

Dokdo passenger ships (Ulleungdo ↔ Dokdo)				
Line (Contact number)	Name of Ship	Time of departure	Duration (one-way)	No. of passengers
Dolphin Shipping (054-791-8111)	Dolphin	Ulleung - 07:20	1 hr 45 min.	390
JH Ferry (1644-9605)	Sea Flower 2	Irregular operation (Inquire with cruise line)	2 hr 30 min.	376
Jeongdo Industries (1644-9602)	Sea Star 1	Irregular operation (Inquire with cruise line)	1 hr 25 min.	442
Seaspoville (1577-8665)	Sea Star 3	Irregular operation (Inquire with cruise line)	1 hr 30 min.	587
Ulleung Transport (054-791-9901)	Dokdo Sarang	Irregular operation (Inquire with cruise line)	1 hr 50 min.	419

Sumber: Diakses daripada 18 Mac 2018 dari
<http://en.dokdo.go.kr/pages/s01/page.html?mc=7269>

Keaktifan kegiatan pelancongan di sekitar Pulau Dokdo turut mengambil kira faktor cuaca. Hal ini kerana sekiranya cuaca tidak berapa baik akibat taufan, maka penumpang tidak dibenarkan melawat Pulau Dokdo. Dikatakan faktor cuaca mengehadkan operasi pelancongan yang mana pelancong biasanya hanya dapat melawat Pulau Dokdo sekitar 70 hari dalam setahun (Hong, 2005). Menurut Ketua Inspektor Polis Keselamatan Pulau Dokdo, Lee Kwang Sub, kebanyakan pelancong terutamanya dari Korea Selatan melahirkan rasa tersentuh melihat pemandangan di sekitar Pulau Dokdo dan berasa sedih apabila hendak meninggalkan pulau tersebut (Lee, 2012). Sehubungan itu, tidak dapat dinafikan masyarakat Korea Selatan melihat lawatan ke Pulau Dokdo sebagai sesuatu tindakan yang berkait rapat dengan nasionalisme serta identiti negara bangsa tersebut. Peningkatan drastik pelancong pada tahun 2005 iaitu seramai 41,134 berbanding tahun 2004 amat berkait rapat dengan faktor politik, ekonomi dan sosial (Rujuk Jadual 4.5).

Jadual 4.5: Laporan kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo dari tahun 2005 hingga Jun 2018.

Tahun dan Jumlah Kedatangan Pelancong						
2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011
41,134	78,152	101,428	129,910	135,376	115,074	179,621
2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018.6
205,778	255,838	139,892	178,785	206,630	206,111	107,416

Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 16 Ogos 2018, dari <http://dokdo.mofa.go.kr/eng/introduce/residence.jsp>

Contohnya, pengisytiharan *Takeshima Day* oleh wilayah Shimane di Jepun pada tahun 2005 menyebabkan kerajaan Korea Selatan mengambil keputusan untuk mempromosikan Pulau Dokdo ke peringkat global. Isu tersebut sedikit sebanyak membawa kesan positif ke atas pembangunan ekonomi Korea Selatan khususnya daripada kegiatan pelancongan negara itu.

Sejak itu, jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Dokdo amat memberangsangkan hingga ratusan ribu pelancong melawat Pulau Dokdo. Peningkatan yang positif ini menyebabkan kerajaan Korea Selatan memutuskan untuk melonggarkan sekatan dengan meningkatkan jumlah kemasukan seramai 1,880 orang pelancong sehari (*The Xinhua News Agency*, 2009). Pada tahun 2012 pula, jumlah pelancong ke Pulau Dokdo adalah berjumlah sebanyak 205,778 orang.

Walau bagaimanapun, penurunan sebanyak 20,302 pelancong dicatatkan antara tahun 2010 dan 2009 berkait rapat dengan dua insiden yang berlaku pada tahun 2010. Iaitu insiden penenggelaman kapal selam Cheonan pada 26 Mac dan pengeboman Pulau

Yeonpyeong pada 23 November oleh Korea Utara (Zeck, 2014). Kedua-dua insiden ini menggugat keselamatan semenanjung Korea yang akhirnya memberi kesan kepada industri pelancongan negara tersebut. Selain itu, bencana alam seperti Taufan Dianmu dan Kompasu yang dilaporkan menyerang Korea Selatan pada Ogos 2010 turut menyumbang kepada kemerosotan jumlah pelancong (*The Korea Times*, 2010).

Walau bagaimanapun, sejak 2011, jumlah pelancong ke Pulau Dokdo menunjukkan peningkatan. Lawatan yang dilakukan oleh presiden Korea Selatan Lee Myung Bak (2008-2013) ke Pulau Dokdo pada 10 Ogos 2012 yang secara tidak langsung meningkatkan sentimen nasionalisme dalam kalangan rakyat Korea Selatan. Lawatan tersebut menampakkan jumlah pelancong meningkat sebanyak 255,838 pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, jumlah kedatangan pelancong menurun pada tahun 2014 kepada 139,892 orang sahaja. Penurunan ini dapat dikaitkan dengan insiden feri Sewol yang mengorbankan 304 orang penumpang bersama anak kapal ketika dalam perjalanan daripada Incheon ke Pulau Jeju (Choe, 2018).

Namun, kerajaan Korea Selatan berjaya meningkatkan jumlah warga asing yang melawat ke Pulau Dokdo. Antara tahun 2005 dan 2015, dilaporkan seramai 2,133 orang pelancong asing telah melawat Pulau Dokdo. Tambahan pula, pada tahun 2015, kerajaan Korea Selatan menggunakan hari ulang tahun kemerdekaan ke-70 sebagai platform untuk mempromosikan serta menarik minat warga asing terhadap keistimewaan Pulau Dokdo (Jang, 2016). Menurut pihak pengurusan Pulau Dokdo, jumlah pelancong asing pada tahun 2015 sahaja adalah seramai 733 orang, iaitu peningkatan sebanyak lima kali ganda berbanding tahun 2014 seramai 127 orang sahaja. Dalam pada itu, walaupun wabak Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat/*Middle East Respiratory Syndrome* (MERS-CoV) dilaporkan berleluasa di Korea Selatan pada 20 Mei 2015, situasi ini tidak

memberikan kesan negatif bahkan meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong asing ke negara itu. Selain aktiviti pelancongan, Pulau Dokdo juga diandaikan kaya dengan sumber asli dasar laut yang mampu menjana pendapatan negara terutamanya pada masa hadapan.

4.3.3 Potensi sumber asli dasar laut

Kesedaran terhadap kekurangan sumber asli seperti petroleum dan gas asli menyebabkan banyak negara kini sedang giat melakukan aktiviti penerokaan sumber alternatif di kawasan ZEE masing-masing. Dalam hal ini, Korea Selatan juga tidak terlepas daripada masalah kekurangan sumber asli. Akibatnya, Korea Selatan terpaksa mengimport sumber asli seperti petroleum dan gas asli. Sehingga bulan November 2018, Korea Selatan merupakan negara pengguna petroleum keempat terbesar di dunia dengan nilai import sebanyak 2770.00 tong minyak sehari (Knoema, n.d.).


Dapat diandaikan di sekitar Laut Timur terdapat pelbagai sumber asli yang dikatakan mampu menampung ekonomi Korea Selatan untuk 200 tahun seterusnya (*The Business Korea*, 2014). Antara sumber penting yang wujud adalah hidrat metana (Rujuk Gambar 4.3). Menurut para analisis, deposit hidrat metana yang terbesar di dunia wujud di sekitar Pulau Senkaku, Laut China Selatan, dan Laut Timur (*Business Korea*, 2014).

Gas ini dikatakan mempunyai potensi yang tinggi sebagai alternatif kepada sumber tenaga utama bahan seperti bahan api fosil dan petroleum pada masa hadapan. Kepentingan hidrat metana diperjelaskan oleh Hobart King, pengasas laman sesawang *Geology.com* sebagai,

Methane hydrate deposits are believed to be a larger hydrocarbon resource than all of the world's oil, natural gas and

coal resources combined. If these deposits can be efficiently and economically developed, methane hydrate could become the next energy game changer.

Gambar 4.3: Hidrat Metana.



Sumber: Diakses pada 4 November 2017 dari,
<https://geology.com/articles/methane-hydrates/>

Namun, disebabkan pertikaian wilayah antara Korea Selatan dengan Jepun, sumber ini tidak dapat dibangunkan secara komprehensif oleh kedua-dua negara.

Proses cari gali sumber hidrat metana di Laut Timur sedalam 300,000 km² telah dilakukan sejak tahun 1970. Pada tahun 1992, Korea Selatan dan Rusia telah mengadakan kerjasama untuk mengesan sumber tersebut demi memastikan kewujudan deposit hidrat metana kawasan Laut Timur (*Korea.net*, 2012). Proses cari gali ini sedikit membawa hasil apabila kerajaan Korea Selatan telah berjaya menemukan deposit hidrat metana di sekitar Laut Timur pada tahun 1989 dan 1993. Proses cari gali ini semakin giat dilakukan apabila *Korea National Oil Corp.* telah menemukan lapisan gas di sekitar Ulsan pada tahun 1998 (Shin, 2014).

Hidrat metana terbentuk dalam keadaan air laut bersuhu rendah yang bertekanan tinggi yang akhirnya membentuk struktur seperti berlian dan ketulan ais di dasar laut. Tambahan pula, gas ini turut bersifat mesra alam kerana kurang membebaskan karbon dioksida berbanding bahan bakar lain. Kajian yang dijalankan pada tahun 2005 mendapati bahawa

terdapat kira-kira 600 juta tan deposit hidrat metana pada jarak 100 kilometer daripada Selatan Pulau Ulleungdo (*Korea.net*, 2012). Walaupun sumber ini sukar untuk diekstrak, saiz deposit ini dikatakan bernilai USD 9.4 billion setahun dan mampu menjana ekonomi Korea Selatan untuk 30 tahun akan datang (NAHF, n.d). Maka, Korea Selatan perlu memastikan bahawa penguasaan Pulau Dokdo adalah di bawah Seoul supaya sumber tersebut dapat diakses sepenuhnya pada masa hadapan.

Selain hidrat metana, mineral lain seperti fosfat turut dikatakan terdapat di Laut Timur di sekitar Pulau Dokdo. Fosfat merupakan mineral yang digunakan dalam kegiatan pertanian dan perladangan untuk tujuan menyuburkan tanah. Tambahan pula, fosfat juga dikatakan mampu berperanan sebagai tenaga alternatif untuk generasi Korea Selatan akan datang (NAHF, n.d). Dalam hal ini, diandaikan bahawa terdapat lebih 200 juta bekalan mineral tersebut di bawah dasar Laut Timur (NAHF, n.d). Walau bagaimanapun, fosfat belum lagi diekstrak akibat isu pertikaian wilayah yang sedang berlaku antara Seoul dengan Tokyo. Pada masa ini, Korea Selatan merupakan salah satu pengimport terbesar fosfat di dunia bagi tujuan kegunaan domestik (Webeck & Matsubae, 2018: 31). Jika isu pertikaian Pulau Dokdo dapat diselesaikan sepenuhnya, hal ini mampu mengurangkan kebergantungan Korea Selatan terhadap import fosfat dan pada masa yang sama akan memastikan generasi akan datang akan mempunyai tenaga alternatif yang mencukupi.

4.4 KESAN KONFLIK PULAU DOKDO KEPADA EKONOMI KOREA

SELATAN

Korea Selatan sememangnya sedar akan implikasi yang akan berlaku sekiranya Jepun terus menuntut hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo. Implikasi yang dikatakan bukan sahaja memberikan kesan kepada aspek politik dan sosial, bahkan turut memberikan impak negatif kepada ekonomi Korea Selatan. Tambahan pula, tidak dapat dinafikan

bahawa *Treaty of Basic Relations between Japan and Republic of Korea* ditandatangani pada tahun 1965 dan perjanjian tersebut banyak menguntungkan Seoul dari segi pemindahan teknologi, pembangunan ekonomi dan infrastruktur Korea Selatan (Rujuk Lampiran 3). Namun isu pertikaian Pulau Dokdo sememangnya menjelaskan beberapa sektor ekonomi Korea Selatan daripada berkembang sepenuhnya.

Antara industri yang terjejas adalah kegiatan pelancongan Korea Selatan. Tidak dapat dinafikan bahawa sektor pelancongan Korea Selatan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi negara tersebut. Sumbangan kegiatan pelancongan Korea Selatan kepada keluaran negara secara kasar direkodkan sebayak USD 25 billion pada tahun 2016. Jumlah ini diandaikan akan meningkat kepada USD 35.3 billion pada tahun 2027 (*World Travel and Tourism Council*, 2017: 1). Tambahan pula, kegiatan pelancongan juga menyumbang kepada peluang pekerjaan yang mana pada tahun 2016, dikatakan bahawa sektor tersebut menjana 601,000 peluang pekerjaan. Angka ini dijangka akan terus meningkat kepada 703,000 pada tahun 2027 (*World Travel and Tourism Council*, 2017: 1). Jadual 4.6 menunjukkan kedatangan pelancong asing ke Korea Selatan antara tahun 2016 dan 2017. Pada tahun 2017, seramai 13.3 juta pelancong mengunjungi negara tersebut.

Jadual 4.6: Jumlah kedatangan pelancong asing ke Korea Selatan (tahun 2016 hingga 2017).

Rank	Destination	International Tourist Arrival (2017)	International Tourist Arrival (2016)	Change (2016 to 2017 - %)	Change (2015 to 2016 - %)
1	China	60.7 million	59.3 million	↑ 2.5	↑ 4.2
2	Thailand	35.4 million	32.6 million	↑ 8.6	↑ 8.9
3	Japan	28.7 million	24.0 million	↑ 19.4	↑ 21.8
4	Hong Kong	27.9 million	26.6 million	↑ 5.0	↓ 0.5
5	Malaysia	26.0 million	26.8 million	↓ 3.0	↑ 4.0
6	Macau	17.3 million	15.7 million	↑ 9.9	↑ 9.8
7	India	15.5 million	14.6 million	↑ 6.7	↑ 9.7
8	Singapore	13.9 million	12.9 million	↑ 7.7	↑ 7.2
9	South Korea	13.3 million	17.2 million	↓ 22.7	↑ 30.3
10	Indonesia	12.9 million	11.0 million	↑ 16.9	↓ 11.1

Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 7 November 2018 dari <https://www.e-unwto.org/doi/pdf/10.18111/9789284419876>

Selain itu, menerusi portal *thetravel.com* Ogos 2018, Korea Selatan tersenarai sebagai destinasi pelancongan pilihan yang ke-18 di dunia (Molomo, 2018). Boleh dikatakan bahawa sektor pelancongan bukan sahaja memberi keuntungan tetapi juga bersifat mampan (*Tourism & More*, 2010). Namun, perkembangan sektor tersebut belum lagi mencapai tahap maksima, terutamanya disebabkan oleh kewujudan isu pertikaian wilayah seperti Pulau Dokdo. Walaupun pulau tersebut kaya dengan pelbagai biodiversiti, usaha untuk menggiatkan sektor pelancongan terbatas disebabkan oleh unsur perundangan dan keselamatan. Sebagai contoh, apabila Presiden Korea Selatan Lee Myung Bak melakukan lawatan mengejut ke Pulau Dokdo pada tahun 2012, jumlah pelancong dari Jepun ke Korea Selatan menampakkan penurunan yang drastik. Menurut *Korean Association of Travel Agents* (KATA), tahun 2012 menampakkan jumlah pelancong Jepun yang berkurangan berbanding tahun sebelumnya (Nault, 2013). Rhee Byoung Chan, salah seorang pengarah di *Korea Tourism Organization* (KTO) berpendapat,

... the decline being borne from President Lee's visit to Dokdo where the Japanese emperor was asked to apologize. These have created further political tensions that are taking long to mend and causing a hit to the tourism market (Nault, 2013).

Menurut *Korea Culture and Tourism Institute* (KCTI), pelancong Jepun merupakan kumpulan terbesar pelancong asing ke Korea Selatan. Sebelum tahun 2012, kira-kira 35% daripada semua pelancong yang melawat Korea Selatan terdiri daripada pelancong Jepun. Sumbangan mereka kepada ekonomi Korea Selatan diandaikan adalah sebanyak USD 4.1 billion (Song & Matsutani, 2013). Keadaan ini menunjukkan bahawa agensi-agensi pelancongan Korea banyak bergantung kepada kedatangan pelancong Jepun. Pendapatan golongan ini terjejas apabila ketegangan berterusan disebabkan oleh isu Pulau Dokdo. Kemerosotan jumlah kemasukan pelancong Jepun ke Korea Selatan turut memberikan impak negatif kepada industri perhotelan dan penerbangan ke atas Republik itu. Syarikat-

syarikat yang terlibat dalam industri perhotelan seperti Lotte Group dan Silla Hotel turut menyatakan kerugian pada awal 2013 (Kuchikomi, 2013). Keadaan ini menunjukkan bahawa isu pertikaian wilayah sememangnya mampu memberi kesan kepada sektor pelancongan Korea Selatan.

Selain itu, isu berhubung hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo turut memberi impak kepada hubungan kewangan antara Korea Selatan dengan Jepun, terutamanya dalam perjanjian pertukaran mata wang dua hala (*currency swap agreement*). Perjanjian Pertukaran mata wang dua hala adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh negara-negara Asia yang berhadapan dengan Krisis Mata wang Asia pada tahun 1997. Tindakan tersebut membolehkan Seoul dan Tokyo melakukan pertukaran mata wang mereka dengan dolar Amerika Syarikat apabila diperlukan. Hal ini secara langsung menjelaskan bahawa perjanjian pertukaran mata wang dua hala menyumbang kepada peningkatan kestabilan kewangan serantau semasa ketidakpastian pertumbuhan ekonomi global.

Perjanjian pertukaran mata wang dua hala antara *Bank of Korea* dengan *Bank of Japan* ditandatangani pada Julai 2001 dengan pertukaran sebanyak USD 2 juta (Lee, 2010: 122). Sepuluh tahun kemudian, pada Oktober 2011, jumlah tersebut telah meningkat kepada USD 70 juta (*The Korea Herald*, 2017). Walau bagaimanapun, disebabkan oleh ketegangan dalam hubungan bilateral akibat pertikaian wilayah serta isu perbezaan interpretasi sejarah, perjanjian pertukaran mata wang tersebut dihentikan pada tahun 2015 (*The Japan Times*, 2016). Bagi Korea Selatan, pertukaran mata wang dengan Jepun berperanan sebagai jaringan keselamatan utama semasa berlaku perubahan mendadak dalam ekonomi global pada akhir tahun 1990-an. Meskipun begitu, ketegangan yang wujud dalam hubungan bilateral Seoul dan Tokyo selepas lawatan Presiden Lee ke Pulau

Dokdo menyebabkan jaringan keselamatan ini terjejas dan masih belum dipulihkan sepenuhnya walaupun beberapa inisiatif diusahakan.

Isu pemilikan hak dan kedaulatan Pulau Dokdo turut memberi impak kepada kegiatan perikanan Korea Selatan. Isu persempadanan maritim antara Korea Selatan dengan Jepun masih belum dipersetujui. Menerusi pengenalan UNCLOS III pada tahun 1982 yang berkuat kuasa pada tahun 1994, UNCLOS III membolehkan Seoul dan Tokyo untuk mengumumkan ZEE masing-masing sehingga jarak 200 batu nautikal daripada kawasan persisiran pantai bagi tujuan akses kepada sumber ekonomi. Walau bagaimanapun, persempadanan ZEE menimbulkan pertindihan dalam soal kawasan bidang kuasa maritim antara Korea Selatan dengan Jepun. Dalam hal ini, Korea Selatan tidak bersetuju dengan tindakan Jepun menggunakan Pulau Takeshima sebagai permulaan ZEE negara itu (Ahn & Shinn, 2010). Dengan berbuat demikian, Pulau Dokdo berada di dalam kawasan bidang kuasa Jepun. Di pihak Jepun pula, Tokyo membantah tindakan Seoul yang meletakkan Pulau Ulleungdo sebagai permulaan pengiraan garisan ZEE. Hal ini kerana Jepun berpendapat bahawa penandaan sempadan maritim secara langsung meletakkan Pulau Dokdo di bawah kawasan ZEE Seoul. (Ahn & Shinn, 2010). Akibatnya, persempadanan ZEE kedua-dua buah negara bertindih yang menyebabkan ketegangan dalam mengakses sumber ekonomi di sekitar Pulau Dokdo (Emmers, 2013: 25). Secara tidak langsung, situasi ini menghangatkan ketegangan antara Seoul dengan Tokyo.

Oleh itu, demi mengurangkan ketegangan, penguatkuasaan UNCLOS III menjadi pendorong kepada Korea Selatan dan Jepun untuk mewujudkan perjanjian perikanan yang baru (Park, 2000: 57). Emmers (2013: 25) berpendapat bahawa Perjanjian Perikanan yang ditandatangani pada tahun 1998 bertindak sebagai reaksi kepada isu pertindihan

persempadan ZEE dan hak perikanan di kawasan ekonomi Seoul dan Tokyo. Perjanjian tersebut berkuat kuasa pada tahun 1999 diregulasi berdasarkan regim perikanan ZEE (Rujuk Lampiran; Emmers, 2013: 25; Park, 2000: 57). Perjanjian tersebut menentukan sempadan ZEE di Laut Timur dan mengawal serta memantau jumlah penangkapan ikan di kawasan tersebut. Satu suruhanjaya yang dikenali sebagai *Joint Fisheries Commission* (JFC) antara Korea Selatan dengan Jepun diwujudkan bagi memantau kawasan perikanan tersebut (Emmers, 2013: 26). Kedua-dua negara bersetuju menggariskan sempadan ZEE sehingga 35 batu nautika untuk tujuan penangkapan ikan (Marine Education Portal, n.d.). Seoul dan Tokyo mempunyai kuota masing-masing untuk menangkap ikan di zon terhad tersebut. Kuota tersebut dibincangkan dari masa ke masa (Fern, 2005: 81). Hal ini secara tidak langsung menjadikan kawasan perairan Pulau Dokdo sebagai kawasan neutral (Sudhakar Vaddi, 2016: 142). Namun, dengan menjadikan kawasan Pulau Dokdo sebagai kawasan neutral, peneutralan tersebut membataskan kehendak Seoul untuk menuntut hak eksklusif ke atas perairan pulau tersebut (Sudhakar Vaddi, 2016: 142). Pada masa yang sama, perjanjian perikanan ini tidak memberi peluang untuk Korea Selatan membangunkan sektor perikanan di sekitar Pulau Dokdo kerana terpaksa bersaing dengan nelayan Jepun. Selain itu, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Seoul dan Tokyo sering bertelagah berkenaan soal kuota penangkapan ikan masing-masing yang masih belum dipersetujui (Yonhap, 2018). Keadaan ini menimbulkan ketegangan yang berterusan antara kedua-dua negara. Kesannya, nelayan Korea Selatan tidak dapat menangkap ikan secara optimum di persekitaran Pulau Dokdo.

4.5 KESIMPULAN

Kajian menunjukkan Pulau Dokdo sememangnya memenuhi kriteria sebagai sebuah 'pulau' seperti mana yang digariskan dalam Artikel 121(1) UNCLOS III. Tambahan pula, kriteria 'keupayaan untuk menampung kehidupan manusia' dan 'menjana ekonomi

sendiri' juga boleh diaplikasikan kepada Pulau Dokdo seperti yang tertera dalam Artikel 121(3). Maka, Pulau Dokdo berupaya menjana kawasan zon ekonominya sendiri dengan kewujudan pelbagai sumber ekonomi seperti perikanan, pelancongan dan potensi mineral asli. Lebih-lebih lagi, Pulau Dokdo juga mempunyai kapasiti menjadi sebuah kawasan penempatan bagi pengawal marin dan warga Korea Selatan untuk tempoh yang tertentu.

Penganalisisan juga menunjukkan bahawa Pulau Dokdo berupaya menjana keuntungan kepada ekonomi Korea Selatan. Walau bagaimanapun, ketegangan hubungan bilateral antara Seoul dengan Tokyo menjelaskan pembangunan ekonomi di Pulau Dokdo ke tahap yang lebih tinggi. Kajian menunjukkan bahawa sektor perikanan dan pelancongan sememangnya mempunyai potensi untuk dipergiatkan. Namun, pada masa ini, kedua-dua sektor tersebut kurang diberikan penekanan disebabkan oleh isu pertikaian wilayah yang berterusan. Tambahan pula, selagi isu pertikaian hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo tidak diselesaikan, potensi pencarian sumber asli dasar laut juga terjejas disebabkan oleh bantahan daripada pihak Jepun. Seperti yang dinyatakan di atas, sekiranya sumber asli di dasar Laut Timur dapat diekstrak sepenuhnya, dapat diandaikan bahawa kegiatan ini berpotensi untuk menampung ekonomi Korea Selatan pada masa hadapan. Sumber ekonomi ini amat diperlukan oleh Korea Selatan yang mengalami kekurangan sumber bahan asli. Maka, bab ini memberi gambaran bahawa isu pertikaian wilayah dalam kes Pulau Dokdo memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi Korea Selatan dan pengukuhan *Geo-Body*-nya.

Sekiranya isu ini berterusan, boleh diandaikan bahawa kegiatan perikanan, pelancongan dan galian sumber asli Korea Selatan sememangnya tidak boleh berkembang ke kapasiti yang sepenuhnya. Keadaan ini mungkin tidak menjelaskan ekonomi Korea Selatan pada masa yang terdekat, tetapi akan memberikan impak yang besar sekiranya

negara tersebut mengalami kemerosotan ekonomi seperti krisis mata wang Asia pada tahun 1997. Tambahan pula, isu pertikaian Pulau Dokdo secara langsung memberi kesan kepada perjanjian pertukaran mata wang dua hala Seoul dan Tokyo. Keadaan ini memaksa Seoul untuk mewujudkan perjanjian yang sama dengan negara lain demi menstabilkan ekonominya.

Akhir kata, pembangunan ekonomi Pulau Dokdo bukan sahaja melambangkan pengukuhan *Geo-Body* Korea Selatan tetapi juga merupakan suatu tanggungjawab untuk memastikan potensi sumber ekonomi yang terdapat di pulau tersebut dapat diakses sepenuhnya pada masa hadapan. Selagi isu ini berterusan, pembangunan ekonomi Pulau Dokdo tidak akan mencapai kapasiti penuh. Sehubungan itu, bab seterusnya akan membincangkan beberapa kaedah untuk meminimakan konflik Pulau Dokdo dengan harapan bukan sahaja memajukan hubungan bilateral Korea Selatan dan Jepun, tetapi juga untuk membangunkan sumber ekonomi di pulau tersebut.

BAB 5

CABARAN PENYELESAIAN DAN PENDEKATAN MEMINIMAKAN KONFLIK PULAU DOKDO

5.1 PENGENALAN

Setakat ini, Korea Selatan dan Jepun masih belum mencari sebarang penyelesaian yang konkret berhubung isu hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo/Takeshima. Istilah Pulau Dokdo/Takeshima akan digunakan dalam bab ini kerana perbincangan menjurus kepada peranan Seoul dan Tokyo dalam mencari penyelesaian kepada konflik ini. Sekiranya konflik ini gagal diselesaikan, beberapa implikasi boleh dilihat. Pertama, konflik Pulau Dokdo/Takeshima akan terus menjejaskan hubungan bilateral antara Korea Selatan dan Jepun. Kedua, kegagalan dalam menyelesaikan isu ini akan terus memberi impak kepada ekonomi Korea Selatan pada masa akan datang. Umpamanya, Korea Selatan akan mengalami kesukaran dalam mengakses sumber ekonomi sepenuhnya di Pulau Dokdo bagi tujuan pertumbuhan ekonomi negara, terutama dalam sektor perikanan, pelancongan dan sumber galian dasar laut.

Maka, bab ini membincangkan pengurusan konflik Pulau Dokdo/Takeshima. Dua kaedah yang dibincang adalah menerusi pendekatan penyelesaian pertikaian wilayah dan pendekatan alternatif iaitu mekanisme meminimakan konflik dalam konteks sekarang di mana penyelesaian masih belum dicapai. Dalam kaedah menyelesaikan konflik, bab ini menumpukan perhatian kepada peranan institusi keadilan antarabangsa seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa/*International Court of Justice* (ICJ) dan Mahkamah Tetap Timbang Tara/*Permanent Court of Arbitration* (PCA). Tambahan pula, perbincangan juga menuju ke arah kebarangkalian Jepun membuat keputusan menggugurkan tuntutan ke atas Pulau Takeshima. Kaedah kedua yang diutarakan pula tertumpu kepada langkah mediasi dan Rangka Kerja Pembangunan Bersama. Mediasi

berkaitan dengan Penyelesaian Pertikaian Alternatif/*Alternative Dispute Resolution* (ADR) yang melibatkan pihak ketiga sebagai pengantara seperti peranan yang dimainkan oleh Majlis Keselamatan atau Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Amerika Syarikat dan *The Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN). Rangka Kerja Pembangunan Bersama pula membincangkan tentang kerjasama dalam mengakses, pengurusan sumber ekonomi serta pemuliharaan alam sekitar. Dalam pada itu penubuhan *Peace Park* turut dibincangkan sebagai kaedah untuk mengelakkan konflik di Laut Timur.

5.2 MEMBAWA KONFLIK PULAU DOKDO KE INSTITUSI KEADILAN ANTARABANGSA

Seperti yang dijelaskan dalam bab sebelum ini, kerajaan Korea Selatan berpendirian bahawa tiada konflik wujud dalam soal kedaulatan Pulau Dokdo. Namun seperti yang diketahui, hubungan bilateral Seoul dan Tokyo semakin meruncing akibat langkah Jepun yang enggan menggugurkan tuntutan terhadap Pulau Dokdo. Tambahan pula, disebabkan Seoul menafikan kewujudan konflik, maka Korea Selatan enggan membawa isu pertikaian wilayah ini untuk diadili di institusi keadilan antarabangsa seperti ICJ ataupun PCA. Pengkaji berpendapat bahawa isu konflik wilayah ini boleh diselesaikan sekiranya kerajaan Korea Selatan pada masa akan datang bersetuju menggunakan kapasiti institusi keadilan di dalam menyelesaikan isu pemilikan hak dan kedaultan Pulau Dokdo.

Dalam menganalisis bagaimana kedaulatan sesebuah wilayah itu ditentukan, terdapat beberapa penilaian yang sering digunakan oleh ICJ atau PCA. Antara penentuan tersebut yang banyak dirujuk adalah prinsip kawalan efektif dan konsep pengabaian (*abandonment* atau *dereliction*). Dalam soal prinsip kawalan efektif, perkara yang sering diberi perhatian ialah status sesebuah wilayah yang dituntut. Isu yang sering

diperdebatkan oleh ICJ atau PCA adalah sama ada sesebuah wilayah tersebut adalah bersifat *terra nullius* mahupun sebaliknya. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, konsep *terra nullius* merujuk kepada dua takrifan yang berbeza. Pentakrifan pertama melihat kepada status sesebuah wilayah yang secara semula jadinya tidak berada di bawah mananya bidang kuasa. Kedua, konsep tersebut menjelaskan status wilayah yang pernah diduduki tetapi kemudiannya dibiarkan untuk suatu jangka masa yang panjang (Whitmore, 1896:5-6).

Hugo Grotius (1916: 12) dalam bukunya yang bertajuk *Mare Liberum* (Freedom of the Seas) menyatakan jika sesebuah wilayah dituntut oleh pelbagai pihak, sebarang penemuan wilayah baru oleh satu pihak tanpa adanya tindakan susulan tidak boleh digunakan sebagai satu faktor dalam menuntut sesebuah wilayah. Tindakan susulan ini termasuklah mewujudkan pentadbiran rasmi, menandatangani perjanjian dengan pemimpin tempatan atau mengeksplorasi sumber ekonomi di kawasan tersebut (Berlin Conference of 1884-85, n.d). Tindakan susulan dilihat sebagai faktor yang penting kerana pihak yang terlibat diinterpretasikan sebagai mempunyai bukti yang kukuh untuk menuntut sesebuah wilayah baharu yang diterokai.

Menurut Lindley (1926: 48), prinsip pengabaian (abandonment) pula merujuk kepada kerelaan tindakan satu pihak menggugurkan pemilikan serta niat dalam mendominasi sesebuah wilayah. Jennings (1963: 30) pula memberikan takrifan prinsip pengabaian sebagai kegagalan untuk melaksanakan aktiviti kedaulatan sekalipun pada tahap yang minimum. Apabila keadaan ini wujud, maka status wilayah tersebut berubah kepada *terra nullius*. Dalam keadaan ini, negara lain berhak menuntut kedaulatan wilayah tersebut. Maka, prinsip kawalan efektif dan prinsip pengabaian adalah penting dalam menentukan bagaimana sesebuah wilayah dapat dituntut. Bahagian seterusnya akan menganalisis


pemilikan Pulau Dokdo mengikut kedua-dua prinsip ini melalui kajian kes-kes empirikal berhubung tuntutan wilayah di Asia dan Eropah.

Kes-kes empirikal tersebut mempunyai intipati yang hampir serupa dengan isu konflik Pulau Dokdo. Kes-kes tersebut berjaya diselesaikan melalui institusi perundangan antarabangsa yang boleh kerajaan Korea Selatan jadikan contoh dalam menuntut Pulau Dokdo. Dua kes yang dirujuk ialah Kes Pulau Palmas (Amerika Syarikat *v* The Netherlands -1932) serta Minquiers dan Ecrehos (Perancis *v* United Kingdom-1953)

5.2.1 Kes Pulau Palmas (1932)

Kes Pulau Palmas merupakan konflik pertikaian wilayah yang melibatkan Amerika Syarikat dan The Netherlands yang diselesaikan oleh PCA. Pulau tersebut terletak di antara wilayah Mindanao di Filipina dan Pulau Nanusa di Indonesia (Rujuk Peta 5.1). Syarikat Hindia Timur Belanda yang dimiliki oleh The Netherlands menggelarkan pulau tersebut sebagai “Miangas”.

Peta 5.1: Lokasi Pulau Palmas/Miangas.



Sumber: Diakses dan diubahsuai pada 4 Disember 2018, daripada
<http://manusama.com/2016/07/15/468/>

Amerika Syarikat mendakwa Pulau Palmas merupakan kawasan *terra nullius* yang diterokai oleh Sepanyol (United States *v* The Netherlands, 1932: 832). Selain itu, tuntutan Amerika Syarikat terhadap pemilikan Pulau Palmas adalah berlandaskan pendapat bahawa pulau tersebut sebagai sebahagian daripada wilayah Filipina. Menerusi *Treaty of Paris* 1898, Filipina diserahkan kepada Amerika Syarikat setelah Sepanyol mengalami kekalahan dalam Perang Sepanyol-Amerika pada tahun 1898 (Bagares & Calica, 2003). Pada masa yang sama, The Netherlands juga menuntut pemilikan pulau tersebut.

Pendirian yang diambil oleh The Netherlands berkait rapat dengan kesan daripada proses kolonialisasi dan pemeteraian perjanjian dengan raja-raja tempatan di kawasan tersebut pada abad ke-17 (United States *v* The Netherlands, 1932: 838). Pada ketika itu, tempoh kolonialisasi Syarikat Hindia Timur Belanda ke atas Pulau Miangas tidak dibantah oleh kuasa luar (United States *v* The Netherlands, 1932: 868). Tuntutan The Netherlands ke atas pemilikan Miangas berdasarkan prinsip kawalan efektif. Demi memperkuuhkan tuntutannya, Syarikat Hindia Timur Belanda melaksanakan pelbagai peraturan di Pulau Miangas seperti keengganan membenarkan bangsa lain melawat pulau tersebut khususnya orang Sepanyol. Tambahan pula, Syarikat Hindia Timur Belanda juga melarang raja-raja tempatan daripada menjalinkan hubungan luar dengan kuasa asing yang lain. Selain itu, hanya ajaran Protestanisme diterima dan penggunaan mata wang Netherlands sahaja yang sah dalam aktiviti perdagangan dan ekonomi (United States *v* The Netherlands, 1932: 856).

Kes ini dibicarakan di PCA pada tahun 1928 yang diarbitrasi sepenuhnya oleh Max Huber, peguam berbangsa Swiss (United States *v* The Netherlands, 1932: 834). Setelah meneliti tuntutan kedua-dua pihak, beliau memutuskan bahawa hak dan kedaulatan ke atas Pulau Miangas harus diberikan kepada The Netherlands. Berdasarkan penilaian

Huber, sesebuah wilayah baru yang diterokai perlu disusuli dengan aktiviti kedaulatan. Tambahan pula, sekiranya sesebuah kuasa lain menunjukkan pemanifestasian kuasa kedaulatan yang lebih tinggi, maka pemilikan wilayah tersebut akan diberikan kepada pihak tersebut. Dalam hal ini, Huber berpendapat,

If a dispute arises as to the sovereignty over a portion of territory, it is customary to examine which of the States claiming sovereignty possesses a title - cession, conquest, occupation, etc. - superior to that which the other state might possibly bring forward against it. However, if the contestation is based on the fact that the other party has actually displayed sovereignty, it cannot be sufficient to establish the title by which territorial sovereignty was validly acquired at a certain moment; sovereignty has continued to exist and did exist at the moment which for the decision of the dispute must be considered as critical. This demonstration consists in the actual display of the state activities, such as belongs only to the territorial sovereign (United States v The Netherlands, 1932: 839).

Huber mendapati walaupun Sepanyol mempunyai hak dan kedaulatan ke atas pulau itu berdasarkan kepada prinsip penemuan, tetapi The Netherlands telah melaksanakan prinsip kawalan efektif dengan menjalankan kuasa pentadbirannya dari tahun 1648 sehingga tahun 1677. Tindakan ini secara langsung mengatasi kedaulatan Sepanyol. Tambahan pula, Sepanyol dikatakan tidak mempunyai hak ke atas kedaulatan Pulau Palmas selepas penyerahan Filipina kepada Amerika Syarikat pada tahun 1898 berdasarkan prinsip *nemo dat quod non habet*. Konsep ini merujuk kepada suatu keadaan yang mana satu pihak tidak boleh memberikan sesuatu yang tidak dimilikinya (Akehurst, 1997: 148). Sehubungan itu, disebabkan Sepanyol telah kehilangan hak ke atas pulau berkenaan, maka Amerika Syarikat tidak boleh menuntut hak dan kedaulatan ke atas Pulau Palmas.

Kes Pulau Palmas ini mempunyai persamaan dengan kes Pulau Dokdo. Seperti yang dibuktikan dalam bab sebelum ini, Pulau Dokdo dan Ulleungdo adalah sebahagian

daripada kerajaan kecil Usan-guk. Kerajaan ini kemudiannya ditakluk oleh kerajaan Silla pada tahun 512 (KHOA, n.d). Seperti yang dilakukan oleh The Netherlands, kesan daripada proses penaklukan itu, hal ehwal Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo diselia oleh kerajaan Silla dan kemudiannya diteruskan oleh kerajaan Goryeo. Dalam tempoh itu, kerajaan Goryeo memberikan perlindungan keselamatan dan menyediakan bantuan peralatan untuk sektor pertanian di kawasan tersebut. Setelah kejatuhan kerajaan Goryeo pada tahun 1392, pentadbiran Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo diletakkan di bawah tanggungjawab kerajaan Chosun (Park & *The Korea Herald*, 2009: 81). Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu, kerajaan Chosun (nama lama Korea) melaksanakan *Vacant Island Policy* (sekitar tahun 1416 atau 1417-1883) untuk tujuan keselamatan rakyatnya khususnya di Pulau Ulleungdo. Dalam hal ini, perintah kerajaan telah dikeluarkan yang melarang rakyat Korea ke pulau berkenaan semasa *Vacant Island Policy* berkuatkuasa. Menariknya, perlaksanaan *Vacant Island Policy* tidak mendapat sebarang protes daripada Jepun. Keadaan ini bermakna pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di Pulau Ulleungdo dan Pulau Dokdo dilakukan secara aman dan berterusan tanpa gangguan daripada mana-mana pihak.

Berbanding Korea Selatan, tuntutan Jepun terhadap Pulau Takeshima bersandarkan kepada konsep *terra nullius* dan disusuli dengan prinsip kawalan efektif. Kerajaan Jepun mengisytiharkan Pulau Takeshima sebagai sebahagian wilayah Shimane di Jepun pada tahun 1905 disebabkan pulau tersebut dianggap *terra nullius* (Heo & Roehrig, 2014: 104). Walau bagaimanapun, kerajaan Korea Selatan enggan mengiktiraf Pulau Dokdo adalah sebuah wilayah *terra nullius*. Hal ini kerana Pulau Dokdo telah berada di bawah bidang kuasa kerajaan Silla di Semenanjung Korea semenjak tahun 512 (KHOA, n.d).

Ada masa-masa tertentu, kerajaan Jepun sendiri mengiktiraf hak pemilikan ke atas Pulau Dokdo (Ha, 2008). Namun pada masa lain, Jepun bertegas bahawa Tokyo telah menunjukkan perlaksanaan prinsip kawalan efektif ke atas Pulau Dokdo (Masahiro, 2015: 14-15). Umpamanya, pemeteraian *Eulsa Treaty* 1905 dan *Korea-Japan Annexation Treaty* 1910 telah membolehkan kerajaan Jepun mengeluarkan lesen pemburuan singa laut untuk nelayan serta bayaran dikenakan untuk kegunaan tanah di Pulau Dokdo. Oleh itu, kedaulatan Jepun terhadap Takeshima menjadi lebih jelas dari segi undang-undang antarabangsa (MOFA, Japan, 2016). Walau bagaimanapun, kekalahan Jepun pada Perang Dunia Kedua (1939-1945) membawa kepada perlucutan hak ke atas semua wilayah yang dirampas sebelum dan semasa perang menerusi penerimaan syarat-syarat di dalam *Postdam Declaration* pada tahun 1945. Kesannya, Kerajaan Militari Amerika Syarikat di Korea (1946-1948) atau *United States Army Military Government in Korea* (USAMGIK) bertanggungjawab terhadap pentadbiran Pulau Dokdo. Pentadbiran Pulau Dokdo kemudiannya diserahkan kepada Korea Selatan pada tahun 1948 (Zhang, 2012: 132). Dalam hal ini, pelbagai langkah dan strategi telah dilaksanakan untuk memperkuuhkan kawalan Korea Selatan ke atas Pulau Dokdo.

Pada masa yang sama, pengisytiharan *Supreme Commander for the Allied Powers Instruction* (SCAPIN) memainkan peranan penting di dalam menentukan pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima. Umpamanya, menerusi SCAPIN No. 1033 yang bertarikh 22 Jun 1946, *Supreme Commander for the Allied Powers* (SCAP) di Jepun menghalang warga Jepun daripada menghampiri atau melaksanakan sebarang aktiviti ekonomi di Pulau Takeshima (Rujuk Lampiran 9). Keadaan ini secara tidak langsung menggambarkan penafian hak kedaulatan Jepun dan pada masa yang sama mengiktiraf kedaulatan Pulau Dokdo oleh Amerika Syarikat kepada Korea Selatan.

Tambahan pula, disebabkan dua perjanjian seperti *San Francisco Peace Treaty* tahun 1951 dan *Treaty on Basic Relations between Japan and South Korea* tahun 1965 tidak menentukan status Pulau Dokdo/Takeshima secara rasmi, pentadbiran Pulau Dokdo dikendalikan sepenuhnya oleh Seoul sehingga kini. Oleh sebab itu, mana-mana institusi keadilan antarabangsa seharusnya memutuskan bahawa hak pemilikan Pulau Dokdo perlu diberikan kepada Korea Selatan atas faktor perlaksanaan prinsip kawalan efektif.

5.2.2 Kes Minquiers and Ecrehos (1953)

Selain kes Pulau Palmas, kes pemilikan Minquiers dan Ecrehos turut berkongsi persamaan dengan kes Pulau Dokdo. Kes Minquiers dan Ecrehos melibatkan konflik pemilikan wilayah antara Perancis dan United Kingdom. Minquiers dan Ecrehos merupakan pulau kecil yang berdekatan dengan Pulau Jersey dan Pulau Guernsey yang terletak di English Channel (Rujuk Peta 5.2).

Peta 5.2: Lokasi Pulau Minquiers dan Pulau Echrehos.



Sumber: Diakses pada 4 Disember 2018, daripada,
<https://www.jerseyseafaris.com/minquiers/>

Minquiers terletak pada jarak 8 batu nautikal daripada Pulau Chausey yang merupakan milik Perancis manakala jarak antara Minquiers dengan Pulau Jersey yang berada di bawah milik United Kingdom hanyalah 9.8 batu nautikal. Pada masa yang sama, jarak antara Ecrehos dengan Perancis ialah 3.8 batu nautikal manakala dengan Pulau Jersey pula ialah 6.6 batu nautikal (*France v United Kingdom*, 1953: 53).

United Kingdom menyatakan bahawa hak pemilikan ke atas Minquiers dan Echrehos dibuktikan menerusi kependudukan England di Channel Islands yang dilakukan oleh William Duke of Normandy pada tahun 1066 (*France v United Kingdom*, 1953: 53). Status Minquiers dan Echeros kekal berada di bawah bidang kuasa England walaupun terdapat percubaan oleh Perancis untuk menduduki pulau-pulau berkenaan pada tahun 1204 (*France v United Kingdom*, 1953: 53). Selain itu, United Kingdom menegaskan bahawa Minquiers dan Echrehos berada di bawah bidang kuasa Pulau Jersey. Keadaan ini dibuktikan apabila Mahkamah Jersey mewujudkan prosiding jenayah di Ecrehos pada tahun 1826. Semenjak itu, sebarang kesalahan jenayah yang dilakukan di Ecrehos dibicarakan di Mahkamah Pulau Jersey. Pada masa yang sama, Pulau Jersey turut bertanggungjawab terhadap urusan harta tanah di Ecrehos (*France v United Kingdom*, 1953: 65).

Dari segi pentadbiran Minquiers, Pulau Jersey dikatakan mempunyai hak pentadbiran sepenuhnya. Pada masa yang sama, Pulau Jersey telah bertanggungjawab menyelesaikan isu kapal karam yang sering berlaku di sekitar Minquiers. Seperti di Ecrehos, urusan dan pendaftaran berhubung pemilikan dan jual beli tanah di Minquiers juga turut ditadbir oleh Pulau Jersey (*France v United Kingdom*, 1953: 65-69). Maka, tindakan sebegini menunjukkan perlaksanaan prinsip kawalan efektif yang dilakukan oleh United Kingdom.

Manakala, Perancis mendakwa bahawa pemilikan terhadap Minquiers dan Echrehos adalah kesan daripada kependudukan semula ke atas Normandy oleh Perancis pada tahun 1204 setelah Raja England, John Lackland (1199-1216) kalah kepada Raja Perancis, Philip Augustus (1180-1223). Kependudukan tersebut secara tidak langsung menyebabkan Minquiers dan Echrehos diletakkan di bawah tanggungjawab Perancis. (*France v United Kingdom*, 1953: 53). Perancis turut menegaskan bahawa sejak tahun 1861, bidang kuasa Minquiers berada di bawah tanggungjawab penuh kerajaannya. Contohnya, aktiviti terhadap urusan rumah api dan pelampung sekitar perairan Minquiers (*France v United Kingdom*, 1953: 70). Pelampung-pelampung tersebut dipasang di luar kawasan terumbu karang bagi memudahkan aktiviti navigasi yang dilakukan oleh pelabuhan Perancis di samping mengelakkan insiden kemalangan kapal di Minquiers.

Dalam hal ini, aktiviti kedaulatan yang dilaksanakan lebih daripada 75 tahun, tidak mendapat sebarang bantahan daripada kerajaan United Kingdom (*France v United Kingdom*, 1953: 70). Tambahan pula, demi mengukuhkan tuntutan ke atas kedua-dua pulau itu, Perancis turut menegaskan bahawa pada tahun 1938, Perdana Menteri dan Menteri Udara negara tersebut melawat Minquiers bagi memantau proses penyelenggaraan terhadap pelampung-pelampung yang dipasang di sekitar kawasan tersebut (*France v United Kingdom*, 1953: 70-71). Tambahan pula, bidang kuasa Perancis ke atas Minquiers dan Echrehos diperkuatkan menerusi pembinaan sebuah rumah di salah sebuah pulau berkenaan pada tahun 1939 serta pemberian subsidi daripada Datuk Bandar Granville (*France v United Kingdom*, 1953: 71).

Dalam hal ini, walaupun United Kingdom dan Perancis mendakwa bahawa masing-masing mempunyai hak ke atas kedua-dua pulau tersebut berdasarkan faktor sejarah, namun penilaian ICJ terhadap kes ini memberi tumpuan kepada perlaksanaan prinsip

kawalan efektif oleh kedua-dua pihak (*France v United Kingdom*, 1953: 70-71). Setelah meneliti tuntutan United Kingdom dan Perancis, ICJ memutuskan bahawa hak dan kedaulatan ke atas Minquiers dan Ecrehos menjadi milik United Kingdom pada 17 November 1953. Keadaan ini disebabkan kegagalan Perancis menyuarakan bantahan terhadap tindakan United Kingdom dalam perlaksanaan aktiviti kedaulatannya ke atas kedua-dua pulau berkenaan. Menurut pendapat yang dikeluarkan oleh salah seorang hakim dalam kes ini, Levi Carneiro (1953: 63), Perancis tidak menyuarakan bantahan terhadap bidang kuasa yang dilaksanakan oleh Pulau Jersey di Minquiers dan Echrehos.

Dalam undang-undang antarabangsa, kegagalan menyuarakan sebarang bantahan dianggap sebagai bersetuju terhadap tindakan kependudukan yang dilakukan oleh pihak yang lain (Gebeyuhu, 2015). Tambahan pula, tindakan mendiamkan diri boleh diinterpretasikan sebagai satu langkah menggugurkan tuntutan dan kedaulatan ke atas kedua-dua pulau itu (*France v United Kingdom*, 1953: 66-67). Selain itu, tindakan pengabaian Minquiers dan Echrehos oleh Perancis dibuktikan melalui Nota Pertukaran Diplomatik antara beberapa menteri Perancis pada tahun 1819 dan 1820. Dalam pertukaran diplomatik tersebut tersebut, terdapat kenyataan yang jelas menunjukkan bahawa Minquiers adalah “possédés par L'Angleterre” (dimiliki oleh United Kingdom) (*France v United Kingdom*, 1953: 71). Dalam hal ini, ICJ menentukan bahawa kenyataan tersebut jelas membayangkan perspektif Perancis terhadap status Minquiers pada ketika itu (*France v United Kingdom*, 1953: 71). Dalam erti kata lain, keputusan ICJ memberi perhatian kepada beberapa perkara berhubung dengan perlaksanaan bidangkuasa, kawalan efektif melalui pentadbiran tempatan, kegagalan menyuarakan bantahan dan juga perundangan yang diimplementasikan sesebuah negara dalam menuntut sesebuah wilayah.

Seperti Kes Minquiers dan Echrehos, Korea Selatan dan Jepun masing-masing memaparkan prinsip kawalan efektif serta pengabaian dalam menuntut kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima. Analisis mendapat bahawa Korea Selatan mempunyai tuntutan yang lebih kuat berbanding Jepun berdasarkan kepada kawalan efektif. Bowman (2013: 454) berpendapat bahawa pembinaan pelbagai kemudahan di Pulau Dokdo oleh Korea Selatan secara langsung menunjukkan niat yang berterusan untuk melaksanakan kedaulatan di pulau berkenaan. Dalam hal ini, sejak pembentukan Korea Selatan pada tahun 1948, Pulau Dokdo bukan sahaja ditadbir secara *de facto* oleh Seoul malahan berterusan sehingga kini. Umpamanya, Korea Selatan telah menempatkan polis marin di Pulau Dokdo sejak tahun 1954 (*BBCNews*, 2012). Tambahan pula, penempatan berterusan oleh warga Korea telahpun wujud secara konsisten sejak tahun 1981 (*Gyeongsangbuk-do Province*, 2015: 7). Maka, dapat disimpulkan bahawa semakin lama pentadbiran Korea Selatan di Pulau Dokdo, semakin lemah tuntutan Jepun ke atas wilayah berkenaan.

Di pihak Jepun pula, pengabaian kedaulatan Pulau Takeshima boleh dilihat apabila Jepun menerima syarat-syarat yang terdapat dalam *Postdam Declaration* tahun 1945. Deklarasi tersebut menegaskan bahawa kedaulatan Jepun hanya tertakluk kepada empat pulau utama; Pulau Honshu, Hokkaido, Kyushu, Shikoku dan pulau-pulau kecil yang berdekatan (Rujuk Lampiran 2). Seperti *Potsdam Declaration*, tindakan pengabaian Jepun ke atas pulau tersebut juga semakin ketara menerusi pengisytiharan SCAPIN No. 677 pada 20 Januari 1946. SCAPIN No.677 menjelaskan bahawa,

For the purpose of this directive, Japan is defined to include the four main islands of Japan (Hokkaido, Honshu, Kyushu and Shikoku) and the approximately 1,000 smaller adjacent islands... excluding (a) Utsuryo (Ullung) Island, Liancourt Rocks... (Rujuk Lampiran 8).

Apabila SCAP menentukan kawasan sempadan Jepun, Maharaja mahu pun mana-mana pemimpin Jepun berdiam diri dengan keputusan tidak memasukkan Pulau Takeshima sebagai sebahagian daripada sempadan nasional negara tersebut. Pada masa yang sama, Tokyo terus berdiam diri apabila SCAPIN No 1033 yang diisyiharkan melarang warga Jepun mendekati kawasan Pulau Takeshima. Perlakuan ini boleh diinterpretasikan sebagai suatu pengabaian kerana tidak menyuarakan bantahan terhadap tindakan tersebut. Berbanding dengan reaksi Jepun, kerajaan Chosun sudahpun membantah proses pengilhanan Pulau Dokdo pada tahun 1905 oleh Jepun (*Historical Facts about Korea's Dokdo Island*, n.d). Justeru itu, kegagalan kerajaan Jepun untuk mempertahankan hak dan kedaulatan Pulau Takeshima memberi gambaran Jepun secara langsung melemahkan tuntutan ke atas pulau berkenaan.

Sebagai kesimpulan, seperti yang diputuskan oleh ICJ, dalam kes Minquiers dan Ecrehos, Perancis dan Jepun menunjukkan perlakuan yang sama. Perancis gagal menyuarakan sebarang bantahan terhadap perlaksanaan kawalan efektif ke atas Minquiers dan Ecrehos oleh United Kingdom. Di pihak Jepun pula, Tokyo dilihat tidak membantah kandungan SCAPIN No. 677 dan No.1033 serta syarat-syarat yang dikenakan oleh *Potsdam Declaration* pada tahun 1945 yang tidak memasukkan Pulau Takeshima sebagai sebahagian daripada sempadan nasional negara tersebut. Akibat perlakuan Jepun, Seoul telah menjalankan pentadbiran sepenuhnya ke atas Pulau Dokdo sejak tahun 1948. Keadaan ini secara langsung membolehkan Korea Selatan memiliki hak dan kedaulatan Pulau Dokdo. Maka, perlaksanaan prinsip kawalan efektif yang dilakukan oleh Korea Selatan merupakan elemen penting yang akan membolehkan mana-mana institusi keadilan memberikan hak dan kedaulatan kepada Seoul.

5.3 JEPUN PERLU MENGGUGURKAN TUNTUTAN PULAU DOKDO

Sekiranya Korea Selatan masih enggan membawa isu Pulau Dokdo ke institusi keadilan antarabangsa, maka pilihan seterusnya adalah untuk memujuk Jepun menggugurkan tuntutannya terhadap Pulau Takeshima. Boleh diandaikan hubungan bilateral Korea Selatan dan Jepun akan bertambah erat jika Tokyo menggugurkan tuntutan terhadap Pulau Takeshima. Tindakan ini juga akan memberikan gambaran positif kepada Korea Selatan bahawa Tokyo sedar akan kesilapannya dalam mengilhakkan Pulau Takeshima semasa zaman imperialisme.

Terdapat beberapa ahli akademik Jepun seperti Hori Kazuo, Sato Masato, Yamabe Kentaro, Kajimura Hideki dan Naito Seichu yang menyokong kedaulatan Korea Selatan ke atas Pulau Dokdo berdasarkan faktor sejarah (Kim, 2010: 8). Norio Kuboi, seorang professor daripada Momoyama University menyatakan bahawa kerajaan Jepun seharusnya mengakui tindakannya dalam mengilhakkan Pulau Dokdo pada tahun 1905 (Kim, 2013). Semasa beliau berucap di Dewan Bandaraya Busan, beliau menegaskan,

Before the outbreak of the Russo-Japanese War, Dokdo was without a doubt South Korean territory,"... "On the map that was drawn in 1775, Dokdo and Ulleungdo are depicted as being Japanese territory," ... "But the shoguns pointed out that this map was incorrect. Dokdo and Ullengdo were not included on the map that was drawn after this in 1778. This shows that the Japanese shoguns during the Edo period believed that Dokdo belonged to Joseon (Kim, 2013).

Profesor Emeritus Haruki Wada daripada Tokyo University turut berkongsi pendapat yang sama dengan Norio Kuboi. Beliau menyeru agar kerajaan Jepun menggugurkan tuntutan kedaulatan Pulau Takeshima. Pada masa yang sama, Wada turut mengkritik justifikasi kerajaan Jepun dalam pengilhakan Pulau Dokdo semasa era imperialisme dan

tindakan meneruskan tuntutan kedaulatan pulau tersebut sehingga hari ini. Hal ini dibuktikan menerusi kenyataan beliau,

It is hard to find morality in Japan's assertion that Korea's control of Dokdo is an 'illegal occupation' and the islets are their own territory while regretting the colonial rule... It is folly to continue an empty claim that worsens ties between Korea and Japan and among its citizens (The Korea Herald, 2013).

Tidak dapat dinafikan pertalian Jepun dengan Pulau Takeshima adalah lemah (Welch, 2014). Bowman (2014) berpendapat bahawa kerajaan Korea Selatan dan Jepun mempunyai pendirian yang berbeza dalam isu pertikaian Pulau Dokdo/Takeshima. Bagi Korea Selatan, isu tersebut berkait langsung dengan perasaan emosi dan pengalaman sejarah kolonialisme yang pahit. Sebaliknya, Jepun tidak mengaitkannya dengan sentimen emosi dan hanya melihat isu tersebut harus diselesaikan menerusi saluran perundangan yang sesuai.

Tambahan pula, tuntutan Jepun juga tidak meyakinkan disebabkan pertikaian Jepun dengan China dan Rusia berkaitan Pulau Senkaku dan Kepulauan Kuril lebih menonjol. Umpamanya, Pulau Senkaku yang pernah dimiliki oleh keluarga Kurihara sejak tahun 1970 dibeli oleh kerajaan Jepun dengan harga 2 billion yen pada tahun 2012 (Costa, 2018). Pulau Dokdo/Takeshima juga kurang mempunyai kepentingan strategik kepada Jepun berbanding dengan Pulau Senkaku (Ikegami, 2009). Hal ini kerana kedudukan Pulau Senkaku yang berada berhampiran dengan laluan perkapalan yang penting, kaya dengan sumber perikanan serta mempunyai potensi minyak dan gas (Viswanathan, 2015).


Seperti Pulau Senkaku, Kepulauan Kuril juga lebih penting kepada Jepun terutamanya dari segi pertalian emosi. Sebahagian besar masyarakat yang menetap di Pulau Hokkaido di Jepun menegaskan bahawa kepulauan tersebut yang berlokasi di selatan Rusia pernah

menjadi tempat tinggal mereka sebelum diusir dan dipindahkan pada tahun 1945 (Kamalakaran, 2015). Jika dibandingkan, rakyat Korea Selatan telah pun lama menetap di Pulau Dokdo sejak tahun 1954 (Pedrozo, 2018). Akibatnya, kerajaan Jepun tidak boleh menafikan bahawa kawalan efektif Korea Selatan melemahkan tuntutannya.

Lebih-lebih lagi, melihat dari segi kepentingan Kepulauan Kuril, Jepun yang menghadapi kekurangan sumber bahan mentah lebih memerlukan akses kepada ZEE di kepulauan tersebut (Lohschelder, 2016). Oleh hal yang sedemikian, pengguguran tuntutan ke atas Pulau Takeshima secara langsung akan memberi ruang kepada Jepun untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada penyelesaian konflik Pulau Senkaku dan Pulau Kuril.

Selain kelemahan tuntutan Jepun, salah satu faktor lain yang perlu diambil kira adalah reaksi masyarakat Jepun terhadap isu hak dan kedaulatan Pulau Takeshima. Paul Milford (2011), penulis *Rethinking Japanese Public Opinion and Security: From Pacifism to Realism?* berpendapat bahawa pendapat umum masyarakat penting dalam pembentukan mana-mana dasar luar Jepun yang berkaitan dengan aspek keselamatan negara. Dalam suatu kaji selidik yang dilakukan oleh Jabatan Kabinet kerajaan Jepun pada tahun 2014, pertikaian Pulau Takeshima sememangnya tidak memberikan impak kepada kehidupan seharian rakyat Jepun. 30 peratus responden yang mengambil bahagian dalam kaji selidik tersebut dikatakan langsung tidak berminat dalam isu tersebut manakala 64.1 peratus responden pula menyatakan isu pertikaian tersebut tidak memberikan impak kepada kehidupan mereka (*Japan Times*, 2014). Jika dibandingkan dalam laporan yang dikeluarkan oleh *The Genron NPO* dan *East Asia Institute* (EAI) pada tahun 2018, didapati masyarakat Jepun masih kurang memberi perhatian kepada konflik Pulau Takeshima (Rujuk Gambar rajah 5.1).

Gambar rajah 5.1: Pendapat umum masyarakat Jepun terhadap hubungan Jepun dengan Korea Selatan untuk tahun 2018.



Sumber: Diakses dan ubahsuai pada 11 Disember 2018 dari <http://www.genron-npo.net/en/180618.pdf>

Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa konflik Pulau Dokdo/Takeshima hanya dilihat sebagai isu yang ketiga terpenting selepas isu sejarah silam dan *comfort women*. Disebabkan masyarakat Jepun sentiasa menunjukkan sikap kurang berminat terhadap konflik Pulau Takeshima, maka adalah wajar Tokyo mempertimbangkan pengguguran

tuntutan terhadap pulau tersebut. Sehubungan itu, adalah lebih konstruktif untuk mengadakan dialog dengan Seoul bagi membincangkan bagaimana peristiwa sejarah silam boleh diselesaikan secara menyeluruh tanpa hanya menumpukan perhatian kepada satu isu spesifik sahaja.

Menurut bekas Pengarah Eksekutif Center for Strategic and International Studies (CSIS), Brad Glosserman dan Scott Snyder, ahli akademik di Council on Foreign Relations berpendapat isu-isu yang berkaitan dengan sejarah kolonialisme Jepun perlu diselesaikan serentak (*The Korea Herald*, 2015). Umpamanya, mereka menggesa Tokyo menggugurkan tuntutan terhadap Pulau Takeshima dan pada masa yang sama membayar pampasan kepada mangsa *comfort women*. Tambahan pula, mereka juga menyarankan Korea Selatan sepatutnya menerima semua tawaran Tokyo untuk memperbaiki dan meningkatkan hubungan politik antara kedua-dua negara. Walaupun cadangan ini agak kontroversial, dengan berbuat demikian, ketegangan antara Seoul dengan Tokyo dapat ditamatkan dan hal ini akan membolehkan kedua-dua negara bekerjasama dalam pelbagai aspek pada masa akan datang (*The Korea Herald*, 2015).

5.4 PENDEKATAN MEDIASI

Sekiranya Korea Selatan masih enggan membawa konflik Pulau Dokdo ke institusi antarabangsa untuk diselesaikan, kaedah mediasi boleh dipraktikkan demi meminimakan konflik tersebut. Mediasi adalah salah satu kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif/*Alternative Dispute Resolution* (ADR) yang menggunakan pihak ketiga sebagai pengantara (*Findlaw*, n.d). Umumnya, pengantara tersebut dilantik oleh pihak-pihak yang terlibat. Pengantara mengaplikasikan teknik penyelesaian masalah yang bersesuaian dengan keadaan konflik supaya pihak yang terlibat berupaya mencapai keputusan yang berasas (*Australian Mediation Association*, n.d). Walau bagaimanapun,

sekiranya persefahaman tidak dicapai, maka konflik tersebut dianggap tidak diselesaikan dan pihak yang terlibat bebas untuk mencari alternatif lain (Australian Mediation Association, n. d). Maka, pengantara tidak mempunyai kuasa untuk mengadili sesuatu kes sebaliknya hanya berperanan memupuk dialog, mempromosikan persefahaman, membantu pihak yang berkonflik untuk mengenal pasti keperluan dan kepentingan masing-masing.

5.4.1 Peranan Setiausaha Agung PBB atau Majlis Keselamatan PBB

Dalam konteks ini, pengkaji mencadangkan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai pengantara. PBB dipilih kerana PBB ialah organisasi antarabangsa yang berobjektif mengekalkan keamanan, keselamatan menjaga hubungan baik di antara negara-negara ahli (Fomerand et al, 2018). Sekiranya mendapat permintaan daripada Majlis Keselamatan PBB, Perhimpunan Agung atau negara-negara yang berkonflik, Setiausaha Agung PBB boleh bertindak menjadi pengantara (*United Nations Peacemaker*, n.d).

Umpamanya, penglibatan Setiausaha Agung PBB selaku pengantara dapat dibuktikan bila U-Thant, Setiausaha Agung PBB yang ketiga menjadi pengantara dalam menangani Krisis Peluru Berpandu Cuba antara Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet pada tahun 1962 (Platzer, 2005: 51). Selain Setiausaha Agung, Majlis Keselamatan PBB juga boleh bertindak sebagai pengantara berdasarkan piagam PBB (*United Nations and Peacemaker*, n.d). Situasi Ini boleh dilihat dalam penglibatan Majlis Keselamatan PBB dalam usaha meminimakan konflik Jammu Kashmir pada tahun 1940 dan isu sempadan antara Eritrea dengan Ethiopia pada tahun 1998 (Tristam, 2019; Rodriguez, 2018).

Dalam kes konflik Pulau Dokdo/Takeshima, disebabkan Korea Selatan dan Jepun adalah ahli PBB, Majlis Keselamatan ataupun lebih khusus, Setiausaha Agung PBB boleh dilantik sebagai pengantara antara Seoul dengan Tokyo. Kedua-dua organ PBB ini boleh mencadangkan Seoul dan Tokyo untuk menandatangani perjanjian sementara untuk mengesyorkan langkah konkret dalam membina keyakinan dan kepercayaan antara satu sama lain. Perjanjian tersebut boleh menyelesaikan perselisihan tentang pertindihan sempadan, menentukan status kedaulatan, memastikan had sempadan bersama atau menggabungkan beberapa kaedah tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah ini gagal, Majlis Keselamatan ataupun Setiausaha Agung PBB juga boleh menggunakan proses *Track II Diplomacy* yang merupakan dimensi penting dalam mencari penyelesaian dengan membawa masuk pihak luar seperti pertubuhan bukan kerajaan dan para akademik. Melalui penglibatan mereka, dialog antara wakil-wakil pihak berkonflik akan membantu Seoul dan Tokyo untuk mengurus konflik dengan meneroka penyelesaian melalui pandangan umum dan tanpa adanya keperluan untuk melakukan rundingan rasmi. Majlis Keselamatan ataupun Setiausaha Agung PBB perlu menyedarkan Seoul dan Tokyo bahawa sebarang perjanjian yang dipersetujui tidak akan memuaskan semua pihak yang terlibat. Oleh itu, Seoul dan Tokyo mesti menyedari bahawa dengan menerima perjanjian yang praktikal, walaupun kurang sempurna namun tetap mampu meminimakan konflik.

5.4.2 Peranan Amerika Syarikat

Selain penglibatan Majlis Keselamatan ataupun Setiausaha Agung PBB, dapat dikatakan bahawa Amerika Syarikat juga mampu menjadi pengantara antara Korea Selatan dengan Jepun. Hal ini kerana Korea Selatan dan Jepun mempunyai pertalian yang rapat dengan Amerika Syarikat sejak era Perang Dingin (sekitar tahun 1940 sehingga

1990-an). Setakat ini, pendirian yang diambil oleh Amerika Syarikat adalah tidak mencampuri sebarang kes pertikaian wilayah yang melibatkan Korea Selatan dan Jepun. Bagi Washington, kestabilan Asia Timur adalah lebih penting dijaga daripada melibatkan diri dalam soal hak dan kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima. Menurut Pedrozo (2018),

The U.S. position is understandable given the fact that the United States has treaty obligations to both of the disputants and is concerned that the ongoing rift over the islets could hinder U.S. efforts to create a united front against Chinese assertiveness in the East and South China Seas.

Tetapi realitinya, sejarah menunjukkan penglibatan Washington dalam konflik Pulau Dokdo/Takeshima sudahpun bermula sejak kependudukan Amerika Syarikat di selatan Semenanjung Korea antara tahun 1945 hingga 1948 dan di Jepun antara tahun 1945 dan tahun 1952. Menerusi SCAPIN No. 677 dan No. 1033, Pulau Takeshima dikecualikan daripada sempadan negara Jepun. Namun, pada tahun 1951, terbukti bahawa Liancourt Rocks yang digunakan sebagai fasiliti Jepun dengan kebenaran Washington memberi gambaran bahawa Amerika Syarikat secara langsung terlibat dalam menentukan status Liancourt Rocks pada masa-masa tertentu. Lee (2002, 34-35) menjelaskan bagaimana scenario konflik bercanggah dengan pendirian yang diambil oleh Washington,

Although the United States proclaimed that it would not become involved in any territorial dispute arising from the Liancourt Rocks, in view of the position already taken by SCAP, by the Assistant Secretary of State Dean Rusk in Note dated 10 August 1951 to Korean Ambassador in Washington D.C., and by designating these rocks as Japanese facility by a US-Japan Joint Committee, the United States is already “inescapably involved” in the Liancourt Rocks dispute.

Tambahan pula, penglibatan Amerika Syarikat di dalam konflik pertikaian wilayah ini juga boleh dilihat semasa proses merangka *San Francisco Peace Treaty* pada tahun 1951. Keputusan Amerika Syarikat dalam mengecualikan status pulau berkenaan dalam

perjanjian tersebut diputuskan secara unilateral dengan anggapan bahawa isu tersebut akan diselesaikan kemudiannya. Disebabkan keadaan ini, Amerika Syarikat mampu berperanan sebagai pengantara dalam menyelesaikan konflik tersebut. Sebagai contoh, pada tahun 2006, Tom Schieffer (2006-2009) Duta Amerika Syarikat ke Jepun pada ketika itu, mengarahkan militari Seoul dan Tokyo berundur daripada kawasan Liancourt Rocks apabila Korea Selatan membantah tindakan Jepun bercadang melakukan penyelidikan maritim di kawasan perairan Pulau Dokdo (Yokota, 2012). Akibat campur tangan Amerika Syarikat, kedua-dua negara tersebut bersetuju untuk berundur dan keadaan kembali stabil.

Empat tahun kemudiannya, ketegangan antara Korea Selatan dengan Jepun kembali timbul apabila Presiden Korea Selatan, Lee Myung Bak melawat Pulau Dokdo pada tahun 2012. Sekali lagi, Amerika Syarikat campur tangan dengan menggesa kedua-dua sekutunya untuk memelihara hubungan bilateral. Patrick Ventrell, Pemangku Jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, mengeluarkan kenyataan seperti berikut; “*We encourage good relations between both of our allies.*” (Ser, 2012). Penglibatan Amerika Syarikat dalam konflik pertikaian wilayah ini serta reaksi Seoul dan Tokyo menunjukkan bahawa peranan Washington sebagai pengantara dihargai mahupun diakui keberkesanannya dalam meminimakan konflik antara Korea Selatan dengan Jepun. Oleh itu, melihat kepada kelebihan dan manfaat yang dibawa oleh Washington, adalah wajar sekiranya Korea Selatan, Jepun dan Amerika Syarikat berbincang bersama-sama bagi mencari resolusi terbaik di samping mengekalkan hubungan bilateral.

5.4.3 Penglibatan ASEAN

Salah satu pilihan alternatif yang seharusnya dipertimbangkan adalah penglibatan organisasi serantau *Association of South East Asian Nations* (ASEAN) sebagai

pengantara dalam meminimakan konflik Pulau Dokdo/Takeshima. ASEAN adalah sebuah institusi serantau yang ditubuhkan berpandukan kepada undang-undang antarabangsa (Tong, 2016). Korea Selatan dan Jepun mempunyai hubungan politik, ekonomi dan sosial dengan ASEAN dan kedua-dua negara tersebut merupakan rakan dialog yang penting kepada ASEAN. Hal ini bermakna bahawa Seoul dan Tokyo terlibat dalam forum multilateral seperti *ASEAN Plus Three* (APT) dan juga *ASEAN Regional Forum* (ARF). Disebabkan oleh pertalian yang rapat sebegini, ASEAN boleh menjadi pengantara yang efektif dalam konflik Pulau Dokdo/Takeshima.

Perlu difahami bahawa peranan yang dimainkan oleh ASEAN bukan menjurus kepada penyelesaian konflik tetapi memupuk kedua-dua negara untuk berdialog, dan menjalankan konsultasi tanpa melibatkan tekanan atau kekerasan. Objektif ini selari dengan Piagam ASEAN serta *Treaty of Amity and Cooperation* 1976 (TAC) yang ditandatangani oleh Korea Selatan dan Jepun pada tahun 2004 (Yamakage, 2017: 43). Oleh itu, *ASEAN High Council* yang merupakan sebahagian daripada TAC, ditubuhkan bagi menyelesaikan konflik secara damai dan berpandukan undang-undang antarabangsa (Tong, 2016). Artikel 15 dalam TAC menekankan peranan *ASEAN High Council* sebagai fasilitator dalam meminimakan sebarang konflik yang mana,

In the event no solution is reached through direct negotiations, the High Council shall take cognizance of the dispute or the situation and shall recommend to the parties in dispute appropriate means of settlement such as good offices, mediation, inquiry, or conciliation. The High Council may however offer its good offices, or upon agreement of the parties in dispute, constitute itself into a committee of mediation, inquiry or conciliation. When deemed necessary, the High Council shall recommend appropriate measures for the prevention of a deterioration of the dispute or the situation (TAC, 1976).

Dari perspektif perundangan, *ASEAN High Council* juga boleh melibatkan pihak luar seperti Amerika Syarikat dalam menubuhkan platform rundingan multilateral dengan Seoul and Tokyo. Dalam konflik Pulau Dokdo/Takeshima, pilihan yang lebih realistik ialah ASEAN boleh mencadangkan satu pembentukan *code of conduct* (COC) seperti dalam kes pertindihan wilayah di Laut China Selatan dengan China (Tong, 2016). COC tersebut merujuk kepada set peraturan yang menggariskan norma, peraturan dan tanggungjawab Seoul dan Tokyo dalam berkomunikasi secara berkesan dalam konflik pemilikan Pulau Dokdo/Takeshima. COC yang dicadangkan boleh menentukan kebebasan navigasi, mekanisme untuk meminimakan atau mengurus sebarang insiden atau kemalangan di laut, bekerjasama dalam menangani penangkapan ikan secara haram, kebebasan dalam melakukan kajian saintifik maritim, meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran laut dan mewujudkan kefahaman tentang Dokdo/Takeshima sebagai kawasan sumber yang perlu dikongsi bersama.

Selain *ASEAN High Council*, ARF berfungsi sebagai mekanisme pengurusan konflik yang mempromosikan keamanan jangka panjang dengan mengaplikasikan pendekatan *Confidence Building Mechanism* (CBM) dalam mewujudkan kepercayaan antara pihak yang berkonflik (ASEAN, 2012). Tambahan pula, mengikut Katsumata (2006: 194), ARF diwujudkan bukan berfungsi sebagai platform penyelesaian konflik tetapi berperanan untuk meningkatkan kepercayaan antara pihak yang berkonflik melalui CBM. Oleh itu, dalam erti kata lain, dengan bersetuju untuk membincangkan kes Pulau Dokdo ke ARF, forum tersebut boleh menggunakan mekanisme seperti *East Asia Summit* (EAS) dan *ASEAN Defense Ministers' Meeting Plus* (ADMM Plus) untuk menggalakkan Seoul dan Tokyo berbincang dengan ahli-ahli yang lain dalam meminimakan ketegangan dan

mengelakkan sebarang krisis dalam jangka masa pendek sebelum penyelesaian konkrit dapat dicapai.

5.5 RANGKA KERJA PEMBANGUNAN BERSAMA

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam mengkaji hubungan bilateral Korea Selatan dan Jepun, tahap kebergantungan dalam aspek ekonomi adalah sangat tinggi. Pada tahun 2017, Jepun merupakan negara kedua terbesar bagi sektor import dan kelima terbesar bagi barang ekspor Korea Selatan (*Global Edge*, 2017). Selain itu, sejak era Perang Dingin, Korea Selatan dan Jepun berkongsi sekutu yang sama iaitu Amerika Syarikat. Tambahan pula, ketiadaan institusi serantau seperti ASEAN di Asia Timur membataskan peluang Seoul dan Tokyo bekerjasama secara langsung dalam menyelesaikan atau meminimakan ketegangan berhubung dengan isu Pulau Dokdo (Ueki, 2011: 45-48).

Namun, terdapat suatu kaedah yang dianggap bersesuaian untuk meminimakan ketegangan antara negara-negara yang terlibat dalam isu pertikaian wilayah. Kaedah tersebut adalah pelaksanaan ‘Rangka kerja Pembangunan Bersama’ untuk berkongsi dan memperkembangkan sumber bahan mentah yang wujud di sekitar Pulau Dokdo/Takeshima. Prinsip ini selari dengan artikel 74(3) dan 83(3) dalam UNCLOS III yang mana menggalakkan kerjasama antara negara bagi menyelesaikan isu delimitasi sempadan maritim (Okonkwo, 2017: 66). Sehubungan itu, kerjasama sebegini boleh dilakukan antara negara-negara berkonflik tanpa sebarang unsur prejudis terhadap proses delimitasi sempadan maritim.

Sebagai contoh, prinsip ini disarankan oleh pemimpin China, Deng Xiaoping sekitar tahun 1970 dalam pertikaian Pulau Diaoyu/Senkaku dengan Jepun (MOFA, People’s Republic of China, n.d). Menurut perspektif China, kaedah tersebut berpandukan

beberapa elemen (MOFA, People's Republic of China, n.d). Pertama, Beijing menegaskan bahawa kedaulatan pulau yang dituntut adalah kepunyaannya. Kedua, sekiranya masa tidak bersesuaian untuk menyelesaikan isu hak dan kedaulatan, maka disarankan bahawa isu kedaulatan dipinggirkan buat sementara waktu. Ketiga. Wilayah yang dituntut boleh dibangunkan secara bersama oleh negara yang berkonflik. Keempat, pembangunan bersama dicadangkan supaya negara yang berkonflik boleh mempertingkatkan persefahaman menerusi kerjasama yang akhirnya berkemungkinan membawa kepada penyelesaian soal kedaulatan wilayah.

Kaedah Rangka Kerja Pembangunan Bersama bukanlah satu perkara asing dalam meminimakan isu pertikaian wilayah. Kaedah ini telah pun dilaksanakan oleh Malaysia dan Thailand pada tahun 1990 di Teluk Thailand (*Gulf of Thailand*) untuk tempoh 50 tahun (MTJDA, n.d). Dalam model Rangka Kerja Bersama antara Malaysia dengan Thailand, kaedah tersebut membolehkan pembangunan sumber gas asli di Teluk Thailand. Rangka kerja antara kedua-dua negara ini menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan (*The Straits Times*, 2015). Keadaan ini membuktikan kaedah pembangunan bersama membolehkan pihak yang berkonflik berkongsi sumber bahan mentah tanpa melibatkan persaingan dalam mengakses sumber tersebut. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa Rangka Kerja Pembangunan Bersama merupakan kaedah pengurusan konflik untuk negara-negara memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan terhadap sumber bahan mentah.

Walaupun terdapat pelbagai model Rangka Kerja Pembangunan Bersama seperti yang diakui oleh UNCLOS, China dan Malaysia-Thailand, bukan semuanya boleh diperlakukan dalam konflik Pulau Dokdo/Takeshima. Boleh diandaikan bahawa Seoul dan Tokyo berminat mengakses sumber ekonomi di Pulau Dokdo/Takeshima. Korea

Selatan dan Jepun boleh mewujudkan kerjasama dengan meminggirkan isu kedaulatan dan pemilikan serta soal delimitasi sempadan maritim. Seoul dan Tokyo telah pun menandatangani *Japan-Republic of Korea Agreement Concerning Joint Development of the Southern Part of the Continental Shelf Adjacent to the Two Countries* pada tahun 1974 yang memberi tumpuan kepada penerokaan dan eksplorasi petroleum secara bersama untuk jangkamasa 50 tahun (Schofield, 2014: 8). Selain itu, Seoul dan Tokyo juga menandatangani *Agreement Between Japan and the Republic of Korea Concerning Fisheries* pada tahun 1965 dan 1998 (Rujuk Lampiran 14 dan 7). Maka kaedah Rangka Kerja Pembangunan Bersama antara Seoul dengan Tokyo boleh dilakukan menerusi perjanjian-perjanjian di atas buat sementara waktu sehingga tiba masa yang sesuai untuk menyelesaikan konflik. Kaedah ini secara tidak langsung mampu meminimakan ketegangan antara Seoul dengan Tokyo di samping membolehkan tumpuan sepenuhnya diberikan bukan sahaja dalam pembangunan sumber tetapi juga dalam pelaksanaan pemuliharaan alam sekitar di sekitar kawasan konflik tersebut. Menurut Atsuko Kanehara (2011: 87), dari perspektif undang-undang laut antarabangsa, setakat ini Korea Selatan dan Jepun telah berjaya mengenepikan isu kedaulatan dan pada masa yang sama mewujudkan kerjasama dalam isu pembangunan sumber dasar laut, pelaksanaan aktiviti pemuliharaan, pengurusan sumber perikanan dan menjalankan kajian saintifik bersama. Menurut beliau lagi, kerjasama sebegini boleh dicontohi oleh mana-mana negara yang menghadapi konflik yang serupa dengan Pulau Dokdo/Takeshima (Kanehara, 2011: 87).

Di bawah Rangka Kerja Pembangunan Bersama juga, Korea Selatan dan Jepun boleh mengambil inisiatif dengan menjadikan Pulau Dokdo/Takeshima dan kawasan persekitarannya sebagai Kawasan Lindungan Rentas Sempadan/*Transboundary Protected Area* (TBPA) atau *Peace Park* untuk tujuan meminimakan ketegangan. Saleem Ali, seorang ahli akademik daripada University of Vermont di Amerika Syarikat

menyarankan bahawa isu kemerosotan kualiti alam sekitar boleh alasan terbaik sebagai alat diplomasi antara negara-negara berkonflik untuk mewujudkan kerjasama (Notaras, 2010). Tambahan pula, Ali (2007: 6) mengutarakan penubuhan *Peace Park* di kawasan yang berkonflik sebagai suatu zon pemuliharaan bertujuan untuk mempromosikan ekopelancongan dan kehidupan mampan (*sustainable livehood*). Menurut beliau lagi,

What we are trying to do is to frame environmental degradation as a common aversion mechanism for parties, which can in turn lead to cooperation. Once conflicting parties realize that a deteriorating ecology is a detriment to all sides they are more likely to co-operate... The elegance of this argument is that we can also use the tools of ecological diplomacy to address conflicts, including those that have nothing to do with the environment (Notaras, 2010).

Di sesetengah kawasan lain pula, *Peace Park* boleh berfungsi sebagai zon penampang (*buffer zone*) dan mempromosikan dialog bagi meminimakan ketegangan antara pihak yang berkonflik. Contoh utama adalah keberkesanan penubuhan *Condor-Kutuku Conservation Corridor Peace Park* oleh Peru dan Ecuador dalam menangani isu pertindihan sempadan di Cordillera del Cónedor (Kaur, 2014). Tindakan ini mewujudkan ruang untuk kerjasama dalam menerajui inisiatif pemuliharaan biodiversiti kawasan tersebut. Inisiatif tersebut mengambil kira hal-hal berkaitan dengan pengairan, pelancongan, pengangkutan, pertanian dan eksplotasi aktiviti perlombongan yang berlokasi di sempadan Peru dan Ecuador. Beberapa organisasi yang bekerjasama dalam soal pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti *International Union for Conservation of Nature* (IUCN) dan *Fundación Natura* berpendapat penubuhan *Peace Park* berjaya meminimakan ketegangan konflik di kawasan tersebut (Chicaiza, 2010:14).

Contoh lain yang menunjukkan bagaimana *Peace Park* boleh digunakan sebagai platform untuk memperbaiki hubungan antara pihak yang berkonflik adalah cadangan

penubuhan *Peace and Nature Park* di *Demilitarized Zone* (DMZ) di Semenanjung Korea. DMZ tersebut terletak di antara wilayah Gyeonggi dan Gangwon. Sempadan ini merentas beberapa buah bandar seperti Paju, Yeoncheon, Cheorwon, Hwacheon, Yanggu, Inje dan Goseong (KTO, n.d). Sejak tahun 1953, zon ini terlindung daripada gangguan manusia dan menjadi habitat spesis hidupan liar. Maka, tidak hairan kenapa Seoul dan Pyongyang ingin mengubah kawasan DMZ sebagai simbol keamanan serta membangunkan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan pada masa akan datang (Harris & Song, 2018). Walaupun cadangan tersebut masih berada di peringkat awal, namun dapat disimpulkan bahawa aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar membolehkan negara-negara yang berkonflik bekerjasama demi menjaga keamanan Semenanjung Korea. Menurut Son Gi Woong (2013) daripada Korean Association of DMZ Studies,

Under the proposal, “peace” applies to people-to-people relations and the interaction between people and nature. The DMZ International Peace Park would be designed to provide a stage for exchanges and harmony between rival states and for all of mankind wishing to live in peace. The plan also envisions turning an area that had been destroyed by war into a site for nature’s power of healing. The park would be a place where war will be condemned, where the Koreas can reconcile, where nations can cooperate, and where people can express their commitment to restoring the environment.

Maka, idea penubuhan *Peace Park* boleh diadaptasikan kepada konflik Pulau Dokdo/Takeshima. Pengeksploitasi sumber ekonomi yang terdapat di sesebuah kawasan mempengaruhi kualiti alam sekitar. Terdapat dua faktor yang memperkuatkan cadangan menjadikan Pulau Dokdo/Takeshima sebagai *Peace Park*. Pertama, kekayaan sumber laut dan potensi sumber asli dasar laut yang terdapat di kawasan Pulau Dokdo/Takeshima secara langsung menjadikan pulau tersebut amat bernilai. Kekurangan sumber asli yang dihadapi oleh Seoul dan Tokyo menyumbang kepada perebutan sumber yang akhirnya membawa kepada peningkatan konflik. Pada masa yang sama, kewujudan

aktiviti seperti pelancongan di Pulau Dokdo mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Faktor kedua pula, sekiranya aktiviti-aktiviti tersebut dilakukan secara berterusan tanpa adanya kawalan yang ketat, kebarangkalian pencemaran alam sekitar dan penjejasan sumber ekonomi mungkin akan meningkat. Hal ini berpotensi melanjutkan lagi konflik pertikaian wilayah. Oleh itu, soal pengurusan sumber asli memainkan peranan penting dalam pemuliharaan serta membantu mewujudkan keamanan yang mampan antara Korea Selatan dengan Jepun.

Penubuhan *Peace Park* mampu mengubah konfrontasi dan konflik kepada kepercayaan dan kerjasama melalui persetujuan bersama. Tanpa persetujuan asas dalam pelaksanaan *Peace Park* di Pulau Dokdo/Takeshima, sebarang kerjasama boleh terjejas di bawah perkembangan politik yang negatif antara Seoul dengan Tokyo. Perlaksanaan tersebut perlu mengambil kira penentuan sempadan zon *Peace Park* serta mekanisme menyelesaikan sebarang masalah yang bakal timbul. Dalam hal ini, beberapa perjanjian yang telah pun wujud boleh membantu sebagai langkah awal. Umpamanya, pemeteraihan *Agreement Between Japan and the Republic of Korea Concerning Fisheries* pada tahun 1965 dan 1998 yang bertujuan mengawal aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan Korea Selatan dan Jepun di Laut Timur. Seterusnya menerusi perjanjian perikanan tahun 1998, satu jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu *Joint Fisheries Committee* (JFC) yang berfungsi mencadangkan langkah-langkah pengurusan dan pemuliharaan sumber ekonomi bukan sahaja di zon perikanan tetapi juga di kawasan ZEE Seoul dan Tokyo. Setakat ini, boleh dikatakan bahawa melalui perjanjian-perjanjian di atas, Korea Selatan dan Jepun berjaya mengelakkan konflik. Namun, penubuhan sebuah *Peace Park* akan lebih menjamin pihak yang berkonflik untuk terus berusaha mengekalkan keamanan dan pemuliharaan alam sekitar di Pulau Dokdo/Takeshima.

5.6 KESIMPULAN

Penganalisisan kajian lepas berhubung konflik pertikaian wilayah memberi gambaran bahawa terdapat beberapa pendekatan yang boleh diambil oleh Korea Selatan dan Jepun dalam menyelesaikan pertikaian wilayah. Dengan meneliti kes-kes pertikaian wilayah yang dahulu seperti Pulau Palmas serta Minquiers dan Ecrehos, boleh diandaikan bahawa Korea Selatan mampu memiliki Pulau Dokdo sekiranya konflik pertikaian wilayah ini dibawa ke institusi keadilan antarabangsa seperti ICJ dan PCA. Namun, Korea Selatan sentiasa mengambil pendirian tegas dengan menafikan kewujudan konflik wilayah dengan Jepun. Akibatnya, Seoul enggan mempertimbangkan sebarang cadangan yang diusulkan oleh Jepun untuk membawa konflik Pulau Dokdo ke institusi keadilan antarabangsa untuk diselesaikan. Oleh sebab demikian, pendirian Seoul membataskan usaha bagi menyelesaikan isu pemilikan Pulau Dokdo dan secara langsung mempertingkatkan lagi ketegangan dengan Tokyo.

Soal pertikaian wilayah ini hanya boleh ditamatkan sekali gus sekiranya Jepun bersetuju untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Pulau Takeshima. Walau bagaimanapun, amat sukar untuk Jepun berbuat demikian disebabkan kerisauan akan kehilangan tuntutan ke atas wilayah lain seperti Pulau Senkaku dan Kepulauan Kuril yang melibatkan China dan Rusia. Di sebabkan penyelesaian agak sukar dilakukan pada masa ini, maka mekanisme lain yang boleh dipertimbangkan adalah meminimakan konflik tersebut. Peranan pihak ketiga seperti Majlis Keselamatan atau Setiausaha Agung PBB, penglibatan Amerika Syarikat selaku sekutu Korea Selatan dan Jepun serta ASEAN yang mempunyai pertalian rapat dengan Seoul dan Tokyo mampu meredakan ketegangan antara kedua-duanya. Selain itu, pelaksanaan Rangka Kerja Pembangunan Bersama di sekitar perairan Pulau Dokdo/Takeshima juga mampu memupuk kerjasama dalam mengakses sumber dan pemuliharaan di samping mengekalkan keamanan. Sekiranya

pembangunan bersama dilakukan, Korea Selatan dan Jepun boleh menjadi model kepada negara-negara lain yang berkonflik yang mempunyai kes yang hampir sama seperti Pulau Dokdo/Takeshima.

Akhir kata, Korea Selatan dan Jepun tidak boleh meminggirkan isu Pulau Dokdo/Takeshima. Hal ini kerana ketegangan yang berterusan antara kedua-dua negara ini tidak menguntungkan mana-mana pihak. Walaupun pada masa ini, keadaan masih terkawal, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa potensi untuk berlakunya konflik berskala besar pada masa hadapan adalah tinggi. Masyarakat Korea Selatan sentiasa berpendapat ketidakadilan sejarah (historical injustice) berlaku akibat daripada kolonialisme Jepun. Situasi ini adalah kerana pandangan kolektif masyarakat Korea Selatan masih menjurus kepada sentimen anti-Jepun dan perasaan sebagai mangsa kependudukan Jepun. Oleh itu, untuk mengelakkan hubungan bilateral daripada lebih terjejas, Seoul dan Tokyo perlu membincangkan isu kedaulatan Pulau Dokdo/Takeshima secara terbuka untuk mencari penyelesaian ataupun mekanisme yang sesuai untuk meminimakan konflik tersebut.

BAB 6

RUMUSAN KAJIAN

6.1 PENGENALAN

Tahun 2019 menandakan genap ulang tahun ke-54 hubungan diplomatik di antara Korea Selatan dan Jepun yang dimeterai menerusi *Treaty on Basic Relations between Japan and Republic of Korea* pada tahun 1965. Namun, sejarah kependudukan Jepun di Semenanjung Korea masih menghantui hubungan bilateral disebabkan terdapat beberapa isu sensitif yang masih belum diselesaikan. Walaupun kekalahan Jepun di dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 akhirnya membawa kepada kemerdekaan Semenanjung Korea, namun status Pulau Dokdo/Takeshima masih dibelenggu oleh konflik hak pemilikan. Konflik pertikaian wilayah ini timbul apabila Jepun dan Korea Selatan masing-masing menuntut hak dan kedaulatan ke atas Pulau Dokdo/Takeshima. Tambahan pula, *San Francisco Peace Treaty* tahun 1951 yang tidak menjelaskan status Pulau Dokdo sekali gus mengeruhkan hubungan di antara Korea Selatan dan Jepun berhubung isu pemilikan wilayah di dalam era moden. Tambahan pula, *Treaty on Basic Relations between Japan and Republic of Korea* yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada tahun 1965 pula lebih memfokuskan kepada kerjasama ekonomi dan isu pembayaran pampasan kepada Korea Selatan berbanding dengan soal kewilayahan. Akibatnya, status Pulau Dokdo/Takeshima gagal diselesaikan sehingga hari ini.

Tesis ini mengkaji konflik Pulau Dokdo dari sudut pandangan Korea Selatan kerana Seoul menafikan kewujudan konflik pertikaian wilayah dengan Jepun. Dalam pandangan masyarakat Korea Selatan, pulau tersebut adalah sebahagian daripada *Geo-Body* Semenanjung Korea. Jepun memprotes kependudukan Korea Selatan ke atas Pulau Takeshima dengan naratif bahawa Seoul tidak mempunyai justifikasi perundangan yang sah dan pendapat ini memburukkan lagi hubungan antara Seoul dan Tokyo.

Namun Seoul tidak mengendahkan perspektif Tokyo. Sebaliknya Korea Selatan memperkuuhkan kawalan efektif terhadap Pulau Dokdo melalui pelbagai cara. Setakat ini, Korea Selatan telah berjaya melaksanakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan di Pulau Dokdo menerusi penggubalan polisi yang membolehkan kerajaan dan warganya melakukan aktiviti yang menggambarkan pemilikannya. Umpamanya, pentadbiran yang berterusan ke atas Pulau Dokdo telah dilaksanakan oleh Korea Selatan sejak tahun 1948. Tambahan pula, memori kolektif masyarakat Korea Selatan terhadap pulau tersebut diterapkan melalui lagu “Dokdo is our land”. Lagu tersebut digubah oleh Park Inho pada tahun 1982 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Korea Selatan tentang pulau tersebut. Lagu “Dokdo is our land” memparkan kedaulatan Pulau Dokdo sebagai wilayah Korea Selatan. Lirik lagu ini menonjolkan keadaan geografi, keistimewaan dan kekayaan alam sekitar serta cuaca Pulau Dokdo. Yang menariknya, lagu tersebut turut menyelitkan amaran kepada Jepun yang dipercayai sering melakukan penyelewengan dalam interpretasi sejarah silam dan mengecam Tokyo yang mempunyai niat politik negatif terhadap Seoul (*Gachon Herald*, 2013; 한국재능기부봉사단 KTDC-TV, 2012).

Contoh lain bagaimana Korea Selatan menyemarakkan sentimen nasionalisme dalam kalangan masyarakatnya terhadap Pulau Dokdo adalah dengan meraikan *Dokdo Day* pada 25 Oktober setiap tahun. Tarikh tersebut menandakan pengisytiharaan rasmi pada tahun 1900 oleh Maharaja Gojong (1897-1907) dari Empayar Korea berhubung dengan bidang kuasa Korea ke atas Pulau Dokdo dan Pulau Ulleungdo. Dipercayai pengumuman ini bertujuan melindungi wilayah Korea dari sebarang percubaan pencerobohan kuasa luar khususnya Jepun. *Dokdo Day* diisytiharkan pertama kali pada tahun 2000 oleh badan bukan kerajaan seperti *Korean Federation of Teachers' Associations* dan *The Dokdo Institute* (Lee & Hahm, 2018). Pengumuman sebegini berperanan sebagai peringatan kepada masyarakat Korea tentang pertalian sejarah nasional mereka dengan Pulau Dokdo.

Pada masa yang sama, tindakan ini juga dilakukan untuk menarik perhatian dunia antarabangsa tentang status pemilikan Korea.

Tindakan kerajaan Korea Selatan pada masa-masa tertentu mengundang reaksi negatif daripada Jepun. Pada tahun 2018, Tokyo memprotes keputusan Seoul untuk menghidangkan pencuci mulut yang memaparkan peta Semenanjung Korea (termasuk Pulau Dokdo) semasa sidang kemuncak antara Korea Utara dan Korea Selatan di Panmunjeom. Menteri Luar Korea Selatan, Kang Kyung Wha (2017-kini) menyangkal aduan tersebut sebagai *non-issue* semasa wawancara beliau dengan Christiane Amanpour dari *Cable News Network* (CNN) (Hunt & Wakatsuki, 2018). Insiden yang hampir sama berlaku beberapa bulan sebelumnya. Ketika Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump (2017-kini) melawat Korea Selatan pada bulan November 2017, Presiden Moon Jae In (2017-kini) melayani beliau dengan menghidangkan udang yang ditangkap dari perairan sekitar Pulau Dokdo (Griffin, 2018). Media konservatif Jepun melabelkan tindakan tersebut sebagai “anti-Jepun”. Boleh diandaikan bahawa Seoul sengaja menghidangkan sajian yang berkaitan dengan Pulau Dokdo bagi menunjukkan bahawa pulau tersebut adalah sebahagian daripada *Geo-Body* Korea Selatan (McCurry, 2017).

6.2 PERSOALAN DAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bermula dengan tiga persoalan. Soalan pertama: “Bagaimanakah kependudukan Jepun di Semenanjung Korea menyumbang kepada persoalan kedaulatan, identiti dan nasionalisme?” Mengikut teori *Geo-Body* yang diutarakan oleh Tongchai Winichakul, aspek pemetaan merupakan salah satu simbol kedaulatan sesebuah negara. Melalui pemetaan, sesebuah negara dapat memupuk identiti nasional dan pembinaan negara bangsa.

Seperti yang dibincangkan dalam bab dua dan tiga, konsep pemetaan adalah sesuatu yang tidak ditekankan oleh masyarakat Asia pada zaman silam. Namun, kedudukan Pulau Dokdo sebagai sebahagian daripada Semenanjung Korea dibuktikan dalam beberapa peta silam yang dikeluarkan oleh pengkaji Korea, Jepun, Perancis dan Rusia. Terdapat juga banyak bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat Jepun sendiri memberi pengiktirafan Pulau Dokdo sebagai sebahagian daripada Semenanjung Korea. Tetapi, apabila *San Francisco Treaty* berkuatkuasa pada tahun 1952, soal pemilikan Pulau Dokdo mula diperdebatkan oleh Korea Selatan dan Jepun. Hal ini disebabkan pihak pentadbir Amerika Syarikat gagal menjelaskan status pemilikan Pulau Dokdo. Jepun menggunakan alasan bahawa Pulau Dokdo adalah *terra nullius* dan mengambil tindakan dengan meletakkan pulau tersebut di bawah bidang kuasa wilayah Shimane pada tahun 1905. Tetapi, Korea Selatan pula melihat tindakan tersebut sebagai pengilhakan wilayahnya.

Selepas itu, Pulau Dokdo ditadbir oleh Tokyo semasa kependudukan Jepun di Semenanjung Korea selama 35 tahun. Maka, boleh diinterpretasikan bahawa sejarah kolonialisasi ini merampas kedaulatan Pulau Dokdo daripada Korea Selatan. Tambahan pula, masyarakat Korea Selatan melihat diri mereka sebagai mangsa pentadbiran Jepun. Akibatnya, hasil kajian menunjukkan Korea Selatan sebagai satu negara yang masih dibelenggu oleh persepsi *Japanophobia*, satu istilah yang menerangkan sikap negativiti terhadap masyarakat, kebudayaan dan apa-apa yang berkaitan dengan Jepun kesan daripada kolonialisasi. Selain daripada itu, masyarakat Korea Selatan juga berpendapat bahawa Jepun kurang sensitif terhadap perasaan masyarakat Korea Selatan. Oleh itu, cabaran tuntutan Jepun terhadap Pulau Takeshima dilihat sebagai ancaman kepada kedaulatan, identiti nasional dan pengukuhan *Geo-Body* Korea Selatan. Dalam pandangan Korea Selatan, konflik Pulau Dokdo berkait rapat dengan persoalan keadilan intepretasi sejarah. Dalam erti kata lain, tuntutan Jepun terhadap Pulau Takeshima

mencetuskan kembali pengalaman penindasan zaman kolonialisme. Situasi ini secara langsung menyemarakkan semangat nasionalisme kolektif masyarakat Korea Selatan.

Persoalan kajian yang kedua adalah: “Bagaimanakah pembangunan ekonomi dapat membantu dalam memperkuuhkan pemilikan Pulau Dokdo oleh Korea Selatan?” Bab keempat menjelaskan pelbagai tindakan yang dilakukan oleh Korea Selatan dalam membangunkan ekonomi, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli sebagai cara terbaik memperkuuhkan pegangannya terhadap Pulau Dokdo. Walaupun pada masa kini pembangunan ekonomi tidaklah begitu signifikan tetapi pelaburan yang dilakukan secara langsung memperkuatkan lagi kawalan efektif Korea Selatan ke atas pulau tersebut.

Dalam mencapai objektif memperkuatkan pegangan ke atas Pulau Dokdo, kerajaan Korea Selatan memperjuangkan status entiti tersebut sebagai sebuah ‘pulau’ yang mampu menjana Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Dengan berbuat demikian, Korea Selatan dapat meluaskan kawasan maritim sehingga 200 batu nautikal daripada persisiran pantai. Pada masa yang sama, Sempadan maritim Korea Selatan yang bertambah luas memberi peluang untuk mengakses dan mengeksplotasi sumber yang terdapat di dasar laut. Tambahan pula, kerajaan Korea Selatan mendirikan pelbagai fasiliti dan menggalakkan warganya tinggal di Pulau Dokdo. Warga Korea Selatan yang terkenal, Kim Seong Do (1939-2018) sangat aktif dalam mempromosikan Pulau Dokdo sebagai wilayah Korea Selatan. Erti kata lain, penempatan Kim Seong Do di Pulau Dokdo digunakan oleh kerajaan Korea Selatan sebagai simbol dan alat propaganda untuk mempamerkan kedaulatan pulau tersebut.

Dalam mengakses sumber, tidak dapat dinafikan baawha Seoul memberi lebih tumpuan kepada aktiviti perikanan dan pelancongan di Pulau Dokdo. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kawasan perairan Pulau Dokdo kaya dengan sumber hasil laut. Justeru itu, pembinaan pelabuhan di Pulau Ulleungdo secara langsung mempengaruhi perkembangan industri perikanan di laut Timur. Pelabuhan-pelabuhan ini memudahkan kapal-kapal nelayan berlabuh serta menjadi kawasan perantara untuk aktiviti import dan eksport. Dalam kes kegiatan pelancongan pula, kerajaan Korea Selatan melonggarkan sekatan melawat Pulau Dokdo. Tindakan ini dilakukan bagi mempromosikan pulau tersebut sebagai destinasi pelancongan tempatan dan luar negara. Pada masa yang sama, ia membolehkan Korea Selatan menunjukkan kawalan efektifnya terhadap pulau tersebut. Lebih penting lagi, kegiatan pelancongan tersebut juga membolehkan rakyat Korea Selatan melakukan tanggungjawab sivik mereka yang melahirkan rasa bangga terhadap pemilikan Pulau Dokdo.

Kawalan efektif Korea Selatan ke atas Pulau Dokdo memberi peluang kepada Seoul untuk membangunkan ekonomi di pulau tersebut. Seperti yang dibincangkan dalam bab empat, potensikekayaan sumber ekonomi Pulau Dokdo penting disebabkan ia mampu menampung kekurangan sumber bahan mentah yang dihadapi oleh Korea Selatan. Pembangunan infrastruktur dalam memajukan kegiatan perikanan dan pelancongan di Pulau Dokdo menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pulau tersebut. Pembangunan tersebut juga mampu menyumbang secara tidak langsung kepada keseluruhan ekonomi Korea Selatan buat masa sekarang dan masa hadapan.

Persoalan ketiga adalah: “Apakah kaedah untuk meminimakan konflik di antara Korea Selatan dan Jepun dalam keadaan di mana penyelesaian konflik masih belum dicapai?”

Seperti yang dianalisis di dalam bab kelima, konflik Pulau Dokdo/Takeshima pada realitinya masih belum diselesaikan disebabkan sikap saling tidak mempercayai di antara satu sama lain di antara Seoul dan Tokyo. Jikalau kedua-dua negara bersetuju menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menghakimi konflik tersebut, kemungkinan suatu penyelesaian dapat dicapai. Pihak ketiga yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu ini adalah Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Mahkamah Tetap Timbang Tara (PCA). Malangnya pendirian Korea Selatan yang terus menafikan kewujudan konflik pertikaian wilayah menyukarkan penglibatan pihak ketiga. Tambahan pula, buat masa ini Jepun tidak mempunyai sebarang niat untuk menggugurkan tuntutannya terhadap Pulau Takeshima. Maka, pengkaji mencadangkan alternatif lain untuk meminimakan konflik serta ketegangan bilateral sementara penyelesaian dapat dicapai. Pertama, pengkaji mencadangkan pendekatan mediasi di mana Majlis Keselamatan atau Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan *Association of SouthEast Asian Nations* (ASEAN) serta Amerika Syarikat dibawa masuk berbincang dengan Seoul dan Tokyo supaya ketegangan dapat dikurangkan. Penglibatan kesemua entiti ini mungkin berjaya membawa hasil kerana mereka dipercayai oleh Seoul dan Tokyo.

Selain daripada itu, pengkaji mencadangkan sumber ekonomi yang terdapat di sekitar Pulau Dokdo/Takeshima seharusnya dibangunkan melalui rangka kerja pembangunan bersama di antara Seoul dan Tokyo tanpa mengaitkan soal kedaulatan dan pemilikan. Dengan berbuat demikian, kedua-dua pihak yang berkonflik dapat memberikan perhatian kepada pembangunan bersama yang menguntungkan Seoul dan Tokyo. Pada masa ini, Seoul dan Tokyo sudah pun mula bekerjasama dalam skala yang kecil dalam isu pembangunan sumber hasil dasar laut, pelaksanaan aktiviti pemuliharaan, pengurusan

sumber perikanan dan kajian saintifik bersama. Justeru itu, kerjasama sebegini seharusnya digalakkan.

Selain itu, pengkaji turut percaya bahawa Pulau Dokdo/Takeshima seharusnya dijadikan sebagai sebuah *Peace Park*. Dengan berbuat demikian, kedua-dua negara boleh membangunkan ekonomi (terutamanya perikanan) serta melakukan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan di Pulau Dokdo/Takeshima. Pengkaji mengandaikan tindakan tersebut akan memaksa Seoul dan Tokyo bertanggungjawab untuk mengekalkan keamanan demi aktiviti pengeksploitasi sumber asli di Pulau Dokdo/Takeshima. Pada masa yang sama, konsep Peace Park akan membolehkan Korea Selatan memperkuuhkan *Geo-Body*-nya tanpa kehilangan hak ke atas Pulau Dokdo. Dengan berbuat demikian, Jepun juga dapat mengakses sumber ekonomi di sekitar Pulau Takeshima. Pendekatan ini diandaikan mampu mengubah persepsi negatif di antara Seoul dan Tokyo. Pada jangkamasa panjang, kemungkinan besar kerjasama ini akan membina kepercayaan di antara mereka.

6.3 CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN

Tesis ini menggunakan pelbagai sumber dalam meneliti konflik Pulau Dokdo. Disebabkan konflik tersebut bersifat semasa, adalah sukar untuk menggambarkan situasi terkini. Pada realitinya, terdapat banyak peluang untuk kajian tambahan tentang konflik pertikaian wilayah. Semasa melakukan kajian, pengkaji menghadapi pelbagai masalah dalam mendapatkan informasi primer terutamanya data dan statistik terkini berhubung dengan aktiviti ekonomi di Pulau Dokdo. Akibatnya, pengkaji mendapati terdapat kekurangan kajian terperinci tentang sumber ekonomi yang terdapat di pulau tersebut. Diharapkan bahawa kajian pada masa hadapan akan memberikan tumpuan kepada aspek ekonomi terutamanya kepelbagaiannya sumber yang terdapat di sekitar Pulau Dokdo. Kajian sebegini seharusnya dikaitkan dengan pelbagai cadangan pembangunan bersama agar ia

menjadi suatu rujukan untuk membina kepercayaan serta meminimakan ketegangan di antara pihak yang berkonflik.

6.4 KESIMPULAN

Tesis ini membincangkan perspektif Korea Selatan terhadap konflik pemilikan Pulau Dokdo. Adalah jelas bahawa pulau tersebut mempunyai nilai politik, ekonomi, dan sosial untuk Korea Selatan. *Geo-Body* Korea Selatan tidak lengkap tanpa Pulau Dokdo. Pulau Dokdo adalah simbol identiti nasional serta pencetus semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Korea Selatan. Isu ini berperanan menyatukan negara bangsa Korea Selatan tanpa mengambilkira kecenderungan politik. Maka, Korea Selatan tidak akan melepaskan hakmilik Pulau Dokdo kepada Jepun.

Sehingga kini, konflik ini masih berterusan disebabkan Jepun enggan menggugurkan tuntutannya terhadap Pulau Takeshima. Korea Selatan pula enggan bersetuju dengan cadangan Jepun untuk membawa kes Pulau Dokdo ke ICJ. Situasi ini adalah kerana bagi Korea Selatan, rujukan tersebut secara langsung mengakui kewujudan konflik dan memberi ruang kepada Jepun untuk mengesahkan serta mengukuhkan tuntutannya ke atas Pulau Takeshima. Sejarah kolonialisme Jepun memainkan peranan besar dalam menghidupkan sentimen anti-Jepun dan perasaan menjadi mangsa semasa pentadbiran kolonial. Pulau Dokdo senantiasa berada dalam ingatan kolektif masyarakat Korea Selatan. Lagu “Dokdo is our Land”, Muzium Dokdo, setem Pulau Dokdo, *Dokdo Day* serta memorabilia yang lain menjamin kesedaran tentang kepentingan Pulau Dokdo akan sentiasa terjaga selama-lamanya.

Disebabkan penyelesaian sukar dicapai pada masa kini, diharapkan pemimpin Korea Selatan dan Jepun akan berusaha mencari jalan penyelesaian menerusi saluran diplomasi.

Seperti yang dicadangkan di atas, konflik ini hanya boleh diminimakan dengan kerjasama di antara Seoul dan Tokyo. Pembangunan dan pemuliharaan Pulau Dokdo memberikan ruang terbaik dalam mewujudkan kerjasama di antara kedua-dua negara.

SENARAI RUJUKAN

SUMBER PRIMER

A) Temubual dan Perbincangan Tidak Rasmi

Temu ramah peribadi dan perbincangan tidak rasmi dengan ahli akademik di Seoul, Korea Selatan.

Responden A	[Temu ramah peribadi]	3 September 2015
Responden B	[Temu ramah peribadi]	3 September 2015
Responden C	[Temu ramah peribadi]	3 September 2015
Responden D	[Perbincangan tidak rasmi]	5 September 2015
Responden E	[Temu ramah peribadi]	10 September 2015
Responden F	[Perbincangan tidak rasmi]	14 September 2015
Responden G	[Perbincangan tidak rasmi]	14 September 2015
Responden H	[Perbincangan tidak rasmi]	14 September 2015
Responden I	[Temu ramah peribadi]	18 September 2015
Responden J	[Temu ramah peribadi]	26 September 2015

Temubual peribadi dengan pegawai tinggi di Muzium Dokdo, Seoul, Korea Selatan.

Responden K	[Temu ramah peribadi]	9 Oktober 2015
Responden L	[Temu ramah peribadi]	9 Oktober 2015
Responden M	[Temu ramah peribadi]	9 Oktober 2015

Perbincangan tidak rasmi dengan pelajar Korea Selatan di Sejong University, Seoul.

Responden N	[Perbincangan tidak rasmi]	20 Oktober 2015
-------------	----------------------------	-----------------

Responden O	[Perbincangan tidak rasmi]	20 Oktober 2015
Responden P	[Perbincangan tidak rasmi]	20 Oktober 2015
Responden Q	[Perbincangan tidak rasmi]	20 Oktober 2015
Responden R	[Perbincangan tidak rasmi]	20 Oktober 2015
Responden S	[Perbincangan tidak rasmi]	27 Oktober 2015
Responden T	[Perbincangan tidak rasmi]	27 Oktober 2015
Responden U	[Perbincangan tidak rasmi]	27 Oktober 2015
Responden V	[Perbincangan tidak rasmi]	27 Oktober 2015
Responden W	[Perbincangan tidak rasmi]	27 Oktober 2015

B) Dokumen dan Portal Rasmi Kerajaan/Agenzi Kerajaan

Address by President Moon Jae in on the 99th March First Independence Movement Day. (1 Mac 2018). *Korea.Net*. Diakses pada 1 Februari 2019 dari <http://www.korea.net/Government/Briefing-Room/PresidentialSpeeches/view?articleId=155074&pageIndex=9>

Association of South East Asian Nations. (14 Jun 2012). *ANNEX for ASEAN Security Community Plan of Action*. Diakses pada 1 Januari 2018 dari https://asean.org/?static_post=annex-for-asean-security-community-plan-of-action

Dokdo, Islets of Solitary Beauty in the East Sea. (9 Julai 2012). *Korea.Net*. Diakses pada 26 Julai 2015 dari <http://www.korea.net/Government/CurrentAffairs/NationalAffairs/view?affairId=83&subId=258&articleId=101153>

Dokdo in Korea: A Story of Dokdo Island, a Korean territory. Seoul. (2005). *Dokdo Research and Preservation Association*. Seoul.

Dokdo Research Institute. (n.d). *Dokdo in History*. Diakses pada 24 ogos 2016 dari http://www.dokdohistory.com/eng/gnb02/sub04_02.do

Formation and Location. (n.d). *KBS World Radio*. Diakses pada 11 Jun 2017 dari <http://world.kbs.co.kr/special/dokdo/english/introduction/configuration.htm>

Gyeongsangbuk-do. (2015). *Everything You Need to Know About Dokdo*. Gyeongsangbuk-do Province: Republic of Korea.

International Court of Justice. (17 November 1953). *Reports of Judgments, Advisory Opinions and Orders-The Minquiers and Ecrehos Case (France/United Kingdom)*. Diakses pada 27 April 2016 dari <https://www.icj-cij.org/files/case-related/17/017-19531117-JUD-01-00-EN.pdf>

International Court of Justice. (n.d). *Individual Opinion of Judge Levi Carneiro* (Translation). Diakses pada 27 April 2016 dari <https://www.icj-cij.org/files/case-related/17/017-19531117-JUD-01-02-EN.pdf>

K-Dokdo. (n.d). *Avifauna*. Diakses pada 1 Januari 2017 dari http://www.k-dokdo.com/english/index.do?menu_id=00000138

Korea Hydrographic and Oceanographic Agency. (n.d). *Chart and Old Map*. Diakses pada 15 Ogos 2015 dari <http://www.khoa.go.kr/eng/kcom/cnt/selectContentsPage.do?cntId=31060500>

Korea Hydrographic and Oceanographic Agency. (n.d). *Dokdo in History*. Diakses dari pada 15 Ogos 2015 dari <http://eng.khoa.go.kr/kcom/cnt/selectContentsPage.do?cntId=31070200>

Malaysia-Thailand Joint Authority (Mtja). (n.d). Diakses pada 1 April 2018 dari <https://www.mtja.org/>

Ministry of Foreign Affairs of Japan. (10 Ogos 2012). *Japan-ROK Foreign Ministers' Telephone Talks*. Diakses pada 14 April 2015 dari https://www.mofa.go.jp/announce/announce/2012/8/0810_02.html

Ministry of Foreign Affairs of Japan. (21 Ogos 2012). *Proposal to the Government of the Republic of Korea to Institute Proceedings before the International Court of Justice by a Special Agreement*. Diakses pada 31 Ogos 2015 dari https://www.mofa.go.jp/announce/announce/2012/8/0821_01.html

Ministry of Foreign Affairs of Japan. (30 Ogos 2012). *Statement by the Minister for Foreign affairs of Japan on the Refusal by the Government of the Republic of Korea of the Government of Japan's Proposal on the Institution of Proceedings before the International Court of Justice by a Special Agreement*. Diakses pada 14 April 2015 dari https://www.mofa.go.jp/announce/announce/2012/8/0830_02.html

Ministry of Foreign Affair of Japan. (2014). *Takeshima: Seeking a Solution Based on Law and Dialogue*. Diakses pada 1 Januari 2015 dari
https://www.mofa.go.jp/region/asia-paci/takeshima/pdfs/takeshima_pamphlet.pdf

Ministry of Foreign Affairs of Japan. (30 Julai 2015). *Establishment of “Syngman Rhee Line” And Illegal Occupation of Takeshima by the Republic of Korea*. Diakses Pada 15 Januari 2018 Dari
http://www.mofa.go.jp/a_o/na/takeshima/page1we_000064.html

Ministry of Foreign Affairs of Japan. (30 Julai 2015). Proposal of Referral to the International Court of Justice. Diakses pada 15 Januari 2018 dari
https://www.mofa.go.jp/a_o/na/takeshima/page1we_000065.html

Ministry of Foreign Affairs of Japan. (15 Ogos 2016). *Protest Regarding the Visit to Takeshima by Members of the National Assembly of the ROK*. Diakses pada 13 November 2016 dari
https://www.mofa.go.jp/press/release/press4e_001242.html

Ministry of Foreign Affair of Japan. (23 Ogos 2016). *An Outline of the Japanese Position on Sovereignty over Takeshima and the Illegal Occupation by the Republic of Korea*. Diakses pada 11 November 2018 dari
<https://www.mofa.go.jp/region/asia-paci/takeshima/position.html>

Ministry of Foreign Affairs Republic of Korea. (n.d.). *Basic Position of the Government of the Republic of Korea on Dokdo*. Diakses pada 16 Januari 2014 dari
http://www.mofa.go.kr/eng/wpge/m_5441/contents.do

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (n.d.). *Government's Basic Position on Dokdo*. Diakses pada 16 Mei 2015 dari
http://dokdo.mofa.go.kr/eng/dokdo/government_position.jsp

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (3 Julai 2008). Korea’s Sovereignty over Dokdo. *Embassy of the Republic of Korea in the State of Israel*. Diakses pada 23 Jun 2017 dari
http://down.mofa.go.kr/il-en/brd/m_11433/down.do?brd_id=6226&seq=616312&data_tp=A&file_seq=1

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (17 Julai 2008). General Information about Dokdo. *Embassy of the Republic of Korea in the Republic of Fiji*. Diakses pada 10 Januari 2015 dari

http://overseas.mofa.go.kr/fj-en/brd/m_3241/view.do?seq=616151&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=28

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (31 Julai 2008). *Comment by the MOFAT Spokesperson on the Decision of the U.S. Government to Restore the Sovereignty Designation of Dokdo*. Diakses pada 15 Julai 2015 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=307939&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=6&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (30 Mac 2010). *Spokesperson's Statement on the Outcome of Japan's Elementary School Textbook Examination*. Diakses pada 5 Mei 2015 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=308440&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=6&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (2 Februari 2011). *Spokesperson's Statement on Dokdo Day Events Held by Japan's Shimane Prefecture*. Diakses pada 16 Jun 2017 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=309744&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=6&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (25 Januari 2012). *Japan's Acting Ambassador to the ROK Summoned over the Remarks Regarding Dokdo*. Diakses pada 7 Julai 2015 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=310811&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=5&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (27 Mac 2012). *Foreign Ministry to Raise Awareness on Dokdo*. Diakses pada 3 September 2016 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=311256&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=5&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (12 April 2012). *Spokesperson's Commentary on the Tokyo Rally Designed to Demand an Early Resolution of the Dokdo Issue*. Diakses pada 9 September 2016 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=311258&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=5&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (30 Ogos 2012). *MOFAT Spokesperson's Commentary on the Resolution of the Japanese Parliament*. Diakses pada http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=311402&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=5&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (18 Mac 2016). *MOFA Spokesperson's Statement on Japan's Authorization of High School Textbooks*. Diakses pada 21 21 Ogos 2016 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=317639&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=1&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (15 April 2016). *MOFA Spokesperson's Commentary on Japan's Diplomatic Bluebook 2016*. Diakses pada 21 Ogos 2017 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=317640&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=1&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (22 Februari 2017). *MOFA Spokesperson's Statement on "Dokdo Day" Event Held by Japan's Shimane Prefecture*. Diakses pada 3 Julai 2017 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=318116&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=1&titleNm

Ministry of Foreign Affairs, Republic of Korea. (25 April 2017). *MOFA Spokesperson's Commentary on Japan's Diplomatic Bluebook 2017*. Diakses pada 16 Jun 2017 dari http://www.mofa.go.kr/eng/brd/m_5442/view.do?seq=318119&srchFr=&srchTo=&srchWord=&srchTp=&multi_itm_seq=0&itm_seq_1=0&itm_seq_2=0&company_cd=&company_nm=&page=1&titleNm

Ministry of Foreign Affairs the People's Republic of China. (n.d). *Set Aside Dispute and Pursue Joint Development*. Diakses pada 3 November 2018 dari https://www.fmprc.gov.cn/mfa_eng/ziliao_665539/3602_665543/3604_665547/t18023.shtml

NJ. Gov. (.n.d). *The Korean War: Setting the Stage and Brief Overview*. Diakses pada 11 Februari 2016 dari <https://www.nj.gov/military/korea/factsheets/overview.html>

Netherlands v. USA, PCArb 1 (1928). Diakses pada 17 September 2017 dari <http://www.worldlii.org/int/cases/PCArb/1928/1.html>

Organization of the Petroleum Exporting Countries. (3-5 Jun 2015). *Petroleum: An Engine for Global Development*. Kertas di bentangkan di Vienna, Austria. Diakses pada 20 Julai 2016 dari https://www.opec.org/opec_web/static_files_project/media/downloads/publications/ASB2014.pdf

Speeches and Statements by the Prime Minister. (2012). *Press Conference by Prime Minister Yoshihiko Noda*. Diakses pada 13 Januari 2018 dari https://japan.kantei.go.jp/noda/statement/201208/24kaiken_e.html

The Republic of Korea. (Jun 2017). *Food and Agriculture Organization of United Nations*. Diakses pada 27 Ogos 2017 dari https://www.google.com/search?q=fao&rlz=1C1NHXL_enMY833MY833&oq=fao+&aqs=chrome..69i57j69i60l2j35i39j0l2.2707j0j7&sourceid=chrome&ie=UTF-8

The Story of Dokdo Resident. (2011). Gyeongsangbuk-do, Republic of Korea.

Trollvik, T. (2002). The impact of World Trade Organization Agreements on Fish Trade. *Food and Agriculture Organization of the United Nations*. Diakses pada 19 Januari 2016 dari <http://www.fao.org/docrep/005/y4325e/y4325e07.htm>

Visit Korea. (n,d). *Dokdo Island (독도)*. Diakses pada 1 Ogos 2014 dari http://english.visitkorea.or.kr/enu/ATR/SI_EN_3_1_1.jsp?cid=264142

Visit Korea. (n.d). *Demilitarized Zone (DMZ) Tourism*. Diakses pada 16 November 2018 dari https://english.visitkorea.or.kr/enu/ATR/SI_ENG_2_2.jsp

United Nations Peacemaker. (n.d). *Security Council & Mediation*. Diakses pada 1 Januari 2019 dari
<https://peacemaker.un.org/peacemaking-mandate/security-council>

United Nations Peacemaker. (n.d). *The Secretary general & Mediation*. Diakses pada 16 Januari 2019 dari
<https://peacemaker.un.org/peacemaking-mandate/secretary-general>

SUMBER SEKUNDER

한국재능기부봉사단 KTDC-TV. (20 April 2012). [GoGoDokdo!] (K-Pop) Dokdo Flashmob-Dokdo is Korea Land / Seoul Station in Korea 20120225. [Fail Video]. Diakses pada 27 Oktober 2016 dari,
<https://www.youtube.com/watch?v=dfvxSHDEHF8>

[Koreaninus]. (25 Mei 2009). *Dokdo and Korea-Japan relations (Special message by President Roh Moo Hyun)* [Fail Video]. Diakses pada 15 Mei 2015 dari
<https://www.youtube.com/watch?v=Nl4tz95rQEY>

(LEAD) South Korea Expresses Regret over Ramming at Japanese Embassy. (9 Julai 2009). *Yonhap News Agency*. Diakses pada 26 Julai 2015
<http://english.yonhapnews.co.kr/national/2012/07/09/72/030100000AEN20120709004400315F.HTML>

[Newsmaker] Scholar Urges Tokyo to Give Up on Dokdo. (26 Mac 2013). *The Korea Herald*. Diakses pada 6 Disember 2017 dari
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20130326000774>

About Korea. (n.d). *Croatian-Korean Business Club*. Diakses pada 13 Ogos 2015 dari
<http://www.croatia-korea.com/korea/>

Ahn, H. L. & Shinn,H. (4 April 2010). Dokdo at Risk Because of Fisheries Deal (1). *The Korea Herald*. Diakses pada 10 Jun 2016 dari
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20080926000087>

Arirang News. (1 Jun 2018). Land Value of Dokdo Islets Surges. *The Chosun Ilbo*. Diakses pada 1 Ogos 2018 dari
http://english.chosun.com/site/data/html_dir/2018/06/01/2018060100954.html

Ash, R.F. (2002). *Economy. In Far East and Australasia 2003* (34th Edition), Eur (Ed). London: Europa Publication

Auslin, M. (30 Disember 2015). A New Era in South Korean-Japanese Relations Begins. *America Enterprise Institute*. Diakses pada 2 Januari 2016 dari <https://www.aei.org/publication/a-new-era-in-south-korean-japanese-relations-begins/>

Bae, C. (2012). Territorial Issue in the Context of Colonial History and International Politics: The Dokdo Issue between Korea and Japan. *The Journal of East Asian Affairs*, 26 (1): 19-51

Bagares, R. & Calica, A. (3 February 2003). Special Report: The Legal Battle for Palmas Island. *Philstar Global*. Diakses pada 25 Disember 2018 dari <https://www.philstar.com/headlines/2003/02/03/193954/special-report-legal-battle-palmas-island#OJdtIyziEVOp6uHi.99>

Beckman, R. C. & Schofield, C. H. (2014). Defining EEZ Claims from Islands: A Potential South China Sea Change. *International Journal of Marine and Coastal Law*, 29(2): 193-243

Blakemore, E. (27 Februari 2018). How Japan Took Control of Korea. Diakses pada 9 Julai 2018 dari <https://www.history.com/news/japan-colonization-korea>

Blind to Own Faults. (27 Mac 2013). *The Korea Times*. Diakses pada 14 Mei 2015 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/opinon/2013/04/202_132873.html

Bowett, D. W. (1978). *The Legal Regime of Islands in International Law*. New York: Oceana Publications

Bowman, G. (2014). Why now is the Time to Resolve the Dokdo/Takeshima Dispute. *Case Western Reserve Journal of International Law*, 46(1): 433-462

Bridges, B. (1993). Japan and Korea in the 1990s: From Antagonism to Adjustment. England. Edward Elgar Publishing

Brooke, J. (7 Januari 2004). Seoul Journal; a Postage Stamp Island Sets off a Continental Debate. *The New York Times*. Diakses pada 27 Oktober 2015 dari <https://www.nytimes.com/2004/01/27/world/seoul-journal-a-postage-stamp-island-sets-off-a-continental-debate.html>

Brown, J., & Brown, J. (2006). *China, Japan, Korea: Culture and Customs*. North

- Bukh, A. (2015). Shimane Prefecture, Tokyo and the Territorial Dispute over Dokdo/Takeshima: Regional and National Identities in Japan. *The Pacific Review*, 28(1): 27-70
- Bukh, A. (2016). Korean National Identity, Civic Activism and the Dokdo/Takeshima Territorial Dispute. *Journal of Asian Security and International Affairs*, 3(2): 1-17
- Calling, "Dokdo Is Our Land: "The Government Will Entirely Review its Response with Regard to the Matter of Dokdo," President Roh. (n.d). *Diplomacy*. Diakses pada 22 November 2016 dari http://www.diplomacykorea.com/magazine/sub.asp?pub_cd=200604&c_cd=3&sr_no=333
- Caron, D. D. (1991). The Gulf War, the United Nations Compensation Commission and the search for practical justice. *Boalt Hall Transcript*. Diakses pada 17 Januari 2017 dari http://works.bepress.com/david_caron/62/
- Carpenter, C. (18 Mac 2005). Korea-Japan Rapport as Rocky as Dokdo. *OhMyNews*. Diakses pada 1 November 2017, dari http://english.ohmynews.com/ArticleView/article_view.asp?no=216162&rel_no=1
- Cha, V. D. (1999). *Alignment despite Antagonism: The United States-Korea-Japan Security Triangle*. California: Stanford University Press
- Cha, V. D. (2000). Hate, Power, and Identity in Japan-Korea Security: Towards a Synthetic Material-Ideational Analytical Framework. *Australian Journal of International Affairs*, 54(3): 309-324
- Charney, J. I. (1999). Rocks that Cannot Sustain Human Habitation. *American Journal of International Law*, 93 (4): 869-870
- Chicaiza, G. (2010). *The Mining Enclave of the "Cordillera del Cóndor."* Diakses pada 16 November 2018 dari http://www.ceecdc.net/wp-content/uploads/2008/10/CORDILLERA_CONDOR_ECUADOR_V2.pdf
- Chizuko. A. (1990). Northeast Asia Centered around Korea: Ch'oe Namsön's View of History. *Journal of Asian Studies*, 49(4): 787-806

Ch'oe, Y. H. (2015). Japan's 1905 Incorporation of Dokdo/Takeshima: A Historical Perspective. *The Asia-Pacific Journal*, 13(9): 1-27. Diakses pada 13 Januari 2016 dari <https://apjjf.org/-Yong-ho-Ch-oe/4290/article.pdf>

Choe, S. H. (26 September 2016). For South Koreans, a Long Detour to Their Holy Mountain. *The New York Times*. Diakses pada 30 September 2016 dari <https://www.nytimes.com/2016/09/27/world/asia/korea-china-baekdu-changbaishan.html>

Choe, S. H. (19 Julai 2018). South Korean Court Orders Big Payouts to Families of Ferry Victims. *The New York Times*. Diakses pada 10 Oktober 2018 dari <https://www.nytimes.com/2018/07/19/world/asia/ferry-sinking-south-korea-compensation.html>

Choi, S. J. (2005). The Politics of the Dokdo Issue. *Journal of East Asian Studies*, 5(3): 465-494

Choi, Y. & Chung, C. S. (2002). *Social Impact of the Korean Economic Crisis*. Diakses pada 23 Jun 2015 dari <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.545.3768&rep=rep1&type=pdf>

Choi, Y. H. (21 Mei 2008). Dokdo in East Sea or Sea of Japan? *The Korea Times*. Diakses pada 1 Januari 2015 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/opinon/2016/05/246_24527.html

Choi, Y. H. (4 Ogos 2008). Dokdo in Old Maps: Intriguing, but Clear at Last. *The Korea Times*. Diakses pada 10 Februari 2018 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2013/02/251_28767.html

Choi, Y. J. (2008). Northeast Asia Regional Integration: Regional Theories, Current Realities and Future Prospects. In J. Park, T. J Pempel & G. Roland (Eds.), *Political Economy of Northeast Asian Regionalism: Political Conflict and Economic Integration* (pp. 44-55). Gloucestershire, England: Edward Elgar Publishing

Chung, H. C. (18 Mac 2016). Seoul Condemns Tokyo for Approving Distorted Textbooks. *The Korea Times*. Diakses pada 1 April 2016 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2016/03/116_200704.html

Chung, K. H. (7 Jun 2007). The Heroes of the Hague Secret Emissary Affair. *Chosun Ilbo*. Diakses pada 15 Jun 2016 dari http://english.chosun.com/site/data/html_dir/2007/06/07/2007060761009.html

Coito, J. C. (2015). Boundary Conflict: The China-Philippines Confrontation over the Scarborough Reef, and the Viability of UNCLOS Dispute Resolution Procedures. In H. N. Scheiber, H. S. Levie, J. Kraska, & M. S. Kwon (Eds), *Science, Technology, and New Challenges to Ocean Law* (pp. 395-435). Boston: Martinus Nijhoff Publisher

Coleman, A. (2013). *Resolving Claims to Self-Determination: Is There a Role for the International Court of Justice?* England: Routledge

Costa, A. (2018). *Geography of Small Islands: Outposts of Globalisation*. Switzerland: Springer

Disputed Islets between South Korea and Japan. (7 Januari 2009). *Xinhua News Agency*. Diakses pada 1 Januari 2015 dari http://www.china.org.cn/travel/news/2009-01/07/content_17068211.htm

Dokdo, Korean Territory Historically, Geologically, and Under International Law. (28 januari 2013) *Newsworld*. Diakses pada 1 Januari 2015 dari <http://newsworld.co.kr/detail.htm?no=191>

Dower, J. (2015). The San Francisco System: Past, Present and Future of United States. *The Asia-Pacific Journal*, 12(18): 1-41. Diakses pada 13 Januari 2016 dari <https://apjjf.org/-John-W--Dower/4079/article.pdf>

Dudden, A. (2014). *History Matters: The East Sea/Sea of Japan Naming Issue through the Lens of the Japanese Empire*. Kertas dibentangkan di 20th International Seminar on Sea Names, Gyeongju, Republic of Korea. Diakses pada 13 Mei 2018 dari http://eastsea1994.org/eng/html/seminars_thesis.php

Emmers, R. (2010). *Japan-Korea relations and the Tokdo/Takeshima Dispute: The Interplay of Nationalism and Natural Resources* [Scholarly project] Diakses pada 27 Jun 2014 dari <https://dr.ntu.edu.sg/bitstream/handle/10220/6525/WP212.pdf>

Emmers, R. (2013). *Resource Management and Contested Territories in East Asia*. United Kingdom: Palgrave Macmillan

Faiola, A. (2005). Islands Come Between South Korea and Japan. *The Washington Post*. Diakses pada 30 Mac 2015 dari

http://www.washingtonpost.com/wp-dyn/articles/A418132005Mar16.html?tid=a_inl_manual

Fern, S. (2005). Tokdo or Takeshima? The International Law of Territorial Acquisition in the Japan-Korea Island Dispute. *Stanford Journal of East Asian Affairs*, 5(1): 78-89

Flamm, P. (26 Ogos 2014). Dokdo and South Korean National Identity. *The Diplomat*. Diakses pada 9 Januari 2015 dari <http://thediplomat.com/2014/08/dokdo-and-south-korean-national-identity/>

Flocruz, M. (23 Februari 2015). Japan-South Korea Territorial Dispute: Economic Relations Likely to Suffer over Takeshima/Dokdo Islets. *International Business Times*. Diakses pada 9 Jun 2015 dari <http://www.ibtimes.com/japan-south-korea-territorial-dispute-economic-relations-likely-suffer-over-1825476>

Fomerand, J., Mingst. K. & Lynch, C. M. (20 Disember 2018). *United Nations*. Diakses pada 1 Januari 2019 dari <https://www.britannica.com/topic/United-Nations>

Foreign Relations of South Korea. (n.d.). Diakses pada 9 Jun 2015
http://www.worldlibrary.org/article/whebn0000027028/foreign%20relations%20of%20south%20korea#cite_note-11

Fuchs, E., Kasahara, T., & Saaler, S. (Eds.). (2017). *A New Modern History of East Asia* (Vol. 1) (M. Illeto., & R. Prior, Trans.). Germany: V&R Unipress

Glosserman, B., & Snyder, S. (2015). *The Japan-South Korea Identity Clash: East Asian security and the United States*. New York: Columbia University Press

Gray, D. E. (2013). *Doing Research in the Real World* (3rd Ed.). London: SAGE Publication

Grieco, J. M. (1988). Anarchy and the Limits of Cooperation: A Realist Critique of the Newest Liberal Institutionalism. *International Organization*, 42(3): 485-507

Griffin, G. (27 April 2018). Japan is Big Time Angry about the Dessert Being Served at the Korea Summit. *Quartz*. Diakses pada 19 Februari 2019 dari <https://qz.com/1263328/japan-is-angry-about-the-dessert-being-served-at-the-korea-summit-heres-why/>

Grotius, H. (1608). *The freedom of the Seas*. Mafoggin (Trans.). New York: Oxford University Press

Guibernau, M. (2001). Globalization and the Nation-State. In M. Guibernau & J. Hutchinson (eds.), *Understanding Nationalism* (pp. 242-268). Cambridge: Polity

Ha, M. (14 Ogos 2008). Ancient Japan Recognized Dokdo as Korean Territory.

The Korea Times. Diakses pada 23 Disember 2018 dari

http://www.koreatimes.co.kr/www/nation/2018/12/356_29388.html

Hafetz, J. (2000). Fostering Protection of the Marine Environment and Economic Development: Article 121(3) of the Third Law of the Sea Convention. *American University International Law Review*, 15(3): 583-637

Han, M. F. (31 Ogos 2008). South Korea Steps Up Defense of Disputed Islets. *Reuters*. Diakses pada 5 Februari 2015 dari

<https://www.reuters.com/article/us-korea-japan-islands/s-korea-steps-up-defense-of-disputed-islets-idUST6085320080831>

Harlan, C. (19 Disember 2012). Park Geun-Hye Wins South Korea's Presidential Election. *The Washington Post*. Diakses pada 1 Mac 2015 dari

https://www.washingtonpost.com/world/asia_pacific/park-geun-hye-leads-in-south-koreas-presidential-election/2012/12/19/783398d4-49e6-11e2-b6f0-e851e741d196_story.html?utm_term=.e28553241870

Harris, B. & Song, J. A. (20 September 2018). From Flashpoint to Peace Park: Koreas Eye New Future for the DMZ. *Financial Times*. Diakses pada 1 Januari 2019 dari <https://www.ft.com/content/9bd351e4-bc9f-11e8-94b2-17176fbf93f5>

Heo, U. & Roehrig, T. (2014). *South Korea's Rise: Economic Development, Power and Foreign Relations*. UK. Cambridge: Cambridge University Press

Historical Facts about Korea's Dokdo Island. (n.d). *Dokdo-Takeshima Island*. Diakses pada 12 Mei 2015 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/>

Historical Facts about Korea's Dokdo Island. (n.d). *Hayashi Shihei's 1785 Illustrated Survey of Three Countries Map*. Diakses pada 12 Mei 2015 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/1785-japanese-map-by-hiyoshi-shihei.html>

Historical Facts about Korea's Dokdo Island. (n.d). *Japanese Earliest Records of Dokdo II*. Diakses pada 1 Oktober 2017 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/japanese-earliest-records-of-dokdo-ii.html>

Historical Facts about Korea's Dokdo Island. (n.d). *The Truth about the Japan Peace Treaty and Dokdo*. Diakses pada 16 Mei 2015 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/the-japan-peace-treaty-and-dokdo.html>

Historical Facts about Korea's Dokdo Island. (n.d). Why Japan Can't Have Dokdo-Takeshima Part I. Diakses pada 13 Februari 2015 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/why-japan-cant-have-dokdo-i.html>

Hodgson, R. D. & Smith, R.W. (1976). The Informal Single Negotiating text (Committee II): A Geographical perspective. *Ocean Development and International Law Journal*, 3: 225-259

Hong, G. S. (28 Mac 2005). Tourists Rejoice on Dokdo. *Korea Joongang Daily*. Diakses pada 1 Mac 2015 dari <http://koreajoongangdaily.joins.com/news/article/Article.aspx?aid=2547786>

Hosaka, Y. (n.d). *A Study on the Legitimacy of the Peace Line*. Diakses pada 26 September 2017 dari <https://www.dokdo-takeshima.com/legal-study-of-the-dokdo-issue-i.html>

Ikegami, M. (2009). Solving the Dokdo/Takeshima dispute: Searching for Common Ground through the Aland Model. *The Journal of East Asian Affairs*, 23(1): 1-22

Ital, H. (4-6 Januari 2014). *A Case Study on Korea-Japan Relations-a Realist Point of View*. Kertas dibentangkan di Hawaii University International Conference Arts, Humanities & Social Sciences, Honolulu, Hawaii. Diakses pada 3 Jun 2016 dari https://www.huichawaii.org/assets/ital_heiko_a_case_study_on_korea_japan_relations_a_realist_point_of_view_ahs2014.pdf

Ito, M. (18 Ogos 2012). Tokyo Seeks ICJ Ruling on Takeshima. *The Japan Times*. Diakses pada 1 Mac 2015 dari <http://www.japantimes.co.jp/news/2012/08/18/national/tokyo-seeks-icj-ruling-on-takeshima/>

Jager, S. M. (2016). Narratives of Nation-Building in Korea: A Genealogy of Patriotism. New York: Routledge

Jennings, R. (1963). The Modes of Acquisitions in the Acquisition of Territory in International Law. New York: Oceana Publication

Jang, L. (14 Januari 2016). Number of Foreign Visitors to Dokdo Island Increases. *The Korea Bizwire*. Diakses pada 3 April 2016 dari <http://koreabizwire.com/number-of-foreign-visitors-to-dokdo-island-increases/48267>

Japan's Brazen Claim to Dokdo (18 Ogos 2012). *The Dong-A Ilbo*. Diakses pada 6 Mac 2015 dari <http://english.donga.com>List/3/all/26/404492/1>

Japan, South Korea Suspend Currency Swap Deal. (8 Januari 2017). *Financial Tribune*. Diakses pada 30 Januari 2017 dari <https://financialtribune.com/articles/world-economy/57121/japan-s-korea-suspend-currency-swap-deal>

Japanese Interest in Senkaku and Takeshima Disputes Waning, Surveys Show. (28 Oktober 2017). *The Japan Times*. Diakses pada 1 Disember 2017 dari <https://www.japantimes.co.jp/news/2017/10/28/national/politics-diplomacy/japanese-less-interested-senkaku-islands-takeshima-islets-government-surveys-show/#.WruFntRubmU>

Japanese Textbooks Toe Government Line on Disputed Islands. (7 April 2015). *Nikkei Asian Review*. Diakses pada 16 Januari 2016 dari, <https://asia.nikkei.com/Politics-Economy/Policy-Politics/Japanese-textbooks-toe-government-line-on-disputed-islands>

Jessop, S. K. (10 November 2010). South Korea Sets Its Sights on Foreign Tourists. *The New York Times*. Diakses pada 7 Mac 2015 dari <http://www.nytimes.com/2010/11/11/business/global/11iht-sk-hotel.html?src=busln>

Jong, S. K. (19 Januari 2005). Korea Was Most Efficient in Utilizing Japanese Reparation. *The Dong-A Ilbo*. Diakses pada 7 Mac 2015 dari <http://english.donga.com/srv/service.php3?biid=2005012004148>

Jun, K., & Obe, M. (16 Februari 2015). Japan, South Korea to let Currency Swap Program Expire. *The Wall Street Journal*. Diakses pada 1 Jun 2015 dari <http://www.wsj.com/articles/japan-south-korea-to-let-currency-swap-program-expire-1424088419>

Jung, H. W. (29 Julai 2008). Why are the Dokdo islets so vital for Korea, Japan? *Korea Joongang Daily*. Diakses pada 3 Februari 2016 dari <http://koreajoongangdaily.joins.com/news/article/article.aspx?aid=2892904>

Jung, S. K. (27 Julai 2008). Dokdo to Become Inhabited Islets. *The Korea Times*. Diakses pada 7 Mac 2015 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2008/07/116_27873.html

Kanehara, A. (2011). Possible Practical Solution for the Dispute over Dokdo/Takeshima Islands from the Perspective of the Law of the Sea. In S. Lee, S & E. L. Hee (Eds). *Dokdo: Historical Appraisal and International Justice* (pp. 71-91). Boston: Martinus Nijhoff Publisher

Kaikobad, K. H. (2011). Problems of Contiguity, Natural Unity, and Ancient Original Title to Islands with Special Reference to Dokdo. In L. Seokwoo & L. Hee Eun (Eds), *Dokdo: Historical Appraisal and International Justice* (pp. 123-176). Boston: Martinus Nijhoff Publisher

Kamalakaran, A. (11 Jun 2015). Why Russia won't Cede Southern Kuril Islands to Japan. *Russian Insider*. Diakses pada 11 Disember 2018 dari <https://russia-insider.com/en/politics/why-russia-wont-cede-southern-kuril-islands-japan/ri7920>

Kang, D., & Bang, J. (2012). Japan-Korea Relations: Grappling on a Hillside? Comparative Connections. *A Triannual E-Journal on East Asian Bilateral Relations*, 14(2): 119-119. Diakses pada 27 Ogos 2015 dari <http://connection.ebscohost.com/c/articles/90538643/japan-korea-relations-grappling-hillside>

Kang, H. M. (1 Mac 2018). Moon's March 1 Address Pokes Sensitive Issues with Japan. *The Diplomat*. Diakses pada 1 Jun 2018 dari <https://thediplomat.com/2018/03/moons-march-1-address-pokes-sensitive-issues-with-japan/>

Katie Hunt, K. & Wakatsuki, K. (26 April 2018). Japan Objects to the Dessert South Korea is Serving Kim Jong Un. *CNN*. Diakses pada 20 Februari 2019 dari <https://edition.cnn.com/2018/04/25/asia/japan-south-korea-summit-dessert-map-intl/index.html>

Katsumata, H. (2006). Establishment of the ASEAN Regional Forum: Constructing a ‘Talking Shop’ or a ‘Norm Brewery’? *The Pacific Review*, 19(2): 181-198

Kaur, S. (15 Mei 2014). Meet in the Peace Park? How to Use Natural Resources for Peacebuilding. *The Guardian*. Diakses pada 16 November 2018 dari <https://www.theguardian.com/global-development-professionals-network/2014/may/15/environmental-conflict-natural-resources-peacebuilding>

KH 대지 틸 2. (19 Mei 2015). Japan Urged to Give Up Claims to Dokdo in Grand Bargain Solution to Improve Ties with Seoul. *The Korea Herald*. Diakses pada 3 November 2018 dari <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20150519000208>

Kim, B. K. (2006). *Ilbon Gunbu 'ui Dokdo ChimTalsa (The Plunder of Dokdo by the Japanese Military)*. Seoul: Dadamedia

Kim, G. P. (2017). Korea's Economic Relations with Japan. In Troy, S (Ed), *Korea's Economy Vol. 31* (pp. 23-30). USA: The Korea Economic Institute of America

Kim, H. M & Cho, J (2011). A New Approach to a Territorial Dispute Involving a Former Colonizer-Colony Pair: The Case of the Tokto/Takeshima Dispute between Korea and Japan. *Korea Observer*, 42(3): 431-459

Kim, H. N. (2009). The U.S. and the Territorial Dispute on Dokdo/Takeshima between Japan and Korea, 1945-1954. *International Journal of Korean Studies*, 13(2): 97-127

Kim, I. W. (21 September 2012). Tensions over Dokdo Lead to Increase in Visitors. *Hankyoreh*. Diakses pada 16 Jun 2015 dari http://www.hani.co.kr/arti/english_edition/e_national/552764.html

Kim, J. S. (16 April 2013). Ahn Yong Bok Told of Dokdo, Ulleungdo. *The Korea Times*. Diakses 10 April 2015 dari https://www.koreatimes.co.kr/www/nation/2017/05/139_134022.html

Kim, K. (23 April 2002). *ICE Case Studies: Korea-Japan Fish Dispute*. Diakses pada 14 Jun 2014 dari <http://mandalaprojects.com/ice/ice-cases/korea-japan-islands.htm>

Kim, K. S. (22 Mei 2013). Japanese Historians Say Dokdo is Korean Territory. *Hankyoreh*. Diakses pada 9 Disember 2018 dari http://english.hani.co.kr/arti/english_edition/e_international/588561.html

Kim, M. J. S. (2014). *Obligations and Aspirations: A Memoir of Growing Up in Korea and an Unexpected New Life in Canada*. Bloomington: iUniverse LLC

Kim, S. (2010). Understanding the Dokdo Issue: A Critical Review of the Liberalist Approach. *The Journal of East Asian Affairs*, 24(2): 1-27

Kim, Y. S. (2008). Dokdo and the Korea-Japan Normalization Talks: A study on the Treaty on Basic Relations' and the San Francisco Peace Treaty. *Korea Political Science Review*, 42(4). Diakses pada 11 Julai 2015 dari http://www.koreafocus.or.kr/design2/layout/content_print.asp?group_id=102397

Kim, S & Zhang, C. I. (2016). Fish and Fisheries. In Chang Ik. Z, Chul. P, Kang, D. J, Se Jong, J. Sang Hoon, L. & M. Wimbush (Eds), *Oceanography of the East Sea (Japan Sea)* (pp. 327-246). Switzerland: Springer

Kim, S. K. (2017). *Maritime Disputes in Northeast Asia: Regional Challenges and Cooperation*. Leiden: Brill Nijhoff

Kim, S. Y. (2009). Unfair Treaty with Japan Drives Ahn to Kill Ito. *The Korea Times*. Diakses pada 13 Februari 2015 dari <https://www.koreatimes.co.kr/www/common/printpreview.asp?categoryCode=192&newsIdx=49688>

Kirk, D. (14 Ogos 2001). Koreans Slice Their Fingers in Anti-Japan Rite. *The New York Times*. Diakses pada 4 April 2015 dari <http://www.nytimes.com/2001/08/14/world/koreans-slice-their-fingers-in-anti-japan-rite.html>

Koh, T. (10 Jun 2015). The Asian Way to Settle Disputes. *The Straits Times*. Diakses pada 1 Disember 2018 dari <https://www.straitstimes.com/opinion/the-asian-way-to-settle-disputes>

Ko, S. (1972). South Korean-Japanese Relations since the 1965 Normalization Pacts. *Mod. Asian Stud. Modern Asian Studies*, 6(1): 49-61

Koo, M. G. (2009). *Island Disputes and Maritime Regime Building in East Asia: Between a Rock and a Hard Place*. England: Springer

Korea on Alert over Currency Swap Deal with China. (13 Mac 2017). *The Korea Herald*. Diakses pada 16 Jun 2017 dari <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20170313000894>

Korean American Flash Mobs Celebrate Dokdo Day in NorCal. (26 Oktober 2015). *The Korea Times*. Diakses pada 27 Oktober 2017 dari, <http://www.koreatimesus.com/korean-american-flash-mobs-celebrate-dokdo-day-in-norcal/>

Korean Celebrities Denied Entry to Japan. (12 November 2014). *The Dong-A Ilbo*. Diakses pada 19 Mac 2015 dari <http://english.donga.com>List/3/all/26/409483/1>

Koreans Pick Japan as Second-Biggest Military Threat. (10 Julai 2014). *The Yonhap News*. Diakses pada 10 Oktober 2014 dari <http://english.yonhapnews.co.kr/national/2014/07/10/66/030100000AEN20140720140710008F.html>

Kozisek, D. (2016). Us and them: Constructing South Korean National Identity through the Liancourt Rocks Dispute. *Culture Mandala: The Bulletin of the Centre for East-West Cultural and Economic Studies*, 12(1): 1-18. Diakses pada 22 Jun 2017 dari <http://www.international-relations.com/CM2016/1-South-Korean-Identity.pdf>

Kuchikomi. (16 Julai 2013). South Korea's Travel Industry Smarting from Sharp Drop-Off of Japanese Visitors. *JapanToday*. Diakses 10 April 2015 dari <http://www.japantoday.com/category/kuchikomi/view/s-koreas-travel-industry-smarting-from-sharp-drop-off-of-japanese-visitors>

Kwiatkowska, B. & Soons, A.H.A. (1990). Entitlement to Maritime Areas of Rocks Which Cannot Sustain Human Habitation or Economic Life of Their Own. *Netherlands Yearbook of International Law*, 21: 139-181

Kyodo. (26 Disember 2014). Interest in Japan-South Korea Isle Dispute on Wane in Japan: Poll. *The Japan Times*. Diakses pada 25 November 2017 dari <https://www.japantimes.co.jp/news/2014/12/26/national/poll-shows-public-interest-takeshima-issue-dipping-japan/#.XFcHKVwzZnI>

Kyodo. (28 ogos 2016). Japan, South Korea to Resume Currency Swap Deal. *The Japan Times*. Diakses pada 27 November 2017 dari <https://www.japantimes.co.jp/news/2016/08/28/business/japan-and-south-korea-to-resume-currency-swap-deal/#.XGrHaegzZnI>

Kyung, M. H. (2017). *A History of Korea: An Episodic Narrative* (2nd Ed.). New York: Palgrave Macmillan

Larsen, K. (6 Ogos 2006). *Visions and Versions of Korean Nationalism and The Rok's Relations with Its Neighbors*. Kertas dibentangkan di U.S.-Korea Relations in the 21st Century Challenges and Prospects. Washington, D.C.

Lee, C. H. (2017). Legal and Politics Aspect of the Dokdo Issue: Interrelationship between International Law and International Relations. In B. Courtmont and F. Lasserre (Eds.), *Assessing Maritime Disputes in East Asia: Political and Legal Perspectives* (pp. 54-70). London: Routledge

Lee, H. N. (23 Februari 2013). Dokdo is our Territory, Right? Gachon Herald. Diakses pada 19 Februari 2019 dari
<http://www.gachonherald.com/news/articleView.html?idxno=144>

Lee, J. H. (4 April 2010). [NEWS ANALYSIS] Making Dokdo More 'Habitable'? *The Korea Herald*. Diakses pada 11 Mei 2015 dari
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=200807220033>

Lee, S. (2002). The Resolution of the Territorial Dispute between Korea and Japan over Liancourt Rocks. *Boundary Territory Briefing*, 3(8): 1-41

Lee, S. (2011). Territorial Disputes in East Asia, the San Francisco Peace Treaty of 1951, and the Legacy of U.S. Security Interests in East Asia. In Lee, S., and Lee, H. E. (Eds), *Dokdo: Historical Appraisal and International Justice* (pp. 41-70). Boston: Martinus Nijhoff Publisher

Lee, S. T. (2005). Dokdo Is Korean Territory. *The Asia-Pacific Journal*, 3 (7): 1-8. Diakses pada 14 Februari 2015 dari
<https://apjjf.org/-Lee-Sang-tae/1728/article.pdf>

Lee, S. W. (Ed.). (2010). *The Bank of Korea: A Sixty-Year History Vol. 1*. Republic of Korea: Bank of Korea

Lee, T. H. (31 Oktober 2012). 200,000th Visitor to Korea's Easternmost Islets of Dokdo. *The Korea Times*. Diakses pada 28 April 2015 dari
http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2016/02/251_123599.html

Lee, W. Y. (22 April 2013). Sharp Drop in Japanese Visitors Spells Trouble for Tourism Sector. *The Korea Herald*. Diakses pada 19 September 2014 dari
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20130422000772>

Lindley, M. F. (1926). *The Acquisition and Government of Backward Territory in International Law*. London: Longmans

Lim, S. Y., Jin, S. J., & Yoo, S. H. (2017). The Economic Benefits of the Dokdo Seal Restoration Project in Korea: A Contingent Valuation Study. *Sustainability*, 9 (6): 1-15. Diakses pada 16 April 2018 dari

https://res.mdpi.com/sustainability/sustainability-09-00968/article_deploy/sustainability-09-00968-v2.pdf?filename=&attachment=1

List of Antique Maps Relating to Korea. (n.d). *Paulus Swaen*. Diakses pada 16 Januari 2016 dari <http://www.swaen.com/seoul-maps.php>

Lohschelder, S. (30 Jun 2016). Why Russia and Japan Can't Solve the Kuril Islands Dispute. *The Diplomat*. Diakses pada 3 Oktober 2018 dari <https://thediplomat.com/2016/06/why-russia-and-japan-cant-solve-the-kuril-islands-dispute/>

Lovmo, M. S (2004). The United States' Involvement with Dokdo Island (Liancourt Rocks): A Timeline of the Occupation and Korean War Era. Diakses pada 17 September 2016 dari <http://dokdo-research.com/page9.html>

Lovmo, M. S. (2004). Why the Koreans will not go to the ICJ over Dokdo. Diakses pada 1 Julai 2014 dari <http://dokdo-research.com/page10.html>

Maiese, M. (Oktober 2003). Causes of Disputes and Conflicts. Diakses pada 15 Mac 2015 dari <http://www.beyondintractability.org/essay/underlying-causes>

Malanczuk, P. (Ed). (1997). *Akehurst's Modern Introduction to International Law* (7th Ed). New York. Routledge

Masahiro, M. (30 Januari 2015). The "Critical Date" of the Takeshima Dispute. *Review of Island Studies*, 1-20. Diakses pada 11 November 2018 dari <https://www.spf.org/islandstudies/transfer/research/docs/a00016PDF.pdf>

McCurry, J. (18 Ogos 2010). Rocky relations between Japan and South Korea over Disputed Islands. *The Guardian*. Diakses pada 10 April 2015 dari <https://www.theguardian.com/world/2010/aug/18/japan-south-korea-disputed-islands>

McCurry, J. (10 November 2017). Japan Anger over South Korea's Shrimp Surprise for Donald Trump. *The Guardian*. Diakses pada 19 Februari 2019 dari <https://www.theguardian.com/world/2017/nov/10/japan-anger-south-koreas-shrimp-surprise-menu-donald-trump-sex-slave>

McLannahan, B. (8 Oktober 2012). Japan and South Korea Cut Currency Swap. *Financial Times*. Diakses pada 15 Januari 2015 dari <https://www.ft.com/content/1c87b6a4-11d4-11e2-bbfd-00144feabdc0>

Mediation Explained. (n.d). Diakses pada 13 Oktober 2018 dari <http://ama.asn.au/what-is-mediation/>

Meenakshi Viswanathan. (11 Jun 2015). Senkaku/Daiyu Islands: Significance, Challenges and Opportunities. *International Strategic and Security Studies Programme*. Diakses pada 11 Disember 2018 dari <http://isssp.in/senkakudaiyou-islands-significance-challenges-and-opportunities/>

Medzini, A. (2017). The Role of Geographical Maps in Territorial Disputes between Japan and Korea. *European Journal of Geography*, 8(1): 44-60. Diakses pada 20 Mei 2017 dari <http://www.eurogeographyjournal.eu/articles/3.The%20role%20of%20geographic%20maps%20in%20territorial%20disputes%20between%20Japan%20and%20Korea.pdf>

Methane Hydrate May Ignite New Energy War in Asia (2 Mei 2014). *Business Korea*. Diakses pada 10 April 2015 dari <http://www.businesskorea.co.kr/english/news/industry/4389-dream-energy-source-methane-hydrate-may-ignite-new-energy-war-asia>

Milford, F. (2011). *Rethinking Japanese Public Opinion and Security: From Pacifism to Realism?* California: Stanford University Press

Miller, J. B. (14 Ogos 2012). Lee's Dokdo Visit Sinks Hopes for South Korea-Japan Détente. *World Politics Review*. Diakses pada 14 2014 dari <http://www.worldpoliticsreview.com/articles/12258/lees-dokdo-visit-sinks-hopes-for-south-korea-japan-detente>

Miller, J. B. (13 Mei 2014). The ICJ and the Dokdo/Takeshima Dispute. *The Diplomat*. Diakses pada 14 Julai 2014 dari <http://thediplomat.com/2014/05/the-icj-and-the-dokdotakeshima-dispute/>

Min, B. I. (n.d). Japan Eyes Visa Waiver for South Koreans. *The Seoul Times*. Diakses pada 12 Mei 2015 dari <http://theseoultimes.com/ST/?url=/ST/db/read.php?idx>

Molomo, K. (22 Ogos 2018). 25 of The Most Visited Countries in the World (Tourists Can't Get Enough). *The Travel*. Diakses pada 16 Disember 2018 dari <https://www.thetravel.com/25-of-the-most-visited-countries-in-the-world-tourists-cant-get-enough/>

National Geographic Information Institute. (2013). *The Geography of Dokdo*. Gyeonggi-do, Seoul: Im joobin

Nault, A. (7 Mei 2013). Travel Agencies Need Help of South Korean Government. *Tourism Review*. Diakses pada 13 April 2015 dari <https://www.tourism-review.com/travel-tourism-magazine-south-korean-tourism-drops-due-to-political-tensions-article2130>

NGO Launches Global Campaign on South Korean Ownership of Dokdo. (17 Mac 2017). *Yonhap News Agency*. Diakses pada 28 Januari 2018, dari <https://en.yna.co.kr/view/AEN20170331009200315>

Norimitsu, O. (22 Mac 2002). Dispute Over Islets Frays Ties Between Tokyo and Seoul. *The New York Times*. Diakses pada 9 Januari 2016 dari <https://www.nytimes.com/2005/03/22/world/asia/dispute-over-islets-frays-ties-between-tokyo-and-seoul.html>

Northeast Asian History Network. (n.d.). *Dokdo's Future*. Diakses pada 9 April 2015 dari http://contents.nahf.or.kr/english/item/level.do?levelId=eddok_003e_0040_0010

Northeast Asian History Network. (n.d.). *Dokdo in Maps*. Diakses pada 14 Mei 2015 dari http://contents.nahf.or.kr/english/item/level.do?levelId=eddok_003e_0020_0030

Northeast Asia History Network. (n.d.). *Dokdo is Korean Territory*. Diakses pada 17 Ogos 2015 dari http://contents.nahf.or.kr/english/item/level.do?levelId=isdk_001e_0020_0010

Northeast Asia History Network. (n.d.). *Dokdo Location in the East Sea*. Diakses pada 15 ogos 2015 dari http://contents.nahf.or.kr/english/item/level.do?levelId=eddok_003e_0010_0010

Northeast Asia History Network. (n.d). *Ten Truths about Dokdo Not Known in Japan*. Diakses pada 17 mac 2015 dari http://contents.nahf.or.kr/english/item/level.do?levelId=isdt_001e_0040#self

Northeast Asia History Network. (n.d). *The History of Dokdo*. Diakses pada 11 Jun 2018 dari http://contents.nahf.or.kr/english/item/level.do?levelId=isjd_001e_0010

North Korean Students Taught Dokdo is Sacred Territory of Korea: Study. (22 Februari 2016). *The Korea Times*. Diakses pada 21 April 2016 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/nation/2018/10/103_198614.html

Notaras, M. (26 Julai 2010). Building Peace Through Environmental Conservation. *Our World*. Diakses pada 11 November 2018 dari <https://ourworld.unu.edu/en/building-peace-through-environmental-conservation>

O' Shea, P. (2015). How Economic, Strategic, and Domestic Factors Shape Patterns of Conflict and Cooperation in the East China Sea Dispute. *Asian Survey*, 55(3): 548-571

Obieta, J. A. (1970). The International Status of the Suez Canal. The Hague: M. Nijhoff

Oda, S. (1967). The Normalization of Relations between Japan and the Republic of Korea. *The American Journal of International Law*, 61(1): 35-66

Oi, M. (10 Ogos 2012). South Korea's Lee Myung Bak Visits Disputed Islands. *BBC*. Diakses pada 24 Jun 2014 dari <http://www.bbc.com/news/world-asia-19204852>

Okonkwo, T. (2017). Maritime Boundaries Delimitation and Dispute Resolution in Africa. *Beijing Law Review*, 8(1): 55-78

Otsuma, M. (17 Ogos 2012). Japan-South Korea Currency-Swap Deal Put at Risk by Island Squabble. *Bloomberg*. Diakses pada 20 Julai 2015 dari <http://www.bloomberg.com/news/articles/2012-08-17/japan-s-korea-currency-swap-deal-put-at-risk-by-island-squabble>

Pak, C. Y. (1988). *The Korean Straits* (G. J. Mangone, Ed). Leiden: Martinus Nijhoff

Pak, K. (2007). *Promoting Peace and Human Rights on the Korean Peninsula*. Seoul: Ewha Woman University Press

Palmer, B., & Whitefleet-Smith, L. (2016). Assimilating Tokto: The Islets in Korean Everyday Life. *ASIA Network Exchange*, 23(1): 9-29

Panda, A. (4 April 2014). Dokdo-Takeshima Row Reignites over New Japanese Textbooks. *The Diplomat*. Diakses pada 1 September 2014 dari <http://thediplomat.com/2014/04/dokdo-takeshima-row-reignites-over-new-japanese-textbooks/>

Panda, A. (2 Mei 2014). No, the US Won't Back South Korea Against Japan on Dokdo. *The Diplomat*. Diakses pada 11 Jun 2015 daripada, <https://thediplomat.com/2014/05/no-the-us-wont-back-south-korea-against-japan-on-dokdo/>

Park, B. (2005). Russia's Policy towards Korea during the Russo-Japanese War. *International Journal of Korean History*, 7: 29-53

Park, C. S. (12 Ogos 2013). Japan's Dokdo Claim Carries No Legal Validity. *The Korea Times*. Diakses pada 15 Mac 2015 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2014/09/180_140982.html

Park, D. J., & Chubb, D. (17 Ogos 2011). South Korea and Japan: Disputes over the Dokdo/Takeshima islands. *East Asia Forum*. Diakses pada 26 ogos 2014 dari <http://www.eastasiaforum.org/2011/08/17/south-korea-and-japan-disputes-over-the-dokdotakeshima-islands/>

Park, H., & The Korea Herald (Eds.). (2009). *Insight into Dokdo: Historical, Political and Legal Perspectives on Korea's Sovereignty Vol. 8*. Paju: Jimoondang

Park, H. (12 Ogos 2012). Olympic Footballer Qualified for Military Exemption Without Medal: Official. *The Korea Herald*. Diakses pada 16 Ogos 2015 dari, <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20120824000765>

Paul, H., Mitchell, S. M., Sowers II, T.E. & Thyne, C. L. (2008). Bones of Contention: Comparing Territorial, Maritime, and River Issues. *Journal of Conflict Resolution*, 52 (1): 117-143

Park, H. K. (2000). *The Law of the Sea and Northeast Asia: A Challenge for Cooperation*. The Hague: Kluwer Law International

Park, S. S. (9 Oktober 2010). Typhoon Dianmu to hit Korea. *The Korea Times*. Diakses pada 16 Jun 2015 dari
http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2010/08/113_71154.html

Park, S. S. (15 Januari 2015). Fisherman Pays Tax on Income Made on Dokdo. *The Korea Times*. Diakses pada 16 April 2018 dari
http://www.koreatimes.co.kr/www/news/people/2016/09/178_171796.html

Pedrozo, R. (6 Februari 2018). International Law and Japan's Territorial Disputes. *Review of Island Studies*. Diakses pada 5 Oktober 2018 dari
<https://www.spf.org/islandstudies/research/a00018r.html>

Platzer, M. (2005). Reflections on a Forgotten Secretary-General. *Culture Mandala: The Bulletin of the Centre for East-West Cultural and Economic Studies*, 7(1): 51-54. Diakses pada 7 Disember 2018 dari,
<https://epublications.bond.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=1108&context=cm>

Police Officer Missing While on Duty on Dokdo. (12 Disember 2009). *The Korea Times*. Diakses pada 8 April 2016 dari
http://m.koreatimes.co.kr/phone/news/view.jsp?req_newsidx=38486

Prime Minister Visits Dokdo to Reassert Korea's Sovereignty. (30 Julai 2008). *Hankyoreh*. Diakses pada 22 April 2016 dari
http://www.hani.co.kr/arti/english_edition/e_national/301508.html

Reynolds, I. (17 Februari 2015). How two Small Rocks Stop Japan and South Korea from Getting Along. *The Japan Times*. Diakses pada 30 Mac 2015 dari
<https://www.japantimes.co.jp/news/2015/02/17/national/politics-diplomacy/how-two-small-rocks-stop-japan-and-south-korea-from-getting-along/#.XGhPllwzZnI>

Rodgers, J. M. (5 September 2011). The Korea-Japan Island Dispute: Dokdo or Takeshima? *Three Wise Monkeys*. Diakses pada 10 Februari 2015 dari
<http://thethreewisemonkeys.com/2011/09/05/the-korea-japan-island-dispute-dokdo-or-takeshima/>

Ryu, B. J., & Riedel, M. (2017). Gas hydrates in the Ulleung Basin, East Sea of Korea. *Terrestrial Atmospheric and Oceanic Sciences*, 28(6): 943-963

Ryu, N. R. (7 November 2018). Dokdo, a Beautiful Korean Island. *The Postech Times*. Diakses pada 1 Disember 2018 dari <http://times.postech.ac.kr/news/articleView.html?idxno=20426>

Sankei Shimbun, Editorial Board. (28 Februari 2018). Make Takeshima Day a National Commemoration. *Japan Forward*. Diakses pada 1 Mac 2018 daripada, <https://japan-forward.com/editorial-make-takeshima-day-a-national-commemoration/>

Santiago Canyon College. (n.d). *Identifying Primary and Secondary Resources*. Diakses pada 13 Januari 2017 dari <https://sccollege.edu/Library/Pages/primarysources.aspx>

Schmid, A. (1997). Rediscovering Manchuria: Sin Ch'ae-ho and the Politics of Territorial History in Korea. *Journal of Asian Studies*, 56(1): 26-46

Schmid, A. (2002). *Korea Between Empires, 1895-1919*. New York: Colombia University Press

Schostak, J. F. (2002). *Understanding, Designing, and Conducting Qualitative Research in Education: Framing the Project*. Buckingham: Open University Press

Selden, M. (2011). Small Islets, Enduring Conflict: Dokdo, Korea-Japan Colonial Legacy and the United States. *The Asia-Pacific Journal*, 9(17): 1-15. Diakses pada 16 Januari 2017 dari <https://apjjf.org/-Mark-Selden/3520/article.pdf>

Seoul, Tokyo Show Signs of Easing Diplomatic Tension over Dokdo. (3 September 2012). *The Korea Times*. Diakses pada 16 Februari 2015 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2012/09/120_118925.html

Ser, M. J. (16 Ogos 2011). President Strikes a Sharp Tone on Japan. *Korea Joongang Daily*. Diakses pada 11 Februari 2015 dari <http://koreajoongangdaily.joins.com/news/article/article.aspx?aid=2940260>

Ser, M. J. (10 Ogos 2012). Lee Myung-bak Makes Historic Visit to Dokdo. *Korea Joongang Daily*. Diakses pada 9 Disember 2018 dari <http://koreajoongangdaily.joins.com/news/article/article.aspx?aid=2957713>

Sharp Decrease in Japanese Tourism to South Korea Seen Amidst Pyongyang Threats. (2014). *Japan Daily Press*. Diakses pada 15 Ogos 2014 dari <http://japandailypress.com/sharp-decrease-in-japanese-tourism-to-south-korea-seen-amidst-pyongyang-threats-1727169/>

Shin, G. W., Freda, J., & Yi, G. (1999). The Politics of Ethnic Nationalism in Divided Korea. *Nations and Nationalism*, 5(4): 46- 484

Shin, H. H. (25 November 2011). Korea to Build Facilities on Dokdo. *The Korea Herald*. Diakses pada 18 Mei 2015 dari <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20111125000647>

Shin, H. H. (17 Januari 2014). [Weekender] Dokdo's Promising Resources, Ecology. *The Korea Herald*. Diakses pada 26 Ogos 2014 dari <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20140117000879>

Shin, M. H. (25 Oktober 2012). Why We Refuse to Seek Legal Recourse on Dokdo. *The Korea Times*. Diakses pada 11 Februari 2015 dari http://www.koreatimes.co.kr/www/news/opinon/2012/10/137_123138.html

Siripala, T. (7 Februari 2018). Dokdo or Takeshima? Japan and South Korea Reopen Territorial Row Ahead of Olympic Games. *The Diplomat*. Diakses pada 4 April 2018 dari <https://thediplomat.com/2018/02/dokdo-or-takeshima-japan-and-south-korea-reopen-territorial-row-ahead-of-olympic-games/>

Smith, A. D. (1991). *National Identity*. London: Penguin

Sohn, Y.K. (1994). Geology and Formation of Dokdo Island. *Journal of the Geological Society of Korea*, 30(3): 42-261

Song, B. K. (n.d). The Declaration of Ulleungdo and Usando (Dokdo) As Foreign Possessions by Japanese Dajokan minister. Diakses pada 13 Mei 2018 dari <http://www.dokdohistory.com/eng/gnb02/sub06.do?mode=view&page=&cid=47358>

Song, G. W. (2013). DMZ International Peace Park': Significance and Promotion Strategy. *Korea Focus*. Diakses pada 1 Julai 2017 dari http://www.koreafocus.or.kr/design2/layout/content_print.asp?group_id=104956

Song, J. A., & Matsutani, M. (7 Mei 2013). Japan's Tourists Stay Away from South Korea. *Financial Times*. Diakses pada 7 Julai 2017 dari <https://www.ft.com/content/073ff6ea-ae59-11e2-bdfd-00144feabdc0>

Song, Y. H. (2013). Article 121 (3) of the Law of the Sea Convention and the Disputed Offshore Islands in East Asia: A Tribute to Judge Choon Ho Park. Jon, M. D, Sherry, P. B, Seokwoo, L & Jin Hyun, P. (Eds), In *Governing Ocean Resources: New Challenges and Emerging Regimes: A Tribute to Judge Choon Ho Park* (pp. 61-91). Leiden: Martinus Nijhoff Publisher

South Korea: Trade Statistic. (2017). *GlobalEdge*. Diakses pada 23 November 2018 dari <https://globaledge.msu.edu/countries/south-korea/tradestats>

South Korea, U.S., and Japan join against North Korea threat (16 Mei 2016). *CBSNews*. Diakses pada 1 Jun 2016 dari <http://www.cbsnews.com/news/south-korea-us-japan-join-against-north-korea-threat/>

South Korea Condemns Updated Japanese Textbooks That Identify Disputed Islets as Part of its Territory. (18 Mac 2016). *The Straits Times*. Diakses pada 16 Februari 2015 dari <https://www.straitstimes.com/asia/east-asia/south-korea-condemns-updated-japanese-textbooks-that-identify-disputed-islets-as-part>

South Korea to Build Maritime Science Base off Dokdo. (4 April 2011). *Yonhap News Agency*. Diakses pada 10 April 2016 dari <https://en.yna.co.kr/view/AEN20110404008400315>

South Korea to Recall Japan Envoy. (14 Julai 2008). *BBC*. Diakses pada 4 April 2015 dari <http://news.bbc.co.uk/2/hi/asia-pacific/7504933.stm>

South Korea May Boost Energy Efforts in Disputed Area. (1 Ogos 2008). *Reuters*. Diakses pada 1 Jun 2015 dari <https://www.reuters.com/article/korea-japan-islands/s-korea-may-boost-energy-efforts-in-disputed-area-idUSSEO9213520080801>

South Koreans Start 144 Miles Swim to Disputed Islands. (13 Ogos 2012). *The Telegraph*. Diakses pada 4 April 2015 dari, <https://www.telegraph.co.uk/news/worldnews/asia/southkorea/9471729/South-Koreans-start-144-mile-swim-to-disputed-islands.html>

Spandler, K. (2012). The Dokdo/Takeshima Dispute-Power, Institutions, And Identities in East Asia's 'Other' Territorial Conflict. *Young Initiative on Foreign Affairs and International Relations* (IFAIR). Diakses pada 1 Januari 2018 dari <http://ifair.eu/the-dokdotakeshima-dispute-power-institutions-and-identities-in-east-asias-other-territorial-conflict/>

Stake, R. E. (2010). *Qualitative Research: Studying How Things Work*. New York: The Guilford Press

Strother, J. (10 Ogos 2012). Why Japan is Angry over South Korea's Visit to an Island. *The Christian Science Monitor*. Diakses pada 13 Januari 2015 dari <https://www.csmonitor.com/World/Asia-Pacific/2012/0810/Why-Japan-is-angry-over-South-Korea-s-visit-to-an-island>

Sudhakar Vaddi. (2016). Dokdo/ Takeshima Territorial Dispute between South Korea and Japan: Implications to East Asian Region. *International Journal of Multidisciplinary Advanced Research Trends*, 1(3): 138-145. Diakses pada 16 Jun 2018 dari <http://www.ijmart.in/PreviousIssues/June%202016/19.pdf>

Sumio, H. (2018). History and the State in Postwar Japan. *The Asia-Pacific Journal*. 16(9): 1-24. Diakses pada 16 Ogos 2018 dari <https://apjjf.org/-Christopher-W--A-Szpilman--Sven-Saaler--Hatano-Sumio/5140/article.pdf>

Symmons, C.R. (1979). *The Maritime Zones in International Law*. Leiden: Martinus Nijhoff.

Takeshi, Y. (2012). The Roles of Regional Security Institutions in the Era of Power Shift: The Implications for Japan-China Relations. *The Tokyo Foundation for Policy Research*. Diakses pada 14 Julai 2014 dari <http://www.tokyofoundation.org/en/topics/japan-china-next-generation-dialogue/roles-of-regional-security-institutions>

Tsukamoto, T. (Mac 2015). *An Outline of the Territorial Dispute over Takeshima**. Diakses pada 3 Julai 2017 dari https://www2.jiia.or.jp/en/pdf/digital_library/Tsukamoto_takeshima.pdf

Takita, Y. (2015). Chilly Japan-South Korea Relations: Tokyo, Seoul End 14-Years Currency Swap Program amid Chilled Ties. *Nikkei Asian Review*. Diakses pada 11 Jun 2015 dari

<http://asia.nikkei.com/Politics-Economy/International-Relations/Tokyo-Seoul-end-14-year-currency-swap-program-amid-chilled-ties>

Teachinghistory. (n.d). *Primary Sources: What Are They?* Diakses pada 12 Januari 2017 dari <https://teachinghistory.org/best-practices/using-primary-sources/19079>

The Berlin Conference of 1884-85 (The General Act of the Berlin Conference) (26 Februari 2014). *OriginalPeoples*. Diakses pada 16 November 2018 dari <http://originalpeople.org/berlin-conference-1884-85/>

The Carter Center. (Mei 2010). Approaches to Solving Territorial Conflict: Sources, Situations, Scenarios, and Suggestions. *Carter center*. Diakses pada 15 Jun 2015 dari https://www.cartercenter.org/resources/pdfs/news/peace_publications/conflict_resolution/solving_territorial_conflicts.pdf

The Genron NPO & East Asia Institute (2018). The 6th Japan-South Korea Joint Public Opinion Poll (2018). *Analysis Report on Comparative Data*. Diakses pada 11 Disember 2018 dari <http://www.genron-npo.net/en/archives/181011.pdf>

The Historical Scars of Japanese Imperialism Still Haunt the Korean Island. (2017). Seoul. Northeast Asia History Foundation

Tong, L. (23 Disember 2016). The ASEAN Crisis, Part 3: What Should ASEAN Do About the South China Sea Dispute? *The Diplomat*. Diakses pada 26 Disember 2018 dari <https://thediplomat.com/2016/12/the-asean-crisis-part-3-what-should-asean-do-about-the-south-china-sea-dispute/>

Tourism & More. (Jun 2010). *Tourism is Export*. Diakses pada 13 Februari 2015 dari <http://www.tourismandmore.com/tidbits/tourism-is-export/>

Triandafyllidou, A. (1998). National Identity and the 'Other'. *Ethnic and Racial Studies*, 21(4): 593-612. Diakses pada 12 Februari 2016 dari https://is.muni.cz/el/1423/podzim2005/SOC765/um/870949/National_identity_and_the_other_Anna_T.pdf

- Tristam, P. (26 Januari 2019). Text of 1949 UN Resolution Calling for Referendum on Kashmir. *Thoughtco*. Diakses pada 1 Februari 2019 dari <https://www.thoughtco.com/un-resolution-referendum-on-kashmir-2353455>
- Tu, S. (2013). *Faces of the Enemy: The Enemy-Construction of China, Japan and South Korea*. Diakses pada 4 Oktober 2018 dari <http://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:634845/FULLTEXT01.pdf>
- Valencia, M. J. (11 Mei 2006). Japan and Korea: Between a Legal Rock and a Hard Place. *Nautilus Institute*. Diakses pada 13 Februari 2016 dari <http://nautilus.org/napsnet/napsnet-policy-forum/japan-and-korea-between-a-legal-rock-and-a-hard-place/>
- Ueki, C. K. (2011). Prospects for Regional Security Cooperation in East Asia. *Journal of Asia-Pacific Studies*, 16, 45-58
- Van Dyke, J. M. & Bennet, D. L. (993). Islands and the Delimitation of Ocean Space in the South China Sea. *Ocean Yearbook*, 10(1): 54-89
- Van Dyke, J.M. & Brooks, R.A. (1983). Uninhabited Islands: Their Impact on the Ownership of the Ocean's Researches. *Ocean Development & International Law*, 12, 265-300
- Vasquez, J. A., & Valeriano, B. (2009). Territory as a Source of Conflict and Road to Peace. In J. Bercovitch, V. Krementzuk & I. W. Zartman (Eds.), *The SAGE Handbook of Conflict Resolution* (pp 193-209). London: Sage Publication
- Views of China and India slide while UK's Ratings Climb: Global Poll. (22 Mei 2013). *Globescan*. Diakses pada 13 Jun 2014 dari http://www.globescan.com/images/images/pressreleases/bbc2013_country_ratings/2013_country_rating_poll_bbc_globescan.pdf
- Webeck, E., & Matsubae, K. (2018). Phosphorus Flows in Asia. In H. Ohtake and S. Tsuneda (Eds), *Phosphorus Recovery and Recycling* (pp. 29-44). Singapore: Springer
- Welch, A. D. (20 October 2014). How to Fix Japan-Korea Relations. *Asia Dialogue*. Diakses pada 11 Disember 2018 dari <http://theasiadialogue.com/2014/10/20/how-to-fix-japan-korea-relations/>

Wheeler-Bennet, J. and Nicholls, A. (1972). *The Semblance of Peace: The Political Settlement after the Second World War*. New York: St. Martin's Press

Wiegand, K. E. (2011). *Enduring Territorial Disputes: Strategies of Bargaining, Coercive Diplomacy and Settlement*. Athens: University of Georgia Press.

Wiegand, K. E. (2015). The South Korean-Japanese Security Relationship and The Dokdo/Takeshima Islets Dispute. *The Pacific Review*, 28(3): 347-366

Will U.S. Back Korea over Dokdo? (1 Mei 2014). *The Korea Herald*. Diakses pada 11 Jun 2015 daripada, <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20140501000762>

Winichakul, T. (1994). *Siam Mapped: A History of the Geo-body of a Nation*. Honolulu. Hawaii University Press

Winichakul, T. (1996). Maps and the Formation of the Geo-body of Siam. In S. Tonnesson, H. Antlov (Eds). *Asian Forms of the Nation* (pp. 67-92). Richmond: Curzon

What is Mediation? (n.d.). *Findlaw*. Diakses pada 13 Oktober 2015 dari, <http://adr.findlaw.com/mediation/what-is-mediation-.html>

Whitmore, C. C. (1896). The Doctrine of the Acquisition of Territory by Occupation in International Law. Historical *Theses and Dissertations Collection*. Diakses pada 16 Oktober 2017 dari
https://scholarship.law.cornell.edu/cgi/viewcontent.cgi?referer=https://www.google.com/&httpsredir=1&article=1335&context=historical_theses

World and Tourism Council. (2017). Travel and Tourism Economic Impact 2017World. Diakses pada 16 Jun 2018 dari <https://www.wttc.org/-/media/files/reports/economic-impact-research/regions 2017/world2017.pdf>

Yamakage, S. (2017). Evolving ASEAN and Changing Roles of the TAC. In A. Baviera and Maramis, L. (Eds). *Building ASEAN Community: Political-Security and Socio-Cultural Reflections Vol. 4* (pp. 39-47). Jakarta: Economic Research Institute for ASEAN and East Asia

Yokokawa, A. (2015). Takeshima. The Japan Institute of International Affairs.

Diakses pada 23 Januari 2016 dari
https://www2.jiia.or.jp/en/pdf/digital_library/Yokokawa_takeshima.pdf

Yokota, T. (9 Mac 2012). Why Japan and South Korea Are Feuding over a Cluster of Rocks. *Newsweek*. Diakses pada 11 Julai 2014 dari
<http://www.newsweek.com/why-japan-and-south-korea-are-feuding-over-cluster-rocks-64765>

Yonhap. (17 Februari 2010). Country to Drill for Gas in East Sea. *Korea Joongang Daily*. Diakses pada 18 April 2015 dari
<http://koreajoongangdaily.joins.com/news/article/article.aspx?aid=2916694>

Yonhap. (5 April 2018). Korea to Decide Fate of Fisheries Agreement with Japan by April. *The Korea Herald*. Diakses pada 16 April 2018 dari
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20180405000380>

Yonhap. (10 Julai 2018). Koreas Want to Use Flag Showing Dokdo during 2018 Asian Games. *The Korea Herald*. Diakses pada 13 Februari 2019 dari
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20180710000591>

Zhang, T. (2012). Disputes over Territories and Maritime Rights and Interests: Their Political Economics Implication. In A. Goldstein and E. D. Mansfield (Eds). *The Nexus of Economics, Security and International Relations in Asia* (pp. 120-143). California: Stanford University Press

Zeck, Z. (1 April 2014). The New (and Dangerous) Normal in Korea. *The Diplomat*. Diakses pada 16 Jun 2015 dari <https://thediplomat.com/2014/04/the-new-and-dangerous-normal-in-korea/>